



Journal of Technical and Social Sciences
19th Edition

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial

Edisi 19, November 2023

e-ISSN 2289 7356

Diterbitkan oleh: Politeknik Nilai Negeri Sembilan
Published by: Nilai Polytechnic Negeri Sembilan



Artikel/ Articles	Mukasurat/ Pages
KERELEVANAN OBJEKTIF KURSUS MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) PENGAJIAN ISLAM POLITEKNIK DENGAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM Mohd Khairul Naim Sameri ^{1a} , Siti Suzana Mohd Saad ^{2b} & Alias Mat Saad ^{3c} Politeknik Premier Ibrahim Sultan Johor, Malaysia ^a , Sekolah Kebangsaan Kopok Pasir Gudang Johor, Malaysia ^b & Politeknik Port Dickson, Malaysia ^c	1-7
TAHAP LITERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNKASI (ICT) DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH Tan Wei Heong ^{1a} & Shahlan Surat ^{1a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	8-25
PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PASCA PANDEMIK, SATU SOROTAN Tan Yi Fang ^{1a} & Saemah Rahman ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	26-37
STRATEGI MENANGANI KEKURANGAN MOTIVASI BELAJAR MURID Nadirah Halim ^{1a} & Saemah Rahman ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	38-51
MOTIVASI GURU, DAYA TINDAK DAN PENGAJARAN TAHFIZ GURU DI SARAWAK Hazrul Khuzairi Mohd Dahalan ^{1a} & Shahlan Surat ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	52-62
PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KALANGAN GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI SEKOLAH RENDAH Surina Omar ^{1a} & Ruhizan Mohammad Yassin ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	63-74
PENERAPAN KOSA KATA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB TAHUN SATU: STRATEGI DAN CABARAN Mohamad Zailani Majid ^{1a} & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff ^{2a} Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	75-84
KAEDAH HAFAZAN DAN MOTIVASI PEMANGKIN KECEMERLANGAN HAFAZAN Muhammad Firdaus Abu Bakar ^{1a} & Hafizhah Zulkifli ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	85-94
PENGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DALAM PENDIDIKAN KHAS Krishna Kumari Kaniappan ^{1a} & Shahlan Surat ^{2b} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	95-112



Artikel/ Articles	Mukasurat/ Pages
POLA PENGGUNAAN FACEBOOK DALAM KALANGAN PENGGIAT INDUSTRI FILEM DAN TELEVISYEN MELAYU SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MUSIM WABAK COVID-19 Afeez Nawfal Mohd Isa ^{1a} , Muhammad Abdul Malek Saedon ^{2a} , Azlinda Boheran Nudin ^{3b} , Amalina Dalillah ^{4a} & Mohamad Yusob Ismail ^{5b} Faculty of Art, Sustainability & Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris ^a & Faculty of Communication and Creative Industries, TAR UMT ^b	113-131
CONTENT VALIDITY: WORKABILITY SKILLS CRITERIA AMONG TECHNICAL FIELD STUDENT IN MALAYSIA Siti Jariah Sahar ^{1a} & Irdyanti Mat Nashir ^{2a} Faculty of Technical dan Vocational Education, Sultan Idris Education University ^a	132-139
HUBUNGAN KETAGIHAN MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU ANTISOSIAL DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH SELEPAS PANDEMIK COVID-19 Sim Yong Jing ^{1a} & Shahlan Surat ^{2a} Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ^a	140-160



© Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)

Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan
No. Tel: 06-7980400
No. Fax: 06-7911269
www.polinilai.edu.my

Semua hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbit, mengulang cetak, mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, fotografi dan isi kandungan jurnal ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain yang direka pada masa akan datang sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Politeknik Nilai.

Diterbitkan oleh:

Politeknik Nilai Negeri Sembilan (PNS)
Kompleks Pendidikan Bandar Enstek,
71760, Bandar Enstek,
Negeri Sembilan

e-ISSN 2289 7356



SIDANG EDITOR/ EDITORIAL BOARD

Penasihat/ Advisor

Haji Wan Zulkifly Wan Zakaria
(Pengarah Politeknik Nilai)
Dr. Ahmad Razimi Mat Lazim
(Ketua Unit Penyelidikan & Inovasi)

Ketua Sidang Editor/ Editor-in-Chief

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib – Politeknik Nilai

Kumpulan Editor/ Editorial Team

Pn. Nur Hazeleen Bashah – Politeknik Nilai
Pn. Qyurulzeta Ishak – Politeknik Nilai
Pn. Azalinda Mat Saad – Politeknik Nilai
Dr. Nor Rahimy Khalid – Politeknik Nilai
Pn. Norliyana Bau Muhammad Affendi Bau – Politeknik Nilai
Pn. Fardhila Syahira Salmi Nordin – Politeknik Nilai
PM Dr. Latifah Abdul Majid – Universiti Kebangsaan Malaysia

Lembaga Penasihat Editor/ Editorial Advisory Board

PM. Dr. Gamal Zakaria – Universiti Brunei Darussalam
PM. Dr. Ahmad Tarmizi Talib – Universiti Putra Malaysia
Ajan Abdulrazak Panaemalae – Walailak Universiti, Thailand
PM. Dr. Ahmad Munawar Ismail – Universiti Kebangsaan Malaysia
Prof. Dr. Sarjit S. Gill Darshan Singh – Universiti Putra Malaysia

Pewasit/ Reviewer

Dr. Narizan Abdullah – Politeknik Nilai
Lar. Dr. Fara Diba Badrul Hisham – Politeknik Nilai
Dr. Nor Hayati Fatmi binti Talib – Politeknik Nilai
Dr. Salwa Amirah Awang – Politeknik Sultan Azlan Shah
Dr. Mohd Aliff Mohd Nawawi – Universiti Utara Malaysia
Dr. Norhisham Muhamad – Universiti Pendidikan Sultan Idris
Dr. Ishak Abd. Manaf – IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Dr. Hj. Emran Yunus – IPG Kampus Sultan Abdul Halim
Dr. Hamdi Ishak – Universiti Kebangsaan Malaysia

Pembaca Pruf/ Proof Reader

Ts. Dr. Md. Baharuddin Abdul Rahman – Universiti Sains Malaysia



CATATAN BAGI PENYUMBANG ARTIKEL

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial (JTSS) merupakan jurnal berindeks yang diterbitkan merentasi pelbagai disiplin Ilmu merangkumi Teknikal, Kejuruteraan, Bahasa, Pendidikan, Pendidikan Islam, Tamadun Islam, Ekonomi, Falsafah dan sebagainya. Jurnal ini diterbitkan secara salinan lembut eISSN sebanyak 2/ 3 penerbitan setahun iaitu pada bulan Jun dan Disember/ Mac, Julai dan November. Sumbangan artikel perlulah menepati garis panduan berikut:

- Manuskrip asli oleh penulis yang belum pernah diterbitkan, bukan dalam peringkat penilaian atau penerbitan mana-mana pihak penerbit.
- Bilangan perkataan antara 8,000 hingga 11,000 perkataan sahaja termasuk 300 perkataan (maksimum) abstrak.
- Bilangan mukasurat hendaklah antara 10 hingga 15 mukasurat termasuk rujukan, bertaip langkau satu (*single*), menggunakan tulisan Cambria bersaiz 11 di atas kertas bersaiz A4.
- Manuskrip mesti ditulis dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- Manuskrip lengkap dengan ilustrasi (gambarajah/ jadual/ graf/ carta dan sebagainya) yang berkaitan dengan manuskrip yang berwarna hendaklah dikekalkan dan dilampirkan dalam fail jpeg.
- Penulisan secara ilmiah dengan nota hujung (*endnote*) bagi rujukan mempunyai maklumat penulis, tahun, tajuk lengkap, tempat diterbitkan dan nama penerbit.
- Manuskrip akan melalui saringan palagiat yang mesti melepasi kesamaan (*similarity maximum 30%*) dan tiada unsur-unsur sensitif.
- Kesemua penyumbang artikel mesti memaparkan nama penuh, jawatan, tempat bertugas dan alamat email.
- Boleh menggunakan transliterasi Arab jika perlu.
- Syarat penerimaan manuskrip adalah apabila menepati maklumbalas penilai manuskrip.
- Semua senarai penulis mesti bersetuju untuk manuskrip diterbitkan dalam Jurnal Teknikal dan Sains Sosial.
- `Outside margin' adalah 1 inci kecuali sebelah kiri 1½ inci.
- Tajuk mesti mengandungi topik, nama penulis dan nama institusi.
- Nombor mukasurat sebelah bawah kanan.
- Manuskrip mesti mengandungi abstrak, teks (pendahuluan, metodologi, dapatan, perbincangan dapatan dan implikasi) dan rujukan (tiada nota kaki).
- Keputusan penerbitan adalah berdasarkan sidang editor, penilaian pewasit dan melepasi saringan palagiat.
- Yuran penerbitan adalah RM150.00 bagi setiap artikel.
- Jika terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib
Ketua Sidang Editor Jurnal Teknikal dan Sains Sosial
Politeknik Nilai Negeri Sembilan
penerbitanpns@gmail.com
yati_6709@yahoo.com



KERELEVANAN OBJEKTIF KURSUS MATA PELAJARAN PENGAJIAN UMUM (MPU) PENGAJIAN ISLAM POLITEKNIK DENGAN FALSAFAH PENDIDIKAN ISLAM

Mohd Khairul Naim Sameri^{1a}, Siti Suzana Mohd Saad^{2b} & Alias Mat Saad^{3c}
Politeknik Premier Ibrahim Sultan Johor, Malaysia^a, Sekolah Kebangsaan Kopok Pasir Gudang
Johor, Malaysia^b & Politeknik Port Dickson, Malaysia^c
naim.jaipk@gmail.com^{1a}, umairahsu85@gmail.com^{2b} & draliasms3@gmail.com^{3c}

ABSTRAK

Pelaksanaan kurikulum merupakan elemen yang penting dalam sesebuah perjalanan kurikulum. Tanpa pelaksanaan yang baik boleh menyebabkan isi kandungan kurikulum tidak dapat disampaikan kepada pelajar sebagaimana yang telah dihasratkan dalam Dasar Pendidikan Negara. Justeru, kertas penyelidikan ini memerihalkan kajian kerelevanan objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam Politeknik dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Sebanyak 39 item yang terdapat kerelevanan antara objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Dalam kajian ini pekali persetujuan Kappa digunakan untuk keesahan dan kebolehpercayaan dengan melibatkan seramai 11 orang pakar. Dapatan kajian menunjukkan terdapatnya kerelevanan antara item-item objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu dengan nilai pekali Cohen Kappa 0.92. Ini menunjukkan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam adalah sangat signifikan dari aspek pelaksanaannya dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Kata Kunci: Falsafah Pendidikan Islam, Kursus MPU Pengajian Islam

ABSTRACT

Curriculum implementation is an important element in a curriculum journey. Without good implementation, the content of the curriculum may not be delivered to students as intended in the National Education Policy. Thus, this research paper describes the relevance study of the objectives of the Polytechnic Islamic Studies General Studies course with the Islamic Philosophy of Education. A total of 39 items that have relevance between the objectives of the Islamic Studies General Studies course with the Philosophy of Islamic Education. In this study, the Kappa coefficient of agreement was used for validity and reliability by involving a total of 11 experts. The findings of the study show that there is a relevance between the objective items of the Islamic Studies General Studies course with the Philosophy of Islamic Education, with a cohen kappa coefficient value of 0.92. This shows that the Islamic Studies General Studies course is very significant from the implementation aspect with the Philosophy of Islamic Education.

Keywords: *Philosophy of Islamic Education, MPU Islamic Study Course*

PENGENALAN

Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam merupakan kursus yang perlu diambil dan wajib lulus oleh pelajar Politeknik Malaysia. Matlamat umum penawaran kursus

(MPU) Pengajian Islam ini adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai penguasaan ilmu yang beracukan Malaysia (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2016). Oleh itu, kursus (MPU) Pengajian Islam ini ditawarkan bertujuan melahirkan graduan yang mempunyai ilmu pengetahuan, nilai-nilai mulia dan bertanggungjawab dalam masyarakat, mempunyai kemahiran insaniah, perluasan ilmu berteraskan Malaysia dan berupaya dalam mengaplikasikan ilmu dalam kehidupan seharian (Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff, 2019).

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT) telah menjelaskan beberapa panduan untuk mengatasi isu berkaitan menentukan landskap pendidikan tinggi negara. Antaranya kekuatan sesuatu kurikulum yang berkualiti perlu mendasari aspirasi pendidikan, aspirasi pendidikan tinggi perlu terus berkembang sebagai *respons* terhadap *trend global* semasa serta sebagai persediaan untuk menghadapi cabaran masa hadapan (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT, 2021). Kurikulum yang terbaik adalah kurikulum yang memenuhi matlamat dan aspirasi pendidikan. Manakala penyampaian pendidikan yang terbaik pula ialah mempunyai isi kandungan yang tersusun serta dapat mencapai objektifnya. Seterusnya objektif dan kurikulum itu harus dinilai dan diukur untuk menentukan keberkesanan sesuatu kurikulum itu berlaku (Hooper, 1977).

PENYATAAN MASALAH

Pembinaan kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam selari dengan apa yang telah dihasratkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (PPPM-PT). Terdapat 10 lonjakan utama bagi merealisasikan aspirasi sistem dan aspirasi pelajar. Salah satu lonjakan tersebut adalah lonjakan (1) iaitu menghasilkan graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Graduan juga diharapkan dapat membina sifat murni, rasa tanggungjawab dan semangat patriotisme. Walaubagaimanapun, aspek kerelevanan merupakan aspek yang penting dalam konteks pendidikan negara. Keabsahan sesuatu kurikulum yang berteraskan pendidikan Islam dapat disahkan melalui Falsafah Pendidikan Islam dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang merupakan asas kepada Dasar Pendidikan Negara. Kurikulum yang dibina perlu relevan mengikuti perkembangan dan keperluan semasa, hala tuju pendidikan dan aspirasi Negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2011).

Sehubungan dengan itu, Falsafah Pendidikan Islam dibangunkan selari dengan Dasar Pendidikan Negara, memberi fokus kepada pendidikan yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah untuk membentuk insan supaya menjadi Muslim yang berilmu, beriman, beramal soleh dan berperibadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah yang bertakwa (Mohd Khairul Naim, 2023). Oleh itu, kursus MPU Pengajian Islam yang ditawarkan di Institut Pengajian Tinggi Awam seperti Politeknik hendaklah sentiasa relevan dan selari objektifnya dengan Dasar Pendidikan Negara.

Dari aspek teori kurikulum, kurikulum yang dibangunkan seharusnya selari dengan apa yang telah dicadangkan oleh pakar pendidikan agar dapat memberi kesan dan perkembangan terhadap tingkah laku (Nor Hayati et al, 2015). Selain itu, objektif kursus memainkan peranan yang penting dalam memastikan penyampaian sesuatu ilmu disampaikan dengan berkesan serta selari mengikut sukatan pelajaran (silibus). Silibus merupakan panduan utama dalam sesuatu pelaksanaan kurikulum.

Manakala isi kandungan kurikulum pula berasaskan kepada objektif yang ingin dicapai. Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam merupakan salah satu kursus yang berteraskan pendidikan Islam ditawarkan di peringkat Program Diploma Politeknik Malaysia. Kursus ini telah melalui fasa-fasa semakan yang dilakukan oleh Bahagian

Pembangunan Kurikulum Politeknik. Oleh yang demikian, penyelidik berhasrat untuk meneroka kerelevanan objektif kursus dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) sebagai inisiatif penambahbaikan dalam bidang pendidikan, kajian ini turut melibatkan beberapa orang pakar dalam bidang Pendidikan Islam dan pakar dalam bidang kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dari kalangan pensyarah Politeknik dan Universiti Awam di Malaysia.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti kerelevanan objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan kajian iaitu adakah objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI)? Oleh itu, kajian ini menggunakan reka bentuk analisis dokumen sebagai sumber analisis data kajian. Dokumen-dokumen yang terlibat dalam kajian ini adalah objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dan Falsafah Pendidikan Islam (FPI).

Seterusnya kajian ini dianalisis dengan menggunakan kaedah formula pengiraan nilai pekali persetujuan *Cohen Kappa* (Robson, 1988). Seramai sebelas orang pakar dalam bidang telah terlibat menganalisis dokumen ini. Mereka terdiri daripada kalangan Profesor, Profesor Madya, Doktor Falsafah Universiti dan Pensyarah Kanan Politeknik yang terlibat secara langsung dengan kurikulum Politeknik Malaysia serta mempunyai kepakaran dan pengalaman yang luas dalam bidang masing-masing iaitu pakar dalam bidang pendidikan Islam, penyelidikan dan berpengalaman luas dalam bidang kursus (MPU) Pengajian Islam.

Manakala sebanyak 39 item kerelevanan antara objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam terlibat dalam kajian ini. Analisis dokumen digunakan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai Kerelevanan Falsafah Pendidikan Islam dengan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam melalui borang senarai semak yang telah disahkan oleh pakar. Berikut merupakan contoh analisis dokumen yang menggunakan kaedah formula pengiraan nilai pekali persetujuan *Cohen Kappa* (Robson, 1998).

$K = Pa - Pc$

$N - Pc$

Petunjuk kekunci:

Pa = unit persetujuan

Pc = 50 peratus jangkakan persetujuan

N = bilangan unit yang diuji nilai persetujuan

Berikut pada Jadual 1 adalah item-item yang terlibat dalam kajian ini

Jadual 1: Item kerelevanan

Objektif Kursus MPU P. I	Falsafah Pendidikan Islam (Persetujuan Pakar Penilai)	Setuju	Tidak Setuju
Objektif 1 Melaksanakan dengan yakin amalan Islam dalam kehidupan	Pendidikan suatu usaha berterusan	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Sunnah	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Quran	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Sunnah	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Sunnah	/	
	Melahirkan insan yang berilmu	/	
	Melahirkan insan yang berkeperibadian mulia	/	
	Melahirkan insan yang berkemahiran	/	
	Melahirkan insan yang bersikap positif	/	
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kebaikan di dunia	/	
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kesejahteraan yang abadi di akhirat	/	
Objektif 2 Menerangkan etika dan profesionalisme berkaitan Syariah dan Institusi Islam dalam membentuk pembangunan ummah	Pendidikan suatu usaha berterusan	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Sunnah	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Quran	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Sunnah	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Sunnah	/	
	Melahirkan insan yang berilmu	/	
	Melahirkan insan yang berkeperibadian mulia	/	
	Melahirkan insan yang berkemahiran	/	
	Melahirkan insan yang bersikap positif	/	
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kebaikan di dunia	/	
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kesejahteraan yang abadi di akhirat	/	
Objektif 3 Menghubungkan minda ingin tahu dengan Islam dan cabaran semasa di Malaysia	Pendidikan suatu usaha berterusan	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Quran	/	
	Menyampaikan ilmu berdasarkan al-Sunnah	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Quran	/	
	Membentuk kemahiran berdasarkan al-Sunnah	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Quran	/	
	Memupuk penghayatan Islam berdasarkan al-Sunnah	/	
	Melahirkan insan yang berilmu	/	
	Melahirkan insan yang berkeperibadian mulia	/	
	Melahirkan insan yang berkemahiran	/	
	Melahirkan insan yang bersikap positif	/	
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kebaikan di dunia	/	

Objektif Kursus MPU P. I	Falsafah Pendidikan Islam (Persetujuan Pakar Penilai)	Setuju	Tidak Setuju
	Melahirkan insan yang bermatlamat mencapai kesejahteraan yang abadi di akhirat	/	
Jumlah Item: 39			

DAPATAN KAJIAN

Hasil dapatan kajian kerelevanan objektif kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI), pakar-pakar telah memberikan keputusan seperti berikut: (1) pakar 1 telah memberi persetujuan dengan 39 item ($K = 1.00$); (2) pakar 2 telah bersetuju dengan 36 item ($K = 0.84$); (3) pakar 3 telah bersetuju dengan 37 item ($K = 0.90$); (4) pakar 4 telah bersetuju dengan 37 item ($K = 0.90$); (5) pakar 5 telah bersetuju dengan 38 item ($K = 0.92$); (6) pakar 6 telah bersetuju dengan 38 item ($K = 0.94$); (7) pakar 7 telah bersetuju dengan 37 item ($K = 0.90$); (8) pakar 8 telah bersetuju dengan 38 item ($K = 0.95$); (9) pakar 9 telah bersetuju dengan 39 item ($K = 1.00$); (10) pakar 10 telah bersetuju dengan 37 item ($K = 0.90$) dan (11) pakar 11 telah bersetuju dengan 37 item ($K = 0.90$).

Seramai 11 orang pakar telah membuat penilaian persetujuan bagi unit data analisis dokumen. Jumlah keseluruhan penilaian persetujuan yang diperolehi adalah ($K = 0.92$). Menurut Fliess (1981) nilai persetujuan Kappa yang melebihi 0.75 dikira "Cemerlang" (*Excellent*). Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya kerelevanan objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Jadual 2 menunjukkan secara terperinci kaedah formula pengiraan nilai pekali persetujuan *Cohen Kappa* kerelevanan objektif Kursus (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) dengan menggunakan.

Jadual 2: Nilai Pekali Persetujuan Cohen Kappa oleh Pakar Penilai 1 hingga 5

Pakar 1	Pakar 2	Pakar 3	Pakar 4	Pakar 5
$K = \frac{39-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{36-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{37-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{37-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{38-19.5}{39-19.5}$
$K = \frac{19.5}{19.5}$	$K = \frac{16.5}{19.5}$	$K = \frac{17.5}{19.5}$	$K = \frac{17.5}{19.5}$	$K = \frac{18.5}{19.5}$
$K = 1.00$	$K = 0.84$	$K = 0.90$	$K = 0.90$	$K = 0.95$

Nilai Pekali Persetujuan Cohen Kappa oleh Pakar Penilai 6 hingga 11

Pakar 6	Pakar 7	Pakar 8	Pakar 9	Pakar 10	Pakar 11
$K = \frac{38-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{37-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{38-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{39-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{37-19.5}{39-19.5}$	$K = \frac{37-19.5}{39-19.5}$
$K = \frac{18.5}{19.5}$	$K = \frac{17.5}{19.5}$	$K = \frac{18.5}{19.5}$	$K = \frac{19.5}{19.5}$	$K = \frac{17.5}{19.5}$	$K = \frac{17.5}{19.5}$
$K = 0.95$	$K = 0.90$	$K = 0.95$	$K = 1.00$	$K = 0.90$	$K = 0.90$

Jadual 3: Nilai Keseluruhan Pekali Persetujuan Cohen Kappa oleh Pakar Penilai 1 hingga 11

Purata Persetujuan Keseluruhan	Nilai Pekali Cohen Kappa
$\frac{1.00+0.84+0.90+0.90+0.95+0.95+0.90+0.95+1.00+0.90+0.90}{11}$	0.92
$\frac{10.14}{11}$	
$K=0.92$	

PERBINCANGAN

Berdasarkan daripada keputusan ini, dapatan secara keseluruhannya telah menunjukkan bahawa, objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam adalah relevan dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Walaubagaimanapun, dari aspek pelaksanaan objektif ini perlu seiring dengan perkembangan Pendidikan alaf ke-21. Pendidikan Islam yang dilaksanakan perlu merentasi kemodenan dan dikembangkan objektif tersebut mengikut perkembangan semasa. Di samping itu juga, dapatan ini membuktikan bahawa Falsafah Pendidikan Islam (FPI) telah menjadi panduan dalam pelaksanaan kurikulum yang berasaskan Pendidikan Islam.

Qutb (1972) telah memberi analogi bahawa, sesungguhnya pendekatan al-Quran tidak hanya mempamerkan tauhid dalam bentuk teori semata-mata dan sekiranya kebergantungan kepada teori semata-mata, ia akan menjadi ilmu yang tidak meninggalkan kesan dalam hati dan kehidupan manusia. Maka, Falsafah Pendidikan Islam atau falsafah Islam merupakan elemen yang tidak boleh dipisahkan dalam dunia Pendidikan. Falsafah Islam akan membawa manusia untuk mengenali penciptanya. Falsafah Pendidikan Islam memainkan peranan untuk membentuk manusia agar menjadi khalifah Allah s.w.t yang berilmu, beriman, bertakwa, beramal soleh, berakhlak bertunjangkan panduan al-Quran dan al-Sunnah (Ikhwan Lubis & Maimun Aqsha Lubis, 2021). Oleh itu, pembinaan Falsafah Pendidikan Islam (FPI) adalah bermatlamatkan untuk menjadikan individu, manusia dan masyarakat yang holistik atau dalam erti kata lain untuk menjadikan manusia itu sentiasa menghayati cara hidup berlandaskan Islam yang berpandukan kepada al-Quran dan al-Sunnah.

RUMUSAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Hasil dapatan kajian telah menunjukkan terdapatnya korelevanan antara objektif kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam dengan Falsafah Pendidikan Islam (FPI). Tujuan korelevanan ini di lihat adalah untuk memastikan pendidikan yang disampaikan melalui kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam ini mencakupi aspek-aspek yang telah digariskan dalam Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu pendidikan yang berterusan, mampu mengembangkan potensi individu, bersifat menyeluruh dan bersepadu, seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Selain itu, untuk memastikan kursus (MPU) Pengajian Islam dapat menyumbang ilmu pengetahuan, menjadikan pelajar dengan akhlak yang mulia, bertanggungjawab, berketerampilan, mampu memberi kesejahteraan kepada diri dan memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara. Di samping itu, untuk memastikan kursus (MPU) Pengajian Islam ini selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Islam (FPI) iaitu berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah, dapat memupuk penghayatan Islam dalam diri pelajar, melahirkan insan yang berilmu, berkeperibadian mulia, berkemahiran, bersikap positif, bermatlamat dengan mencapai kebaikan dunia dan kesejahteraan yang abadi di akhirat.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya ucapkan kepada semua pihak yang turut menyumbang sama ada secara langsung dan tidak langsung. Semoga kajian ini memberi manfaat kepada dunia penyelidikan dan kita semua. Jazakumullah khairan kathira.

RUJUKAN

- Ahmad Fakrudin Mohamed Yusoff. (2019). Penerimaan Pelajar terhadap Pelaksanaan Kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam di Politeknik. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. <https://doi.org/10.33102/jqss.vol3no1.43>.
- Mohd Khairul Naim Sameri. (2023). Penilaian Perlaksanaan Kursus Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) Pengajian Islam Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (Tesis Doktor Falsafah tidak Diterbitkan). Tanjong Malim, Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Hooper, R. (1977). *The Curriculum: Context, Design and Development*. London: The Open University Press.
- Ikhwan Lubis & Maimun Aqsha Lubis. (2021). Dasar Falsafah dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Penagaman Malaysia. *ASEAN Comparative Educations Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4(1), 1-19.
- Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). (2016.) *Garis Panduan Mata Pelajaran Pengajian Umum (MPU) (Edisi Kedua)*. Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya: Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2011). http://www.mohe.gov.my/transformati/images/Bab_4.pdf. Akses pada 25 Januari 2014.
- Nor Hayati et al, (2015) Kerelevanan Isi Kandungan TITAS dengan Objektif Kurikulum TITAS, Conference International Conference on Islamic Education and Social Entrepreneurship 2015 (ICIESE 2015).
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. (2021). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia* (m/s: E-12). Putrajaya Wilayah Persekutuan Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Qutb, S. (1972). *Tafsir fi Zilal al-Quran*. Kaherah: Dar al-Syuruq.
- Robson, C. (1998). *Real World Research*. UK: Blackwell Publishers Ltd.
- Fliess, J. L. (1981). *Statistical Methods for Rates and Proportions*. New York: Wiley.
- Ishak Ramly. (2005). *Inilah Kurikulum Sekolah*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.Bhd.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Mohd Khairul Naim Sameri, Dr.

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Ibrahim Sultan
KM10, Jalan Kong Kong, 81700 Pasir Gudang Johor
khairul@pis.edu.my

Siti Suzana Mohd Saad

Sekolah Kebangsaan Kopok
Jalan Hijrah Utama, Kampung Kopok Baru
umairah_su@yahoo.com

Alias Mat Saad, Dr

Jabatan Pengajian Am
Politeknik Port Dickson
KM 14 Jalan Pantai 71050
Si Rusa Negeri Sembilan
draliasms3@gmail.com

TAHAP LITERASI TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH

Tan Wei Heong^{1a} & Shahlan Surat^{2a}

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^a
p117733@siswa.ukm.edu.my^{1a} & drshahlan@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membawa transformasi yang besar dalam pelbagai bidang termasuk bidang Pendidikan. Dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMK11), bidang pendidikan telah menjadi antara isu yang penting dibincangkan demi menyediakan dan memperkasakan pembangunan modal insan pada masa hadapan. Generasi muda merupakan tonggak negara masa hadapan. Generasi muda yang berkualiti dan celik ICT dapat memacu pembangunan negara yang gemilang. Satu kajian tinjauan sistematik telah dilaksanakan untuk mengkaji tentang tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar sekolah tidak kira di peringkat sekolah rendah ataupun di peringkat universiti. Penyelidik telah menggunakan PRISMA untuk mengukuhkan proses pencarian artikel, saringan kriteria kemasukan serta penilaian kualiti dalam kajian ini. PRISMA dijadikan sebagai asas bagi melaporkan ulasan sistematik berdasarkan objektif kajian. Sebanyak 15 artikel telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar dan pembolehubah yang mempengaruhi tahap penguasaan penggunaan ICT dalam kalangan pelajar. Melalui penganalisan data daripada 15 artikel, pengkaji telah mendapati bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar di Malaysia berada pada tahap yang rendah manakala penguasaan ICT dalam kalangan pelajar di luar negara mempunyai tahap yang tinggi. Hasil dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa faktor pengalaman yang kurang, sikap yang negatif, kekurangan kemudahan ICT telah membawa impak negatif terhadap penguasaan ICT dalam pembelajaran mereka. Terdapat beberapa limitasi yang dihadapi oleh pengkaji. Antaranya ialah kekurangan sumber rujukan berkaitan tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar di Malaysia berbanding dengan negara-negara barat. Penyelidik juga mengalami kesulitan dalam menterjemahkan ayat-ayat Bahasa Inggeris dalam kajian-kajian ke dalam Bahasa Melayu. Kajian membuktikan bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana dan rendah. Kepentingan pengaplikasian ICT dan penguasaan terhadapnya adalah amat penting dalam era globalisasi kini. Semua pihak haruslah memikul tanggungjawab dan berusaha mendorong dan mendidik generasi kini memanfaatkan pengaplikasi ICT untuk tujuan positif. Kesedaran tentang kepentingan ICT haruslah disemai dalam kalangan pelajar dan anggota masyarakat. Hal ini demikian agar insan dapat bersiap sedia untuk menghadapi cabaran, berpengetahuan dan mahir dalam bidang ICT.

Kata Kunci: Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi, ICT, Murid, Sekolah Rendah

ABSTRACT

The rapid development of Information and Communication Technology (ICT) has brought great transformation in various fields, including Education. In the 11th Malaysia Plan (RMK11), the education sector has become a crucial issue discussed to prepare and empower human capital development for the future. The younger generation is the backbone of the future of the nation. A high-quality, ICT-savvy younger generation can drive the country towards excellence. A systematic review study was conducted to examine the level of ICT literacy among school students, regardless

of whether they are at the primary or university level. Researchers used PRISMA to strengthen the article search process, inclusion criteria screening, and quality assessment in this study. PRISMA is used as a basis for reporting systematic reviews according to the objectives of the study. A total of 15 articles were selected and used in this study to identify the level of ICT literacy among students and the variables that influence the level of mastery of ICT use among students. Through the data analysis of these 15 articles, the researchers found that the level of ICT literacy among students in Malaysia is low, while the mastery of ICT among students in other countries is high. The findings of this study have shown that factors such as a lack of experience, negative attitudes, and a lack of ICT facilities have a negative impact on their ICT mastery in learning. The researchers faced several limitations, including a lack of reference sources related to ICT literacy levels among students in Malaysia compared to Western countries. Researchers also experience difficulties in translating English sentences in studies into Malay. The study proves that the level of ICT literacy among students is at a moderate to low level. The importance of ICT application and proficiency in it is crucial in today's era of globalization. All parties must take the responsibility and try to encourage and educate the current generation to utilize ICT applications for positive purposes. Awareness of the importance of ICT should be instilled among students and the community members. This is to ensure that individuals are prepared to face challenges, knowledgeable, and skilled in the field of ICT.

Keywords: *Information and Communication Technology (ICT) Literacy, ICT, Students, Primary School*

PENGENALAN

Dalam era globalisasi, perkembangan pesat teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) telah membawa perubahan yang besar dalam pelbagai bidang termasuk bidang Pendidikan. Teknologi Maklumat dan Komunikasi ini telah digunakan secara berleluasa dan mencakupi hampir semua aspek dalam kehidupan seperti kemudahan komunikasi, kemudahan mengakses pelbagai maklumat dan sebagainya bagi setiap lapisan masyarakat. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melaporkan bahawa statistik penggunaan dan capaian ICT oleh individu dan isi rumah telah meningkat kepada 95.5% pada tahun 2021 berbanding 91.7% pada tahun 2020 (JPM, 2022). Statistik ini telah membuktikan bahawa penggunaan TMK ini telah menjadi semakin penting dalam kalangan masyarakat pada zaman sekarang.

Selari dengan perkembangan Revolusi Perindustrian 4.0, perubahan yang ketara ialah menekankan penggunaan teknologi yang tinggi seperti *Internet of Things* (IoT), robotik, kepintaran buatan dan sebagainya pada masa kini (Norazly & Juppri Bacotang, 2021). Sehubungan dengan ini, guru menjadi tunjang utama dalam mengubahsuai pendekatan terhadap pembelajaran. Tugas guru bukan hanya menjadi penyampai utama bagi memberi penjelasan dan mencurahkan ilmu pengetahuan kepada murid, namun guru haruslah lebih berperanan sebagai pemudahcara atau fasilitator.

Sehubungan dengan ini, generasi pelapis masa hadapan yang penuh dengan pelbagai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang diperlukan seperti kompetensi digital dapat dihasilkan agar mereka dapat mendepani pelbagai cabaran teknologi baharu yang lebih kompleks. Sebagai persediaan menuju ke ambang kemajuan dan kepesatan ini, kerajaan Malaysia telah merancang dan mengubah dasar negara dengan mengikut kesesuaian keadaan dan keperluan hasil dari perkembangan intelektual masyarakat yang celik ilmu dan ICT.

Dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), bidang pendidikan telah menjadi antara isu yang penting dibincangkan demi menyediakan dan memperkasakan pembangunan modal insan pada masa hadapan (JPM, 2021). Penekanan terhadap sektor pendidikan merupakan satu

keperluan agar tenaga kerja yang dihasilkan melalui sistem pendidikan negara dapat memenuhi keperluan pasaran pekerjaan berteraskan Revolusi Industri 4.0. Sehubungan dengan ini, Kementerian Pendidikan Malaysia (2013) telah mengambil inisiatif dengan mengintegrasikan ICT agar dapat meningkatkan kualiti pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Noorazmam et al., 2018). Antaranya ialah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memperkenalkan Sekolah Bestari yang mengutamakan pengaplikasian TMK dalam semua urusan pentadbiran, pengajaran dan pembelajaran (Chew Le Yee & Suziyani, 2021).

Tambahan pula, pihak KPM telah berusaha menyediakan infrastruktur yang lengkap dan memberi kursus kepada semua guru dalam mengaplikasikan TMK agar dapat meningkatkan keberkesanaan proses PdPc (Nur Aisyah & Hazrati, 2022). KPM juga menggalakkan guru-guru sentiasa melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang terkini dan kemahiran dalam pengintegrasian dan pengaplikasian ICT dari semasa ke semasa. Hal ini demikian kerana, Donkor (2018) menjelaskan bahawa, teknologi dan kompetensi guru dalam mengaplikasikan teknologi dapat memperkasakan kualiti guru. Pihak KPM berusaha memastikan para pendidik bersiap sedia untuk mengintegrasikan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam amalan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Hal ini demikian agar mereka dapat melahirkan modal insan yang celik ICT sekaligus mampu memenuhi keperluan dan kehendak pasaran kerja.

Pembudayaan penggunaan ICT di dalam bilik darjah harus dititikberatkan. Hal ini demikian agar dapat meningkatkan tahap literasi ICT dalam kalangan murid sekolah rendah. Tahap literasi ICT dalam kalangan murid juga harus dipertingkatkan dan difokuskan. Hal ini penting kerana generasi muda merupakan tonggak negara masa hadapan. Generasi muda yang berkualiti dan celik ICT dapat memacu pembangunan negara yang gemilang. Namun begitu, kurang kajian yang dijalankan untuk mengkaji tentang tahap literasi ICT dalam kalangan murid peringkat sekolah. Jadi, tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk meninjau sejauh mana tahap literasi ICT dalam kalangan murid sekolah rendah. Kajian ini diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan dalam membantu penggubal dasar untuk menghasilkan dasar pendidikan yang lebih bersesuaian dengan situasi terkini.

SOROTAN LITERATUR

Pengaplikasian ICT ini menjadi semakin penting dalam bidang pendidikan sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. Menurut Toader et al. (2018), TMK telah memainkan peranan yang penting dalam mendukung perkembangan industri dan kemajuan ekonomi sesebuah negara. Dengan ini, pihak KPM telah mengambil pelbagai langkah agar dapat menghasilkan modal insan yang memenuhi keperluan pasaran dan berkemampuan memajukan negara kita dengan lebih cemerlang. Antaranya ialah, pihak KPM telah membuat transformasi dari segi kurikulum. Hasrat KPM bukan hanya mengenal pasti murid belajar menggunakan TMK dalam pembelajaran bahkan murid dapat memanfaatkannya dengan berkesan bagi meningkatkan pembelajaran mereka. Fenomena ini kerana, TMK merupakan salah satu punca meningkatkan kualiti pendidikan negara yang dinyatakan dalam anjakan ke-7 Pelan Pembangunan Malaysia (PPPM 2013-2025) (KPM, 2013).

Tambahan pula, KPM telah mengadakan pelbagai program kepada guru dalam mengintegrasikan ICT ke dalam proses PdPc. Guru merupakan aset yang penting dalam menerajui perubahan teknologi ini bagi membangunkan modal insan yang berkualiti sejajar dengan hasrat kerajaan. Terdapat banyak kajian yang dijalankan dalam kalangan guru untuk mengkaji tahap kemahiran ICT dan tahap kesediaan penggunaan ICT dalam proses PdPc. Kajian telah membuktikan bahawa tahap kemahiran ICT guru adalah tinggi (Kasturi Rajan & Norasmah,



2022). Pernyataan ini juga dapat disokong oleh Chew Le Yee & Suziyani (2021) yang membuktikan bahawa, kemahiran guru dalam mengintegrasikan ICT dalam proses PdPc adalah pada tahap yang tinggi.

Pengintegrasian TMK oleh guru dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) dapat merangsang minat dan motivasi murid untuk belajar dan meningkatkan kefahaman pelajar dengan persembahan animasi yang menarik (Noradilah & Lai Wei Sieng, 2019). Generasi murid kini merupakan generasi gajet yang mana kehidupan mereka dikelilingi oleh pelbagai jenis gajet dan teknologi. Murid dari generasi Z dan generasi Alpha dapat melibatkan diri secara aktif dalam pembelajaran yang berfokus pada perkembangan kemahiran pembelajaran abad ke-21 terutamanya dalam bidang teknologi dalam ekosistem pendidikan yang baru ini (Sumithara et al., 2022).

Penggunaan ICT dan gajet-gajet teknologi telah dapat menghubungkan pengalaman kehidupan murid dengan kandungan pembelajaran dengan lebih mudah dan cekap. Oleh itu, penggunaan ICT harus dijadikan sebagai tunjang utama dalam menjalankan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Fenomena ini agar dapat memastikan mutu proses PdPc sentiasa relevan berdasarkan ledakan teknologi yang semakin canggih. Sehubungan dengan ini, murid perlu bersiap sedia untuk memperoleh pengalaman bagi menghadapi kemungkinan baharu (Anealka, 2018).

Peningkatan penyebaran Covid-19 di Malaysia telah menyumbang kepada perubahan sistem pendidikan. Sistem pendidikan negara telah menjadikan sistem pendidikan konvensional kepada pembelajaran secara *online* tidak kira di peringkat sekolah rendah mahupun peringkat universiti (Siti Aisyah & Khadijah, 2021). Menurut Firdaus Hassan dan Chang (2021), penerapan pembelajaran dalam talian merupakan salah satu alternatif yang efektif dalam membatasi penyebaran pandemik ini. Guru telah mengkongsikan bahan pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar seperti video pengajaran, nota ringkas dan sebagainya melalui pelbagai aplikasi secara atas talian (Siti Balqis & Muniroh, 2020). Murid telah mengikut proses PdPc dengan melalui aplikasi *Zoom*, *Google Meet* dan *Google Classroom* semasa wabak Covid19 yang melanda seluruh dunia yang mana perintah PKP telah berkuatkuasa.

Namun begitu, murid telah menghadapi pelbagai cabaran dan kekangan untuk menjalankan pembelajaran secara atas talian. Menurut Ahmad al-Munzi Ridzuan (2020), penguasaan pengetahuan murid dalam ICT dan kemudahan ICT telah menjadikan murid menghadapi masalah untuk menjalani pembelajaran secara *online*. Dengan kekurangan pengetahuan dalam mengakses maklumat melalui teknologi dan kekurangan kemudahan ICT telah menyebabkan masalah keciciran murid berlaku dalam proses PdPc. Oleh itu, tahap penguasaan literasi ICT dalam kalangan murid amat penting dan perlu dititikberatkan oleh pihak kerajaan.

Selain itu, salah satu faktor penghalang utama terhadap keberhasilan pelaksanaan projek e-pembelajaran adalah disebabkan penguasaan kemahiran ICT yang rendah dalam kalangan pelajar. Pernyataan ini dapat dibuktikan oleh Msomi & Bansilal (2018) yang berpandangan bahawa kekurangan infrastruktur dan kemahiran guru dan pelajar serta kerisauan penggunaan komputer telah menghalang keberkesanan pelaksanaan e-pembelajaran (Awofala et al., 2017; Mailizar et al., 2020). Menurut Kanwal dan Rehman (2017), ketidakmampuan dalam mengakses internet dan kurangnya kemahiran ICT merupakan halangan utama yang menjejaskan keberhasilan implementasi sistem e-pembelajaran di Pakistan. Jelas dilihat bahawa kemahiran literasi ICT ini merupakan salah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar sebelum masuk ke pasaran kerja. Hal ini demikian agar dapat mampu meningkatkan kualiti sumber daya manusia.

Memandangkan penggunaan ICT telah memainkan peranan yang penting pada zaman sekarang, namun kajian empirikal yang berkaitan dengan tahap literasi ICT mengenai murid sekolah rendah masih berkurangan melalui pembacaan kajian-kajian lepas. Justeru, pengkaji ingin melaksanakan kajian ini untuk melihat tentang tahap literasi ICT dalam kalangan murid di sekolah rendah sama ada mereka berupaya dan memenuhi kriteria pasaran kerja pada zaman teknologi kini.

TEORI KOMPETENSI HAY MCBER & TEORI SPENCE AND SPENCER

Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengkaji tentang sejauh manakah tahap penguasaan literasi ICT dalam kalangan murid sekolah rendah. Menurut Wok & Mohamed (2017), literasi ICT telah dijadikan sebagai kemahiran asas yang diperlukan untuk bekerja dalam masyarakat pada zaman ledakan teknologi ini. Dalam kajian ini, literasi (ICT) merujuk kepada pemahaman yang meliputi pengetahuan tentang ICT, kemahiran dalam penggunaan ICT dan sikap yang positif terhadap penggunaan ICT dalam konteks pembelajaran. Dalam era ledakan teknologi maklumat ini, murid haruslah mempersiapkan diri dengan pengetahuan, kemahiran dan sikap positif terhadap pengaplikasian ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji telah menggunakan model kompetensi untuk berkait dengan penguasaan literasi ICT dalam kalangan murid.

Teori kajian ini merupakan model kompetensi yang menggabungkan dua model kompetensi iaitu model Iceberg yang diperkenalkan oleh Hay McBer (1996) dan teori Spence dan Spencer (1993). Model Kompetensi Hay McBer (1996) yang diadaptasi dari teori Spencer dan Spencer (1993) telah dijadikan sebagai rujukan pengkaji dalam kajian ini. Model Kompetensi Hay McBer (1996) saling berkait dengan teori Spence dan Spencer (1993). Kedua-dua model ini telah menekankan elemen yang sama iaitu pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi dalam kerangka model. Model kompetensi ini telah membahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian iceberg yang di atas yang mengandungi komponen pengetahuan dan kemahiran yang boleh dilihat dan dinilai manakala bahagian bawahnya terdiri dari komponen ciri-ciri peribadi seperti sikap, konsep sendiri dan motif yang tersembunyi dalam diri sendiri (Norfariza & Nur Fadhillah, 2018). Komponen-komponen dalam Model Kompetensi *Iceberg* telah ditunjukkan seperti di Rajah 1.



Rajah 1: Model Kompetensi *Iceberg* (1996)

Sumber: HayGroup Sdn. Bhd

Berdasarkan Model Kompetensi Hay McBer (1996) yang mengadaptasikan Teori Spence dan Spencer (1993), dimensi pengetahuan didefinisikan maklumat dan kebijaksanaannya seseorang individu dalam melaksanakan sesuatu dengan jayanya manakala komponen kemahiran merujuk kepada kemampuan atau keupayaan murid menggunakan pengetahuan yang dimiliki dalam melaksanakan sesuatu tugas. Sikap pula membawa maksud nilai-nilai peribadi dan tindakan yang perlu dihayati dan diamalkan dalam menjalankan tugas dengan

tujuan mencapai kecemerlangan diri. Berasaskan teori Spence dan Spencer (1993), elemen yang dapat melambangkan kompetensi dalam seseorang individu merangkumi komponen pengetahuan, kemahiran dan sifat.

Kajian ini mengkaji ketiga-tiga komponen ini dalam mengenalpasti murid mempunyai kompetensi terhadap penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini demikian kerana murid perlu sentiasa meningkatkan pengetahuan dan kemahiran menggunakan dan mengaplikasikan ICT bagi menggantikan pendekatan konvensional yang kurang berasaskan inovasi teknologi. Menurut Keown (1986), seseorang individu yang celik komputer bukan hanya menguasai pengetahuan tentang komputer secara teorikal sahaja, bahkan dia juga dapat mengaplikasikan pengetahuan yang dikuasai untuk menggunakan komputer tersebut sebagai gajet yang memudahkan kerja-kerja lain. Dengan menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran ICT, murid dapat mencari maklumat dan menjalankan pembelajaran sendiri pada bila-bila masa tanpa bergantung kepada orang lain. Sehubungan dengan ini, generasi yang celik ICT dan seimbang dapat dihasilkan bagi menempuh pelbagai cabaran pada abad globalisasi kini.

Selain itu, sikap juga memainkan peranan yang penting bagi menentukan keberkesanan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Berdasarkan model kompetensi Hay McBer (1996), sikap merupakan elemen yang tidak mudah diidentifikasi dan dilihat, namun elemen ini memainkan peranan penting dalam menentukan sesuatu kejayaan dan perkembangan dalam pembelajaran. Menurut Hamidah et al. (2017), kesan tingkah laku yang positif dapat menentukan kejayaan seseorang individu. Murid-murid yang bersikap positif terhadap penggunaan ICT dalam pembelajaran akan melibatkan diri secara aktif dan sentiasa meningkatkan kemahiran mereka menggunakan internet. Fenomena ini dapat dibuktikan oleh kajian Kumaran (2017) yang menunjukkan, murid bersikap positif terhadap penggunaan ICT. Justeru, murid yang bersikap positif terhadap penggunaan ICT dapat memotivasi dan memajukan diri sendiri dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan teknologi dan keperluan kerjaya semasa.

METODOLOGI

Penelitian ini telah menggunakan kaedah kajian tinjauan analisis literatur bersistematik atau SLR (*Systematic Literature Review*) bagi mengenal pasti, memproses, menyusun dan menilai semula literatur yang sedia ada yang memenuhi kriteria penerimaan (Brown University Library, 2020). Pengkaji telah menetapkan beberapa kriteria seperti tahun penerbitan, jenis dokumen dan bahasa dalam pemilihan artikel yang sesuai. Dengan menetapkan kriteria-kriteria ini, pengkaji dapat lebih berfokus dan mudah untuk mencari dan memilih literatur lepas yang dapat menjawab persoalan kajian yang dikemukakan. Terdapat 8 langkah yang dikemukakan oleh Xiao dan Watson (2019) telah digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan kajian tinjauan sistematik ini. Lapan langkah telah dipaparkan seperti Jadual 1 yang boleh dijadikan sebagai garis panduan kepada peneliti untuk melaksanakan kajian dengan lebih lancar dan mudah.

Jadual 1: Lapan Langkah Pelaksanaan Kajian Tinjauan Sistematik

Bilangan	Langkah
1	Merumus Masalah
2	Mengembang dan Mengesahkan Protokol Tinjauan
3	Pencarian Artikel
4	Saringan Kriteria Kemasukan
5	Penilaian Kualiti
6	Pengekstrakan Data
7	Analisis Dan Sintesis Data
8	Laporan Penemuan

Selain itu, peneliti juga mengadaptasikan model PRISMA iaitu *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analysis* yang diperkenalkan oleh Page et al. (2021) ke dalam kajian literatur ini. Hal ini demikian agar dapat mengukuhkan lagi proses ketiga hingga kelima dalam kajian tinjauan bersistematik iaitu pencarian artikel, saringan kriteria kemasukan dan penilaian kualiti. Pengkaji menggunakan PRISMA sebagai asas bagi melaporkan ulasan sistematik berdasarkan objektif kajian (Noor Fazliena & Siti Mistima, 2022).

STRATEGI PENCARIAN BERSISTEMATIK

Terdapat empat peringkat digunakan untuk mendapatkan artikel yang sesuai dengan kajian iaitu pengenalpastian (*identification*), penapisan (*screening*), kelayakan (*eligibility*) dan rangkuman (*included*). Pengkaji dapat meneroka dan mensintesis artikel yang terpilih bagi menghasilkan sorotan literatur yang bersistematik melalui kaedah ini.

Pencarian (*Identification*): Pengkaji telah menggunakan tiga enjin carian iaitu *EBSCOhost*, *Research Gate* dan *Google Scholar* untuk mencari dan mendapatkan sumber dan artikel jurnal yang berkaitan tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar sekolah prasekolah, rendah, menengah dan universiti. Pengkaji telah memulakan proses pencarian dengan mengenal pasti kata kunci seperti 'literasi ICT', 'Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK)', 'pelajar' dan 'sekolah'. Kata kunci digunakan agar dapat memudahkan peneliti untuk mencari dan mengumpulkan literatur yang berkait rapat serta relevan dengan tajuk kajian yang ingin dikaji. Pengkaji telah berjaya mendapat sejumlah 75 artikel dan dirumuskan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Artikel bagi Setiap Pangkalan Data

Pangkalan Data	Jumlah Artikel
<i>EBSCOhost</i>	25
<i>Google Scholar</i>	28
<i>Research Gate</i>	22

Penapisan (*Screening*): Pengkaji mengeluarkan sebanyak 10 artikel jurnal daripada senarai yang bertindih dengan artikel yang sama. Pengkaji untuk mengenal pasti artikel jurnal dengan berdasarkan beberapa kriteria. Antara kriteria yang ditetapkan oleh peneliti ialah literatur adalah dalam bentuk artikel jurnal, tahun penerbitan artikel itu perlu berada dalam lingkungan masa bermula tahun 2019 sehingga tahun 2023 dan bahasa yang digunakan haruslah dalam Bahasa Inggeris ataupun Bahasa Melayu. Berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan, terdapat sebanyak 28 buah artikel telah dikeluarkan daripada senarai dan hanya 37 buah artikel melepasi kriteria di peringkat saringan. Jadual 3 menunjukkan kriteria kelayakan dan pengecualian yang diambil kira dalam proses pemilihan artikel.


Jadual 3: Kriteria Kelayakan dan Pengecualian

Kriteria	Kelayakan	Pengecualian
Tahun Penerbitan	2019 hingga 2023 (5 tahun kebelakangan)	≤ tahun 2018
Jenis Dokumen	Artikel jurnal	Buku, bab dalam buku, tesis, disertasi
Bahasa	Bahasa Melayu Bahasa Inggeris	Selain dari Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Kelayakan (*Eligibility*): Pengkaji menyaring sebanyak 37 buah artikel sekali lagi dengan memfokuskan kepada tajuk serta abstrak kajian bagi melihat gambaran keseluruhan artikel. Sebanyak 22 buah artikel jurnal yang tidak memenuhi kriteria telah dikeluarkan oleh pengkaji. Daripada 22 buah artikel jurnal yang dikeluarkan, terdapat 9 buah artikel ditulis selain daripada

Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu manakala 13 buah artikel jurnal tidak berkaitan dengan pelajar.

Rangkuman (Included): Peneliti telah mengenal pasti jumlah akhir artikel yang boleh digunakan dan dipilih untuk disintesis. Secara keseluruhannya, sebanyak 15 buah artikel telah dijadikan analisis bagi penulisan kajian ini yang bersesuaian dengan tajuk dan persoalan kajian. Rajah 2 menerangkan strategi pencarian sistematik yang digunakan sepanjang pencarian artikel yang relevan dengan kajian dengan menggunakan PRISMA.



Rajah 2: Strategi Pencarian Bersistematik Menggunakan PRISMA

Sumber: Diadaptasi daripada Nor Amalina & Roslinda (2021)

DAPATAN KAJIAN

Pengkaji telah menganalisis dan membahagikan analisis data kepada beberapa aspek iaitu latar belakang peserta kajian, lokasi kajian, reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan rumusan artikel yang berkaitan ICT dalam kalangan pelajar.

Latar Belakang Peserta Kajian

Jadual 4 telah menunjukkan bahawa seramai 7716 orang peserta terlibat dalam kajian yang dijalankan dari 15 artikel. Terdapat 1 artikel yang melibatkan 308 orang pelajar sekolah rendah, 4 artikel yang melibatkan 1475 orang pelajar sekolah menengah atau sekolah menengah vokasional dan sebanyak 10 artikel yang melibatkan 5933 orang pelajar yang sedang melanjutkan pelajaran mereka di kolej ataupun universiti. Jelas dilihat kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar sekolah rendah adalah terhad dan berkurangan.

Jadual 4: Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta	Jumlah (N)
Pelajar Sekolah Rendah	308 (1 Artikel)
Pelajar Sekolah Menengah/ Vokasional	1475 (4 Artikel)

Lokasi Kajian

Berdasarkan Jadual 5, sebanyak 7 kajian yang dibuat di Malaysia untuk mengkaji isu yang berkaitan dengan ICT dalam kalangan pelajar dari 15 artikel yang dipilih.

Jadual 5: Lokasi Kajian yang Terlibat

Negara	Jumlah Kajian
Malaysia	7

Reka Bentuk Kajian

Pengkaji telah mendapati bahawa semua kajian adalah berbentuk kajian tinjauan. Merujuk kepada Jadual 6, terdapat reka bentuk kajian kuantitatif dan kajian campuran yang melibatkan kajian kuantitatif dan kajian kualitatif telah dijalankan.

Jadual 6: Reka Bentuk Kajian

Reka Bentuk Kajian	Jumlah Kajian
Kajian Kuantitatif	12
Kajian Campuran (Kuantitatif & Kualitatif)	3

Kaedah Pengumpulan Data

Pengkaji mendapati semua kajian telah menggunakan soal selidik untuk mengumpulkan data-data daripada responden. Jadual 7 memaparkan sebanyak 9 artikel yang menjalankan kaedah soal selidik secara *online*. Pengkaji telah mengedarkan pautan soal selidik dalam bentuk *google form* kepada responden agar memudahkan dan mempercepatkan proses pengumpulan data. Manakala sebanyak 6 artikel yang menunjukkan bahawa pengkaji telah menjalankan kaedah pengumpulan data secara *offline*, iaitu pengkaji telah mencetak dan mengedarkan borang soal selidik kepada responden secara bersemuka. Selain instrumen soal selidik digunakan untuk mengumpulkan data, peneliti telah mendapati bahawa kajian-kajian yang dipilih telah menggunakan kaedah temu bual secara *informal* seperti melalui telefon ataupun *text messaging* untuk meninjau pandangan daripada responden berkaitan dengan persoalan kajian.

Jadual 7: Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah Pengumpulan Data	Jumlah
Soal Selidik (<i>online</i>)	9
Soal Selidik (<i>offline</i>)	6
Temu Bual	3

Jadual 8: Jadual Rumusan Artikel

Bil	Tajuk Artikel, Pengarang, Tahun & Negara	Latar Belakang Peserta, Reka Bentuk & Kaedah Pengumpulan Data Kajian	Dapatan kajian
1.	Sikap Murid terhadap Kemahiran Literasi Digital dalam Pembelajaran Bahasa Kadazan Dusun di Sekolah Menengah Sabah, Malaysia	265 orang murid sekolah menengah Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian tinjauan	Skor min menunjukkan sikap seronok murid adalah pada tahap tinggi atau positif. Murid-murid mempunyai tahap kemahiran literasi digital yang tinggi atau positif. Sikap murid terhadap kemahiran literasi digital dalam pembelajaran BKD mempunyai hubungan positif pada nilai lemah, iaitu ($r_s=0.487, p < 0.01$).

	Minah Sintian, Rosliah Kiting & Wilson (2021) Malaysia	Soal Selidik (<i>offline</i>)	Hubungan positif menunjukkan semakin tinggi sikap murid terhadap kemahiran literasi, semakin tinggi sikap murid dalam pembelajaran BKD.
2.	Kanak-kanak, Kemiskinan dan Literasi Digital: ke Arah Masa Depan Digital yang Positif Shafizan Mohamed, Saodah Wok, Nur Shakira Mohd Nasir & Wan Norshira Wan Mohd Ghazali (2021) Malaysia	308 orang murid yang berumur antara 7 hingga 15 tahun yang tinggal di PPR. Kaedah: Kuantitatif dan Kualitatif Jenis: Kajian tinjauan Soal Selidik (<i>offline</i>) Temu bual (telefon)	Kajian mendapati bahawa kanak-kanak mempunyai akses yang terhad terhadap peralatan digital. Walaupun mereka mempunyai kebolehan asas untuk menggunakan dan menjaga peralatan digital, namun mereka tidak cekap daripada segi teknikal untuk menggunakan media digital secara produktif. Kanak-kanak mendapat nilai skor sederhana dalam domain penerimaan kemahiran yang diukur. Dua domain kemahiran yang mendapat nilai yang tinggi, iaitu melebihi purata adalah kemahiran komunikasi dan penglibatan digital (M=7.023), diikuti dengan kemahiran keselamatan dan kawalan digital (M=6.672). Ketiga-tiga domain yang didapati kurang daripada nilai purata adalah kemahiran menyelesaikan masalah digital (M=4.685), kemahiran informasi dan operasi digital (M=4.279), dan yang paling rendah sekali adalah kemahiran penciptaan kandungan dan inovasi digital (M=2.205). Ini menunjukkan bahawa kanak-kanak memerlukan sokongan yang padu untuk menjadi seorang yang celik komputer dan mahir dalam literasi digital.
3.	Students' Skills and Experiences Using Information and Communication Technologies in Remote Physical Education Lessons Renata Rutkauskaite, Milda Koreivaite, Diana Karanauskiene & Brigita Mieziene. (2022) Republik Lithuania	268 orang pelajar sekolah menengah Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian tinjauan Soal selidik (<i>online</i>)	Dapatan kajian menunjukkan bahawa majoriti responden berasa lebih berdaya apabila belajar menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Lebih separuh daripada responden bersetuju atau sangat bersetuju bahawa menggunakan ICT dalam proses pembelajaran adalah menyeronokkan, dan apabila menggunakan ICT, mereka mempelajari perkara baru yang akan membantu mereka pada masa depan. Secara keseluruhannya, kemahiran literasi komputer pelajar-pelajar Lithuania berada pada tahap yang tinggi dan mereka mempunyai sikap yang positif terhadap teknologi maklumat dan komunikasi dalam proses pendidikan.
4.	ICT Facilities & Literacy in Rural Non-Government Secondary School Libraries of Bangladesh	86 orang pelajar sekolah menengah Kaedah: Kuantitatif dan Kualitatif Jenis: Kajian tinjauan	Kajian tidak hanya menunjukkan terdapat kekurangan kemudahan ICT di perpustakaan sekolah, tetapi juga mendedahkan bahawa responden hanya mempunyai kemahiran literasi ICT asas. Ramai responden memberikan respons bahawa mereka mempunyai kekurangan kemahiran teknologi dan pihak kerajaan tidak mengambil inisiatif yang menyeluruh untuk

	Zakir Hossain, Yasmine Hashmi & Muhammad Mezbah-ul-Islam (2019) Bangladesh	Soal selidik (online)	meningkatkan pengetahuan dan kemahiran mereka.
5.	New Vocational School Students' Basic ICT Skills Self-Assessment Sanni Suominen, Kirsi Ikonen & Mervi Asikainen (2021) Republik Finland	856 orang pelajar sekolah menengah vokasional Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian tinjauan Soal selidik (online)	Keputusan kajian menunjukkan bahawa pelajar Teknologi Maklumat dan Komunikasi mempunyai kemahiran asas ICT dengan purata min yang tertinggi di antara semua bidang. Pelajar dalam bidang Kesihatan dan Kebajikan lebih memerlukan sokongan yang banyak dalam menggunakan ICT. Pelajar dalam bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Kemanusiaan dan Seni menilai kepentingan kompetensi ICT secara signifikan lebih tinggi daripada pelajar dalam hampir semua bidang lain.

PERBINCANGAN

Kemahiran ICT ini menjadi semakin penting dalam bidang pendidikan sejajar dengan Revolusi Industri 4.0. Generasi murid kini merupakan generasi gajet yang mana kehidupan mereka dikelilingi oleh pelbagai jenis gajet dan teknologi. Oleh itu, penggunaan ICT harus dijadikan sebagai tunjang utama dalam menjalankan proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc). Fenomena ini agar dapat memastikan mutu proses PdPc sentiasa relevan berdasarkan ledakan teknologi yang semakin canggih. Sehubungan dengan ini, murid perlu bersiap sedia untuk memperoleh pengalaman bagi menghadapi kemungkinan baharu (Anealka, 2018).

Hasil dapatan dari 15 artikel telah meninjau tentang tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar. Terdapat kajian yang mendapatkan hasil dapatan yang menerangkan bahawa tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar adalah pada tahap rendah. Kajian yang dijalankan oleh Shafizan Mohamed et al. (2021) telah membuktikan bahawa, pelajar mempunyai akses teknologi yang terhad dan mereka memerlukan sokongan yang padu untuk menjadi seorang yang celik komputer dan mahir dalam literasi digital. Pernyataan ini disokong oleh Oluwayemi Ibukun Oluwa Olatoye et al. (2021) juga menerangkan bahawa, pelajar mempunyai kemahiran yang kurang baik dalam menggunakan sumber elektronik dan fasiliti ICT. Tambahan pula, Zakir Hossain et al. (2019) berpandangan bahawa, pelajar hanya mempunyai kemahiran literasi ICT asas sahaja disebabkan masalah kekurangan kemudahan ICT di sekolah Bangladesh.

Namun begitu, peneliti telah memperoleh dapatan kajian yang bertentangan yang memaparkan bahawa pelajar berada pada tahap yang memuaskan atau tinggi dalam menggunakan ICT. Dapatan kajian yang dijalankan oleh Wan Hussains & Fadhilah (2019) telah menjelaskan bahawa, tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar amat memuaskan. Menurut Renata Rutkauskaitė dan Milda Koreivaite (2022), pelajar Lithuania mempunyai kemahiran literasi komputer yang tinggi. Kajian yang dijalankan oleh Zuraini Jusoh et al. (2020) juga memaparkan tahap penguasaan kemahiran ICT dalam kalangan pelajar adalah pada tahap yang baik.

Berdasarkan 15 artikel yang dianalisis, hasil dapatan telah menunjukkan bahawa sikap merupakan punca yang dapat mempengaruhi tahap penguasaan ICT seseorang pelajar. Kajian yang dijalankan oleh Pinar Ketanci (2023) telah membuktikan bahawa, sikap pelajar merupakan punca yang penting dalam mendorong pelajar menggunakan ICT dalam pembelajaran. Menurut

Minah et al. (2021), murid telah menunjukkan sikap yang positif terhadap kemahiran literasi digital dalam pembelajaran sesuatu mata pelajaran. Hasil kajian Keshtiarast, B. dan Salehi, H. (2020) telah menunjukkan bahawa, kebanyakan pelajar Iran bersikap positif dengan mengaplikasikan ICT untuk tujuan pembelajaran bahasa Inggeris. Menurut Ilya Zulaikha et al. (2023), pelajar bersikap positif terhadap penggunaan ICT. Justeru, sikap positif murid dalam penggunaan ICT dalam proses pembelajaran dapat meningkatkan pencapaian mereka dan mereka juga akan berfikir secara lebih kreatif dan inovatif.

Di samping itu, sikap positif dengan penggunaan ICT bukan hanya disemai dan dititikberatkan dalam kalangan murid sahaja bahkan guru juga haruslah mempunyai sikap yang positif terhadap penggunaan dan pengintegrasian ICT dalam pengajaran. Hal ini demikian kerana sikap positif yang ada pada guru terhadap penggunaan ICT dapat mempengaruhi pelajar. Pernyataan ini dapat dibuktikan oleh hasil dapatan yang diperolehi dari kajian Keshtiarast, B. dan Salehi, H. (2020) yang menerangkan bahawa kepercayaan, kecekapan dan sikap guru terhadap manfaat penggunaan ICT dalam pengajaran ESP boleh dijadikan faktor penting kepada pelajar dalam penggunaan ICT dalam kursus ESP. Guru yang memiliki sikap positif dapat sentiasa mengaplikasikan ICT sebagai alat pengajaran dan pembelajaran semasa menjalankan proses PdPc. Sehubungan dengan ini, pelajar berpeluang untuk melibatkan diri secara aktif dalam menggunakan ICT untuk mempelajari sesuatu ilmu pengetahuan dan seterusnya dapat menjadikan pembelajaran lebih menarik dan kreatif. Menurut Jonathan Hermansen (2023), tahap penggunaan ICT dalam kalangan pelajar akan lebih tinggi sekiranya guru mereka menggunakan ICT lebih kerap untuk mencipta aktiviti di luar bilik darjah.

Tambahan pula, ICT telah merupakan tunjang utama dan berperanan penting dalam era ledakan teknologi kini. Penggunaan ICT dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanaan proses PdPc berdasarkan analisis hasil dapatan daripada artikel-artikel. Penggunaan ICT di dalam bilik darjah bukan sahaja melibatkan murid secara aktif dan menjanakan pemikiran kreatif dan inovatif bahkan juga dapat memotivasikan pelajar untuk menguasai sesuatu ilmu pengetahuan yang disampaikan (Zhao, 2019). Hasil dapatan daripada Hanifah Mahat et al. (2021) telah menerangkan bahawa, penggunaan bahan pembelajaran yang berasaskan teknologi dan visual dapat memudahkan pelajar berpengetahuan dan mereka lebih bermotivasi untuk menjalankan pembelajaran secara bersendirian. Secara tidak langsung, pencapaian dan prestasi murid dapat ditingkatkan melalui pengaplikasian ICT ini di dalam bilik darjah.

Secara kesimpulannya, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini telah memainkan peranan yang penting dalam sistem pendidikan bagi memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran seiring dengan kemajuan negara. Murid haruslah menggunakannya dengan bijaksana dan memanfaatkan pengetahuan untuk tujuan positif. Pelajar haruslah sentiasa memajukan diri dan mempelajari ilmu pengetahuan yang baru terhadap teknologi yang terkini dari semasa ke semasa. Sehubungan dengan ini, pelajar dapat memenuhi keperluan dan kehendak pasaran pada zaman kini serta bersiap sedia untuk mendepani cabaran pada masa yang akan datang.

LIMITASI KAJIAN

Peneliti telah menghadapi beberapa limitasi dalam menyempurnakan kajian tinjauan sistematik ini. Antaranya ialah kekurangan sumber rujukan berkaitan dengan tahap literasi ICT dalam kalangan pelajar di Malaysia berbanding dengan sumber dari luar negara. Kajian-kajian yang berkaitan isu ICT lebih tertumpu kepada guru di Malaysia. Hal ini demikian telah menyebabkan pengkaji terpaksa banyak merujuk kepada kajian lepas yang dijalankan oleh penyelidik luar

negara. Terdapat 8 daripada 15 buah artikel yang dipilih adalah dari luar negara seperti negara Afrika Selatan, Turki, Iran, Denmark, Rusia dan sebagainya.

Selain itu, kebanyakan artikel yang dipilih adalah dalam Bahasa Inggeris juga merupakan salah satu limitasi kajian yang dihadapi oleh penyelidik. Hal ini demikian kerana peneliti perlu menterjemahkan ayat-ayat Bahasa Inggeris dalam kajian-kajian ke Bahasa Melayu. Penyelarasan makna dalam pemilihan perkataan yang mempunyai maksud yang seumpama, struktur frasa dan klausa adalah amat penting. Kekurangan pengalaman dan pemahaman kosa kata dalam kedua-dua bahasa sumber dan sasaran telah menyebabkan penyelidik menghadapi kesulitan dalam proses penterjemahan.

KEPENTINGAN IMPLIKASI

Melalui kajian ini, pengkaji berminat untuk mengetahui dan memahami situasi sebenar tentang tahap penguasaan ICT dalam kalangan murid di Malaysia. Fenomena ini kerana kebolehan menguasai literasi ICT turut memberi impak yang besar dalam pembelajaran dan kehidupan harian generasi Z dan generasi Alpha. Hasil dapatan dan maklumat yang didapati daripada kajian ini akan memberikan manfaat yang signifikan kepada berbagai pihak, termasuk para murid, penyelidik sebagai guru di peringkat sekolah rendah, serta Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian ini amat penting dan perlu dijalankan kerana kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada pihak, Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah. Pihak-pihak berkenaan boleh mendapat gambaran sebenar tentang tahap penguasaan literasi ICT dalam kalangan murid yang mengikut kurikulum pendidikan yang telah digubal.

Sehubungan dengan ini, KPM dapat meninjau masalah yang dihadapi dan memantapkan lagi perancangan dan pelaksanaan program dan kursus yang berkaitan dengan ICT kepada guru-guru di sekolah terutamanya guru sekolah rendah. Dengan ini agar guru dapat mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran dan membantu murid meningkatkan literasi ICT mereka pada masa yang akan datang. Selain itu, dapatan kajian ini dapat membantu penggubal dasar untuk menghasilkan dasar pendidikan yang lebih bersesuaian dengan situasi terkini. Fenomena ini agar dapat menghasilkan modal insan yang berdaya saing dan berfikiran global pada zaman ledakan teknologi ini.

Di samping itu, kajian ini penting kepada bidang pendidikan di sekolah. Pendidikan ICT dan strategi pengajaran guru dalam mendidik generasi muda dapat mengubah cara dan bentuk pendidikan di negara ini ke arah yang lebih baik sejajar dengan revolusi maklumat yang melanda dunia sekarang. Hasil daripada kajian ini boleh dijadikan sebagai refleksi kepada pengkaji sebagai seorang guru untuk menggubal aktiviti yang sesuai dan bergiat dalam penggunaan dan pencerapan pengetahuan dan kemahiran ICT dalam aktiviti PdPc. Fenomena ini agar murid mendapat peluang dan pendedahan yang lebih banyak terhadap penggunaan ICT. Sehubungan dengan ini dapat meningkatkan kemahiran dan literasi ICT dalam kalangan murid.

Tambahan pula, pengkaji perlu menjalankan kajian ini kerana pendidikan di sekolah rendah merupakan kesinambungan kepada pembentukan dan kemenjadian pelajar di peringkat sekolah menengah dan di peringkat pengajian tinggi. Bak kata pepatah '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*', jadi penguasaan dan pendedahan literasi ICT perlu disemai dan dititikberatkan bermula dari peringkat sekolah rendah. Jadi, kajian ini mempunyai signifikan yang tinggi dan perlu dilaksanakan untuk mengidentifikasi sejauh mana kemampuan dan persediaan pelajar dalam mengaplikasikan teknologi maklumat dalam proses pembelajaran.

Kepesatan dan kemajuan dalam perkembangan ICT telah mencipta banyak laman *web* dan pangkalan data dalam talian yang memerlukan kemahiran pengguna untuk mengakses dan memanipulasi maklumat yang relevan. Oleh itu, Ketika negara sedang mengarah ke pembentukan masyarakat yang berinformasi dan berlandaskan nilai-nilai informasi, para pelajar yang tidak memiliki kecekapan dalam teknologi maklumat tidak hanya dianggap tertinggal dalam pencapaian akademik, tetapi juga "miskin" pengetahuan. Jadi, pengetahuan dan kemahiran asas yang memadai dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi ini merupakan keperluan yang penting bagi seseorang pelajar. Hal ini demikian kerana kebolehan menguasai kemahiran teknologi maklumat ini akan memberikan pelajar kelebihan dalam mengakses maklumat secara meluas tanpa batasan, berkomunikasi melalui platform komputer, menyiapkan tugas-tugas kursus, membuat persembahan, serta menganalisis data.

Melalui kajian ini dapat memberi kesedaran kepada murid sekolah rendah terhadap kepentingan penggunaan ICT dan aplikasinya terhadap bidang kerjaya. Sehubungan dengan ini, mereka dapat menyiapkan diri sebagai modal insan atau tenaga kerja yang berdaya saing dengan melengkapi diri dengan pengetahuan serta kemahiran ICT sejak kecil lagi. Fenomena ini akan menguntungkan negara Malaysia kerana kelayakan pelajar yang bersaing untuk mendapat pekerjaan akan bertambah baik dan berkualiti seterusnya, memantapkan bidang pendidikan dan sektor industri lain, seiring dengan negara-negara maju.

Walaupun kajian terhad di daerah Segamat sahaja namun dapatan kajian dijangka dapat memberi petunjuk-petunjuk tentang pengetahuan dan kemahiran murid dalam bidang ICT, serta sikap murid dalam penggunaan ICT dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan. Adalah diharapkan hasil daripada kajian ini dapat memanfaatkan kepada pelbagai pihak dan seterusnya menghasilkan modal insan yang lebih cemerlang dan memenuhi keperluan pasaran kerja mengikut zaman globalisasi ini.



KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kepesatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah membawa transformasi yang besar dalam masyarakat. Hampir setiap saat, setiap individu memanfaatkan teknologi ini untuk mengoptimumkan kecekapan dan keberkesaan dalam pelbagai aspek kehidupan kini. Teknologi telah memudahkan seseorang untuk mengendalikan dan menguasai pelbagai perkara dalam tempoh masa yang singkat. Perkembangan teknologi ini telah membawa pelbagai manfaat kepada individu, masyarakat dan negara. Pengintegrasian ICT juga dilakukan oleh guru ke dalam proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) agar memanfaatkan generasi muda dan meningkatkan kualiti pendidikan.

Walau bagaimanapun, tahap penggunaan ICT perlu ditingkatkan dalam kalangan pelajar. Hal ini demikian kerana, generasi muda yang celik ICT dapat memajukan negara ke arah kemajuan teknologi dan masyarakat digital yang berdaya saing. Berdasarkan hasil dapatan dari 15 artikel telah dikaji mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang dapat mempengaruhi tahap penggunaan ICT dalam kalangan pelajar. Antaranya seperti kesediaan murid dalam penggunaan teknologi untuk tujuan pembelajaran, sikap, pengalaman, pengetahuan, kemahiran dan pengaruh guru yang boleh didapati melalui hasil dapatan dari 15 artikel. Dengan ini, semua pihak haruslah memikul tanggungjawab untuk meningkatkan tahap penggunaan ICT dalam kalangan pelajar dengan berdasarkan faktor-faktor yang didapati. Oleh itu, pengkaji mencadangkan untuk melaksanakan kajian lanjutan tentang meninjau tahap penguasaan literasi ICT dalam kalangan pelajar sekolah rendah di Malaysia. Hal ini demikian agar dapat memberi gambaran yang jelas kepada pihak berkenaan tentang sejauh manakah penguasaan ICT mereka untuk tujuan pembelajaran.

Tambahan pula, peneliti juga bercadang agar menjalankan kajian lanjutan dengan melibatkan pelbagai pihak seperti ibubapa, ahli keluarga dan masyarakat sekeliling untuk meningkatkan dan membudayakan pengaplikasian ICT. Program dan pertandingan yang berkaitan dengan perkembangan ICT dapat dijalankan kepada pelajar sekolah agar mereka mendapat pendedahan dan input yang lebih banyak tentang teknologi terkini. Semua pihak perlu menyedari bahawa kewujudan dan kemajuan ICT telah digunakan secara berleluasa dan sekiranya ingin setanding dengan negara maju, bidang teknologi dan digital ini perlu dititikberatkan dan diutamakan dalam bidang pendidikan.

Secara kesimpulannya, usaha meningkatkan dan mempergiatkan penggunaan ICT dalam pembelajaran ICT bukan hanya bergantung kepada guru dan KPM sahaja, semua pihak juga harus memainkan peranan yang penting untuk mendorong dan mendidik generasi kini memanfaatkan pengaplikasian ICT untuk tujuan positif. Ini penting agar dapat memberi sumbangan yang besar kepada semua golongan masyarakat termasuk kerajaan mencapai aspirasi pendidikan negara yang seimbang sekaligus melahirkan insan yang bersiap sedia untuk menghadapi cabaran, berpengetahuan dan mahir dalam bidang ICT. Fenomena ini agar mereka dapat membimbing negara menuju ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang pada masa yang akan datang.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Dr. Shahlan Surat, selaku penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan dan dorongan kepada saya sepanjang proses menyiapkan artikel ini. Penghargaan juga diberikan kepada semua pensyarah Fakulti Pendidikan, UKM dan rakan-rakan seperjuangan yang sudi memberi bantuan dan sokongan moral sepanjang dua tahun pengajian Sarjana ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada ibubapa saya yang sentiasa memberi dorongan, kasih sayang dan motivasi kepada saya sepanjang pengajian. Akhir sekali, penghargaan juga ditujukan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu menjayakan penyelidikan ini. Terima kasih yang tidak terhingga diucapkan.

RUJUKAN

- Anas Redzuan Shariff & Saifullizam Puteh. (2018). Pengintegrasian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Kalangan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu. *Online Journal for TVET Practitioners*: 1-14.
- Anealka Aziz Hussin. (2018). Education 4.0 Made Simple: Ideas for Teaching. *International Journal of Education & Literacy Studies* 6(3): 92-98.
- Awofala, A. O., Akinoso, S. O., & Fatade, A. O. (2017). Attitudes towards Computer and Computer Self-Efficacy as Predictors of Preservice Mathematics Teachers' Computer Anxiety. *Acta Didactica Napocensia* 10(3): 91-108.
- Brown University Library. (2021). Scientific Literature Review Resources and Services. <https://libguides.brown.edu/Reviews> [18 April 2023].
- Chew Le Yee & Suziyani Mohamed. (2021). Kemahiran Guru dalam Mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pembelajaran di Prasekolah. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(2): 44-53.
- Donkor, A. (2018). In-service Teachers' Use of ICT in Teaching Mathematics in Ghana. A case Study in the Cape Coast Metropolis. Tesis Dr. Fal, University of Cape Coast.
- Firdaus Hassan & Chang. V. S. W. (2021). Senario Pelaksanaan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat di Kolej Komuniti Malaysia Pasca Pandemik COVID-19. *E-Prosiding Seminar Pembelajaran Sepanjang Hayat 2021*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.



- Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., dalam Hanifah Mahat, Sarah Afiqah Saiful Bahri, Mohmadisa Hashim, Nasir Nayan & Yazid Saleh. (2021). Pengetahuan, Kesediaan dan Penggunaan Flipped Classroom dalam Kalangan Pelajar Pendidikan Geografi UPSI. *Sains Humanika* 13(2): 37-43.
- HayGroup Malaysia. (2003). Research Findings on Malaysian Civil Service Competency Model. Kuala Lumpur: Author.
- Ilya Zulaikha Zulkifli, Nor Hazlina Mohammad, Nor Aslily Sarkam & Nor Faezah Mohamad Razi. (2023). Examining Digital Literacy towards ICT among Students based on Demographic Profile: a Descriptive Analysis Approach. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 12(2): 1119–1131.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). *Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah*. Putrajaya: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- Jabatan Perdana Menteri. (2021). *Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Jonathan Hermansen. (2023). Danish Students' Use of ICT in Higher Education and Its Perceived Meaningfulness. *Nordic Journal of Digital Literacy* 18(1): 23-34.
- Kanwal, F., & Rehman, M. (2017). Factors Affecting e-Learning Adoption in Developing Countries—empirical Evidence from Pakistan's Higher Education Sector. *IEEE Access* 5: 10968–10978.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan.
- Keshtiarast, B. & Salehi, H. (2020). Investigating Employing Information Communication Technology for ESP Learning: a Case of Iranian EFL Students' Attitudes. *International Online Journal of Education and Teaching* 7(2): 412-433.
- Kumaran Sekar. (2017). *Hubungan Sikap Afektif, Kognitif dan Tingkah Laku terhadap Penguasaan dan Penggunaan TMK dalam Kalangan Murid Orang Asli*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Liong Yaw Peng, Wong Su Luan, Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Wong Shu Ling. (2020). Hubungan di antara Strategi Pembelajaran dengan Literasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi Pelajar Prasiswazah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 45(1): 1-11.
- Mailizar M., Almanthari, A., Maulina, S., & Bruce, S. (2020). Secondary School Mathematics Teachers' Views on e-Learning Implementation Barriers during the Covid-19 Pandemic: The case of Indonesia. *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education* 16(7): 1-9.
- Mc Keown, P. G. (1986). *Living with Computer*. USA: Harcourt Brace Jovanovich Publisher.
- McBer, H. (1996). *Scaled Competency Dictionary*. Boston: Hay/McBer.
- Minah Sintian, Rosliah Kiting & Wilson. (2021). Sikap Murid terhadap Memahiran Literasi Digital dalam Pembelajaran Bahasa Kadazan Dusun di Sekolah Menengah Sabah, Malaysia. *Muailim Journal of Social Science and Humanities* 5(1): 19-27.
- Msoni, A. M., & Bansilal, S. (2018). The Experiences of First-year Students in Mathematics in Using an e-Learning Platform at a University of Technology. *South African Journal of Higher Education* 32(5): 124-129.
- Noor Fazliena Jawawi & Siti Mistima Maat. (2022). Pengaruh Motivasi terhadap Pencapaian Matematik: Kajian Literature Bersistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(4): 151-163.
- Noorazman Abd Samad, Wan Mohd Rashid Wan Ahmad, Hairuddin Harun, Mohd Hasril Amiruddin, Suhaizal Hashim & Faizah Ja'apar. (2018). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran di SK Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*: 1-10.
- Nor Amalina Abd Aziz & Roslinda Rosli. (2021). Pemikiran Komputasi Guru Matematik: Satu Tinjauan Sistemik. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(1): 487-499.
- Noradilah Aziz & Lai Wei Sieng. (2019). Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM. *Jurnal Personalita Pelajar* 22(1): 69-75.



- Norazly Nordin & Juppri Bacotang. (2021). Isu dan Trend Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan Awal Kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan* 10(1): 99-107.
- Norfariza Mohd Radzi & Nur Fadhillah Muzammil. (2018). Tahap Kompetensi Guru dalam Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di Sekolah Kebangsaan Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* 6(4): 12-28.
- Nur Aisyah Kamaluddin & Hazrati Husnin. (2022). Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) dalam Pendidikan. *Jurnal Dunia Pendidikan* 4(2): 333-343.
- Oluwayemi Ibukun Oluwa Olatoye, Fhulu Nekhwevha & Fhulu Nekhwevha. (2021). ICT Literacy Skills Proficiency and Experience on the Use of Electronic Resources amongst Undergraduate Students in Selected Eastern Cape Universities, South Africa. *Library Management* 42(67): 471-479.
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shafizan Mohamed, Shafizan Mohamed, Nur Shakira Mohd Nasir & Wan Norshira W. Mohd Ghazali. (2021). Kanak-kanak, Kemiskinan & Literasi Digital: ke Arah Masa Depan Digital yang Positif. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly & Disabled* 12: 15-22.
- Pınar Ketanci. (2023). Investigating Students' Perceived Digital Literacy Skills and Attitudes towards ICT use in a Blended Learning Environment. *Language Education & Technology* 3(1): 30-44.
- Rajan, K. & Othman, N. (2022). Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Maklumat serta Komunikasi Guru terhadap Prestasi Subjek Perniagaan Murid Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 7(1): 204 - 215.
- Renata Rutkauskaitė, Milda Koreivaite, Diana Karanauskiene & Brigita Mieziene. (2022). Students' Skills and Experiences Using Information and Communication Technologies in Remote Physical Education Lessons. *MDPI Journals Awarded Impact Factor* 14: 1-15.
- Ridzuan, Ahmad Al-Munzir. (2020). Tahap Kesiediaan Pensyarah terhadap Penggunaan M-Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan dan Latihan Teknik dan Vokasional (TVET). *Journal of Social Sciences and Humanities* 5(1): 173-189.
- Sanni Suominen, Kirsi Ikonen & Mervi Asikainen. (2021). New Vocational School Students' Basic ICT Skills Self-Assessment. *EURASIA Journal of Mathematics, Science and Technology Education* 17(11): 1-18.
- Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., McDonald, S. (2021). The PRISMA 2020 statement: an Updated Guideline for Reporting Systematic Reviews. *International Journal of Surgery* 88: 1-9.
- Siti Aisyah Ibrahim & Khadijah Abdul Razak. (2021). Pandemik Covid-19: Cabaran dan Impak dalam Pendidikan Islam dan Pembelajaran Murid. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (Arise)* 1(1): 89-94.
- Siti Balqis Mahlan, Maisurah Shamsuddin, Ahmad Zia Ul-Saufie Mohamad Japeri & Norazah Umar. (2014). An Evaluation of Learning Style: Whatsapp Application based on One Sample T-test. *The Proceedings of 5th International Conference on Science & Technology: Applications in Industry & Education*, hlm. 66-69.
- Spencer, L. M. & Spencer, S. M. (1993). *Competence at Work*. New York: Wiley.
- Sumithara Manugaran, Noor Azean Atan & Sanitah Md Yusof. (2022). Pengintegrasian Permainan Berkomputer dalam Pembelajaran Kesusasteraan Bahasa Tamil bagi Penguasaan Kemahiran Abad ke-21 Murid Sekolah. *Innovative Teaching and Learning Journal* 6(1): 85-106.
- Toader, E., Firtescu, B. N., Roman, A., & Anton, S. G. (2018). Impact of Information and Communication Technology Infrastructure on Economic Growth: an Empirical Assessment for the EU Countries. *Sustainability* 10 (10): 3750.

- Urakova, F. K., Ishmuradova, I. I., Kondakchian, N. A., Akhmadieva, R. S., Torkunova, J. V., Meshkova, I. N., & Mashkin, N. A. (2023). Investigating Digital Skills among Russian Higher Education Students. *Contemporary Educational Technology* 15(1): 1-13.
- Wan Hussain Wan Ishak & Fadhilah Mat Yamin. (2019). Literasi ICT dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4(32): 43-50.
- Wok, S., & Mohamed, S. (2017). *Internet and Social Media in Malaysia: Development, Challenges and Potentials. In The Evolution of Media Communication.* Spain: Intech Open.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research* 39(1): 93–112.
- Zakir Hossain, Yasmine Hashmi & Muhammad Mezbah-ul-Islam. (2019). ICT Facilities and Literacy in Rural Non-government Secondary School Libraries of Bangladesh. *School Libraries Worldwide* 25(2): 66-80.
- Zhao, F. (2019). Using Quizizz to Integrate Fun Multiplayer Activity in the Accounting Classroom. *International Journal of Higher Education* 8(1): 37–43.
- Zuraini Jusoh, Rozita@Radhiah Said & Norazlina Mohd Kiram. (2020). Pasaran Kerjaya: Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Bidang Bahasa Melayu. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020). Anjuran Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, 24-25 November.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Tan Wei Heong

Pelajar Siswazah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
wheong@hotmail.com



Shahlan Surat, Dr.

Doktor Falsafah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
drshahlan@ukm.edu.my

PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR PASCA PANDEMIK, SATU SOROTAN

Tan Yi Fang^{1a}

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^a
p118096@siswa.ukm.edu.my^{1a}

ABSTRAK

Bidang pendidikan mengalami perubahan yang ketara akibat penularan wabak Covid-19 yang melanda dunia. Sepanjang pandemik ini, pelajar telah mengalami perubahan cara pembelajaran dari pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran di rumah (PdPr) dan juga pembelajaran bersemuka secara bergilir-gilir. Perubahan cara pembelajaran ini telah mempengaruhi pencapaian akademik dan kesihatan mental pelajar. Sehubungan itu, prestasi akademik pelajar kebelakangan ini berada dalam tahap sederhana dan memuaskan. Kertas konsep ini telah membincangkan tentang senario pencapaian akademik pelajar. Penulisan ini turut menjelaskan definisi pencapaian akademik pelajar dan menghuraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dari segi latar belakang keluarga serta strategi penyelesaiannya. Faktor-faktor yang dibincangkan pula dibahagikan kepada faktor luaran dan faktor diri pelajar berdasarkan tinjauan literatur dari kajian-kajian lain. Keseluruhannya, penulisan ini dapat menjadi panduan kepada pihak kementerian pendidikan, pentadbiran sekolah, guru dan ibubapa agar dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Kata Kunci: Pencapaian Akademik Pelajar, Faktor-faktor, Strategi Penyelesaian



ABSTRACT

Education field has undergone significant changes due to the spread of the Covid-19 pandemic. Throughout this pandemic, students have experienced a shift in their learning methods, transitioning from face-to-face learning to home-based learning and also hybrid learning. These changes in the learning process have impacted both academic achievement and students' mental health. As a result, recent academic achievement of students has been at a moderate level. This concept paper discusses the scenario of students' academic achievement. It also defines academic achievement and the factors influence students' academic performance and potential strategies. The discussed factors are categorized into external factors and student-specific factors based on a literature review from other studies. Overall, this paper can serve as a guide for the Ministry of Education, school administration, teachers, and parents to enhance students' academic achievement.

Keywords: Academic Achievement, Factors, Strategies

PENGENALAN

Sistem pendidikan negara Malaysia sedang mengalami inovasi dan transformasi secara holistik yang melibatkan perubahan kepada kurikulum sekolah, kualiti kepimpinan sekolah, kualiti guru, kemenjadian pelajar, serta pemantapan tadbir urus yang lebih efisien (Noor Lela et al., 2019). Transformasi pendidikan dilakukan dari semasa ke semasa kerana ia amat penting bagi setiap warga pendidik melakukan anjakan paradigma dan memperkembangkan ilmu pengetahuan

mengikuti trend pendidikan semasa. Tujuannya adalah untuk memastikan pencapaian akademik negara Malaysia sentiasa berada pada tahap yang berdaya saing dengan negara lain. Dengan itu, pencapaian akademik pelajar banyak dikaji untuk mengetahui prestasi modal insan dalam negara kita. Selain itu, kajian-kajian yang dibuat adalah usaha untuk mengurangkan jurang pencapaian pelajar serta meningkatkan pencapaian akademik.

Isu pandemik Covid-19 bukan suatu isu atau wabak penyakit yang baharu bagi masyarakat Malaysia mahupun luar negara. Pandemik telah mengubah norma kehidupan masyarakat dalam pelbagai bidang. Bidang pendidikan sudah tentu juga tidak dapat dikesualikan daripada perubahan yang dibawa oleh pandemik ini. Sepanjang pandemik ini, pelajar telah mengalami perubahan pembelajaran seperti pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dan juga pembelajaran bergiliran. Perubahan cara pembelajaran ini telah mempengaruhi pencapaian akademik dan kesihatan mental pelajar (Siti Hawa Dalila & Marzudi, 2021).

Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR) dalam kalangan pelajar sekolah adalah pada tahap sederhana. Pelajar-pelajar menyatakan bahawa interaksi bersama guru adalah terhad. Mereka kurang mendapatkan ilmu pengetahuan dari guru berbanding dengan pembelajaran sebelumnya (Berita Astro Awani, 2021). Secara tidak langsung, pencapaian akademik dan tahap penguasaan pembelajaran mereka terjejas. Walaupun sehingga kini selepas dua tahun berhadapan dengan pandemik, kualiti akademik pelajar masih terjejas. Hal ini demikian kerana, pelajar sudah membiasakan diri dengan norma baru dan tidak mempunyai dorongan untuk belajar (Mohd Shahidan Shaari, 2022).

Malah, melalui dapatan kajian lepas, prestasi akademik pelajar adalah pada tahap sederhana dan memuaskan. Dapatan kajian ini adalah dikumpulkan dari tahap pengajian dan latar belakang pelajar yang berbeza. Dalam kajian Siti Hawa Dalila dan Marzudi (2021) menunjukkan purata markah pelajar dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik adalah dalam tahap memuaskan. Selain itu, pencapaian akademik bagi pelajar B40 dalam sebuah sekolah rendah di Melaka dalam tahap sederhana (Koo Shi Ting & Ruhizan, 2020). Di samping itu, kajian Cheah Wei Hua dan Ruslin (2020) menunjukkan tahap pencapaian Bahasa Inggeris di sebuah sekolah rendah negeri Pahang adalah rendah.

Sebagai kesimpulan, maklumat tentang pencapaian akademik pelajar kebelakangan ini yang dikumpul dari tahap pengajian dan latar belakang yang berbeza adalah pada tahap sederhana dan memuaskan. Isu tahap pencapaian pelajar perlu ditangani. Hal ini demikian kerana pendidikan adalah dasar dalam merealisasikan misi sesebuah negara (Koo Shi Ting & Ruhizan, 2020). Selain itu, menekankan prestasi akademik pelajar dapat mendorong keterlibatan belajar pelajar dan meningkatkan kecenderungan atribut nilai yang positif dalam pelajar (Norzaini & Hanita, 2018). Dengan itu, pelajar akan menekan dalam pembelajaran akademik. Secara tidak langsung, pencapaian akademik mereka dapat ditingkatkan. Di samping itu, kajian mengenai pencapaian akademik amat penting untuk pengajar dan pelajar mengenalpasti keadaan pembangunan dan perkembangan pelajar (Muhammad Ikmal Rezal, 2018).

Kajian ini merupakan kertas konsep yang mengumpul literatur dari kajian-kajian yang lain. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dari tahap dan latar belakang yang berbeza. Pengkaji telah merumuskan faktor mempengaruhi pencapaian akademik pelajar dari sektor pendidikan rendah dan pendidikan menengah. Sampel kajian yang dibuat oleh pengkaji lepas adalah golongan dari pelajar Sekolah Kebangsaan, pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan, pelajar Sekolah Berasrama Penuh, pelajar Sekolah Berpendidikan Khas, pelajar B40 dan pelajar dari luar negara.

PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Pencapaian akademik pelajar amat penting dalam sistem pendidikan serta ditekankan oleh institusi sekolah. Pencapaian akademik pelajar bukan sahaja dapat mengukur keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan serta boleh mengetahui pengetahuan dan kemahiran dalam sesuatu subjek yang telah dikuasai oleh pelajar (Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020). Pencapaian akademik adalah kejayaan yang diperolehi oleh pelajar dalam peperiksaan atau ujian. Prestasi pelajar dalam sesuatu peperiksaan rasmi ditentukan dengan pencapaian akademik (Hariyanti, 2019).

Dari sudut kognitif, pencapaian akademik mempunyai hubungan antara keupayaan individu, persepsi diri, sikap individu, penilaian terhadap tugas serta strategi kognitif (Nor Fatin Aqila & Faridah, 2020). Pencapaian akademik di negara kita adalah merujuk kepada keputusan yang didapati oleh pelajar dalam peperiksaan atau pentaksiran bilik darjah. Keputusan akademik dipaparkan dalam bentuk markah, gred atau tahap penguasaan.

Pencapaian akademik dipandang sebagai aspek yang penting dalam kehidupan yang berorientasikan pendidikan, sikap serta intelek (Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020). Pencapaian akademik yang cemerlang dapat menentukan masa depan yang lebih baik. Sebagai contoh, kriteria untuk melanjut pelajaran ke tahap yang lebih tinggi adalah merujuk kepada pencapaian akademik (Irma Yanti et al., 2018). Dengan itu, pencapaian akademik adalah sebagai pengukur aras penguasaan ilmu pengetahuan yang seseorang peroleh. Berdasarkan perbincangan tentang istilah pencapaian akademik yang dilaporkan dalam kajian lepas, jelaslah bahawa pencapaian akademik adalah penting dan akan mempengaruhi kehidupan bagi setiap pelajar. Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi pencapaian akademik.

FAKTOR-FAKTOR MEMPENGARUHI PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR DAN STRATEGI PENYELESAIAN

Kajian-kajian lepas mengemukakan beberapa faktor yang dikaitkan dengan pencapaian akademik pelajar. Faktor yang dinyatakan dibahagikan kepada faktor luaran dan faktor pelajar. Faktor luaran merangkumi penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak, sokongan pembelajaran guru serta sokongan pembelajaran rakan sebaya, maka faktor pelajar merangkumi penghargaan diri dan motivasi. Setiap keadaan atau masalah mesti ada cara penyelesaiannya. Strategi penyelesaian faktor juga dibincang secara terperinci seperti berikut:

Penglibatan Ibubapa dalam Pembelajaran Anak dan Strategi Penyelesaian

a. Penglibatan Ibubapa dalam Pembelajaran Anak

Penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak ialah merujuk kepada tahap ibubapa melibatkan diri untuk menemani anak-anak mereka dalam aktiviti atau perkara yang mengenai pembelajaran (Susanto & Suyadi, 2020). Contohnya, kekerapan ibubapa membimbing anak-anak mereka menyiapkan tugas sekolah, perkongsian maklumat mengenai kemajuan akademik dan harapan anak, membantu anak merancang masa untuk membuat kerja atau projek khas yang diamanahkan oleh guru serta penyemakan hasil kerja anak. Menurut Nur Asyikin et al. (2021), proses penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak-anak mereka amat memerlukan kolaborasi antara ibubapa dengan pihak sekolah kerana kedua-dua pihak inilah yang bertanggungjawab untuk memberikan pendidikan bagi kanak-kanak.

Kekurangan penglibatan ibubapa dalam pembelajaran anak mempengaruhi pencapaian akademik pelajar. Hal ini demikian kerana masa yang terhad dan keletihan ibubapa selepas seharian bekerja. Menurut laporan Sinar Harian (2021), pekerja di Malaysia terpaksa bekerja lebih masa demi memenuhi keperluan kos sara hidup yang semakin tinggi di samping keadaan semasa disebabkan pandemik Covid-19. Trend bekerja lebih masa dilihat sudah pun menjadi satu kebiasaan bagi pekerja di Malaysia dalam beberapa tahun belakangan ini demi mencari pendapatan tambahan. Dengan itu, ibubapa perlu bekerja sampai lewat malam. Selepas mereka pulang dari kerja, anak-anak telah tidur dan mereka tidak mempunyai peluang untuk berkomunikasi dengan anak dan memahami keadaan mereka di sekolah.

Termize et al. (2021) menyatakan bahawa, interaksi bersama anak di rumah memberi implikasi yang positif terhadap pembelajaran kanak-kanak. Dalam kajian Irma Yanti et al. (2018) mendapati bahawa, ibubapa perlu kerap berkomunikasi dan berbincang tentang pembelajaran anak dan ini sangat penting kerana interaksi yang baik antara kedua-dua pihak dapat mewujudkan hubungan yang rapat. Anak-anak akan lebih mempunyai kehendak dan berani untuk berkongsi perkara atau masalah pembelajaran di sekolah, manakala ibubapa juga dapat memahami prestasi akademik anak melalui interaksi bersama anak. Namun, sesetengah ibubapa yang terpaksa bekerja dari awal pagi hingga lewat malam tidak mempunyai masa terluang dengan anak mereka. Kekurangan penglibatan ibubapa dalam pembelajaran pelajar telah menyebabkan ibubapa tidak dapat mengetahui kelemahan akademik anak dengan lebih lanjut dan seterusnya berusaha mencari jalan penyelesaian untuk mengurangkan tekanan atau masalah anak dalam pembelajaran.

b. Penganjuran Program dan Peranan Pentadbir untuk Menggalakkan Penglibatan Ibubapa.

Cadangan yang menggalakkan penglibatan ibubapa dalam pembelajaran kanak-kanak ialah pihak sekolah boleh memperbanyakkan aktiviti sekolah atau program untuk disertai oleh ibubapa. Pihak sekolah perlu menggalakkan ibubapa melibatkan diri dalam aktiviti di sekolah melalui program-program yang dapat menarik minat mereka seperti Hari Kantin, Hari Sukan dan Hari Interaksi (Shanti et al., 2019). Program-program boleh diadakan pada hujung minggu supaya ibubapa dapat meluangkan masa untuk menghadirinya. Apabila ibubapa melibatkan diri dalam aktiviti sekolah, mereka akan lebih memahami keadaan dan prestasi anak di sekolah. Secara tidak langsung, hubungan ibubapa dengan anak menjadi erat dan pelajar lebih ingin untuk berkongsi peristiwa di sekolah.

Selain itu, ibubapa juga berpeluang memainkan peranan sebagai sukarelawan dalam program sekolah untuk menjayakan program-program tersebut. Melalui penglibatan ibubapa sebagai sukarelawan di sekolah seperti program motivasi dan pembangunan diri, mereka dapat berkongsi pengalaman dan rahsia kejayaan mereka dengan pelajar-pelajar dan ini dapat memberikan semangat dan personaliti positif kepada pelajar untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka dan berjaya di luar persekitaran sekolah (Miranda Avnet et al., 2019). Justeru itu, pihak sekolah perlulah sentiasa bekerjasama dengan ibubapa dalam penganjuran program sekolah agar dapat meningkatkan lagi penglibatan ibubapa dalam segala aktiviti sekolah anak.

Cadangan yang seterusnya ialah, pihak pentadbir sekolah perlu mengamalkan sikap keterbukaan dengan ibubapa dan menggalakkan penglibatan mereka dalam proses mendidik anak-anak supaya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar (Abd. Rahman & Ramli, 2021). Pihak sekolah perlu menyediakan satu platform media sosial seperti *telegram* atau *whatsapp* untuk ibubapa meluahkan pendapat mereka atau menanya persoalan yang berkaitan dengan pembelajaran pelajar dan juga sekolah. Dengan ini, mereka dapat memahami keberadaan anak di sekolah walaupun mereka sibuk bekerja dan tidak dapat menghadiri aktiviti

di sekolah. Kerjasama yang positif antara ibubapa dengan guru dapat ditingkatkan melalui perbincangan yang dijalankan (Evangeline Sentillas et al., 2022). Guru bukan sahaja mempunyai lebih banyak peluang untuk membincangkan keperluan kanak-kanak dengan ibubapa, malah juga dapat lebih memahami latar belakang pelajar-pelajar sekiranya ibubapa sudi berkongsi membekalkan maklumat yang berkaitan dengan keluarga mereka. Guru dapat menjalankan pengajaran dan pembelajaran mengikut latar belakang pelajar. Dengan kerjasama antara guru dengan ibubapa dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar.

Sokongan Pembelajaran Guru dan Strategi Penyelesaian

a. Sokongan Pembelajaran Guru

Sokongan Pembelajaran Guru bermaksud guru memberi bimbingan kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, guru juga perlu mewujudkan suasana penyayang dan kondusif untuk menarik minat pelajar untuk belajar (Ahmad Fauzi et al., 2018). Sekiranya pelajar menghadapi masalah, guru dapat memahami keadaan pelajar dan membantu pelajar mengatasi masalah mereka.

Guru merupakan pemimpin pengajaran untuk membantu pelajar mencapai kejayaan mereka (Irwan Fariza et al., 2020). Malah, terdapat guru yang hanya menyampaikan pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Mereka tidak mempunyai interaksi dengan bertanya khabar bersama pelajar. Guru juga tidak memberi galakan dan sokongan kepada pelajar dalam sesi pengajaran. Kajian Ahmad Fauzi et al. (2018) menunjukkan, kekurangan sokongan guru akan menyebabkan pelajar berasa kejayaan atau usaha mereka tidak dihargai oleh guru. Dengan itu, pelajar akan tidak mempunyai minat untuk belajar. Secara tidak langsung, pencapaian akademik turut menurun.

Pencapaian akademik pelajar dapat ditingkatkan sekiranya hubungan yang mesra dapat berjaya dijalinan antara guru dan pelajar (Mairin et al., 2020). Sokongan guru dapat melahirkan pelajar seimbang dari aspek akademik dan emosi. Guru yang kurang mahir dalam teknik penyampaian pengajaran, melibatkan pelajar dalam pembelajaran dan mengurus serta mewujudkan persekitaran bilik darjah yang kondusif menjadi punca pelajar berasa bosan dalam bilik darjah dan tidak berminat terhadap isi pembelajaran yang disampaikan oleh guru tersebut (Norzaini & Hanita, 2018).

Di samping itu, guru yang kurang memberi sokongan dan galakan kepada pelajar menyebabkan pencapaian akademik pelajar semakin menurun. Sokongan guru dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti bilik darjah terutama bagi subjek yang kurang mahir atau kurang diminati (Irwan Fariza et al., 2020). Apabila pelajar menghadapi masalah dalam mata pelajaran yang kurang mahir dapat dibimbing oleh guru, maka dapat mendorong mereka untuk menerima halangan dan melibatkan diri dari aspek kognitif.

Justeru itu, keadaan psiko yang sihat akan wujud dalam diri pelajar dan keadaan ini dapat meningkatkan keinginan mereka untuk belajar. Pelajar akan lebih berusaha serta berkomited untuk belajar sekiranya pelajar mempunyai guru yang peka terhadap masalah dan keperluan pelajar (Hanita & Norzaini, 2018). Bukan setakat itu sahaja, harapan guru yang tinggi terhadap pencapaian akademik pelajar akan mendorong mereka untuk berprestasi dengan baik (Mairin et al., 2020).

b. Kelengkapan Guru dalam Kemahiran Mengajar dan Kemahiran Berinteraksi dalam Meningkatkan Sokongan Pembelajaran Guru

Bagi meningkatkan kualiti guru dalam mahir memberi sokongan pembelajaran kepada pelajar, guru harus melengkapkan diri dengan kemahiran mengajar dan kemahiran berinteraksi dengan pelajar. Pihak pentadbir sekolah memainkan peranan yang penting bagi menghasilkan guru yang boleh memberi sokongan pembelajaran kepada pelajar. Program latihan tambahan dalam aspek perkembangan dan pembangunan pelajar boleh didedahkan kepada semua guru (Irwan Fariza et al, 2020).

Kementerian Pendidikan atau pihak pengurusan sekolah di peringkat daerah (Pejabat Pendidikan Daerah) patut membuat rancangan bagi membentuk modul pembelajaran dan pemudahcaraan (Norzaini & Hanita, 2018). Selain itu, bengkel dan kursus pengajaran perlu dijalankan untuk mengukuhkan kemahiran PdPc guru. Guru perlu berhadapan dengan pelajar yang berbagai-bagai perangai. Oleh itu, latihan yang berterusan bagi setiap guru adalah penting supaya guru dapat menggunakan kaedah yang bersesuaian dengan sikap pelajar dan persekitaran sekolah. Dengan itu, guru akan pandai memilih strategi penyampaian pembelajaran yang sesuai supaya pelajar dapat mengikut pengetahuan yang guru ajar.

Kebijaksanaan guru dalam menilai tahap penguasaan pelajar dapat membantu pelajar meningkatkan prestasi akademik (Irwan Fariza et al., 2020). Melalui kursus atau bengkel yang disertai, guru akan lebih memahami pemikiran pelajar dan mengetahui bagaimana untuk bergaul dengan pelajar. Secara tidak langsung, guru telah melengkapkan diri dengan kemahiran berinteraksi dengan pelajar. Maka, guru dapat memahami dan mengetahui masalah pelajar yang akan menjejaskan akademik mereka. Dengan itu, guru boleh membantu pelajar tersebut mengatasi masalah mereka seterusnya meningkatkan komitmen pelajar untuk belajar. Pelajar akan berasa mereka dihargai guru dan menunjukkan keinginan untuk belajar dan mendapatkan pencapaian akademik yang baik.

Sokongan Pembelajaran Rakan Sebaya dan Strategi Peyeleaian

a. Sokongan Pembelajaran Rakan Sebaya

Sokongan pembelajaran rakan sebaya merujuk kepada pelajar menerima dorongan dan teman dari rakan sebaya dalam sesi pembelajaran. Rakan sebaya juga memainkan peranan penting dalam memberi galakan kepada pelajar untuk belajar (Ahmad Fauzi et al., 2018). Rakan sebaya adalah agen sosialisasi yang penting sepanjang sesi persekolahan pelajar. Sokongan rakan sebaya dapat membantu kanak-kanak mendapatkan sokongan sosial dan emosi daripada yang memahami situasi mereka. Sokongan pembelajaran rakan sebaya diwujudkan sekiranya pelajar dan rakan sebaya mempunyai pergaulan yang baik di sekolah.

Sokongan pembelajaran rakan sebaya dapat membantu pelajar dalam pembelajaran, meningkatkan rasa kepunyaan semasa di sekolah serta berasa dirinya dihargai oleh rakan sebaya. Sokongan rakan sebaya dapat menggalakkan pelajar untuk berusaha dalam pembelajaran seterusnya meningkatkan pencapaian akademik mereka (Norzaini & Hanita, 2018). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar akan mempunyai keyakinan dan keinginan untuk belajar sekiranya mereka sentiasa ditemani oleh rakan sebaya sepanjang pembelajaran berlangsung.

Di samping itu, sekiranya pelajar mempunyai pergaulan yang baik dengan rakan sebaya, mereka dapat menjalankan pembelajaran kolaboratif dengan rakan sebaya. Sehubungan itu, apabila pelajar mempunyai keinginan untuk mencapai kecemerlangan dalam aktiviti

kolaboratif, mereka akan berusaha dan mendorong antara satu sama lain bagi mengelakkan kegagalan dan memastikan sesuatu tugas yang diberi dilaksanakan dengan sempurna. Pelajar yang menjalankan tugas secara kolaboratif atau berkumpul dalam sesi pembelajaran lebih mudah mencapai markah yang lebih tinggi berbanding dengan belajar secara individu (Koo Shi Ting & Ruhizan, 2020). Faedah aktiviti berkumpul akan mendorong pembelajaran aktif dan menambahkan keberkesanan serta meningkatkan motivasi diri dalam belajar.

Selain itu, pelajar lebih selesa untuk berkongsi masalah yang dihadapi di sekolah dengan rakan sebaya (Koo Shi Ting & Ruhizan, 2020). Ini dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah rumit terutamanya yang berkaitan dengan pembelajaran mereka. Jika masalah yang dihadapi tidak diselesaikan akan menjejaskan keadaan dan prestasi pelajar dalam pembelajaran. Oleh itu, dapat membuktikan bahawa kewujudan sokongan rakan sebaya adalah penting. Menurut Ahmad Fauzi et al. (2018), terdapat hubungan yang signifikan antara sokongan rakan sebaya dengan pencapaian akademik pelajar kerana pelajar yang menerima sokongan tinggi daripada rakan sebaya akan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti pembelajaran di sekolah. Secara tidak langsung, prestasi akademik pelajar semakin mencapai tahap kecemerlangan maka pencapaian akademik turut ditingkatkan.

b. Peranan Guru dalam Mewujudkan Sokongan Pembelajaran Rakan Sebaya

Dalam meningkatkan sokongan pembelajaran rakan sebaya, guru juga memainkan peranan penting. Guru perlu menggunakan pendekatan yang sesuai yang boleh menggalakkan pelajar bersaing secara sihat antara satu sama lain seterusnya memupukkan penglibatan pelajar dalam aktiviti akademik (Irwan Fariza et al, 2020). Semakin tinggi penglibatan pelajar dalam akademik, semakin meningkat pencapaian akademik mereka.

Selain itu, guru boleh menjalankan pembelajaran secara koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran. Pembelajaran secara koperatif memerlukan pelajar untuk membuat perbincangan serta bekerjasama dalam kumpulan. Ini dapat mengeratkan hubungan pelajar dengan rakan sebaya. Hubungan yang erat dengan rakan sebaya dapat menggalakkan pelajar untuk belajar bersama-sama dan berbincang tentang latihan yang diberikan seterusnya meningkatkan pencapaian pelajar di sekolah (Ming-Te Wang, 2018).

Pihak sekolah perlu memperluaskan Program Pembimbing Rakan Sebaya serta menumbuhkan kumpulan rakan sebaya di bawah seliaan guru (Ng Pei San, 2022). Aktiviti perbincangan kumpulan, aktiviti *project based-learning* serta pembentangan secara kumpulan akan dijalankan oleh kumpulan rakan sebaya di bawah bimbingan dan pemantauan guru dari semasa ke semasa. Penilaian keberkesanan Program Pembimbingan Rakan Sebaya ke atas pencapaian akademik pelajar harus dijalankan pada sesi akhir persekolahan.

Penghargaan Kendiri dan Strategi Penyelesaian

a. Penghargaan Kendiri

Penghargaan kendiri merujuk kepada prestasi harga diri. Seseorang yang mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi akan mendapatkan maklum balas yang mengesahkan konsep kendiri mereka adalah positif serta menjadikan konsep kendiri lebih stabil dan lebih jelas (Nor Fatin Aqila et al., 2020). Dengan kata lain, tahap kepuasan terhadap diri sendiri dan keyakinan terhadap kemampuan diri sendiri diwujudkan dalam individu yang mempunyai aspek prestasi harga diri.

Pelajar yang mempunyai tahap penghargaan sendiri yang lebih tinggi dapat mengurus tekanan dengan baik (Sandeep Kumar Jaiswal & Rashmi Choudhuri, 2017). Dalam kajian Bojanic et al. (2019) menunjukkan bahawa, penghargaan sendiri yang tinggi mempunyai mental yang baik dan mengembangkan penghargaan sendiri terhadap tekanan serta lebih yakin. Sekiranya pelajar menghadapi tekanan pembelajaran maka, mereka dapat menangani tekanan dengan baik. Dalam konteks ini, pelajar yang tidak mempunyai tekanan akan berusaha untuk belajar dan tidak menganggap belajar adalah perkara yang susah. Secara tidak langsung, pencapaian akademik pelajar adalah dalam prestasi yang baik. Dalam kajian Chea Wei Hua dan Ruslin (2020) mendapati bahawa, terdapat hubungan yang signifikan antara penghargaan sendiri dan prestasi akademik dalam kalangan pelajar yang mempunyai skor tinggi dalam prestasi akademik. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa, penghargaan sendiri yang tinggi membawa kepada prestasi akademik yang baik.

Justeru itu, bagi pelajar yang mempunyai penghargaan sendiri akan mengejar pencapaian akademik yang cemerlang kerana mereka mempunyai kepuasan terhadap diri sendiri (Cheah Wei Hua & Ruslin, 2020). Mereka jelas bahawa tanggungjawab mereka dalam pembelajaran. Pencapaian akademik adalah aspek yang perlu dipertimbangkan sebagai seorang pelajar. Sebaliknya, pelajar yang kurang mempunyai penghargaan sendiri, mereka tidak akan mempunyai kesediaan untuk mempelajari sesuatu yang baharu. Mereka juga akan kurang keyakinan dan menyebabkan prestasi akademik rendah. Mereka akan memberi pelbagai alasan untuk tidak menerima ilmu pengetahuan yang baru. Dengan itu, pencapaian akademik pelajar tidak dapat dicapai ke tahap yang cemerlang.

b. Peranan Iubapa dalam Meningkatkan Penghargaan Kendiri Pelajar

Peranan ibubapa amat penting dalam membentuk penghargaan sendiri pelajar. Pelajar yang mendapatkan sokongan ibubapa mempunyai penghargaan sendiri yang tinggi berbanding dengan pelajar yang kurang mempunyai sokongan ibubapa (Jhoselle Tus, 2020). Iubapa merupakan orang yang paling dekat dengan pelajar dan juga orang yang paling mempengaruhi penghargaan sendiri pelajar. Pelajar akan mengharapkan pencapaian dan kejayaan mereka dapat diperakui oleh ibubapa.

Dengan itu, pelajar akan menghargai diri sendiri. Iubapa perlu berinteraksi dan memberi didikan kepada pelajar dengan sabar dan penuh dedikasi agar pelajar dapat mengetahui nilai pada dirinya. Iubapa tidak boleh memaksa anak semata-matanya dengan mendapatkan markah yang tinggi dalam pentaksiran mata pelajaran yang kurang mahir (Azlina et al., 2020). Paksaan ibubapa akan menimbulkan kesan bertentangan. Iubapa perlu membantu pelajar membina penghargaan sendiri. Sekiranya pelajar mempunyai penghargaan diri, maka mereka akan mengejar prestasi yang baik. Secara tidak langsung, pencapaian akademik pelajar dapat dipertingkatkan.

Apabila pencapaian akademik pelajar mencapai tahap yang cemerlang, ibubapa memainkan peranan penting dalam memberikan pujian kepada pelajar. Hal ini demikian kerana, setiap individu memerlukan penghargaan sendiri yang terdiri daripada kejayaan dan keyakinan (Azlina et al., 2020). Kefungsian keluarga yang positif dan baik boleh mengeratkan hubungan pelajar malah meningkatkan penghargaan sendiri. Sokongan dan galakkan yang diberikan kepada pelajar memberi implikasi yang positif terhadap penghargaan sendiri. Dengan adanya penghargaan sendiri yang tinggi, maka pencapaian akademik juga dapat ditingkatkan (Chea Wei Hua & Ruslin, 2020).

Tahap Motivasi dan Strategi Penyelesaian

a. Tahap Motivasi

Pelajar yang bermotivasi akan berusaha mencari kaedah untuk mencapai matlamat. Tahap motivasi pelajar mempengaruhi sejauhmana pelajar sanggup meluangkan tenaga serta usaha untuk menjalankan tugas tersebut (Wan Naliza & Siti Mistima, 2020). Motivasi dalam Teori Determinasi Diri dibahagikan kepada dua jenis iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi intrinsik merujuk kepada efikasi sendiri, berdikari, tahap kebimbangan, minat serta keinginan pelajar untuk berjaya (Nadeerah & Siti Mistima, 2022). Pelajar bermotivasi intrinsik lebih baik dalam membuat tugas atau kerja dan mereka memastikan kualiti tugas dan kerja. Dengan itu, pelajar yang bermotivasi intrinsik sudah mempunyai dorongan untuk melakukan sesuatu. Motivasi telah diwujudkan pada diri pelajar. Mereka juga jelas tentang kepentingan mendapat pencapaian akademik yang baik. Semua aktiviti pembelajaran dapat diselesaikan dengan sedaya upaya untuk berjaya. Oleh itu, pencapaian akademik pelajar pada tahap yang tinggi.

Motivasi ekstrinsik merujuk kepada ganjaran atau pujian diberikan dapat mempengaruhi tingkah laku seseorang. Jika pelajar bermotivasi ekstrinsik akan cenderung untuk melaksanakan tugas sehingga mencapai matlamat yang tertinggi (Muhammad Ikmal Rezal et al., 2020). Pelajar yang bermotivasi ekstrinsik lebih cenderung bagi memfokus kepada hasil akhir seperti markah peperiksaan. Oleh itu, dorongan dan sokongan luaran dapat meningkatkan motivasi ekstrinsik pelajar untuk belajar bersungguh-sungguh supaya dapat mencapai tahap pencapaian akademik yang tinggi.

Pelajar yang mempunyai tahap motivasi intrinsik dan ekstrinsik yang tinggi mementingkan pencapaian akademik dalam pembelajaran mereka. Motivasi adalah satu aspek yang penting dalam menghasilkan pembelajaran yang baik dan sempurna. Dalam kajian Wan Naliza dan Siti Mistima (2020), pelajar dengan tahap motivasi yang rendah memperoleh tahap pencapaian dalam tahap gagal dan kepujian. Ini bermaksud bahawa tahap motivasi pelajar terhadap pembelajaran yang rendah memberi maksud usaha pelajar adalah pada tahap rendah. Ini membuktikan bahawa tahap motivasi pelajar yang rendah merupakan faktor tahap pencapaian akademik kebanyakan pelajar yang rendah. Dalam kajian Muhammad Ikmal Rezal et al. (2020), nilai kolerasi antara motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik adalah signifikan. Ini membuktikan bahawa terdapat hubungan yang positif serta signifikan antara motivasi dengan pencapaian akademik pelajar.

b. Pelaksanaan Program kepada Pelajar dan Kemahiran Pengajaran Guru dalam Meningkatkan Tahap Motivasi Pelajar

Dalam memupukkan motivasi pelajar, pihak sekolah perlu mengadakan program intervensi. Program ini adalah sebagai program sokongan bagi menyelesaikan masalah motivasi pelajar. Program intervensi bersifat khusus untuk meningkatkan kefahaman pelajar tentang kepentingan belajar dan pencapaian akademik untuk masa depan (Wan Naliza & Siti Mistima, 2020). Dengan itu, keinginan pelajar untuk berjaya dapat disemaikan dalam hati pelajar. Menumbuhkan kesedaran pelajar agar mereka dapat berasa pentingnya belajar dan menerima belajar adalah tanggungjawab mereka sehingga belajar bersungguh-sungguh adalah salah satu bentuk motivasi (Nadeerah & Siti Mistima, 2022).

Pelajar belajar dengan bersungguh-sungguh kerana motivasi telah diwujudkan pada diri pelajar. Pelajar mempunyai motivasi untuk belajar secara tidak langsung pencapaian akademik

dapat ditingkatkan. Bagi meningkatkan motivasi pembelajaran pelajar, guru perlu mengembangkan bahan pembelajaran. Sebagai contoh, guru menggunakan gambar, video, grafik dan aktiviti permainan. Dengan proses pembelajaran yang menarik dan melibatkan pelajar akan menarik minat pelajar untuk belajar. Emosi dan motivasi pelajar akan dipengaruhi dengan gaya pengajaran guru (Nadeerah & Siti Mistima, 2022).

Selain itu, guru juga haruslah menggunakan bahasa yang sederhana supaya memudahkan pelajar untuk memahaminya. Terdapat peningkatan motivasi jika pelajar memahami objektif tugas dan aktiviti yang diberikan (Wan Naliza & Siti Mistima, 2020). Penyampaian pengajaran dan pembelajaran perlu dari mudah ke sederhana, dari sederhana ke sukar. Dengan itu, pelajar mempunyai keyakinan untuk meneruskan pembelajaran yang semakin mencabar.

KESIMPULAN

Pencapaian akademik pelajar di Malaysia berada pada tahap memuaskan. Keadaan ini amat membimbangkan pelbagai pihak kerana pelajar adalah model insan yang membimbing negara menjadi maju dan terbilang. Dalam hal ini, semua pihak mempunyai tanggungjawab untuk meningkatkan prestasi akademik negara kita. Situasi ini perlu diatasi supaya dapat memenuhi aspirasi Pelan Pendidikan Negara yang dilancarkan PPPM (2013-2025) bagi melahirkan generasi yang cemerlang. Dapat dilihat faktor penglibatan ibubapa, sokongan pembelajaran guru, sokongan pembelajaran rakan sebaya, penghargaan sendiri dan tahap motivasi telah mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar. Dengan itu, kementerian pendidikan, pihak pentadbiran, guru dan ibubapa perlu berganding bahu untuk menyelesaikan. Semua pihak perlu berpegang pada peranan sendiri dan melaksanakan tugas yang berbeza. Pihak tersebut mempunyai hubungan yang saling bergantung dalam suatu isu yang diwujudkan. Kerjasama semua pihak dapat meningkatkan atau menyelesaikan faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian akademik pelajar.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan khas kepada penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar dalam membimbing menyiapkan kertas konsep ini. Penghargaan juga diberikan kepada kepada ahli keluarga yang tersayang kerana sentiasa memberi sokongan, motivasi dan sokongan moral sepanjang pengajian. Akhir sekali, terima kasih kepada pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi ajaran dan didikan sepanjang dua tahun pengajian Sarjana.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, I., & Ramli, A. A. (2021). Isu dan Cabaran dalam Pelaksanaan Pendidikan Peringkat Rendah dan Menengah: Pendekatan Malaysia Semasa Pandemik Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9): 1-13.
- Abd Wahab, N., & Maat, S. M. (2022). Hubungan antara Motivasi Pelajar dengan Pencapaian Matematik: Kajian Literatur Bersistematik. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(4):1-13.
- Ayub, A. F. M., Yunus, A. S. M., & Mahmud, R. (2018). Pengaruh Guru, Rakan Sebaya Sokongan Keluarga terhadap Keterlibatan Matematik dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: The Influence of Teachers Support, Students' Cohesiveness and Parental Involvement toward Mathematics Engagement among Secondary School Students. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 8(1):1-12.



- Azman, N., & Yusoff, H. M. (2018). Pencapaian Akademik Pelajar Lelaki dan Perempuan: Peranan Sokongan Pembelajaran dan Keterlibatan Pelajar. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 15(2), 257-287.
- Bernama. (2021). Keberkesanan Kaedah PdPR pada Tahap Sederhana-KPM. *Astro Awani*, 20 September.
- Bojanić, Z., Nedeljković, J., Šakan, D., Mitić, P., Milovanović, I. & Drid, P. (2019). Personality Traits and Self-esteem in Combat and Team Sports. *Frontiers in Psychology, Movement Science and Sport Psychology*.
- Cheah, W. H., & Amir, R. B. (2020). Penghargaan Kendiri dan Motivasi Pencapaian terhadap Pencapaian Bahasa Inggeris Pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(1): 216-234.
- Evangeline Sentillas, Rhyna Limpangog, Madeline Elorde, Vicenta Estapia, Delia Jariolne, Hazel Acuna, Jayson Jao & Cherrylyn Capampangan. (2022). Behavioral Management of Parents and Teachers and the Student's Performance under the New Normal. *World Journal on Education and Humanities Research* 3(1): 1-13.
- Gosman, M., Nazarudin, N., Noordin, Z., Saharin, A., & Saili, R. (2020). Hubungan Penglibatan Ibubapa dan Peranan Guru dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences (IRJES)*, 4(1): 1-12.
- Hariyanti Abd Hamid. (2019). Pengaruh Efikasi Kendiri terhadap Motivasi dan Pencapaian Akademik Siswa Pendidik. *Jurnal IPDA*. 26: 104-114.
- Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan & Fathiyah Mohd Fakhrudin. (2018). Penglibatan Ibubapa dalam Aktiviti Pembelajaran Anak di Rumah dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). *E-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi*.5(1):43-62.
- Jaafar, W. N. W., & Maat, S. M. (2020). Hubungan antara Motivasi dengan Pencapaian Matematik dalam Kalangan Pelajar Sekolah Luar Bandar: The Relationship Between Motivation and Mathematics Achievement among Rural School Students. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 10(1): 39-48.
- Jaiswal, S. K. & Choudhuri, R. (2017). Academic Self-Concept and Academic Achievement of Secondary School Students. *American Journal of Educational Research*, 5(10):1108-1113.
- Khair, A. M., Rodzuwan, N. A. S., Noor, A. M., Jaafar, W. M. W., & Hassan, M. M. (2020). Sokongan Sosial, Penghargaan Kendiri dan Kemurungan dalam kalangan Mahasiswa di Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(11): 33-42.
- Miranda Avnet, David Makara, Karen H. Larwin, & Matthew Erickson. (2019). The Impact of Parental Involvement and Education on Academic Achievement in Elementary School. *International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE)*. 8(3):476-483
- Mohd Shahidan Shaari. (2022). Bimbang Kualiti Pelajar Era Pandemik. *Malaysia Gazette*, 10 April.
- Muhammad Amnan Hibrabim. (2021). Pekerja Malaysia makin Tertekan. *Sinar Harian*, 1 Mei.
- Muhammad Ikmal Rezal Othman, Nurazwa Ahmad & Nor Kamariah Kamaruddin. (2020). Hubungan antara Motivasi Intrinsik dan Ekstrinsik dengan Pencapaian Akademik Pelajar UTHM. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*: 3(2), 57-64.
- Noor Lela Ahmad, Sho Sin Looi, Hariyaty Ab Wahid & Rohaila Yusof. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*. 4(28) : 28-51.
- Nur Asyikin Ab Latif, Mohd Izham Mohd Hamzah & Mohammed Yusoff Mohd Nor. (2021). Perubahan Guru dalam Amalan dan Pegangan: Peranan Kolaborasi. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3 (1) :279-288.

- San, N. P. (2022). Bantuan Sokongan Rakan Sebaya terhadap Perkembangan Pembelajaran Pelajar Program Pendidikan Inklusif Menggunakan Buddy System. *Amalan Terbaik dalam Pendidikan Khas dan Inklusif*, 1.
- Shanti Ramalingam, Mahendran Maniam & Gunasegaran Karuppanan. (2019). Penglibatan Ibubapa dalam Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Tamil di Selangor. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*. 3(3): 308- 323.
- Shohaimy, N. F. A. M., & Kuty, F. M. (2021). Hubungan antara Tahap Konsep Kendiri Akademik dan Tahap Penghargaan Kendiri dalam Kalangan Pelajar-Athlet di UKM Bangi. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(7), 236-245.
- Sidik, I. F., Awang, M. M., & Ahmad, A. R. (2020). Sokongan Guru dan Keterlibatan Pelajar dalam Aktiviti Pembelajaran Meningkatkan Pencapaian Akademik. *Educational Development & Innovative Technological Applications for Improving Societal Wellbeing*, 53.
- Siti Hawa Dalila Mohd Shukri & Marzudi Md Yunus. (2021). Kesan Pandemik Covid-19 terhadap Pencapaian Tahap Akademik Pelajar. *JMS*. 4(1): 313 – 343.
- Susanto, E & Suyadi, S. (2020). The Role of Parents' Attention in the Moral Development of Chusna Apriyanti, The Role of Parents 25 Children in the Amid of COVID-19 Pandemic. *Jurnal Ilmiah Sekolah Dasar*. 4 (3): 355.
- Termize, M. F., Mohd, R., & Zamri, A. (2021). Tahap Sokongan Ibubapa dalam Membantu Pembelajaran Pelajar B40 di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan*. 3(1): 707-717.
- Ting, K. S., & Yasin, R. M. (2020). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Rendah Golongan B40. In *Conference Of Future Education And Advances (ICOFEA)*: 302.
- Tus, J. (2020). Self-concept, Self-esteem, Self-efficacy and Academic Performance of the Senior High School Students. *International Journal of Research Culture Society*, 4(10):45-59.
- Wang, M. T., Kiuru, N., Degol, J. L., & Salmela-Aro, K. (2018). Friends, Academic Achievement, and School Engagement during Adolescence: A Social Network Approach to Peer Influence and Selection Effects. *Learning and Instruction*, 58:148-160

Jurnal Teknikal dan Sains Sosial

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Tan Yi Fang

Pelajar Sarjana Pendidikan (Pendidikan Psikologi Pendidikan)
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Malaysia
p118096@siswa.ukm.edu.my

STRATEGI MENANGANI KEKURANGAN MOTIVASI BELAJAR MURID

Nadirah Halim^{1a}

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^a
g-54347258@moe-dl.edu.my

ASBTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenalpasti strategi menangani kekurangan motivasi belajar dalam kalangan murid di Malaysia, terutama pada peringkat sekolah menengah. Kebanyakan murid pada masa kini dilihat semakin kurang memiliki motivasi belajar sehingga menjejaskan pencapaian akademik, berlaku peningkatan pelbagai masalah disiplin dan keinginan generasi muda kini untuk terus mengikuti pembelajaran sepanjang hayat yang semakin pudar. Metodologi kertas konsep ini adalah berdasarkan kajian di perpustakaan, iaitu melalui pengumpulan pelbagai maklumat dan bahan berkaitan faktor, isu-isu yang mempengaruhi kajian serta cadangan untuk meningkatkan motivasi belajar murid di sekolah yang dibincangkan secara umum. Dapatan kajian ini diharap dapat membantu guru bimbingan dan kaunseling, guru mata pelajaran, pihak sekolah dan ibubapa untuk memberi sokongan dan dorongan kepada murid sekolah menengah secara berterusan agar murid kekal minat dan bermotivasi untuk meneruskan pembelajaran di sekolah.

Kata Kunci: Motivasi Belajar, Murid Sekolah

ABSTRACT

This study was conducted with the aim of identifying strategies for addressing the lack of learning motivation among students in Malaysia, especially at the secondary school level. Many students today are seen as increasingly lacking motivation for learning, which affects their academic achievement, leading to various discipline problems and diminishing the desire of the younger generation to continue lifelong learning. The methodology of this concept paper is based on library research, which involves collecting various information and materials related to factors and issues influencing the study and proposing ways to enhance students' learning motivation in schools in general. The findings of this study are expected to assist guidance and counseling teachers, subject teachers, schools, and parents in providing continuous support and encouragement to secondary school students so that they remain interested and motivated to continue their education in school.

Keywords: Learning Motivation, Secondary School Students

PENGENALAN

Pendidikan merupakan salah satu cara manusia menghayati hidup dan juga menjadi syarat utama bagi seseorang mencapai kesempurnaan diri dari segi intelektual, psikologi, dan sosial. Selain itu, pendidikan juga berperanan sebagai sumber untuk melahirkan individu berkualiti. Kajian Norfarahzatul Asikin et al. (2022) menjelaskan, pendidikan adalah pemangkin yang memberi galakan kepada peningkatan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi. Rozaidi (2022) menjelaskan, pendidikan merupakan satu usaha secara terancang yang dilakukan oleh manusia bagi merealisasikan proses pembelajaran secara efektif untuk mencungkil dan mengembangkan potensi diri dari aspek kekuatan spiritual, kawalan diri, kecerdasan, adab, serta keterampilan yang diperlukan oleh masyarakat dan negara.

Kajian Shaamala. R dan Mohd Izwan (2022) serta kajian Januari Dwi Puspitarini dan Muhammad Hanif (2019) menemukan bahawa aktiviti pembelajaran akan berjalan lancar apabila murid mempunyai motivasi belajar, seterusnya mampu meningkatkan pencapaian akademik mereka. Pencapaian prestasi akademik pula adalah jaminan kepada kehidupan murid yang lebih baik di masa hadapan. Oleh itu, salah satu faktor penyumbang kepada pencapaian prestasi akademik di sekolah adalah motivasi murid untuk meneruskan usaha belajar, menimba dan mencari ilmu pengetahuan.

Kekurangan motivasi belajar boleh mengurangkan minat murid untuk terus belajar dan mempengaruhi penurunan prestasi akademik di sekolah. Selain itu, motivasi yang rendah juga mengakibatkan keterlibatan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran semakin berkurangan (Shaamala. R & Mohd Izwan, 2022). Hal ini kerana, motivasi bertindak sebagai pemandu arah kepada seseorang individu untuk mencapai tujuan yang ditetapkan, mengubah sikap, minat dan tingkah laku yang lebih baik. Kebiasaannya, motivasi wujud dalam diri seseorang individu kerana keinginannya untuk memenuhi keperluan fisiologi, seperti keperluan untuk makan dan minum atau keperluan psikologi seperti mendapatkan penghargaan dari orang sekeliling. Namun begitu, jika murid tidak bermotivasi untuk belajar, maka mereka hanya cenderung untuk menerima sahaja proses pembelajaran tanpa mempunyai matlamat dan tujuan yang jelas dalam hidup dan berisiko tercalar dari pembelajaran di sekolah.

Pelbagai faktor telah menjejaskan motivasi belajar murid yang merangkumi faktor dalaman dan faktor luaran telah mempengaruhi perkembangan murid dan prestasi belajar di sekolah. Norfarahzatul Asikin et al. (2022) menyatakan bahawa, faktor diri sendiri seperti sikap, minat dan motivasi belajar murid yang lemah adalah faktor yang penting dalam mempengaruhi kadar keciciran di sekolah, penglibatan murid dalam pelbagai masalah sosial dan terdapat hubungan yang signifikan dengan prestasi belajar murid.

Selain itu, hasil kajian empirikal Durrotunnisa et al. (2023) ke atas 7 orang murid yang kurang motivasi belajar dari kelas VIII SMPN 15 Palu, Indonesia pula menunjukkan bahawa, murid sering tidak hadir ke sekolah, jarang melibatkan diri dalam sesi pembelajaran, tidak melakukan sebarang tugas yang diberikan oleh guru memperoleh skor prestasi akademik yang rendah. Muhammad C. Moslem et al. (2019) mengelaskan bahawa, terdapat beberapa faktor yang boleh menjejaskan motivasi belajar murid yang merangkumi faktor dalaman yang berasal dari dalam diri murid seperti keadaan fizikal dan rohani, matlamat, kebolehan diri, dan perhatian. Faktor luaran pula berasal dari sekeliling kehidupan murid seperti keadaan persekitaran, elemen dinamik dalam pembelajaran dan pembelajaran serta usaha guru dalam menguruskan bilik darjah.

Muhammad C. Moslem et al. (2019) juga menjelaskan bahawa, keinginan murid, keadaan persekitaran, elemen dinamik dalam pengajaran dan pembelajaran adalah faktor paling dominan dalam mempengaruhi motivasi belajar murid dalam kategori yang berbeza. Hasil pemerhatian kajian ini mendapati bahawa murid tidak memberi perhatian semasa guru mengajar, lewat menghantar tugas di sekolah, tidak menyelesaikan tugas yang diberikan di rumah, kerap berulang-alik ke tandas, ponteng kelas untuk berada di kantin serta murid kerap bermain telefon bimbit semasa di dalam kelas secara bersembunyi. Hal ini menunjukkan bahawa, murid mempunyai motivasi belajar rendah telah hilang fokus dan minat belajar di dalam kelas, cepat bosan, mudah putus asa dan cuba mengelakkan melakukan pelbagai aktiviti di semasa sesi pembelajaran dilaksanakan.

Justeru itu, isu kekurangan motivasi belajar dalam kalangan murid merupakan masalah psikologikal yang tidak boleh dipandang ringan dan perlu diatasi untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti dan memartabatkan prestasi sektor pendidikan di Malaysia. Rozaidi Omar

(2022) mendefinisikan motivasi belajar sebagai, satu proses memotivasi murid untuk memperbaiki diri bagi menghasilkan hasil pembelajaran yang memuaskan, manakala minat murid untuk belajar merupakan titik permulaan hasil rangsangan motivasi diri dalam proses belajar yang boleh dieksploitasi untuk mencapai hasil yang diinginkan secara optimum.

Motivasi belajar merupakan titik tolak kepada murid dalam pembelajaran yang boleh digunakan untuk menanam minat untuk meneruskan tuntutan ilmu dan mencapai matlamat kejayaan. Nur Syazana dan Mohd Nasir (2020) mengemukakan bahawa, motivasi dalam pembelajaran mempengaruhi murid dalam menentukan strategi pembelajaran yang sesuai dan memperkukuh semangat untuk berusaha dalam proses pembelajaran. Motivasi belajar murid yang tinggi juga dapat mendorong proses pembelajaran yang efektif dan pengembangan potensi murid dengan komprehensif dalam segenap aspek.

MOTIVASI BELAJAR

Definisi dan Teori

Motivasi

Motivasi merujuk kepada rangsangan atau dorongan yang meningkatkan minat individu dalam mencapai matlamat tertentu, mengubah sikap, kecenderungan, dan mengubah tingkah laku sebagai respons kepada keperluan fisiologi atau psikologi yang telah ditetapkan. Saedah Siraj et al. (1996), seperti yang dikutip dalam kajian Alhaadi dan Norimah (2019) menyatakan bahawa, motivasi merupakan daya penggerak untuk mencapai kejayaan dalam mencapai matlamat dan menghindari kegagalan. Murid yang bermotivasi akan dengan sukarela melakukan sesuatu, mengikut kemahuan sendiri, ingin terlibat dalam aktiviti yang mengarah kepada matlamat yang diinginkan, dan mempunyai ketekunan untuk tempoh masa tertentu.

Nur Fatimah dan Faridah (2022) menyimpulkan bahawa, pencapaian prestasi pembelajaran yang baik didorong oleh individu yang bermotivasi dan terus berusaha. Motivasi juga menjadi sumber kekuatan peribadi yang mendorong individu dalam mengejar tujuan hidup dan mempersiapkan mereka untuk menghadapi tugas dengan baik. Impaknya, murid dapat merasakan kepuasan dan kegembiraan dalam proses pembelajaran ketika mereka menyadari pentingnya pendidikan dalam kehidupan mereka. Namun, tanpa keinginan untuk belajar, proses pembelajaran tidak dapat terjadi. Keinginan untuk belajar bergantung pada motivasi yang tepat yang dapat mendorong aktiviti pembelajaran.

Alhaadi Ismail et al. (2019) menjelaskan, motivasi timbul daripada pelbagai faktor, dan tahap motivasi seseorang individu boleh berubah dari masa ke masa. Kelman dan Straker (2000), Noels (2002), Ma'rof dan Haslinda (2003), serta Yanuari Dwi Puspitarini dan Muhammad Hanif (2019) menghuraikan bahawa faktor-faktor yang membentuk motivasi dalam individu boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu motivasi intrinsik dan ekstrinsik. Noels et al. (2000) dalam kajian yang dilakukan oleh Lily Hanefarezan et al. (2018) menyatakan bahawa, motivasi intrinsik mencerminkan sejauh mana seorang murid merasa terlibat dalam aktiviti yang didorong oleh keinginan internal seperti rasa ingin tahu (pengetahuan), minat, kepuasan, dan dorongan untuk menghadapi cabaran dengan menyelesaikan tugas (pencapaian), dan keinginan untuk mendapatkan ganjaran dan kepuasan dalaman (stimulasi).

Teori Penentuan Kendiri oleh Deci & Ryan (1985) menggambarkan motivasi intrinsik sebagai kecenderungan seseorang untuk melaksanakan tugas kerana sedar bahawa tugas tersebut mencabar, memuaskan, dan menarik. Sementara itu, motivasi ekstrinsik merujuk

kepada pemberian ganjaran, suasana belajar yang selesa, dan aktiviti pembelajaran yang menarik yang dipengaruhi oleh imbalan luaran seperti pengiktirafan ijazah, peluang pekerjaan, pemberian ganjaran, dan sebagainya. Motivasi ekstrinsik ini berpunca dari sumber luaran bagi pelajar seperti tuntutan ibubapa, persekitaran pembelajaran yang selesa, rakan sebaya yang menyeronokkan, dan aktiviti pembelajaran yang menarik dan tidak menyenangkan.

Teori Motivasi Robert C. Gardner (2005), yang dikaji oleh Alhaadi et al. (2019), turut merujuk dapatan daripada penyelidikan Keller (1983) yang menyatakan bahawa, motivasi melibatkan individu dalam membuat pilihan mengenai matlamat, pengalaman, dan usaha yang dilakukan untuk menghindari atau mencapai hasrat tertentu. Individu yang mempunyai motivasi tidak mudah berputus asa dan memiliki keinginan yang tinggi untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Namun begitu, teori ini menjelaskan bahawa meskipun banyak orang memiliki matlamat, seringkali matlamat tersebut tidak berhasil dicapai kerana kurangnya motivasi yang mendorong mereka untuk berusaha dengan gigih. Individu yang memiliki motivasi tinggi juga mampu meramalkan keberhasilan mereka sendiri, dan setelah keberhasilan tersebut dicapai, keyakinan diri mereka meningkat secara signifikan.


Di samping itu, dalam kajian Masita et al. (2021), teori motivasi terbukti memberi sumbangan yang signifikan dalam mencari penyelesaian bagi masalah prestasi akademik murid. Motivasi memainkan peranan penting dalam menentukan sikap dan tahap pencapaian akademik murid, sama ada semakin meningkat atau menurun. Rooijackers (1996) dalam kajian yang sama menjelaskan bahawa, proses motivasi pembelajaran dapat dikategorikan dalam tiga peringkat, iaitu:

- 1) Motivasi Jangka Panjang: Seseorang murid akan belajar secara tekun dalam menghadapi ujian atau peperiksaan akhir tahun. Mereka akan memaksa diri mereka untuk memahami setiap pelajaran yang telah diajar oleh guru atau pensyarah mereka semasa dalam kelas.
- 2) Motivasi Jangka Pendek: Minat pada sesuatu masa yang memerlukan murid memahami setiap penjelasan yang berkaitan dengan pembelajaran. Keadaan ini disebabkan oleh motivasi jangka pendek dipengaruhi oleh motivasi jangka panjang.
- 3) Kadar Surut Ingatan (Regresi): Sesuatu proses yang melemahkan ingatan seseorang mengenai sesuatu perkara. Oleh itu, untuk mengecilkan kadar tersebut, motivasi perlu ditanam dalam diri setiap murid.

Motivasi Belajar

Keperluan dominan untuk belajar, yang dikenal sebagai motivasi belajar sangat penting dalam memberikan semangat untuk terus melanjutkan proses pembelajaran (Rike Andriani & Rasto, 2019). Menurut penjelasan Dimiyati dan Mudjiono (2006), motivasi belajar merupakan pemangkin internal yang merangsang seseorang untuk terus mengikuti aktiviti pembelajaran dan menentukan arah pembelajaran untuk mencapai tujuan tertentu. Motivasi dianggap sebagai faktor psikologi yang mempengaruhi dan mengatur aktiviti manusia, terutama dalam konteks belajar. Ratumanan (2002) bersetuju dengan mengatakan, motivasi adalah dorongan asas yang mendorong seseorang untuk bertindak.

Dalam kajian Rike Andriani dan Rasto (2019) terdapat pendapat Monika dan Adman (2017) yang menjelaskan bahawa, motivasi belajar adalah ransangan dalaman dan luaran di dalam kehidupan seseorang individu untuk menjalankan aktiviti pembelajaran dengan lebih gigih. Pengkaji turut menyimpulkan bahawa motivasi belajar memainkan peranan penting dalam perkembangan seorang murid, dan hasil pembelajaran akan mencapai tahap optimum apabila motivasi belajar mencukupi. Pengkaji ini akan menghuraikan dapatan kajian melalui kerangka teori yang berikut:



Gambar 1. Kerangka Teori

H1 = Terdapat pengaruh motivasi belajar terhadap hasil belajar murid

Dengan demikian, Uno (2006) dan Muhammad Faiz et al. (2022) menyimpulkan bahawa, motivasi belajar merupakan faktor psikologi yang mendorong murid dalam proses pembelajaran untuk mengubah perilaku menjadi lebih baik dan bertanggungjawab serta terus melanjutkan pembelajaran bagi mencapai keberhasilan yang gemilang. Selain itu, Crow dan Crow (1983) mengemukakan bahawa sikap, motivasi belajar, dan minat belajar yang berkekalan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pencapaian murid semasa proses pembelajaran.

TUJUAN KAJIAN

Kertas konsep ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor dan ciri-ciri yang mempengaruhi kekurangan motivasi belajar dan strategi-strategi menangani kekurangan motivasi belajar dalam kalangan murid di peringkat sekolah menengah.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN LEPAS

Pelbagai kajian terdahulu membuktikan bahawa terdapat berbagai faktor penyebab penurunan motivasi belajar dalam kalangan murid sekolah. Rozaidi Omar (2022) mendapati bahawa, punca murid mencapai tahap motivasi belajar dan minat belajar yang sederhana adalah kerana murid terlibat dengan masalah disiplin dan gejala sosial. Selain itu, kesan arus pembangunan teknologi dunia yang semakin pesat membangun pada masa kini juga memberi kesan yang sangat mendalam terhadap motivasi belajar murid. Dapatan kajian Fauzan Makatitaa et al. (2022), Muhammad C. Moslem et al. (2019), Husna et al. (2017) dan Jannah et al. (2015) pula menyatakan bahawa, bermain *game* secara *online* atau permainan atas talian memberi impak besar terhadap motivasi belajar murid.

Implikasi permainan game tersebut dapat dikelompokkan menjadi dampak positif dan dampak negatif. Dampak positif yang boleh terjadi pada perubahan perilaku seseorang adalah murid mengalami peningkatan kemampuan berbahasa Inggeris kerana dengan secara langsung, murid diajar untuk lebih memahami serta berkebolehan membangunkan teknologi maklumat. Dari dampak negatif yang berisiko berlaku pula adalah seperti menggunakan masa yang lama untuk bermain sehingga menimbulkan ketagihan, mengurangkan aktiviti bersosial dengan masyarakat sekeliling dan persekitaran, murid menjadi malas untuk belajar dan murid gemar menanggungkan tugas yang diberi oleh guru. Djamarah (2002) menyatakan bahawa, tahap motivasi sama ada tinggi atau rendah menjadi penanda aras terhadap pencapaian dan prestasi akademik murid. Hal ini demikian kerana, murid merasakan permainan *game* di atas talian lebih penting dan menyeronokkan daripada menelaah buku atau belajar.

Selain itu, dapatan kajian Masita et al. (2021) menyatakan bahawa, faktor sosioekonomi, iaitu murid yang berasal latar belakang keluarga golongan B40 kurang bersemangat dan tiada keinginan untuk meneruskan pembelajaran. Hal ini demikian kerana, menurut Cude et al. (2006), tekanan disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh murid boleh memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik murid. Mereka hilang minat dan tumpuan di dalam kelas kerana tertekan dengan masalah kewangan yang dihadapi, malah tahap kemahiran sosial mereka juga tidak berkembang kerana faktor kewangan yang terbatas menyebabkan murid dari

latar belakang B40 ini sering kali menghadapi kesukaran dalam menyertai pelbagai program atau aktiviti kampus yang diadakan oleh sekolah atau universiti. Kesannya, gaya pembelajaran murid B40 ini berbeza dan mempengaruhi tahap motivasi mereka.

Peranan guru turut memberi impak ke atas proses meningkatkan motivasi belajar murid kerana guru mempunyai banyak masa dengan murid di sekolah. Namun demikian, kaedah pengajaran diamalkan oleh kebanyakan guru masih mengamalkan pendekatan tradisional dan sumber pengajaran yang terhad hanya kepada buku teks sahaja. Pendekatan pengajaran yang masih tradisional ini membosankan murid-murid. Tambahan lagi, Yanuari Dwi Puspitarini dan Muhammad Hanif (2019) menyatakan bahawa, guru gemar menggunakan kaedah kuliah atau pengajaran berorientasikan guru secara diktator dalam proses pembelajaran. Kesannya, murid tidak memberi perhatian dan sukar tidak memahami kandungan pengajaran yang disampaikan sehingga menyebabkan motivasi belajar murid merosot.

Hasil dapatan kajian oleh Nor Aroma (2021) pula menunjukkan bahawa, tahap motivasi belajar responden dari Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) berada pada tahap sederhana dan berkemungkinan disebabkan oleh sekolah yang terletak di kawasan pedalaman yang menghadapi keterbatasan sumber daya, termasuk peralatan pengajaran. Selain itu, faktor-faktor luaran seperti keadaan sosioekonomi keluarga atau pendapatan isi rumah juga turut memberi kesan ke atas motivasi belajar murid. Di sekolah-sekolah di kawasan bandar pula, terdapat keterbatasan dan cabaran dalam penggunaan peralatan digital, disebabkan oleh masalah akses internet yang lemah dan kekurangan peranti pintar yang sesuai (Tamilnullai Thannimalai & Salini Baloh, 2021).

Kajian oleh Reza Fathuddin Yusuf et al. (2022) menyatakan bahawa, faktor motivasi belajar murid rendah akibat keadaan fizikal yang kerap sakit dan kurang mendapat perhatian daripada ahli keluarga, dan beliau turut menyokong kenyataan Che Ahmad Azlan et al. (2020) yang menjelaskan, pengaruh penyebaran wabak Covid-19 baru-baru ini telah menyebabkan gangguan dalam corak pembelajaran. Murid-murid mengalami penurunan semangat, kehilangan motivasi, menghadapi kesulitan untuk fokus dalam pembelajaran secara dalam talian serta kekurangan infrastruktur yang lengkap menambahkan lagi impak ke atas kemerosotan motivasi belajar murid.

Kesimpulannya, motivasi belajar yang rendah menyebabkan keinginan murid untuk menuntut ilmu semakin berkurangan dan kualiti belajar murid menjadi semakin merudum serta menjadi lemah. Oleh itu, berdasarkan kajian-kajian lepas jelaslah bahawa banyak faktor yang mempengaruhi motivasi belajar murid yang rendah, maka pelbagai langkah yang drastik dan konsisten perlu diambil bagi memahami keadaan ini dalam usaha untuk mengatasinya.

CADANGAN

Motivasi dalam pembelajaran boleh digunakan sebagai petunjuk prestasi akademik seorang murid kerana semakin tinggi tahap motivasi belajar menyebabkan semakin besar usaha yang akan diberikan untuk belajar dengan tekun. Menurut kajian oleh Nor Aroma et al. (2021) yang mendapati, motivasi belajar boleh dipengaruhi oleh faktor dalaman seperti individu itu sendiri, keluarga, dan peranan masyarakat setempat. Prestasi belajar murid di sekolah juga berkait rapat dengan tahap motivasi mereka dan pelbagai punca luaran yang boleh memberi kesan kepada tahap motivasi belajar murid, seperti harapan dari individu yang signifikan dalam lingkungan mereka seperti ibubapa, rakan sebaya, dan guru di sekolah. Mengikut Mohammad Fadzia et al. (2021), murid akan lebih termotivasi dan aktif dalam pembelajaran apabila terdapat sokongan

dari persekitaran mereka di sekolah. Oleh itu, pelbagai strategi boleh digunakan untuk meningkatkan motivasi belajar dalam kalangan murid di sekolah.

Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK)

Peranan, usaha, dan kehadiran GBK memainkan peranan penting dalam memberikan sokongan sosial kepada murid untuk meningkatkan motivasi ekstrinsik, seperti memberikan galakan dan motivasi yang bertujuan untuk meningkatkan pemahaman dan kesedaran murid tentang pentingnya belajar dan mencapai kejayaan. Nur Fatimah dan Faridah (2022) menjelaskan bahawa, bagi menjaga motivasi diri, sokongan sosial perlu diberikan kepada murid sebagai pencetus dan kekuatan untuk terus melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran.

GBK harus berperanan untuk melaksanakan sesi kaunseling dan program-program peningkatan motivasi berkala pada murid di sekolah secara berterusan. Dapatan kajian oleh Fahrurrazi dan Riska Damayanti (2021) ke atas 5 orang murid MA Madania menunjukkan bahawa selepas GBK melaksanakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, murid menunjukkan perubahan, iaitu mereka menyedari bahawa pembelajaran adalah aspek penting, maka murid mula belajar kerana mereka mula mempunyai keinginan untuk melakukan tugas, belajar secara bebas dan belajar dalam kumpulan dengan rakan-rakan mereka. Responden kajian tersebut juga mengatakan bahawa pembelajaran adalah keperluan untuk masa kini dan masa hadapan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pelajar sudah mempunyai dorongan atau motivasi untuk belajar dan mencapai matlamat mereka atau mendapatkan sesuatu yang mereka mahukan.

Peranan Guru



Zakaria et al. (2007) juga menyatakan bahawa, penggunaan gaya pembelajaran yang sesuai oleh guru dapat mengembangkan motivasi belajar murid. Selain itu, guru juga boleh menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dan interaktif bagi membantu dorongan minat belajar dan keterlibatan murid dalam proses pembelajaran untuk meningkatkan motivasi belajar mereka. Masita et al. (2021) menyatakan bahawa, guru yang menyampaikan ilmu dengan penggunaan strategi pengajaran yang sesuai dapat merangsang murid mengaplikasikan gaya pembelajaran yang lebih berkesan dan seterusnya dapat merangsang para murid untuk meningkatkan tahap motivasi terhadap pencapaian akademik. Dapatan kajian Yanuari Dwi Puspitarini dan Muhammad Hanif (2019) membuktikan bahawa, murid lebih berminat dalam proses pembelajaran menggunakan media, selain buku atau pengajaran berorientasikan guru semata-mata. Pengkaji juga mengesyorkan alternatif menggunakan teknologi sebagai medium dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berfungsi sebagai alat sokongan yang lebih efektif dan cekap dalam mencapai objektif pembelajaran.

Guru boleh menggunakan strategi pembelajaran yang mencabar seperti permainan dan membawa bahan bantu mengajar seperti media interaktif yang boleh merangsangnya minda dan minat murid. Cabaran belajar yang bersesuaian memberikan peluang untuk pertumbuhan dan perkembangan serta mendorong murid untuk berusaha lebih keras. Penggunaan bahan dan media teknologi sebagai media pembelajaran yang lebih "ekstrim" juga boleh menjadi alternatif untuk mengatasi batasan ruang dan masa proses pembelajaran yang sedia ada supaya guru tidak perlu menjelaskan bahan tersebut kepada murid secara berlebihan.

Dapatan kajian Ayu Aristika et al. (2021) menjelaskan bahawa, guru boleh menggunakan model pembelajaran hibrid, iaitu model pembelajaran inovatif yang menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi sebagai bahan interaktif yang boleh memudahkan guru memahami tugas, tanggungjawab mereka sebagai pendidik dan meningkatkan motivasi belajar murid dan

guru. Bukan itu sahaja, penggunaan model pembelajaran ini dapat meningkatkan semangat untuk belajar dalam kalangan murid kerana motivasi pembelajaran ini memberi tumpuan kepada perhatian, kaitan, keselesaan, dan kepuasan mereka. Gaya pengajaran dan pembelajaran yang baik dari seorang guru dapat merangsang minat dan motivasi para murid untuk meningkatkan prestasi dalam proses pembelajaran dan mencapai kejayaan di sekolah.

Kompetensi guru juga memainkan peranan penting dalam mempengaruhi motivasi belajar murid ketika menghadapi pengalaman pembelajaran di sekolah. Muallimul Huda (2017) berpendapat bahawa, kecekapan guru mempengaruhi tingkah laku dan motivasi belajar mereka. Alhaadi dan Norimah (2019) mendapati, pengukuhan positif daripada guru memainkan peranan dalam membentuk motivasi pembelajaran dan dapat memelihara tingkah laku murid yang baik di dalam bilik darjah. Satu kajian yang dilakukan oleh Muhammad Faiz Rosli et al. (2022) mengesyorkan agar, guru meningkatkan latihan persediaan mengajar dengan menguasai kandungan kurikulum, memperoleh kemahiran pedagogi yang mendalam, memahami dan menggunakan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) dengan mahir, memperoleh pemahaman dalam psikologi pembelajaran, serta mengembangkan kemahiran kaunseling. Dengan ini, guru akan lebih bersedia untuk menerapkan kaedah pengajaran dan pembelajaran kelas abad ke-21 dengan keberkesanan yang tinggi. Di samping itu, guru juga perlu peka terhadap pelbagai keperluan, minat, dan tahap kebolehan belajar supaya tindakan yang sesuai dapat diambil untuk membantu murid mencapai matlamat pembelajaran yang cemerlang.

Dalam konteks sekolah, peranan guru sebagai pendidik mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap motivasi belajar murid melalui gaya, teknik pengajaran, dan tahap kecekapan mereka. Guru yang menjadi fasilitator aktif dalam proses pembelajaran dapat menggalakkan pelajar meneroka potensi dan kebolehan mereka secara optimum. Dalam kajian Nor Aroma et al. (2021), Awang (2010) menyatakan bahawa, apabila seorang murid memperlihatkan kesungguhan dalam belajar untuk mencapai keputusan yang cemerlang, maka mereka dikategorikan sebagai murid yang mempunyai motivasi. Tambahan pula, Hashim (2012) dalam kajian yang serupa mendapati bahawa, murid yang mengamalkan pembelajaran aktif adalah mereka yang memiliki motivasi yang tinggi, manakala murid yang menggunakan pendekatan pembelajaran pasif adalah mereka yang kurang bermotivasi atau mempunyai motivasi yang rendah.

Peranan Ibubapa

Ibubapa berperanan sebagai pendorong motivasi luaran dalam kehidupan setiap murid. Kajian oleh Gan Jin Wan dan Faridah (2023) pula ini membuktikan, penglibatan ibubapa dalam aktiviti pembelajaran anak adalah penting dalam memupuk motivasi belajar. Kelazimannya, pada peringkat awal pembentukan motivasi, minat, dan keinginan untuk belajar dalam diri murid diperoleh dari rumah, iaitu melalui sokongan dan dorongan keluarga akan menjadi asas kepada kejayaan murid di sekolah. Mageret Lo dan Ruhizan (2022) menyatakan bahawa, keterlibatan ibubapa memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan proses pembelajaran dan motivasi anak-anak mereka di rumah, manakala Mohammad Fadzia et al. (2021) dan Mohd Muizzuddin et al. (2018) pula menyatakan, ibubapa menjadi penyokong dan pendorong kepada perkembangan anak-anak yang boleh menjadi asas kejayaan murid di sekolah.

Menurut Rohanizan (2018) dan Zulkifli et al. (2011), melalui asuhan dan didikan yang sempurna, sikap prihatin dan pemberian kasih sayang yang mencukupi oleh ibubapa menghasilkan hubungan kekeluargaan yang mesra dan saling mempercayai antara anak dan ibubapa. Tambahan lagi, anak-anak mampu merasakan diri mereka dihargai oleh anggota keluarga. Kajian oleh Mageret Lo dan Ruhizan (2022) serta kajian Mohammad Fadzia et al. (2021) menyimpulkan bahawa, peranan ibubapa sebagai pendorong semangat kepada anak-

anak sangat penting dalam membantu mereka menjadi individu yang berdedikasi dan yakin dalam proses pembelajaran. Pengkaji-pengkaji ini membahagikan tiga kaedah yang dilakukan oleh kebanyakan ibubapa sebagai pendorong peningkatan motivasi belajar murid. Kaedah-kaedah tersebut adalah seperti:

- i. Ibubapa meningkatkan kawalan disiplin anak-anak ketika di rumah dengan memantau mereka menyiapkan kerja rumah dan mengurus masa dengan bijak.
- ii. Ibubapa juga perlu mewujudkan persekitaran komunikasi yang jelas untuk menunjukkan keprihatinan dan sokongan moral mereka agar anak-anak minat belajar seperti memberi pujian, harapan dan nasihat. Kata-kata semangat dan sokongan daripada kedua ibubapa adalah antara bentuk sokongan positif yang dapat mengembangkan motivasi anak-anak dalam proses pembelajaran. Anak-anak akan merasa lebih yakin kerana mereka menyedari bahawa ibubapa mereka memberikan perhatian kepada pembelajaran mereka.
- iii. Kolaborasi yang positif oleh ibubapa terhadap pihak sekolah perlu diwujudkan menerusi sokongan terhadap pelaksanaan pelbagai aktiviti sekolah yang menyokong pembelajaran murid. Hal ini menunjukkan bahawa ibubapa turut memberi perhatian kepada aktiviti yang dilakukan oleh anak-anak semasa di sekolah. Kolaborasi ini penting dalam membantu pihak sekolah mengatasi isu keciciran dalam pelajaran dan memperkukuhkan sahsiah murid.

Motivasi murid akan menurun dan minat mereka terhadap pembelajaran akan merosot jika mereka tidak mendapat sokongan daripada ibubapa. Zulkifli et al. (2011) menjelaskan, ibubapa yang memahami keinginan dan impian anak-anak serta memberikan sokongan kepada impian anak-anak akan meningkatkan kejayaan mereka dalam pelajaran. Usaha dan kerjasama ibubapa sangat penting agar murid-murid dapat memperoleh ilmu bukan sahaja di sekolah tetapi anak-anak akan terus belajar ketika berada di rumah.

Peranan Rakan Sebaya

Rakan sebaya merupakan individu yang berada dalam lingkungan terdekat dengan murid semasa proses pembelajaran dijalankan di sekolah. Oleh itu, pengaruh rakan sebaya dapat mempengaruhi motivasi belajar, minat, dan kegembiraan murid dalam memberikan tumpuan di dalam kelas. Menurut Noor Erma dan Leong Kwan Eu (2014), rakan sebaya memainkan peranan penting dalam perkembangan individu kerana kebanyakan individu lebih mudah memilih teman yang mempunyai minat dan kecenderungan yang sama, dan hal ini memudahkan mereka dalam membina hubungan yang harmoni untuk berkongsi pengalaman dan idea. Apabila seorang murid berkawan dengan rakan sebaya yang juga berminat dalam mata pelajaran yang sama, peluang untuk menguasai dan memahami proses pembelajaran tersebut juga meningkat.

Huber et al. (2018) turut menyatakan bahawa, hubungan dengan rakan sebaya mempunyai kaitan dengan perkembangan aspek sosial dan akademik. Kewujudan persamaan dalam tahap, kemampuan, dan minat dalam kalangan rakan sebaya juga mampu mencipta rasa keselesaan bagi murid semasa berinteraksi. Interaksi sosial yang selesa di dalam bilik darjah pula dapat meningkatkan rasa seronok untuk terus belajar. Dapatan daripada penyelidikan Alhaadi Ismail dan Norimah (2019) ke atas murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang menunjukkan pengaruh rakan sebaya yang rajin mempelajari Bahasa Melayu akan menjadi tempat rujukan rakan lain dan sumber sokongan kepada murid lain untuk mendapatkan bantuan. Mereka akan selalu mencontohi dan mengikut semua pergerakan dan perilaku rakan sebaya. Oleh itu, rakan sebaya boleh bertindak sebagai sumber sokongan emosi dan agen yang mendorong motivasi belajar menerusi perkongsian pengetahuan, pemahaman, dan kemahiran yang dimiliki. Kolaborasi ini boleh membangkitkan semangat persaingan yang sihat dan

menggalakkan murid untuk berusaha lebih baik dalam pembelajaran. Perasaan rasa dihargai juga akan wujud apabila murid dan rakan sebaya saling membantu mereka dalam mengatasi cabaran belajar di sekolah.

Kemahiran Interpersonel

Kemahiran interpersonal adalah salah satu kemahiran penting yang perlu ada dalam pelaksanaan proses pembelajaran yang berkesan. Kemahiran interpersonal adalah kemahiran untuk berinteraksi dengan orang bagi tujuan komunikasi, penyelesaian masalah dan membuat rundingan. Dapatan kajian oleh Chairunnisah Putri Ayu Ningsih & Emi Puspita Dewi (2022) menunjukkan bahawa, komunikasi interpersonal perlu ada pada setiap pendidik, agar dapat memahami perkara serta kemahuan murid dalam sesi pembelajaran. Hal ini bertujuan agar aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat mengikut jangkauan pendidik, iaitu pembelajaran yang disampaikan dapat difahami dengan baik dan seterusnya dapat meningkatkan motivasi kepada murid dalam pembelajaran. Komunikasi interpersonal dapat menunjukkan sikap keterbukaan, empati, sokongan, rasa positif dan kesaksamaan antara seorang pendidik kepada muridnya. Pengkaji menyatakan bahawa kebanyakan murid kurang motivasi belajar kerana mereka mempunyai konflik dengan keluarga, namun kemahiran komunikasi interpersonal yang baik antara pendidik dengan murid dapat membuat murid untuk tidak berhenti belajar.

RUMUSAN

Konsep, teori dan kajian lepas yang berhubung dengan tahap motivasi belajar murid menunjukkan bahawa peningkatan tahap motivasi belajar adalah elemen yang sangat penting bagi menarik minat murid menimba ilmu pengetahuan secara berterusan dan meningkatkan prestasi belajar. Kajian yang dijalankan oleh Mageret Lo dan Ruhizan (2022) ke atas murid Cina di SJKC membuktikan bahawa, kejayaan dalam menguasai bahasa kedua bergantung kepada motivasi yang tinggi pada murid.

Melalui kajian-kajian sebelum ini juga telah membuktikan bahawa, terdapat pelbagai cara dan strategi untuk mengatasi masalah motivasi belajar yang lemah dalam kalangan murid sekolah, dan semua pihak berkepentingan perlu memainkan peranan yang aktif dan berkesan dalam menggalakkan motivasi belajar murid. Guru perlu menyampaikan pengajaran yang menarik dan relevan, memberikan sokongan serta pengiktirafan kepada prestasi murid. Ibubapa perlu memberikan dorongan, memperlihatkan minat dan kepentingan terhadap proses belajar anak, termasuklah melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti sekolah. Pentadbir sekolah perlu mencipta persekitaran pembelajaran yang kondusif dan menyediakan sumber yang mencukupi. Masyarakat setempat juga perlu memberikan sokongan moral dan mengiktiraf pencapaian murid dalam bidang akademik. Oleh itu, dengan kerjasama dan komitmen semua pihak, motivasi belajar murid dapat ditingkatkan dan memberi impak yang positif terhadap perkembangan mereka dalam bidang pendidikan.

Motivasi belajar yang dimiliki oleh murid sekolah juga menunjukkan bahawa murid yang mengamalkan motivasi yang sedia ada dalam diri mereka akan berjaya. Namun begitu, pelbagai dapatan kajian lepas yang dikaji lebih berfokuskan kepada faktor luaran yang mempengaruhi peningkatan tahap motivasi belajar murid seperti gaya pembelajaran, kompetensi guru dan latar belakang keluarga. Faktor dalaman seperti pengaruh tahap kesihatan mental, efikasi sendiri, sikap murid dan tahap keyakinan diri murid ke atas motivasi belajar kurang diambilkira dan dikaji di Malaysia. Sebagai cadangan masa depan, faktor dalaman ini adalah sangat penting untuk dikaji pada untuk merapatkan jurang masalah kajian untuk menentukan sama ada faktor dalaman atau faktor luaran yang paling dominan dalam mempengaruhi motivasi belajar murid.

Tambahan lagi, ransangan emosi dan psikologi juga sangat penting dalam memastikan kemenjadian seseorang murid berkembang secara positif dan seimbang. Sesungguhnya, pembolehubah dalaman murid seperti motivasi diri untuk menimba ilmu di sekolah didapati memberi impak kepada keseronokan mereka untuk belajar dengan lebih baik.

Usaha yang giat perlu dilakukan dalam meningkatkan semangat murid untuk belajar dan memperbaiki sistem pendidikan yang berkualiti walaupun menghadapi banyak cabaran dan kesulitan yang timbul akibat wabak Corona Virus 19. Para ibubapa, guru dan pentadbiran sekolah perlu mengenalpasti tahap motivasi belajar murid yang pelbagai untuk memudahkan penentuan strategi dan tindakan yang paling berkesan bagi meningkatkan semangat murid untuk terus belajar, mewujudkan suasana pembelajaran yang berkesan, meningkatkan kecekapan guru menguruskan pedagogi dan meningkatkan kualiti prestasi pencapaian sekolah dengan lebih konsisten pada masa akan datang serta menghadapi cabaran zaman sains dan teknologi masa kini.

Semua pihak perlulah memainkan peranan bersungguh-sungguh dalam memberi galakan dan menyediakan persekitaran serta kemudahan yang sesuai kepada murid supaya mereka berasa selesa semasa menerima pembelajaran. Walaubagaimanapun, menurut Rozaidi Omar (2022), guru, keluarga dan rakan mampu memberikan motivasi, tetapi keinginan untuk belajar juga perlu datang dari dalam diri murid tersebut. Oleh itu, murid juga perlu, memahami kecenderungan diri, melibatkan diri untuk belajar, mengetahui kekuatan dan kelemahan diri sendiri dalam menentukan kesesuaian cara belajar serta meneruskan semangat dalam menuntut ilmu. Kesedaran inilah yang akan menjadi pendorong kepada murid untuk meningkatkan prestasi mereka dalam pelajaran dan mencapai matlamat kejayaan pada masa hadapan.



PENGHARGAAN

POLITEKNIK
Jurnal Teknikal dan Sains Sosial

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada barisan pensyarah bidang Psikologi Pendidikan saya di Universiti Kebangsaan Malaysia di atas segala tunjuk ajar, nasihat dan bimbingan yang diberikan dalam membantu saya menghasilkan penulisan kertas ini. Ribuan terima kasih kepada suami saya, Ziyad bin Nordin yang sentiasa memberi kasih sayang dan dorongan yang amat saya perlukan. Ucapan terima kasih kepada ibu saya, kedua-dua ibubapa mentua dan seluruh ahli keluarga saya di atas doa, sokongan, bantuan, toleransi dan cinta kalian, sehingga kajian ini dapat disempurnakan dengan jayanya. Sesungguhnya segala pengorbanan yang telah dilakukan amat saya sanjungi dan akan saya ingati sepanjang hayat ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada pentadbir sekolah yang telah banyak meluangkan masa untuk menghulurkan bantuan. Terima kasih juga diucapkan buat mereka yang sentiasa menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak langsung sehingga projek ini selesai. Terima kasih.

RUJUKAN

- Alhaadi Ismail & Norimah Zakaria. (2019). Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Pembelajaran Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid di SJKC Chung Hwa Teluk Kemang. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 7(3), 2019: 23-30
- Ayu Aristika, Darhim, Dadang Juandi & Kusnandi. (2021). The Effectiveness of Hybrid Learning in Improving of Teacher-student Relationship in Terms of Learning Motivation. *Emerging Science Journal* (ISSN: 2610-9182) Vol. 5, No. 4, August, 2021
- Chairunnisah Putri Ayu Ningsih & Emi Puspita Dewi. (2022). Komunikasi Interpersonal dalam Meningkatkan Motivasi Belajar Mahasiswa. *Wardah*, Vol 23, Iss 2, Pp 330-338 (2022).



- Che Ahmad Azlan, Jeannie Hsiu Ding Wong, Li Kuo Tan, Muhammad Shahrudin Nizam, A. D. Huri, Ngie Min Ung, Vinod Pallath, Christina Phoay Lay Tan, Chai Hong Yeong & Kwan Hoong Ng. (2020). Teaching and Learning of Postgraduate Medical Physics using Internet-Based E-Learning During The COVID-19 Pandemic-A Case Study from Malaysia. *Physica Medica*, 80, 10-16
- Crow, L. D. & Crow, L. (1983). *Psikologi Pendidikan untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Cikgu Prihatin. (2012). *Konsep Motivasi dan Jenis-jenis Motivasi*. <http://mycikguprihatin.blogspot.com/2012/08/konsep-motivasi-dan-jenis-jenis-motivasi.html>
- Cude, B. J., Lawrence, F. C., Lyons, A. C., Metzger, K., Lejeune, E., Marks, L., & Machtmes, K. (2006). *College Students and Financial Literacy: What They Know and What We Need to Learn*. Eastern Family Economics and Resource Management Association Conference.
- Dimiyati, & Mudjiono. (2006). *Belajar & Pembelajaran*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Durrotunnisa, Mardi Lestari & Ridwan Syahrani (2023). Bimbingan Kelompok Teknik Modeling Simbolik untuk Meningkatkan Motivasi Belajar Daring Siswa. *Jurnal Basic Edu* Volume 7 Nomor 1 Tahun 2023 Halaman 351-362 Research & Learning in Elementary Education <https://jbasic.org/index.php/basicedu>
- Djamarah Syaiful Bahri. (2002). *Strategi Belajar Mengajar*. Jakarta: Rineka Cipta.
- Fahrurrizi & Riska Damayanti (2021). The Effort of Counseling Guidance Teacher in Developing Student Learning Motivation. *Journal of Advanced Guidance and Counseling* Vol. 2 No. 1 (2021), 72-82 DOI: <https://doi.org/10.21580/jagc.2021.2.1.8098>
- Fauzan Makatitaa, Lilla Mariab, Ach. Dafir Firdausc. (2022). Hubungan antara Kecanduan Bermain Game Online dengan Motivasi Belajar pada Siswa Sekolah Menengah Pertama. *Profesional Health Journal*. Volume 4, No.1, Bulan Desember Tahun 2022 (Hal. 25-36) <https://www.ojsstikesbanyuwangi.com/index.php/PHJ>
- Gan Jin Wan & Faridah Mydin Kuty. (2023). Peranan Ibubapa Bukan Berbangsa Cina dalam Memupuk Motivasi Belajar Anak di Prasekolah SJKC. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2023, Volume 8, Issue 3, e002206 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i3.2206>
- Hastini Anuar, Shahlan Surat & Saemah Rahman (2023). Sikap dan Motivasi Murid Sekolah Rendah Selepas Era Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) COVID-19. *Jurnal Dunia Pendidikan*. e-ISSN: 2682-826X | Vol. 5, No. 1, 293-303, 2023 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Huber, H. B., Carter, E. W., Lopano, S. E., & Stankiewicz, K. C. (2018). Using Structural Analysis to Inform Peer Support Arrangements for High School Students with Severe Disabilities. *American Journal on Intellectual and Developmental Disabilities*, 123(2), 119-139
- Kelman, E.G., & Straker, K.G. (2000). *Study without Stress*. London: Sage Publications Inc. Mahmood
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2020). *Surat siaran KPM Bilangan 3 Tahun 2020: Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Akibat Penularan Jangkitan Covid-19 bertarikh 20 Jun 2022*. Putrajaya: Bahagian Pengurusan Sekolah.
- Lily Hanefarezan Asbulah, Maimun Aqsha Lubis, Ashinida Aladdin & Musab Sahrim. (2019). Tahap Motivasi Holistik, Intrinsik dan Ekstrinsik terhadap Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Graduan Universiti Awam. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, Vol. 33, 75-93, 2018.
- Ma'rof Redzuan & Haslinda Abdullah (2003). *Psikologi*. Universiti Putra Malaysia: McGraw Hill.
- Mageret Lo & Ruhizan M. Yasin (2022). Penglibatan Ibubapa dan Komuniti serta Hubungannya dengan Motivasi Murid SJKC Sepanjang PdPR. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 4, e001426 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i4.1426>



- Masita Mt. Zin, Muhammad Nasri Md. Hussain & Abdullah Hj. Abdul Ghani (2021). Kesan Pembelajaran dan Motivasi terhadap Prestasi Akademik Pelajar. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)* Vol. 7: No. 21 (April 2021) page 49-56 | www.gbse.com.my | eISSN : 24621714
- Mohammad Fadzia Termize, Ruhizan Mohd & Ahmad Zamri (2021). Tahap Sokongan Ibubapa dalam Membantu Pembelajaran Murid B40 Di Sekolah Luar Bandar. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 3, No. 1, 707-717, 2021 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpc>
- Mohd Muizzuddin Mohd Nor, Mohamad Fauzi Sukimi, & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku Kaum Jakun di Rompin, Pahang. *GEOGRAFIA Online Malaysian Journal of Society and Space* 14(1): 72-86
- Mualimul Huda. (2017). Kompetensi Kepribadian Guru dan Motivasi Belajar Siswa (Studi Korelasi Pada Mata Pelajaran PAI. *Jurnal Penelitian*, 11(2), 237-266. <https://doi.org/10.21043/jupe.v11i2.3170>
- Muhammad C. Moslem, Mumu Komaro & Yayat. (2019). Faktor-Faktor yang Menyebabkan Rendahnya Motivasi Belajar Siswa dalam Mata Pelajaran Aircraft Drawing di SMK. *Journal of Mechanical Engineering Education*, Vol. 6, No. 2, Desember 2019.
- Muhammad Dzharil Shah Andarin & Noor Raudhiah Abu Bakar. (2017). Hubungan antara Personaliti, Gaya Pembelajaran, Faktor Persekitaran dan Keagamaan dengan Pencapaian Akademik dalam Kalangan Pelajar IPTS Selangor. <http://conference.kuis.edu.my/iconlee/images/e proceeding/020-iconlee-2017.pd>
- Muhammad Faiz Rosli, Abd Razaq Ahmad & M. Khalid M. Nasir. (2022). Hubungan antara Kompetensi Guru dengan Motivasi Murid untuk Belajar dalam Norma Baharu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 3, e001373. DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1373>
- Nahdiatul Husna, Ellyn Normelani & Sidharta Adyatma. (2017). Hubungan Bermain Games dengan Motivasi Belajar Siswa Sekolah Menengah Pertama (SMP) di Kecamatan Banjarmasin Barat. *Jurnal Pendidikan Geografi*. ISSN 2356-5225.
- Norfarahzatul Asikin Zakari, Mohamad Zuber Abd. Majid & Muhammad Hussin. (2022). Keciciran Murid Sekolah di Malaysia: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN : 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 2, e001288 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1288>
- Noor Erma Abu & Leong Kwan Eu (2014). Hubungan antara Sikap, Minat, Pengajaran Guru dan Pengaruh Rakan Sebaya terhadap Pencapaian Matematik Tambahan Tingkatan 4. *JUKU: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik* - Januari 2014, Bil. 2 Isu 1
- Nor Aroma Abu Bakar, Puvaneswary Batmanathan & Zetty Nurzuliana Rashed. (2021). Tahap Motivasi Belajar dalam Kalangan Murid di Dua Buah Sekolah di Daerah Hilir Perak. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)* e-ISSN: 2756-8938.
- Nur Fatihah Zainuddin & Faridah Mydin Kutty (2022). Hubungan Motivasi Diri dan Sokongan Sosial terhadap Kesejahteraan Psikologi Pelajar Universiti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* (e-ISSN: 2504-8562) 2022, Volume 7, Issue 2, e001308 DOI: <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i2.1308>
- Nur Syazana Abd Shukor & Mohd Nasir Masroom. (2020). Gaya Pembelajaran dan Motivasi dalam Kalangan Calon SPM di Sebuah Sekolah Menengah Agama di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*, 18(2), 77-90.
- Nurul Jannah, Mudjiran & Herman Nirwana (2015). Hubungan Kecanduan Game dengan Motivasi Belajar Siswa dan Implikasinya terhadap Bimbingan dan Konseling. Volume 4| Number4 | December 2015 ISSN: 1412-9760. <http://ejournal.unp.ac.id/index.php/konselor>
- Ratumanan. (2002). *Belajar Memotivasi Diri Sendiri*. Jakarta: Grasindo
- Rike Andriani dan Rasto (2019). Motivasi Belajar Sebagai Determinan Hasil Belajar Siswa. *Jurnal Pendidikan Manajemen Perkantoran* Vol. 4 No. 1, Januari 2019, Hal. 80-86.



- Reza Fathuddin Yusuf, Sumarwiyah & Erni Haryanti. (2022). Analisis Faktor Penyebab Rendahnya Motivasi Belajar Siswa dalam Pembelajaran Online. *JlIP-Jurnal Ilmiah Ilmu Pendidikan* (2614-8854) Volume 5, Nomor 2, Februari 2022 (472-477)
- Rohanizan Mohammad. (2018). *Gejala Sosial di Kalangan Remaja*. https://www.academia.edu/12537670/GEJALA_SOSIAL_DI_KALANGAN_REMAJA.
- Rozaidi Omar. (2022). Hubungan Motivasi Belajar dengan Minat Belajar Pelajar Bermasalah Disiplin di Sebuah Sekolah Menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 4, No. 3, 288-302, 2022 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Sawawa, D., Solehudin, A., & Sabri. (2018). Pengaruh Faktor Internal dan Eksternal Siswa terhadap Hasil Belajar pada Mata Pelajaran Mekanika Teknik dan Elemen Mesin. *Journal of Mechanical Engineering Education*, 5(1), 21-26
- Shaamala Ramu & Mohd Izwan Mahmud (2022). Hubungan antara Motivasi dan Penglibatan terhadap Proses Pembelajaran atas Talian Semasa Pandemik Covid 19 dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Jurnal Dunia Pendidikan* e-ISSN: 2682-826X | Vol. 4, No. 1, 226-241, 2022 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpd>
- Tamilmullai Thannimalai, & Salini Baloh. (2021). Cabaran PdPr Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 5(2), 183-190. <https://doi.org/https://doi.org/10.33306/mjssh/132>
- Uno, H. B. (2006). *Teori Motivasi & Pengukurannya: Analisis di Bidang Pendidikan*. Jakarta: PT Bumi Aksara.
- Yanuari Dwi Puspitarini & Muhammad Hanif. (2019). Using Learning Media to Increase Learning Motivation in Elementary School. *Anatolian Journal of Education* October 2019 Vol.4, No.2 e-ISSN: 2547-9652 www.e-aje.net pp. 53-60
- Zakaria, E., & Iksan, Z. (2007). Promoting Cooperative Learning in Science and Mathematics Education: A Malaysia Perspective. *Eurasia Journal of Mathematics, Science & Technology Education*, 3, 35-39
- Zulkifli Abd. Hamid, Jamilah Othman, Aminah Ahmad & Ismi Arif Ismail. (2011). Hubungan antara Penglibatan Ibubapa dan Pencapaian Akademik Pelajar Miskin di Negeri Selangor. *Journal of Islamic and Arabic Education* 3(2), 2011 31-4

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Nadirah Halim

Pelajar Sarjana Psikologi Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia
g-54347258@moe-dl.edu.my

MOTIVASI GURU, DAYA TINDAK DAN PENGAJARAN TAHFIZ GURU DI SARAWAK

Hazrul Khuzairi Mohd Dahalan^{1a} & Shahlan Surat^{2a}
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)^a
p118088@siswa.ukm.edu.my^{1a} & drshahlan@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat secara khusus keadaan sebenar bagaimana pelaksanaan pengajaran Hifz al-Quran guru-guru tahfiz di Sarawak. Kajian ini Menggunakan kajian kuantitatif dengan menggunakan soal selidik untuk melihat kemahiran dan motivasi serta daya tindak guru tahfiz melalui cadangan dan penambahbaikan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Peranan sebagai guru tahfiz adalah melahirkan individu yang berkebolehan bukan sahaja menghafal al-Quran tetapi mempunyai tingkah akhlak yang baik serta bijak berfikir secara kreatif dan kritis. Kebanyakan guru tahfiz di sekolah adalah guru yang dikategorikan sebagai guru kurang berpengalaman dari segi ikhtisas pendidikan, Mereka memerlukan bimbingan dan latihan tentang kaedah pengajaran khususnya pengajaran Tahfiz supaya pendidikan Tahfiz di dalam kelas dapat mempengaruhi tahap pengajaran yang terbaik bagi guru tersebut, Penulisan ini lebih tertumpu kepada guru-guru yang sedang bertugas di sekolah-sekolah di seluruh negeri Sarawak. Selain itu, pengalaman dan latihan yang diterima oleh guru tahfiz ini dapat meningkatkan prestasi dan keberkesanan Tahfiz al-Quran khususnya di Sarawak melalui konsep dan model yang dibincangkan, perkara ini dapat di simpulkan sejauhmana penguasaan guru tahfiz al-Quran mengembangkan ilmu al-Quran itu sendiri. Walaubagaimanapun, tidak dapat dinafikan menjaga al-Quran lebih sukar daripada menjaga hafalan, disebabkan kekangan kerja dan kurangnya disiplin membahagikan masa untuk mengulang hafazan al-Quran setiap hari, terdapat banyak ayat-ayat hafazan akan hilang dari ingatan dan susah untuk diingati kembali. Oleh itu motivasi dan daya tindak guru tahfiz al-Quran ini perlu di ambil secara serius agar keberkesanan pengajaran tahfiz al-Quran berjalan dengan jayanya.

Kata Kunci: Motivasi, Daya Tindak, Guru, Pengajaran Tahfiz

ABSTRACT

The goal of this study is to investigate how Tahfiz instructors in Sarawak execute the teaching of Hifz al-Quran. This study uses a quantitative approach with a questionnaire to assess the abilities, motivation, and responsiveness of Tahfiz instructors in response to Malaysian Ministry of Education suggestions and improvements. The role of a Tahfiz teacher is to produce individuals who are capable of not only memorizing the Qur'an but also having good morals and thinking creatively and critically. The majority of Tahfiz teachers in schools are classified as less experienced in terms of education. They require guidance and training in teaching methods, particularly in teaching Tahfiz, to ensure that Tahfiz education in the classroom can impact the teacher's optimum level of teaching. This writing is mostly intended for teachers who work in schools around the state of Sarawak. Furthermore, through the concepts and models discussed, the experience and training received by these Tahfiz teachers can improve the performance and effectiveness of Tahfiz al-Quran, particularly in Sarawak. This matter can be concluded as far as the mastery of Tahfiz al-Quran teachers develops knowledge of the Quran itself. However, there is no denying that preserving the Quran is more challenging than memorising it. Due to time restrictions and lack of

discipline in allocating the time spent on memorising of the Quran on a daily basis, there are many people who find it tough to preserve the Quran. Many memorized verses will be lost in memory and difficult to remember. As a result, the motivation and coping abilities of Tahfiz al-Quran instructors must be treated seriously in order for the efficacy of Tahfiz al-Quran teaching to be successful.

Keywords: Motivation, Action, Teacher, Tahfiz Teaching

PENGENALAN

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil peranan dalam memenuhi permintaan masyarakat dengan mengembangkan kurikulum Tahfiz yang seimbang bagi mahasiswa baru. Kurikulum ini termasuk dalam kurikulum di peringkat kebangsaan. Penyelarasan kurikulum telah dipersetujui dalam perbincangan dan pengubalan kurikulum pada tahun 2011. Pada tahun 2012 mula diberi nama Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Pada tahun 2014, Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) diperkenalkan di beberapa sekolah menengah terpilih. Bermulanya Program Ulul Albab yang di asaskan oleh YB Dato' Seri Idris Jusoh dan dilaksanakan di negeri Terengganu oleh Yayasan Islam Terengganu (YIT).

KPM memperluas lagi program Tahfiz Model Ulul Albab di sekolah menengah. Kurikulum tahfiz ini bertujuan untuk mengembangkan tenaga pakar dan berkemahiran serta memiliki ilmu pengetahuan yang luas dalam ilmu agama Islam berdasarkan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Tujuannya adalah melahirkan generasi yang berakhlak mulia, bertakwa, berilmu, bertanggung jawab, dan cinta akan negara. KPM merancang untuk menerapkan kurikulum tahfiz ini di setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak. Kehadiran Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di sekolah KPM banyak memberikan manfaat dalam membantu pelajar menghafal 30 juzu' al-Quran, walaubagaimanapun terdapat kekangan dalam menerapkan konsep TMUA di kalangan guru dan pelajar. Penelitian ini lebih berfokus kepada guru berpengalaman yang bertugas di sekolah-sekolah di seluruh Malaysia sebagai guru Tahfiz. Tanggungjawab menghafal al-Qur'an itu sulit dan memerlukan kesungguhan dan kesedaran. Kebanyakan guru mempunyai kesukaran menyusun waktu untuk mengulang ingatan hafalan al-Quran setiap hari kerana kekangan pekerjaan dan kurangnya disiplin mengakibatkan ayat-ayat al-Quran hilang dari ingatan.

Penyelidikan terhadap motivasi dan tindak balas guru terhadap permasalahan yang di tetapkan dalam mengajari mata pelajaran Tahfiz al-Quran dikategorikan lemah kerana kurangnya model sukatan dan rujukan yang jelas. Sebuah penelitian menemukan bahawa kelayakan profesional tidak terlalu berguna dalam mengajar kerana metode dan pengajarannya yang unik. Kenyataan, Nur Sakina dan Mohd Faizul Amri (2019) bahawa terdapat dua faktor yang boleh membantu proses menghafaz al-Quran iaitu disiplin diri dalam hafazan dan pengaruh keadaan sekeliling. Oleh itu, melalui penubuhan Darul Quran JAKIM (DQ) memberikan inisiatif untuk merangsang setiap penghafal al-Quran agar terus belajar dan terus mendalami al-Quran serta menghafalnya dengan lebih baik. Dapat memperbaiki kesilapan dan memperoleh faedah berterusan (Abd Rahman, 2018).

PERNYATAAN MASALAH

Memasukkan mata pelajaran Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran dalam kurikulum TMUA adalah idea yang baik kerana ia sepadan dengan apa yang perlu dipelajari oleh kanak-kanak dan cara mereka berinteraksi dengan orang lain di negara kita. Cara pengajaran TMUA memfokuskan kepada tiga cara pembelajaran yang berbeza, iaitu berdasarkan al-Quran, Ensiklopedia, dan

Ijtihad, KPM (2015). Pemikiran kreatif ialah apabila anda boleh menghasilkan idea baharu, memikirkan cara menyelesaikan masalah, dan menggunakan bakat dan anugerah yang Tuhan berikan kepada anda dengan cara yang bijak dan berdaya cipta. Pendidik yang berpengalaman mempunyai tugas besar dalam menghafaz al-Quran, malah lebih sukar daripada sekadar menjaga dan tidak melupakannya, menurut Abd Rahman et al. (2017).

Menurut Khairul Anuar (2018), adakalanya manusia terlupa ayat al-Quran kerana terlalu sibuk dengan kerja dan tidak cukup masa untuk mempelajarinya setiap hari. Ini bermakna mereka perlu belajar semula ayat-ayat tersebut. Sakina dan Faizul Amri (2019) menunjukkan kadar pengambilan graduan tahfiz masih berada pada tahap sederhana. Azmil et al. (2013) mendapati melalui analisis inferens bahawa, kelayakan profesional dianggap kurang memberi impak dalam sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tahfiz kerana kaedah dan pengajaran tahfiz begitu berbeza dengan kaedah pengajaran yang lain.

Ia bergantung kepada guru hafazan yang bertanggungjawab bagi setiap kumpulan hafazan (Mohamad Khairudin Bajuri et al., 2014). Menurut Fathurrahman (2006), penghafal yang tidak memberi perhatian terhadap pengulangan pasti akan mengalami masalah hafalan yang lemah, kawalan diri yang sangat lemah, kebimbangan, dan kurang perhatian. Nur Sakina dan Mohd Faizul Amri (2019) bahawa, terdapat dua faktor yang boleh membantu proses menghafaz al-Quran: disiplin diri dalam hafazan dan pengaruh keadaan sekeliling. Platform ini boleh bertindak sebagai tapak ujian dan penilaian, menyediakan maklumat dan data yang boleh dipercayai dan tepat mengenai tahap hafalan sebenar (Mohamad Marzuqi, 2018). Isu ini adalah semacam pengiktirafan kepada Kumpulan Hafiz bahawa mereka akan menerima insentif yang akan memotivasikan mereka untuk terus mendalami al-Quran dan menghafaznya dengan lebih baik, sehingga banyak faedahnya dan oleh itu perlu diperbaiki secara berterusan (Abd Rahman, 2018).



OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti tahap motivasi Guru Tahfiz di Sarawak.
2. Mengenalpasti tahap daya tindak dalam pengajaran Tahfiz antara guru lelaki dan perempuan di Sarawak.
3. Mengenalpasti perbezaan daya tindak dan motivasi guru berdasarkan Sekolah Tahfiz di Sarawak.
4. Mengenalpasti daya tindak guru berdasarkan jantina Guru Tahfiz di Sarawak.
5. Mengenalpasti hubungan motivasi dan daya tindak Guru Tahfiz di Sarawak.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan pendekatan kajian berasaskan soal selidik untuk meneroka kesan kecerdasan emosi (pembolehubah bebas) dan keupayaan (pembolehubah bersandar) dalam pemimpin sekolah di Sarawak. Kaedah kuantitatif, berdasarkan kenyataan Creswell (2014), menghuraikan hubungan antara pembolehubah dalam kajian, bagaimana pembolehubah mempengaruhi pembolehubah lain, dan sama ada sesuatu faktor mempengaruhi jangkakan hasil. Reka bentuk kuantitatif dipilih dalam kajian ini kerana ia sesuai untuk mengkaji (Gay, Mills & Air Asian, 2012).

Kaedah penyelidikan berasaskan soal selidik adalah perkara biasa dalam penyelidikan bukan eksperimen dalam pelbagai bidang, khususnya Sains Sosial (Chua, 2012) dan pendidikan (McMillan, 2012). Selain itu, kajian kuantitatif yang mengkaji kesan pembolehubah ke atas hasil

didapati sesuai untuk kajian ini, serta mengesahkan dan menjelaskan teori yang boleh digunakan ke atas populasi yang besar (Creswell, 2009).

Menurut Majid Konting (1990), reka bentuk kajian ialah teknik dan kaedah khusus untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Reka bentuk kajian yang baik membawa kepada lebih banyak penelitian dan tahap objektif yang lebih tinggi (Sackman, 1991). Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan sejauh mana kecerdasan emosi membentuk kemahiran kepimpinan pengetua melalui arahan kawalan kualiti. Oleh itu, kajian ini bersifat deskriptif, dengan kaedah tinjauan dipilih sebagai kaedah kajian utama. Tinjauan adalah pendekatan deskriptif yang digunakan secara meluas dalam penyelidikan untuk mengumpul data dan maklumat yang diterima, dan sangat sesuai untuk mengumpul maklumat tingkah laku (Gorard & Tara Green, 2001).

Definisi Pendidikan Tahfiz Al-Quran

Pendidikan al-Quran Tahfiz semakin meluas di seluruh negara terutama di zaman pendidikan moden yang semakin sukar. Pelbagai topik telah dibincangkan oleh pelbagai pihak berkepentingan berkaitan pendidikan Tahfiz, antaranya kurikulum, proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), dan pengurusan pelaksanaan mata pelajaran Hifz al-Quran.

Perbincangan mengenai Pendidikan Tahfiz al-Quran juga merangkumi kelayakan guru, infrastruktur dan kebajikan pelajar. Terdapat kelebihan dan kekurangan yang dikenalpasti. Namun begitu, Institusi Tahfiz secara umumnya mempunyai visi dan misi yang jelas untuk menjadikan pengajian al-Quran itu sangat bermanfaat, dan telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada ibubapa untuk menghantar anak ke Institusi Tahfiz. Penyelarasan, pembangunan, pemantauan, pengukuhan dan penambahbaikan organisasi Institusi Tahfiz perlu mengambil kira dasar pendidikan negara dan peraturan sedia ada bagi memastikan ia merupakan model pendidikan yang baik dan berkesan.

Pendidikan Tahfiz harus mengintegrasikan ilmu (agama) dan ilmu intelek (akademik) dalam erti kata lain, ia harus menggabungkan kurikulum Islam berasaskan Tahfiz al-Quran dengan kurikulum kebangsaan. Pedagogi Tahfiz juga tidak mengabaikan pendidikan akhlak. Maka inilah penyebab menjadikan pilihan di kalangan ibubapa untuk melihat sistem pendidikan tahfiz ini di teruskan dan pelaksanaannya bersifat secara lebih holistik untuk semua perkara.

Sejarah dan Perkembangan Tahfiz Model Ulul Albab di Malaysia

Mengenai sistem program pengajian Tahfiz itu sendiri, menurut Solahuddin Ismail (2018), terdapat usaha giat untuk meningkatkan kualiti pengajian Tahfiz di Malaysia, malah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang membangunkan kurikulum bersepadu. Kemudahan Tahfiz di Malaysia telah berkembang pesat dari masa ke semasa dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat. Kerajaan juga komited untuk membangunkan struktur kurikulum dengan melaksanakan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) sebagai sebahagian daripada kurikulum kebangsaan di bawah KPM (KPM Malaysia, 2016).

Sejak 2014, tiga sekolah rintis Tahfiz Model Ulul al-Bab (TMUA) telah ditubuhkan, Sekolah Menengah Agama Kuala Kelian, Sekolah Menengah Agama Persekutuan Bentong (SMAP), dan Sekolah Berasrama Penuh Rawang (SBPI Rawang). Berdasarkan set data 2018, Enrolmen Pelajar (TMUA) Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) ialah 6,799 orang pelajar di 16 buah sekolah di seluruh negara (KPM, 2018). Pendidikan Tahfiz semakin berkembang dan kini terdapat 32 sekolah KPM yang melaksanakan pendidikan Tahfiz, dengan 12,689 orang pelajar dan 1,097 orang guru (Muhammad Hafiz Salleh, 2021).

Sehingga kini, KBT terus berkembang ke beberapa buah sekolah di negeri lain, semuanya di bawah kendalian Bahagian Pendidikan Islam (BPI), KPM. Ini merupakan cabaran dalam pelaksanaan dasar khususnya di peringkat sekolah. Guru diseru untuk melahirkan generasi al-Quran yang mampu merealisasikan visi dan misi Pertubuhan Pendidikan Tahfiz di negara ini. Tambahan pula, cabaran masa depan perlu didekati dengan teliti agar proses transformasi pendidikan dapat dilaksanakan dengan baik dan memenuhi jangkaan yang ditetapkan (Norlizah et al., 2018). Selain itu, banyak lagi masalah yang perlu diatasi bagi menambah baik sistem pendidikan Tahfiz yang semakin berkembang.

Peranan Guru Tahfiz

Peranan guru dalam pengajaran di sekolah bukanlah mudah. KPM melancarkan inisiatif baharu dalam pendidikan negara untuk membangunkan guru yang bertauliah dengan pengetahuan mendalam dalam bidang Sains dan guru yang berpengetahuan, berkebolehan dan mampu melahirkan kakitangan yang berkelayakan dan profesional. Pihak KPM berusaha untuk mencipta gelombang akhlak mulia murid. Selain itu, pelajar boleh berfikir secara kritis untuk menghadapi cabaran getir abad ke-21 (KPM, 2012).

Guru Tahfiz bertanggungjawab menyampaikan dua mata pelajaran pendidikan menengah rendah antaranya Hifz al-Quran dan Maharat al-Quran. Pengambilan guru Tahfiz adalah tanggungjawab KPM. Bagi memastikan pelaksanaan KBT berjaya, guru Tahfiz mempunyai peranan khusus dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mengikut jadual yang ditetapkan. Guru-guru Tahfiz turut menjalankan *Tahriri* dan Hafazan baharu mengikut susun atur waktu yang ditetapkan pihak sekolah. Masa *tasmik* guru untuk Tahfiz di susun kepada dua sesi mengikut jadual yang ditetapkan oleh (KPM, 2015).

Kaedah Pengajaran Guru tahfiz

Guru Tahfiz menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk mata pelajaran ini, termasuk kaedah Hafazan, *Tahriri*, *Tahdir*, *Tasmik*, *Murajaah*, *Fiqh al-Ayat*. *Tahriri* ialah aktiviti menulis ayat-ayat al-Quran baru untuk hafazan dalam buku yang disediakan untuk persiapan sebelum *tasmik*. Manakala *tasmik* adalah memperbacakan hafazan baru tersebut kepada guru tahfiz. Hafazan baru merupakan aktiviti menghafaz ayat-ayat al-Quran yang akan *tasmik* keesokan harinya. Aktiviti berterusan *Tahriri* termasuk setiap pelajar menulis seperti mana ayat al-Quran di dalam mushaf al-Quran selama 30 minit (sehingga 1 muka surat).

Ayat-ayat ini ditulis sendiri oleh murid-murid pada kitab *Tahriri* Hafazan yang disediakan. Pelajar meluangkan masa selama 60 minit untuk menghafal ayat baharu dari mushaf al-Quran bermula daripada satu halaman ke halaman berikutnya. Guru Tahfiz bertanggungjawab memastikan setiap pelajar menghafaz ayat-ayat baharu tersebut. Guru Tahfiz menjadi tempat rujukan untuk pelajar menulis *Tahriri* dan memulakan hafazan baru. Bagi sekolah di Sabah dan Sarawak, masa aktiviti *Tahriri* dan Hifz al-Quran akan diselaraskan dengan waktu tempatan (KPM, 2015).

Tahdir ialah aktiviti memantapkan hafazan baharu sebelum hafazan itu benar-benar sempurna untuk dibacakan kepada Guru Tahfiz. Aktiviti dilaksanakan adalah menyemak Guru Tahfiz setiap ayat baharu di hadapan guru untuk memantapkan hafalan sebagai persediaan untuk *tasmik* seperti semakan awal atau *bertalaqqi* iaitu pelajar memperdengarkan bacaan dengan melihat mushaf al-Quran (4 minit setiap murid). *Tasmik* adalah aktiviti di mana anda mendengar setiap kitab suci yang baru dipelajari di hadapan Guru Tahfiz. Satu aktiviti dalam pelaksanaan *Tasmik* ialah menghafal ayat baharu daripada kitab suci al-Quran membacakannya kepada Guru

Tahfiz. Pelajar juga akan mendengar dan menghafal satu muka surat ayat baharu secara individu di hadapan guru. Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran.

Manakala *murajaah* pula ialah aktiviti mengulang hafazan satu persatu di hadapan guru. *murajaah* menghafal dua muka surat baharu secara berasingan di hadapan muka surat *tasmik* di hadapan guru. Aktiviti ini berlaku pada empat hari pertama minggu pembelajaran. Contohnya, muka surat 20 pelajar *tasmik*, kemudian diikuti dengan muka surat 18 dan 19 Hafazan *murajaah*. Hafazan dan *murajaah* adalah aktiviti berselang-seli dengan hafazan dalam dua helaian muka sebelum *Tasmik*. *Murajaah* mingguan ialah aktiviti membaca berulang-ulang 4 muka surat yang merangkumi semua muka surat yang telah dihafal secara bebas dan dibacakan hafalan tersebut di hadapan guru. Aktiviti ini diadakan pada hari ke-5 minggu tersebut (KPM, 2015).

Fiqh al-Ayat ialah pelajar bersama Guru Tahfiz akan menerangkan tafsir dan maksud yang terdapat dalam kitab suci yang perlu dihafal sepanjang minggu, (*fiqh al-ayat*) di jelaskan satu persatu di hadapan guru sehingga empat muka surat, dengan peruntukan masa (6 minit setiap pelajar). Aktiviti ini berlangsung pada hari ke-5 minggu belajar. Oleh yang demikian, Guru-guru Tahfiz akan mencatatkan aktiviti *tasmik*, hafazan baru, *murajaah*, hafazan lama *murajaah*, *murajaah* mingguan, dan *Fiqh al-Ayat* dalam buku catatan yang disediakan. Maharat al-Quran pula terdiri daripada beberapa bahagian seperti Tilawah, Adab al-Quran, Tajwid, *Manhaj Qiraat*, Amali Qiraat dan *Rasm Usmani*. Semuanya melibatkan pembelajaran khusus dalam bidang al-Quran.

Motivasi

Konsep Motivasi

Ainon (2004) menyatakan bahawa, ahli psikologi mengkaji motivasi dari segi tiga soalan iaitu intensiti, arah tindakan, dan kegigihan. Menurutnya, tahap keamatan atau kekuatan motivasi seseorang dipanggil tahap kesediaan seseorang itu untuk meletakkan tenaga ke dalam sesuatu. Arkes Gaske (1982) dan Mitchell (1982) menubuhkan konsep motivasi sebagai daya yang membangun dan menentukan arah dan tahap tingkah laku individu untuk mencapai matlamat. Schunk (1990) dan Greenberg (1999) berpendapat bahawa konsep motivasi ialah proses dalaman yang menjana, memfokus, dan mengekalkan tingkah laku individu. Menurut McClelland (2009) Indikator motivasi seperti berikut:

- i. Dorongan Memenuhi Keperluan Pencapaian (*Need for Achievement*): Merupakan dorongan pekerja untuk cemerlang dengan memenuhi piawaian yang ditetapkan oleh syarikat.
- ii. Dorongan Memenuhi Keperluan Kuasa (*Need for Power*): Merupakan dorongan berdasarkan keinginan seseorang pekerja diberi kuasa dalam kerja yang diberikan untuk melakukan kerja yang lebih baik.
- iii. Dorongan untuk Memenuhi Keperluan Pertalian (*Need for el Affiliation*): Merupakan dorongan untuk menyelesaikan kerja tepat pada masanya minima maksimum melalui interaksi sosial yang baik.

Berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat, perkataan motivasi membawa maksud:

1. Keinginan yang kuat atau semangat yang kuat dalam diri seseorang yang mendorongnya mencuba atau melakukan sesuatu dengan tujuan utk mencapai kejayaan: sikap terhadap dan ~ terhadap mempelajari sesuatu bahasa ialah faktor penting yang menentukan kejayaan seseorang pelajar mempelajari sesuatu bahasa:

2. Sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang untuk mencuba atau melakukan sesuatu dengan minat: dalam temubual juga, kaunselor dikehendaki menyediakan bahawa klien bekerjasama dengannya; bermotivasi ada motivasi, ada motivasi: kebanyakan remaja begitu untuk menghadiri latihan; menggalakkan memberi galakan, galakan, galakan, dll. untuk melakukan sesuatu, menggalakkan, membangkitkan, menggalakkan: setiap orang harus mempunyai rancangan untuk dirinya sendiri untuk kecemerlangan dalam hidup; salah satu perniagaan ialah pekerja.

Model Motivasi

Menurut Huitt (2009), motivasi merupakan salah satu daya penggerak yang mendorong manusia, membimbing mereka untuk mencapai sesuatu, dan mendorong mereka untuk mencapai matlamat mereka sendiri. Selain itu, motivasi juga merupakan pengaruh manual atau sekunder terhadap tingkah laku manusia. Menurut Yusuf dan Kartiko (2014), motivasi ialah perubahan tenaga yang berlaku dalam diri seseorang untuk melakukan perubahan dalam kotak pemikiran mereka atau untuk mencapai matlamat impian mereka. Lebih-lebih lagi, ia hanya wujud dalam fikiran orang itu, dan orang lain tidak memahaminya. Model yang digunakan ialah model kompetensi (Robert White, 1959). Model ini menerangkan motivasi dalam sukan ini. Terdapat dua kumpulan, dalaman dan luaran. Menurut Wyse et al. (2015), model ini meningkatkan peranan individu dalam menguasai pelbagai teknik dan memperkasakan orang.

Menurut Akbar (2012), motivasi intrinsik merujuk kepada motivasi yang didorong oleh minat atau keseronokan terhadap tugas sendiri. Ia berada dalam diri individu dan tidak bergantung kepada tekanan luaran. Motivasi intrinsik adalah berdasarkan kepuasan diri dan keseronokan menyertai aktiviti daripada mencari ganjaran luaran atau luaran. Pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sukarela seperti membantu. Seterusnya, menurut Iriani (2010), motivasi intrinsik ialah motivasi yang datang dari dalam diri seseorang tanpa memerlukan rangsangan luar. Sesetengah orang mempunyai daya penggerak yang mendorong mereka melakukan sesuatu. Menurut Auni (2009), motivasi intrinsik adalah berdasarkan kepuasan diri dan keseronokan aktiviti daripada mencari ganjaran luaran. Ada yang berjuang dan berusaha untuk meningkatkan kemahiran mereka.

Daya Tindak (Konsep Daya Tindak)

Konsep daya tindak boleh dikategorikan kepada tiga dimensi iaitu aspek kognitif dan tingkah laku, usaha menyelesaikan masalah, dan pemilihan mekanisme. Kognitif dan tingkah laku adalah bagaimana seseorang untuk menyelesaikan masalah atau punca tekanan. Menurut Lazarus dan Folkman (1984), daya tindak merujuk kepada gabungan penglibatan kognitif dan tingkah laku dan cara memilih kaedah terbaik meneliti dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah yang biasanya dihadapi oleh guru.

Usaha menyelesaikan masalah tersebut, Izazol (2019) mendefinisikan daya tindak sebagai cuba menyelesaikan masalah melalui pemikiran dan tindakan yang betul. Selain itu, Pemilihan mekanisme. Kesan pemilihan mekanisme daya tindak yang sesuai oleh guru Tahfiz bukan sahaja meningkatkan profesionalisme dan penglibatan tugas, tetapi juga meningkatkan kesihatan psikologi dan fizikal (Betoret, 2006).

Strategi Daya Tindak (Fokus Masalah dan Fokus Emosi)

Lazarus dan Folkman (1984) berpendapat bahawa daya tindak adalah satu set strategi kognitif dan tingkah laku yang digunakan oleh individu untuk menangani tekanan. Mosley et al. (1994) berkata, ia merujuk kepada tingkah laku kognitif terhadap manusia dalam menghadapi situasi

tertentu, mengurangkan atau mengawal tuntutan yang boleh menimbulkan ancaman, bahaya dan cabaran. Ini adalah satu bidang penyelidikan yang sangat penting. Kerana cara orang menangani daya tindak boleh mempengaruhi banyak aspek kesejahteraan, keyakinan diri, cita-cita dan prestasi profesional mereka (Frydenberg & Lewis, 2009). Menurut Charles dan Michael (1994), pengurusan stres boleh dibahagikan kepada dua bidang iaitu berorientasikan masalah dan berorientasikan emosi. Fokus masalah merujuk kepada usaha untuk mengatasi ancaman dan menghapuskan kesan tekanan, manakala fokus emosi merujuk kepada usaha untuk mengurangkan emosi negatif yang meningkatkan tindak balas terhadap ancaman.

Daya Tahan Berfokuskan Penilaian

Billing dan Moos (1984) menambah satu lagi kemahiran mengatasi pengurusan penghakiman. Mereka percaya strategi mengatasi boleh dikelompokkan kepada tiga kategori iaitu daya tindak berorientasikan penilaian, daya tahan berorientasikan masalah, dan daya tindak berpandukan emosi. Ini adalah untuk menentukan watak seseorang dengan mentafsir situasi. Sebagai contoh, mengurangkan tekanan untuk menjadi lebih objektif. Fokus masalah merangkumi usaha yang bertujuan untuk mengubah atau menghapuskan punca tekanan dengan menghadapi realiti situasi. Contohnya, rundingan dan kompromi untuk mencapai hasil yang diinginkan. Akhir sekali, daya tindak yang berfokuskan emosi memerlukan tindak balas dalam menguruskan emosi berkaitan tekanan dan mengekalkan keseimbangan yang berkesan. Sebagai contoh, percubaan untuk mengalih perhatian daripada masalah.

Daya Tindak berfungsi dan Tidak Berfungsi

Frydenberg dan Lewis (1993) mencadangkan beberapa strategi daya tindak, antaranya daya tahan yang berfungsi dan daya tahan yang tidak berfungsi. Dua daripada tiga strategi daya tindak bertindak sebagai strategi daya tindak yang produktif dan selebihnya sebagai strategi daya tindak yang tidak produktif. Daya tahan fungsional cuba mengawal masalah dengan mendapatkan sokongan, mengambil tindakan untuk menyelesaikan masalah, atau mempertimbangkan kemungkinan penyelesaian kepada masalah tersebut. Setelah masalah dikenal pasti, pelbagai penyelesaian dirumuskan dan tindakan balas diambil (Seiffge-Krenke, 1995). Usaha mengatasi masalah produktif cuba menyelesaikan masalah dengan mengubah situasi bermasalah. Contoh kegigihan yang produktif termasuk memberi tumpuan kepada aspek positif sesuatu situasi.

Teori Daya Tindak (Teori Penilaian Kognitif)

Teori penilaian kognitif diasaskan oleh Lazarus dan Folkman (1984). Teori ini menyatakan bahawa proses penilaian kognitif merupakan satu proses yang berlaku sepanjang hayat seseorang dan melibatkan penilaian mengapa dan mengapa sesuatu perkara boleh menjadi punca tekanan kepada seseorang. Ia terdiri daripada strategi daya tindak yang berfokuskan masalah dan strategi daya tindak yang berfokuskan emosi (Lazarus & Folkman, 1984).

Berdasarkan model daya tindak, sumber tekanan dan cabaran yang sering dihadapi oleh guru mungkin berkaitan dengan hubungan antara manusia dan alam sekitar, seperti kekurangan waktu rehat, perlu menyiapkan tugas berkaitan dokumen, kepadatan yang tinggi pelajar di dalam bilik darjah, kekurangan sumber. Akses dan perolehan alat yang menyokong pengajaran dan juga menangani masalah tingkah laku dalam kalangan pelajar (Hose, 2020).

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Konseptual kajian

Kerangka konsep ini menerangkan bagaimana daya tindak mempengaruhi motivasi guru dalam pengajaran tahfiz. Berdasarkan kerangka, aspek demografi dimasukkan tiga kategori termasuk jantina, umur dan juga pengalaman. Strategi daya tindak yang merupakan pemboleh ubah tidak bersandar merangkumi *emotion-focused* dan juga *problem-focused*. Motivasi guru sebagai pemboleh ubah bersandar.

CADANGAN KAJIAN

Personaliti Guru Tahfiz al-Quran

Memperbanyakkan program dan latihan-latihan yang menerapkan motivasi dan ketangkasan dalam membangunkan sistem pengajaran tahfiz ini dapat mengikut haluan dan perubahan sistem pendidikan. Oleh yang demikian, pengajaran setiap Guru Tahfiz perlu ada *Izzah* (kemuliaan dan kehormatan) serta berkelebihan dalam menghidupkan personaliti yang dapat membezakan seseorang itu dengan guru lain, kerana apabila di kaitkan dengan guru agama, seseorang guru itu mestilah mempunyai pemikiran yang positif, berinovasi dan tingkah laku mereka bergerak secara holistik berlandaskan syariat dan dan petunjuk agama Islam dan dapat menjadi panduan dan contoh teladan kepada guru yang bukan berstatus guru agama.

Peningkatan Profisionalisme Guru

Pihak Kementerian pendidikan Malayasia bersama Jabatan Pendidikan Negeri disarankan untuk mengadakan satu bengkel atau program bagi meningkatkan profesionalisme Guru-guru Tahfiz dengan memilih guru-guru yang telah di tempatkan di sekolah untuk mengikuti program tersebut secara berperingkat. Selain itu, Guru Tahfiz ini boleh juga dilatih dengan memberi tempat dalam seminar sebagai mentor atau jurulatih. ini dapat melahirkan guru yang bukan sahaja mahir dalam ilmu al-Quran, tetapi melahirkan guru yang sangat berkebolehan dan cekap.

Penguasaan Guru dalam Aktiviti Pembelajaran Abad ke-21

Perbincangan bersama pentadbir untuk mencari kaedah tertentu yang dipersetujui mereka dalam menangani masalah kemerosotan prestasi hafazan pelajar yang mungkin disebabkan oleh guru atau situasi tertentu. Guru perlu memainkan peranan dalam membentuk akhlak pelajar, Dalam mendidik anak-anak pelajar, perlu ada ketegasan dlm kelembutan. Membuat aktiviti luar kelas atau pembelajaran secara santai. Lawatan sambil belajar atau mengikuti kem bina insan.

KESIMPULAN

Sekolah tahfiz atau institusi tahfiz sama ada milik persendirian, kerajaan pusat atau negeri adalah sekolah yang mengutamakan hafazan 30 *juzu'* al-Quran melalui pengajaran yang sistematik seperti menetapkan tempoh masa tertentu untuk pelajar menyempurnakan hafazan al-Quran mengikut kemampuan tanpa mengira usia untuk menyempurnakan hafazan 30 *juzu'* dalam al-Quran. Selain menghafaz al-Quran, terdapat juga beberapa ilmu yang disemai antaranya ilmu tilawah, tafsir, menjadi ulama al-Quran, maharat al-Quran, *tarannum* dan sebagainya. Keperluan kepada bimbingan kepada guru-guru tahfiz ini untuk meningkatkan prestasi dan keberkesanan tahfiz al-Quran khususnya di Sarawak.

Tanggungjawab pendidik berpengalaman untuk menghafaz al-Quran bukanlah perkara mudah, malah lebih sukar menjaga al-Quran daripada menghafaznya (Abd Rahman et al., 2017). Menurut Khairul Anuar (2018), disebabkan kekangan kerja dan aktiviti yang mesti dilakukan, kekangan untuk *murajaah* di kalangan guru menjadi terhad. Ini disokong hasil kajian Nur Sakina dan Faizul Amri (2019) menunjukkan penguasaan memantapkan hafazan mengajar tahfiz masih berada pada tahap sederhana.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Bersyukur kehadiran ilahi dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, memberi kesempatan kepada saya untuk menyiapkan tugas artikel ini dengan jaya mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Bagi menyiapkan tugas ini, kajian dijalankan meliputi sekolah-sekolah tertentu di negeri Sarawak. Saya di bantu secara langsung oleh penyelia yang sentiasa berusaha meningkatkan mutu kerja dan tugas yang diberikan dalam masa yang telah ditetapkan. Juga ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak Politeknik Nilai melalui Jurnal Teknikal dan Sains Sosial edisi 19 terbitan November 2023 yang menyemak serta membantu penulisan saya mengikut format yang betul dan sesuai. Saya berharap dengan kerjasama dan sokongan yang telah diberikan akan membuahkan hasil di masa akan datang dan beroleh kejayaan. InsyaAllah.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Chua, Y. P. (2006). *Asas Statistik Penyelidikan: Kaedah dan Statistik Penyelidikan: Buku 2*. Kuala Lumpur, Malaysia: McGraw Hill.
- Creswell, J. W. (2014). *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (4th Ed). USA: Pearson.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Sekaran, U. (2000). *Research Method for Business: A Skill Building Approach* (2th Ed.), New York: John Wiley & Sons Inc.
- Murihah Abdullah, Abdul Hafiz Abdullah & Arieff Salleh Rosman. (2015). *Pendidikan Tahfiz di Malaysia: Satu Sorotan Sejarah*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Selangor, Malaysia.
- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah. (2010), *Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur*, International Islamic University Malaysia.



Awang Nurizal Awang Kenit. (2022), *Kesediaan Guru dalam Melaksanakan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA): Satu Kajian Kes di Sarawak*. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Sarawak.

Perkembangan Pengajian, Institusi Tahfiz di Sarawak Amat Memberangsangkan. (2019). Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my/2019/02/27/perkembangan-pengajian-institusi-tahfiz-di-sarawak-amat-memberangsangkan>

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Hazrul Khuzairi Mohd Dahalan

Pelajar Sarjana Psikologi Pendidikan
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
p118088@siswa.ukm.edu.my

Shahlan Surat, Dr.

Pensyarah Pusat Kajian Inovasi Pembelajaran dan Pengajaran
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
drshahlan@ukm.edu.my



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT DALAM KALANGAN GURU REKA BENTUK DAN TEKNOLOGI SEKOLAH RENDAH

Surina Omar^{1a} & Ruhizan Mohammad Yassin^{2a}
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)^a
p117913@siswa.ukm.edu.my^{1a} & ruhizan@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Pembelajaran sepanjang hayat dapat meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pendidikan. Namun, ternyata pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) masih terhad kepada sesetengah golongan. PSH dan pendidik tidak dapat dipisahkan. Perkembangan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) dianggap sebagai tamparan hebat kepada warga pendidik negara. Pendidikan di Malaysia telah banyak berubah mengikuti Pendidikan abad ke-21 (PAK-21). Kajian ini membincangkan amalan PSH yang dijalankan dalam kalangan guru terutamanya guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) bagi meningkatkan penguasaan mereka dalam pengetahuan dan kaedah pengajaran. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan di mana kajian berdasarkan hasil kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan PSH dalam kalangan guru. Hasil kajian mendapati bahawa PSH dalam kalangan guru perlu dititikberatkan bagi meningkatkan penguasaan guru terhadap pengetahuan, kandungan, teknik serta kaedah pengajaran agar guru-guru boleh mengaplikasikannya selari dengan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dengan lebih berkesan dan menepati Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Kata Kunci: Pembelajaran Sepanjang Hayat, Guru RBT, Kepentingan Pembelajaran Sepanjang Hayat

ABSTRACT

Lifelong learning can improve skills, knowledge and experience in the field of education. However, it turns out that the implementation of Lifelong Learning is still limited to some groups. Lifelong Learning and educators are inseparable. The development of the Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) and the Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) is considered a great blow to the country's educators. Education in Malaysia has changed a lot following the 21st Century Education (PAK-21). Therefore, this study discusses the practice of Lifelong Learning carried out among teachers, especially Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) teachers to improve their mastery in knowledge and teaching methods. This study uses a qualitative approach which is through a literature review where the study is based on the results of previous studies related to Lifelong Learning among teachers. The results of the study found that Lifelong Learning) among teachers needs to be emphasized to improve teachers' mastery of knowledge, content, techniques and teaching methods so that teachers can apply them in line with the Dokumen Standard dan Pentaksiran (DSKP) more effectively and in accordance with the Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) and Dokumen Standard Sekolah Menengah (KSSM).

Keywords: Lifelong Learning, RBT Teacher, Importance of Lifelong Learning

PENDAHULUAN

Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) diumumkan pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang diadakan di New York pada September 2015 sebagai cabaran dan sasaran untuk pembangunan manusia dan kemanusiaan menjelang 2030. Matlamat SDGs terdiri daripada 17 matlamat yang disasarkan. Matlamat ini mewakili kesinambungan Matlamat Pembangunan Milenium yang berakhir pada 2015 dan merupakan sebahagian daripada Resolusi Perhimpunan Agung PBB 70/1, Agenda 2030. Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) keempat adalah untuk memastikan pendidikan inklusif, saksama dan berkualiti serta menggalakkan peluang pembelajaran sepanjang hayat untuk semua orang. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merujuk kepada pemerolehan berterusan dan meningkatkan apa sahaja jenis pengetahuan dalam diri sendiri, sama ada untuk kegunaan peribadi atau profesional.

PSH berlaku dalam pelbagai cara formal dan tidak formal. PSH secara formal biasanya kerap ditawarkan menjerus kepada bidang-bidang tertentu untuk meningkatkan kemahiran dan penguasaan pengetahuan individu. Pembelajaran secara tidak formal juga dapat meningkatkan kemahiran dalam bidang tertentu dan biasanya dijalankan pada bila-bila masa sama ada secara pemerhatian atau pembacaan. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melalui kajian kepustakaan di mana kajian berdasarkan hasil kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan PSH dalam kalangan guru dikumpul dan dinilai untuk mengenalpasti kesan PSH dan faktor-faktor yang mendorong PSH guru dalam kalangan Guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah rendah.

Konsep Pengajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) keempat adalah memastikan pendidikan berkualiti dengan cara yang inklusif dan saksama serta menggalakkan peluang PSH untuk semua. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) merujuk kepada aktiviti pengajaran dan pembelajaran sepanjang hayat atau seumur hidup, terutamanya oleh orang dewasa. PSH dipercayai dapat memberi manfaat kepada individu dengan meningkatkan pengetahuan mereka, meningkatkan kemahiran dan perwatakan profesional mereka dan memperbaiki kehidupan mereka (Wikipedia, ensiklopedia bebas). Pendekatan pembelajaran sepanjang hayat termasuk melalui aktiviti pembacaan, mengikuti kursus pendek, mengikuti kursus panjang dan menghadiri kuliah.

Kesemua pendekatan ini boleh memberikan individu pengetahuan tambahan dari semasa ke semasa. Kajian oleh Muhammad Yunus dan Agus Wedi (2018) menjelaskan, dengan menerapkan PSH dalam sesebuah keluarga, penerapan konsep erti kehidupan, memenuhi keperluan, menangani masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak secara logik, merancang aktiviti pendidikan dengan betul, membimbing dan menerangkan kepentingan pendidikan dalam kehidupan kanak-kanak dapat dilaksanakan sejak kecil sehingga mereka meningkat dewasa.


Kajian kelestarian pembangunan profesional guru dalam pembelajaran sepanjang hayat oleh Norazlinda dan Surendran Sankaran (2019) cuba memahami kepentingan dan kaitan modul dalam konteks persepsi guru terhadap modul T3P dalam pembangunan guru. Dalam kajian tersebut, pengkaji menggunakan modul T3P dan soal selidik sebagai alat kajian dan elemen soal selidik telah diterima pakai daripada kajian lepas dan tinjauan literatur berkaitan dengan tajuk kajian. Hasil kajian menunjukkan pembolehubah 'Perkaitan' dan 'perkaitan modul T3P' menunjukkan perkaitan yang signifikan dan tinggi dengan persepsi guru terhadap modul T3P. Hasil kajian menunjukkan bahawa memupuk profesionalisme guru yang sesuai untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam melaksanakan PdPc di sekolah adalah sangat penting untuk menjayakan transformasi pendidikan negara.

Sistem Pendidikan di Malaysia

Sistem pendidikan di Malaysia telah melalui proses perkembangan yang pesat selepas negara mencapai kemerdekaan. Bagi memenuhi aspirasi negara, mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah juga turut mengalami perubahan sejajar dengan perkembangan Pendidikan semasa.

Mulai tahun 2003, mata pelajaran RBT di sekolah rendah dan sekolah menengah telah melalui semakan semula kurikulum dengan memberi penekanan dalam aspek pengetahuan, kemahiran dan meningkatkan jati diri agar bersedia menghadapi cabaran semasa dan akan datang. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) perlu dipertingkatkan supaya menjadi lebih berkesan bagi memenuhi kehendak negara. Kurikulum semakan ini memberi penekanan kepada kandungan teks kurikulum dan kaedah penyampaian yang lebih efektif.

Kurikulum pendidikan di Malaysia mengalami proses transformasi yang diperkukuh dan ditambah baik serta dikenali sebagai Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang mula dilaksanakan pada tahun 2011. Kurikulum ini memberi penekanan daripada *knowledge based curriculum* kepada *standard based curriculum*. Kurikulum Standard Sekolah Rendah Tahap II pula dilaksanakan secara berperingkat mulai Tahun 4 dengan menggunakan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP).



Rajah 1: Perkembangan Kurikulum Pendidikan Sekolah Rendah di Malaysia

Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk Teknologi (RBT) di Malaysia

Mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) diperkenalkan di sekolah rendah dan menengah. Di sekolah rendah, mata pelajaran RBT diwajibkan kepada semua murid di tahun 4, 5 dan 6 manakala di sekolah menengah pula, mata pelajaran RBT diajar kepada murid di tingkatan 1 hingga 3. Mata Pelajaran ini merupakan mata pelajaran yang wajib diambil oleh semua murid tahap 2 di sekolah rendah dan murid menengah rendah di sekolah menengah. Perkembangan mata pelajaran Kemahiran Hidup memperlihatkan mata pelajaran RBT di sekolah rendah dan menengah menggantikan mata pelajaran Kemahiran Hidup dan Kemahiran Hidup Bersepadu yang diperkenalkan di sekolah menengah pada tahun 1989. RBT ialah elektif berorientasikan reka bentuk dalam pembuatan produk berasaskan teknologi.

Tujuan RBT adalah untuk membolehkan pelajar membangunkan produk yang mudah dan berguna. Matlamat KSSM RBT adalah untuk membawa pengetahuan, kemahiran, nilai, estetika dan teknologi kepada dunia reka bentuk. Pelajar mampu untuk meningkatkan

kemahiran komunikasi mereka, menjana idea untuk pembuatan produk baharu serta menjadi pereka bentuk yang membangunkan pemikiran kritis, kreatif, inovatif, inventif dan keusahawanan. Bidang reka bentuk dan teknologi harus dititikberatkan dalam sistem pendidikan negara supaya pelajar dapat mengaplikasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai mereka melalui aktiviti reka bentuk untuk mencipta produk yang berfungsi.

KSSR RBT memfokuskan pembelajaran secara *hands-on* ataupun pembelajaran berasaskan projek secara kreatif dan inovatif. Penekanan adalah pada penggabungan teori dan amalan, aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah dan penyepaduan disiplin yang berbeza. Kandungan kurikulum RBT menggabungkan disiplin Kejuruteraan, Pertanian, Ekonomi Rumah Tangga dan Komponen antara Disiplin (EMC). Elemen kreativiti dan inovasi telah menjadi tema penting dalam pengajaran dan pembelajaran bagi merangsang daya imaginasi dan kreativiti murid (Dokumen Standard Sekolah Rendah RBT). Pelajar perlu menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka melalui aktiviti reka bentuk dan pengeluaran produk bagi menghasilkan produk yang kreatif dan inovatif.

Dalam pembelajaran RBT, projek RBT biasanya dilakukan secara sendiri atau berkumpulan, membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Contohnya projek kipas solar. Pertama, guru menerangkan PdPc kepada murid. Pelajar kemudiannya dibahagikan kepada kumpulan untuk menyiapkan tugas dengan bimbingan dan sokongan daripada guru. Perkembangan kognitif pelajar dipercepatkan apabila mereka sudah mempunyai sedikit pengetahuan tentang aktiviti tersebut. Sebagai contoh, untuk menyediakan kipas solar, reka bentuk kipas perlu dikenal pasti dan dirancang terlebih dahulu supaya kedudukan solar dan bilah kipas adalah sesuai. Jadi mengetahui bentuk kipas terlebih dahulu menjadikan lakaran projek lebih mudah. Maka, hasil produk tersebut akan ditaksir oleh guru untuk diberikan Tahap Penguasaan kepada murid-murid.



Peranan Guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)

Guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) seharusnya mempunyai pengetahuan tentang perkembangan KSSR RBT dan perkembangan teknologi global yang sepadan. Guru RBT dikehendaki memperoleh pengetahuan lanjutan dalam bidang ini agar mereka dapat menjadi fasilitator yang terbaik kepada murid-murid bagi menguasai bidang teknologi dengan lebih baik. Hal ini adalah kerana, bagi murid-murid, guru merupakan tempat merujuk yang utama semasa mereka melaksanakan sesuatu projek dalam bidang RBT. Bidang-bidang pembelajaran RBT yang terkandung dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) dilihat agak mencabar kerana guru perlu mengajar bidang-bidang Teknologi, Elektromekanikal dan Pengaturcaraan.

Guru-guru yang mempunyai opsyen Kemahiran Hidup (KH) akan menghadapi kesukaran bagi mengajar mata pelajaran RBT kerana bidang-bidang tersebut meliputi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK). Maka, guru hendaklah sentiasa meningkatkan pengetahuan mereka melalui pembelajaran formal atau tidak formal. Guru perlu mempunyai tahap penguasaan DSKP yang tinggi bukan sahaja melalui penataran RBT yang dilaksanakan di sekolah tetapi guru perlu mencari kaedah lain bagi meningkatkan pengetahuan mereka. Guru mesti mempunyai motivasi diri dan berminat untuk menimba ilmu lebih lanjut. Motivasi ialah keinginan untuk mencapai apa yang anda inginkan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneroka apakah faktor-faktor yang mempengaruhi tahap motivasi guru dalam menyertai pembelajaran sepanjang hayat dan kesannya terhadap tahap penguasaan mereka dalam mata pelajaran RBT.

Pada awal tahun 2014, mata pelajaran Kemahiran Hidup telah digantikan dengan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi serta Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Walau bagaimanapun, semakan semula mata pelajaran RBT 2017 telah menyatukan mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi dan Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Terdapat bidang Pengaturcaraan di dalam DSKP RBT Semakan 2017 disamping tajuk-tajuk elektromekanikal yang ditambah baik. Perubahan dalam KSSR Semakan ini memperlihatkan banyak isu dan cabaran terhadap pelaksanaan mata pelajaran RBT dalam kalangan guru-guru. Guru RBT perlu memainkan peranan utama dalam membantu pelajar mencapai semua matlamat mata pelajaran RBT mereka. Guru-guru bukan sahaja bertindak sebagai fasilitator tetapi mereka mampu memberi idea dan peluang kepada pelajar untuk menguasai mata pelajaran tersebut. Oleh itu, guru harus memberi kerjasama dalam pembangunan dan peningkatkan pengetahuan melalui kursus-kursus berkaitan RBT.

Hal ini adalah kerana fokus kursus RBT adalah untuk menyediakan pelajar dengan pengetahuan asas dan kemahiran yang membolehkan mereka meneruskan pengajian dalam bidang teknikal dan profesional untuk maju ke peringkat menengah. Kurikulum Standard RBT memfokuskan kepada standard kandungan dan pembelajaran yang perlu diketahui, difahami dan dikuasai oleh pelajar darjah 4, 5 dan 6. Elemen merentas kurikulum termasuk asas keusahawanan, seperti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), tema teras kreativiti dan inovasi. Pengintegrasian kaedah pengajaran yang berbeza dalam mata pelajaran RBT juga membantu pelajar mengembangkan lagi pengetahuan profesional mereka dan menjadi lebih kompeten. Salah satu kaedah pengajaran RBT yang paling popular ialah pembelajaran berasaskan projek. Pembelajaran berasaskan projek (PBL) ialah kaedah pembelajaran yang membolehkan pelajar menjalankan topik tertentu dan mencapai hasil pada akhir pengajian mereka.

Mohd Azli dan Abdul Latif (2013) mendapati dalam kajiannya menjelaskan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan projek teknologi (PBL+T) memberi impak positif kepada pencapaian pelajar. Kajian oleh Mohd Ridzuan Padzil et al. (2020) mengesahkan bahawa, pembelajaran berasaskan projek merupakan salah satu inovasi pembelajaran berpusatkan pelajar abad ke-21. Pendekatan pembelajaran ini menggalakkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dalam kerjasama dan komunikasi dengan rakan sebaya mereka.

Standard Kurikulum RBT adalah berasaskan pendekatan modular untuk memastikan pemerolehan pengetahuan dan kemahiran dilaksanakan dengan sewajarnya dan berkesan. Modul yang disediakan membolehkan pengajaran dan pembelajaran memperoleh pengetahuan dan kemahiran khusus melalui aktiviti yang bermakna (Kurikulum Standard dan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran RBT). Walaupun penataran maklumat RBT disampaikan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Negeri dan Pejabat Pendidikan Daerah, guru-guru perlu lebih kreatif bagi mencari peluang untuk meningkatkan pengetahuan mereka dengan pelbagai kaedah. Kajian ini akan meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi guru untuk lebih komited terhadap pembelajaran sepanjang hayat bagi meningkatkan penguasaan mereka berkaitan mata pelajaran RBT.

PERNYATAAN MASALAH

Amalan Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dilihat mampu meningkatkan penguasaan guru dalam bidang masing-masing khususnya bagi guru-guru Reka Bentuk dan Teknologi (RBT), sekaligus dapat meningkatkan mutu Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) di sekolah. Masalah utama yang timbul apabila guru-guru yang mempunyai opsyen Kemahiran Hidup (KH) terpaksa mengajar mata pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di mana penguasaan kemahiran

Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK) guru agak kurang menyebabkan sesi PdPc tidak tercapai dengan sempurna. Hal ini adalah disebabkan mata pelajaran KH melibatkan kemahiran dan amali seperti pertukangan, perpaipan serta tanaman manakala mata pelajaran RBT melibatkan teori, amali dan TMK yang lebih mencabar.

Oleh itu, guru-guru RBT perlu melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan TMK seperti penggunaan aplikasi *Scratch*, *Micro-bit* dan *make code* agar mereka dapat menentukan kaedah sesuai untuk menyampaikan pengetahuan dalam PdPc. Kajian saintifik terhadap tingkah laku individu adalah berkait rapat terhadap prinsip dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diguna pakai untuk menyelesaikan masalah (Smith, 1978). Pembelajaran sepanjang hayat sama ada secara formal atau tidak formal mampu menyelesaikan masalah kurangnya penguasaan guru terhadap perubahan dalam pengetahuan dan kandungan mata pelajaran. Drisoll (1994) menghuraikan bahawa, pembelajaran pula adalah satu proses pembaharuan prestasi secara berterusan dalam diri manusia hasil interaksi pembelajaran dengan alam sekitar. Teori Pembelajaran Kognitif yang berkaitan dengan proses mental yang melibatkan pengamatan, pengetahuan dan pemahaman. Pendekatan dalam teori ini menekankan kepada proses mental dalam yang bermaksud maklumat yang diterima diproses melalui perbandingan, peniruan dan penyatuan dengan maklumat lain yang sedia ada, diubah suai pula dan disusun semula.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kalangan guru Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Rendah
2. Membincangkan kesan Pembelajaran Sepanjang Hayat terhadap Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) guru.
3. Mengenalpasti model dan teori motivasi yang berkaitan dengan Pembelajaran Sepanjang Hayat.

DAPATAN KAJIAN

Faktor Mempengaruhi Pembelajaran Sepanjang Hayat

i. Motivasi Guru Reka Bentuk dan Teknologi terhadap Pembelajaran Sepanjang Hayat

Isu dan cabaran melaksanakan pengajaran RBT menjadi tajuk perbincangan kerana kebanyakan guru-guru yang mempunyai opsyen Kemahiran Hidup dikatakan kurang mahir dalam Teknologi Maklumat dan Komunikasi, apatah lagi mereka perlu mengajar bidang pembangunan pengaturcaraan dan menggunakan aplikasi komputer seperti *Scratch*, *mBlock* dan sebagainya. Antara isu yang dilontarkan adalah isu tahap kesediaan guru-guru terutamanya dari aspek pengetahuan isi kandungan RBT. Selain itu, faktor masa yang agak singkat iaitu satu jam seminggu menjadi faktor cabaran kepada para guru bagi melaksanakan projek-projek RBT yang memerlukan bimbingan dan penerangan yang agak mencabar. Hal ini adalah kerana, selain perlu menerangkan teori, guru perlu membimbing murid semasa aktiviti dilaksanakan. Selain itu, guru-guru yang kurang pengetahuan hanya terhad kepada aktiviti yang ditunjukkan di dalam buku teks sahaja.

ii. Penguasaan dalam Mata Pelajaran RBT

Kajian Zamri dan Nurfaradilla (2020) berkaitan pendapat 418 guru RBT di Sarawak tentang cabaran dalam melaksanakan pendidikan RBT. Kajian menggunakan pendekatan kuantitatif yang dikumpul menggunakan instrumen soal selidik dalam talian dan dianalisis secara deskriptif. Kajian mendapati keempat-empat faktor berada pada tahap sederhana, guru menunjukkan kecekapan yang sederhana dalam melaksanakan kurikulum RBT, purata masa yang dihabiskan untuk menyiapkan projek tidak mencukupi, dan guru-guru terpaksa menambah masa di luar jadual waktu bagi membuat projek. Modul ini bertujuan sebagai bahan pengajaran tetapi bahan tambahan diperlukan untuk memudahkan pengajaran. Keputusan ini menunjukkan bahawa kurikulum RBT terus berkembang melalui penyediaan latihan dan kursus berterusan untuk guru RBT, penyediaan kemudahan, bahan dan modul peringkat sekolah yang membolehkan pengajaran dapat dilaksanakan dengan baik dan cabaran pengajaran dan pembelajaran dapat dikurangkan dari semasa ke semasa. Maka, peningkatan penguasaan guru mampu menyelesaikan masalah isu dan cabaran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran RBT dengan lebih baik.

Nurul Najwa et al. (2023) dalam kajiannya menyiasat keberkesanan substantif Modul Pembangunan Produk Profesional RBT Tingkatan 3 dalam kajian bersama guru Sekolah Menengah (SMK) Selangor. Sampel kajian yang dipilih terdiri daripada tiga panel pakar yang dicirikan. Ketiga-tiga panel pakar ini merupakan guru RBT yang mengajar di sekolah menengah yang telah dipilih. Selain itu, panel pakar mempunyai sekurang-kurangnya 10 tahun pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) dan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di sekolah. Kajian telah menunjukkan bahawa keberkesanan modul yang dibangunkan adalah sehingga 92%. Kajian mendapati bahawa semua elemen struktur modul RBT, termasuk halaman tajuk modul, gambaran keseluruhan, panduan penggunaan, objektif, dan kandungan modul, sangat relevan dengan kandungan dari perspektif profesional. Oleh itu, memandangkan kandungan modul RBT yang sangat relevan, modul ini boleh digunakan sebagai panduan dan bahan rujukan untuk kedua-dua guru dan pelajar.

Seterusnya, kajian Mat Nor @ Ahmad Nor et al. (2017) 'Menyediakan Guru Menjalankan RBT': Isu dan Keperluan Fokus melibatkan integrasi KBAT ke sekolah rendah. Ini selaras dengan Kemahiran Berfikir Tinggi (KBAT) yang diiktiraf dalam kurikulum pendidikan kebangsaan sebagai matlamat untuk mendidik generasi yang mampu bersaing dan berkembang maju di peringkat global. Penekanan KBAT ini diperkukuh dengan pengenalan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Untuk membangunkan modal insan abad ke-21 dan mencapai matlamat ini, satu mata pelajaran yang dipanggil RBT diajar di sekolah rendah tahap II. Bagi meningkatkan KBAT pelajar, guru perlu memperoleh ilmu KBAT dan kemahiran mengajar yang tinggi. Terdapat keperluan yang diiktiraf untuk pengajar kursus Pendedahan KBAT untuk memberi tumpuan kepada kandungan subjek RBT dan standard pembelajaran, modul RBT dan penggunaan bahan sedia ada. Oleh itu, guru-guru RBT perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan KBAT yang tinggi kerana mata pelajaran RBT dilihat sangat penting bagi melahirkan murid-murid yang berdaya saing di peringkat global.

iii. Minat Guru untuk Menjalani Pembelajaran Sepanjang Hayat

Noor Shamshinar dan Nor Azhan (2022) dalam kajiannya menjelaskan bahawa motivasi intrinsik iaitu minat dalam diri untuk mendalami sesuatu bidang yang menjamin penglibatan guru Bahasa Arab dalam PSH bagi mencapai tahap kompetensi pengajaran Bahasa Arab selain daripada untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan dalam profesionalisme keguruan. Jelas sekali faktor minat terhadap sesuatu bidang atau kemahiran yang diperlukan dalam

perkhidmatan menyebabkan guru mampu menjalani PSH bagi meningkatkan kompetensi mereka dalam bidang tersebut. Jamal@Nordin Yunus et al. (2019) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa, penglibatan guru dalam PSH disebabkan oleh faktor sendiri seperti minat dan institusi (sekolah) merupakan pengaruh terbesar iaitu 43 peratus yang menyebabkan penyertaan guru dalam PSH. Selain itu, faktor-faktor sendiri lain sebanyak 29 peratus dan faktor institusi sahaja sebanyak 14 peratus. Jelas sekali faktor sendiri seperti minat guru merupakan pengaruh besar yang menyebabkan penglibatan guru dalam PSH.

iv. Sokongan Pentadbir

Nor Kamaliah dan Zabidi (2018) dalam kajiannya menjelaskan bahawa, pemimpin sekolah iaitu Guru Besar haruslah mengambil tindakan yang paling sesuai bagi memberi peluang kepada guru-guru untuk menjalani PSH. Sokongan pentadbir amat penting kepada guru-guru kerana mereka boleh memotivasikan dan memberi dorongan agar guru-guru meningkatkan pengetahuan dalam bidang mereka sendiri seterusnya akan membentuk sekolah yang lebih berdaya saing.

Kesan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam kalangan guru

Kajian Azlee dan Jamilah (2021) menjelaskan, hasil daripada kajiannya mendapati bahawa sistem yang dilaksanakan dalam PSH dapat mempengaruhi dan memberi impak kepada kompetensi dan prestasi guru-guru di sekolah. Seterusnya, kajian ini juga dapat dimanfaatkan bagi memberi kesedaran kepada warga pendidik tentang kepentingan melibatkan diri dalam PSH bagi meningkatkan perkembangan profesionalisme dalam sektor perguruan di Malaysia pada masa hadapan supaya standing dengan Pendidikan di negara maju yang lain. Buang, Z. dan Mohamad, M. (2019) dalam kajiannya mendapati, elemen kolaborasi dan komunikasi yang mempengaruhi kelestarian PSH yang dijalankan telah ada dalam program PSH yang dijalankan di Kolej Komuniti (KK), Kolej Vokasional (KV) dan sekolah, tetapi kaedahnya perlu dipelbagaikan bagi memastikan kualiti dan peningkatan bilangan peserta yang akan menyertai program-program seperti ini.

MODEL DAN TEORI MOTIVASI

The Concept of Motivation Airon (2004) menyatakan bahawa ahli psikologi mengkaji motivasi melalui tiga soalan kajian iaitu intensiti, arah tindakan dan kegigihan. Menurutnya, tahap intensiti atau kekuatan motivasi seseorang dipanggil tahap kesanggupan seseorang itu meletakkan tenaganya untuk sesuatu. Contohnya, dalam kajian ini intensiti merujuk kepada kesanggupan seseorang guru untuk menjalani Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi meningkatkan tahap penguasaan mereka dalam bidang tertentu. Arkes Gaske (1982) dan Mitchell (1982) mengasaskan konsep motivasi sebagai daya yang membangun dan menentukan tindakan dan kesediaan individu untuk mencapai matlamat. Schunk (1990) dan Greenberg (1999) berpendapat bahawa, konsep motivasi ialah proses dalaman yang menjana, memfokus, dan mengekalkan tingkah laku individu. Menurut McClelland (2009) Indikator motivasi seperti berikut:

- i. Motivasi untuk memenuhi keperluan prestasi (*performance need*) ialah motivasi pekerja untuk berprestasi baik dengan mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh syarikat.
- ii. Dorongan untuk memenuhi keperluan kuasa (*power needs*) adalah dorongan berdasarkan keinginan pekerja untuk diberi kuasa dalam pekerjaan tertentu untuk melakukan kerja yang lebih baik.

- iii. Dorongan untuk memenuhi keperluan gabungan (*el affiliation needs*) ialah dorongan untuk menyelesaikan kerja tepat pada masanya. Sederhana maksimum melalui interaksi sosial yang baik.

i. Model Motivasi

Menurut (Huitt, 2009), motivasi merupakan salah satu daya penggerak yang mendorong manusia untuk mencapai sesuatu dan mencapai matlamat mereka. Selain itu, motivasi mempunyai kesan primer atau sekunder terhadap tingkah laku manusia. Menurut Yusuf dan Kartiko (2014), motivasi ialah perubahan tenaga yang berlaku dalam diri seseorang untuk mengubah cara berfikir atau mencapai matlamat yang diimpikan. Lebih-lebih lagi, matlamat seseorang yang difikirkannya tidak diketahui oleh orang lain selain daripada dirinya sendiri. Model yang digunakan ialah model kecekapan (Robert Whites, 1959).

Model ini menjelaskan bahawa terdapat dua halangan motivasi iaitu dari dalam diri dan dari luar diri. Menurut Wyse et al. (2015), model ini mengukuhkan peranan individu dalam memperoleh kemahiran yang pelbagai dan memperkasakan pengetahuan seseorang. Menurut Akbar (2012), motivasi intrinsik merujuk kepada motivasi yang dicetuskan oleh minat dan keseronokan terhadap kerja seseorang. Ia berada dalam diri individu dan tidak bergantung kepada tekanan luaran. Motivasi intrinsik juga berdasarkan kepuasan diri, keseronokan melakukan sesuatu aktiviti tanpa mencari ganjaran ekstrinsik atau persekitaran daripada orang lain. Pelajar yang bermotivasi intrinsik lebih cenderung melakukan tugas spontan seperti kerja rumah tanpa mengharapkan balasan atau arahan orang lain. Tambahan pula, menurut Iriani (2010), motivasi intrinsik ialah motivasi yang datang daripada seseorang tanpa memerlukan rangsangan luar. Motivasi ini merupakan dorongan minda individu itu sendiri untuk melaksanakan tugas mereka.



ii. Teori Pembelajaran Lev Vygotsky

Teori Vygotsky menekankan interaksi antara dua aspek pembelajaran di dalam dan di luar. Menurut Vygotsky, sistem sosial sangat penting untuk perkembangan kognitif kanak-kanak. Mereka mengembangkan idea melalui dialog dan kerjasama (Gindis, Boris, 1999). Scaffolding juga digariskan dalam teori ini, dengan matlamat memberi banyak pengetahuan terdahulu dan memberi peluang kepada kanak-kanak bagi menyelesaikan masalah secara berdikari atau berdasarkan pemikiran mereka sendiri. "Bantuan" yang diberikan lebih bermaksud nasihat, bimbingan dan dorongan sehingga anak berdikari. Teori ini sangat sesuai kerana guru hanya sebagai perantara yang memberi arahan kepada pelajar, dan pelajar menyelesaikan pembelajaran mereka berdasarkan arahan guru.

Dalam pembelajaran RBT, projek RBT biasanya dilakukan secara bersama atau berkumpulan, membolehkan pelajar berinteraksi antara satu sama lain. Contohnya projek kipas solar. Pertama, guru menerangkan PdPc kepada murid. Pelajar kemudiannya dibahagikan kepada kumpulan untuk menyiapkan tugas dengan bimbingan dan sokongan daripada guru. Perkembangan kognitif pelajar dipercepatkan apabila mereka sudah mempunyai sedikit pengetahuan tentang aktiviti tersebut. Sebagai contoh, untuk menyediakan kipas solar, reka bentuk kipas. Jadi mengetahui bentuk kipas terlebih dahulu menjadikan lakaran projek lebih mudah. Murid-murid juga akan berbincang dalam kumpulan mereka sendiri untuk membuat keputusan serta merujuk kepada guru setelah mereka mendapat keputusan dalam kumpulan. Oleh itu, perkembangan kognitif murid akan berkembang semasa menjalankan aktiviti dalam mata pelajaran RBT.

KESIMPULAN

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) dalam kalangan guru merupakan perkara yang sangat penting bagi meningkatkan kandungan, pengetahuan dan kemahiran dalam bidang tertentu selaras dengan perubahan kurikulum semasa. Hal ini adalah kerana, intervensi pembelajaran moden sangat berbeza dengan apa yang mereka lakukan dahulu. Guru RBT yang mempunyai opsyen Kemahiran Hidup harus berusaha untuk meningkatkan pengetahuan mereka agar dapat meneruskan pengajaran mata pelajaran RBT dengan lebih baik dan kreatif di samping mampu memacu murid-murid ke arah murid holistik dalam bidang teknologi. Elemen pengajaran RBT yang bertaraf tinggi perlu dipandang serius oleh guru-guru dan amat sukar untuk dilaksanakan sekiranya kaedah *chalk and talk* sahaja digunakan. Penerapan teori dan pelaksanaan pembelajaran berasaskan projek memerlukan guru mempersiapkan diri mereka dengan pengetahuan yang lebih mendalam dalam bidang tersebut kerana guru merupakan pakar rujuk kepada murid-murid.

Mempersiapkan diri dengan pengetahuan dan penguasaan mata pelajaran RBT memerlukan guru-guru bekorban masa dan tenaga bagi menyertai apa juga program-program PSH yang dijalankan. Tahap motivasi guru seharusnya berada pada tahap tinggi dalam apa jua faktor yang mendorong motivasi ini agar PSH dalam kalangan guru meningkat dari semasa ke semasa selari dengan perkembangan dunia pendidikan kini. Cadangan untuk menambah lagi program sama ada secara formal atau tidak formal dalam peningkatan personalisme guru serta mengenal pasti bidang-bidang atau kaedah pengajaran yang mereka kurang mahir dapat dirangka dan dilaksanakan. Program boleh melibatkan semua guru RBT agar tidak berlaku keciciran maklumat supaya guru-guru RBT sentiasa berilmu dan berkemahiran tinggi seiring dengan perkembangan teknologi dunia.



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Illahi dengan limpah dan kurnia-Nya yang dianugerahkan kepada saya untuk menyiapkan tugas penulisan artikel ini dengan jayanya. Pertama sekali, saya ingin mendedikasikan ucapan penghargaan ini kepada penyelia yang saya hormati Prof. Dr. Ruhizan bt. Mohammad Yassin di atas tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Selain itu, saya juga ingin mengucap penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu saya Saadiyah binti Morshidi dan sokongan sepenuhnya daripada Almarhum ayah saya Omar bin Ibrahim. Doa dan kata semangat mereka sentiasa menjadi inspirasi saya. Penghargaan terima kasih juga kepada keluarga saya iaitu suami dan anak-anak yang sentiasa memberikan semangat kepada saya. Akhir sekali, ucapan penghargaan terima kasih kepada pihak Politeknik Nilai melalui Jurnal Teknikal dan Sains Social Edisi 19 terbitan November 2023 yang menyemak serta membantu penulisan saya mengikut format yang sesuai seperti yang di tetapkan. Harapan saya semoga setiap usaha dan kerjasama dari pelbagai pihak dapat memberikan satu hasil yang baik dan bermakna di masa hadapan. InsyaAllah

RUJUKAN

Abd Baser, J, Mohd Suhaimi, N. S, Othman, H, Hasan, A, Rahim, M. B, & Nur Yunus, M. F. A. (2017). Standard Guru Malaysia dalam Program Persediaan Guru Reka Bentuk dan Teknologi. *Online Journal for TVET Practitioners*,2(2). <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4779>



- Azlee Ab Rahim @ Ahmad & Jamilah Mustafa. (2021). Pengaruh Sistem Pembelajaran Sepanjang Hayat terhadap Kompetensi Guru di Sekolah. *Selangor Humaniora Review* eISSN 2672-7463 Vol.4, No.1, June 2021.
- Buang, Z., & Mohamad, M. (2019). Kolaborasi dan Komunikasi dalam Kelestarian Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Online Journal for TVET Practitioners*, 4(2), 105–113. Retrieved from <https://penerbit.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/5099>
- Cathrine Masingan & Sabariah Sharif. (2019). Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) Guru Bukan Pengkhususan Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) di Sekolah Menengah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* Volume 4, Issue 6, October 2019 e-ISSN: 2504-8562 Journal home page: www.msocsciences.com
- Gindis, Boris. (1999). *Vygotsky Vision: Reshaping the Practice of Special Education for the 21st Century. Remedial and Special Education* 333-340
- Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang. (2018). Keberkesanan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) terhadap Pengetahuan dan Tahap Kemahiran Pelajar Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1(1) (2018): 89-106 DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.03-10>
- Hazwani Hasami & Nor Aishah Buang. (2021). Keperluan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PPSH) kepada Tenaga Pengajar Institusi Latihan Perindustrian (ILP). *International Journal of Education and Pedagogy*. eISSN: 2682-8464 Vol.3, No.4,131-141, 2021 <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/ijeap>
- Ibrahim A. B., Yahya, F. H., Kahar, N. H., & Omar, N. I. (2019). Kesan Simulasi Litar Elektronik Berkomputer terhadap Prestasi, Motivasi, dan KBAT Pelajar dalam Mata Pelajaran RBT di Sekolah Menengah. *International Journal of Education, Psychology, and Counseling*, 4(28), 28-36.
- Jamal@Nordin Yunus, Khalip Musa & Mahaliza Mansor. (2019). Pengaruh Faktor Kendiri dan Institusi Mempengaruhi Minat Mengikuti Program Pembelajaran Sepanjang Hayat PPGGB-JAIS-UPSI. GEOGRAFIA OnlineTM *Malaysian Journal of Society and Space* 16 issue 1 (95-111) © 2020, e-ISSN 2682-7727 <https://doi.org/10.17576/geo-2020-1601-08>
- Krejcie, R. V & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement* Vol. 30: 607-610.
- Mat Nor @ Ahmad Nor, Mohamad Nurul Azmi Kamarudin, Nurzatulshimadan Abdul Manaf, Umi Kalthom & Mohd Puad, Mohd Hazwan. (2017). Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kurikulum Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) Sekolah Rendah. *International Journal of Education and Training*, 3 (2). pp. 1-7. ISSN 2462-2079
- Mohd Ridzuan Padzi. (2020). PAK 21: Pembelajaran Berasaskan Projek dalam Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi (RBT). *Jurnal Refleksi Kepemimpinan*, [S.l.], n. JILID III, nov. 2020. ISSN 2636-9885.
- Muhammad Yunus & Agus Wedi. (2018). Konsep dan Penerapan Pendidikan Sepanjang Hayat dalam Keluarga. *JINOTEP* 5 (1) Oktober (2018): 31- 37 JINOTEPE (Jurnal Inovasi Teknologi Pembelajaran) Kajian dan Riset dalam Teknologi Pembelajaran <http://journal2.um.ac.id/index.php/jinotep/index>
- Nor Kamaliah Mohamad & Zabidi Abdul Razak. (2018). *Kepimpinan Sekolah dan Pembelajaran Sepanjang Hayat dalam Kalangan Guru di Dungun, Terengganu*. E-ISSN: 2289-9669
- Noor Shamshinar Zakaria & Nor Azhan Norul'Azmi. (2022). Faktor Motivasi Pembelajaran Sepanjang Hayat terhadap Peningkatan Kompetensi Pengajaran Bahasa Arab Era Endemik Motivational Factors of Lifelong Learning towards Improving The Competence in Teaching Arabic during Endemic Era. *Jurnal Pengajian Islam* ISSN: 1823 7126 E-ISSN: 0127-8002 2022, Vol. 15, Isu 2, Halaman 49-62.
- Norazlinda, S, & Surendran, S. (2019). Kelestarian Pembangunan Profesionalisme Guru dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 22, 11-22. <https://doi.org/10.32890/jps.22.2019.12678>

- Nurul Najwa Yusoff et al. (2023). Kesahan Modul Pembangunan Produk bagi Subjek RBT Tingkatan 3 dalam Kalangan Guru SMK di Selangor. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8 (2), e00 2118. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i2.2118>
- Omar, N, & Ibrahim, A. (2020). Pengajaran dan Pembelajaran Litar Elektronik Berbantuan Komputer terhadap Motivasi, Pencapaian dan bebanan Kognitif Pelajar. *International Journal of Education and Pedagogy*, 2(4), 130-139
- Pallant, J. (2013). *SPSS Survival Manual: A Step-by-Step Guide to Data Analysis Using IBM SPSS*. 6th Edition. Mc Graw Hill. Open University Press.
- Zahiah Kassim & Abdul Razaq Ahmad. (2010). E-Pembelajaran: Evolusi Internet dalam Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Proceedings of Regional Conference on Knowledge Integration in ICT 2010*
- Zurani Buang, Mohamad M. M. (2019). Kolaborasi dan Komunikasi dalam Kelestarian Pembelajaran Sepanjang Hayat. *Online Journal for TVET Practitioners* Vol.4 No. 2 (2019)105-113 DOI: <https://doi.org/10.30880/ojtp.2019.04.02.013>
- Zamri Sahaat & Nurfaradilla Mohamad Nasri, (2020) Cabaran Pelaksanaan Mata Pelajaran Reka Bentuk dan Teknologi Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 45 (1(SI)). pp. 51-59. ISSN 0126-6020 / 2180-0782

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Surina Omar

Pelajar Sarjana
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
p117913@siswa.ukm.edu.my



Ruhizan Mohamad Yassin, Prof, Dr

Doktor Falsafah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
ruhizan@ukm.edu.my

PENERAPAN KOSA KATA DALAM PEMBELAJARAN BAHASA ARAB TAHUN SATU: STRATEGI DAN CABARAN

Mohamad Zailani Majid^{1a} & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff^{2a}
Universiti Kebangsaan Malaysia^a
nahwiy@gmail.com^{1a} & nik@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Kertas kajian ini memperkatakan tentang strategi dan cabaran yang ditempuhi oleh para guru Bahasa Arab sekolah rendah dalam usaha bagi menerapkan kosa kata Bahasa Arab kepada murid-murid tahun satu. Dalam kajian ini, pengkaji telah membuat rujukan terhadap sumber kajian-kajian terdahulu yang diambil dari jurnal, prosiding dan tesis. Kajian membuktikan, bahawa guru Bahasa Arab menempuhi pebagai masalah bagi menerapkan kosa kata bahasa Arab kepada mereka kerana kebanyakan murid yang berada pada tahun satu tidak ada asas berkaitan dengan perkataan Arab. Justeru, kertas konsep ini menyediakan strategi-strategi yang harus diamalkan oleh para guru atau bakal guru dalam usaha untuk menerapkan kosa kata Arab kepada murid-murid di sekolah. Kajian kepustakaan dijalankan bagi memastikan kerangka konsep yang berkaitan dengan strategi dan cabaran berjaya dirancang dengan lebih jelas dan terperinci. Kertas kajian ini memberikan tumpuan ke atas dua aspek utama iaitu peranan guru dan peranan ibubapa di rumah. Kedua-dua aspek ini merupakan faktor utama dalam memastikan penerapan kosa kata Bahasa Arab asas berjaya dan dikuasai murid. Pelbagai saranan dan cadangan telah diketengahkan dalam kertas konsep ini bagi memastikan penyerapan kosa kata Bahasa Arab dalam diri murid-murid tahun satu dapat dilaksanakan dengan jayanya. Diharapkan kajian ini menjadi pedoman yang berguna dan bermanfaat kepada guru-guru serta murid-murid pada masa akan datang.

Kata Kunci: Penerapan Kosa Kata, Bahasa Arab Tahun Satu, Cabaran, Strategi.

ABSTRACT

This research paper discusses about the strategies and challenges faced by primary school Arabic teachers in an effort to apply Arabic vocabulary to first year students. In this study, the researcher has made references to the sources of previous studies taken from journals, proceedings and theses. The study proved that Arabic teachers encounter various problems in applying Arabic vocabulary to them because most of the students who are in the first year have no basic knowledges related to Arabic words. Thus, this concept paper provides strategies that should be practiced by teachers or future teachers in an effort to apply Arabic vocabulary to students at school. A literature review was carried out to ensure that the conceptual framework related to the strategies and challenges was successfully planned in a clearer and more detailed manner. This research paper focuses on two main aspects, namely the role of teachers and the role of parents at home. These two aspects are the main factors in ensuring that the application of basic Arabic vocabulary is successful and mastered by students. Various suggestions and recommendations have been highlighted in this concept paper to ensure that the absorption of Arabic vocabulary in first year students can be implemented successfully. It is hoped that this study will be a useful and beneficial guide for teachers and students in the future.

Keywords: Vocabulary Application, Arabic Language for Year 1, Challenges, Strategies

PENGENALAN

Strategi dalam pembelajaran adalah satu wahana utama untuk membantu guru dan murid menguasai sesuatu isi kandungan pelajaran. Strategi juga merupakan cara-cara yang boleh diambil oleh murid untuk melicinkan penyimpanan, pemerolehan, pemerolehan semula dan penggunaan maklumat (Rigney, 1978). Menurut Oxford (1990), strategi dalam pembelajaran digunakan oleh murid bagi meningkatkan tahap pembelajaran kepada diri sendiri. Manakala menurut Zamri dan Mohamed Amin (2005), salah satu kaedah untuk membantu seseorang murid berjaya dalam pembelajaran bahasa ialah dengan menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai. Strategi pembelajaran kosa kata ditakrifkan sebagai tindakan atau teknik yang diaplikasikan oleh seseorang murid yang mempelajari bahasa bagi membantu melicinkan proses pemerolehan, pemahaman, penyimpanan dan mengingatkan semula disamping mengembangkan kosa kata yang baharu diperolehi agar pembelajaran menjadi lebih cekap, berkesan, dan menyeronokkan (Intaraprasert, 2004; Cameron, 2001; Schmitt, 1997).

Pengetahuan terhadap kosa kata pula bermaksud kepada tahap penguasaan sesebuah kosa kata (Meara, 1996; Read, 1993 & 2000) serta sejauh manakah sesuatu perkataan dikuasai (Nurweni & Read, 1999). Tambah Qian (2002), kedalaman sesebuah kata merujuk kepada kualiti seseorang murid dalam memahami erti *kalimah* secara spesifik. Pengetahuan tentang kosa kata bukan sekadar memahami erti *kalimah* tunggal semata-mata, tetapi ia juga berkenaan dengan pengetahuan untuk membina sesuatu perkataan dari sudut ejaan, binaan perkataan, tatabahasa dan gaya bahasa bagi *kalimah* tersebut (Haastrup & Henriksen, 2000). Pengetahuan kosa kata dengan baik akan memotivasikan murid untuk mengaplikasikan strategi-strategi pembelajaran yang lebih berkesan jika dibandingkan dengan murid lemah (Read, 1993).

Dalam sesi pengajaran kosa kata kepada murid-murid tahun satu, mereka didedahkan dengan perkataan-perkataan asas yang harus diperkenalkan terlebih dahulu. Di samping pengenalan huruf tunggal berbaris *fathah, kasrah dan dhammah* murid juga diajar perkataan yang disertakan dengan gambar. Selain itu murid tahun satu juga turut diajar bentuk huruf-huruf bersambung berdasarkan posisinya. Berdasarkan hasil pemerhatian pengkaji sebanyak lebih kurang 150 kosa kata Arab dimuatkan dalam buku teks Bahasa Arab tahun satu yang meliputi pelbagai huruf dan baris. Setiap huruf diperkenalkan bersama-sama baris dan perkataan-perkataan baharu yang terbina menggunakan huruf tersebut. Turut diperkenalkan juga ialah angka satu sehingga sepuluh dalam bahasa Arab. Justeru, sekiranya semua kosa kata ini dikuasai oleh murid tahun satu, sudah tentu mereka telah memiliki saiz kosa kata Arab yang banyak dan seterusnya akan membantu mereka dalam penulisan dan berkomunikasi.

Menurut al-Shuwairekh (2001), secara umumnya, terdapat tujuh strategi pembelajaran kosa kata. Antaranya ialah, strategi pembelajaran menggunakan kamus, strategi pembelajaran bukan kamus, strategi pembelajaran mengambil nota, strategi pembelajaran secara hafalan, strategi pembelajaran praktis, strategi pembelajaran meta kognitif dan strategi pembelajaran pengembangan pengetahuan kosa kata (Kamaruddin & Baharudin 2017). Kesemua strategi ini didapati merangkumi pelbagai aspek pembelajaran kosa kata. Berdasarkan tujuh strategi di atas, hanya beberapa strategi sahaja yang praktikal ke atas murid-murid tahun satu iaitu strategi hafalan, strategi praktis dan strategi mengembangkan pengetahuan kosa kata.

PERNYATAAN MASALAH

Kosa kata merupakan perkara utama yang harus dikuasai oleh seseorang yang mempelajari sesuatu bahasa kerana dengannya sesuatu ayat atau ungkapan dapat dibina bagi melontarkan kata-kata, idea dan sebagainya. Seseorang yang mengetahui ilmu tata bahasa Arab tetapi kurang

penguasaan kosa kata akan menghadapi masalah dalam membina ayat atau menulis esei. Di peringkat sekolah rendah, kurikulum Bahasa Arab bertujuan untuk membantu murid mempelajari empat kemahiran asas Bahasa Arab: mendengar, membaca, bertutur, dan menulis. Murid diajar kosa kata Bahasa Arab bagi menguasai ke empat-empat kemahiran bahasa ini.

Guru yang pakar dalam Bahasa Arab akan berada dalam kedudukan yang unik untuk membantu murid mempelajari dan menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian mereka. Dalam mendidik dan menjalankan PdP di sekolah rendah, guru-guru Bahasa Arab menghadapi masalah untuk mengintegrasikan perkataan daripada Bahasa Arab yang belum pernah disebut dan didengar oleh murid tahun satu. Tambahan pula seawal tahun satu, masih terdapat ramai murid yang belum mengenal huruf *hijaiyyah* Arab apatah lagi untuk membaca perkataan yang terdapat dalam buku teks. Di samping itu, guru yang mengajar pula dikehendaki menghabiskan sukatan murid yang telah diagihkan mengikut minggu-minggu dalam setahun.

Guru berpendapat bahawa pelajar mula-mula menghadapi kesukaran untuk memahami perbezaan sebutan antara kata ganti nama lelaki dan perempuan. Hal ini kerana perbezaan perkataan yang melibatkan jantina yang berbeza tidak diajar kepada murid yang baru memasuki tahun satu. Hal demikian kerana murid tahun satu masih dibayangi oleh bahasa pertama yang tidak mempunyai unsur jantina sebagaimana Bahasa Arab. Mereka akan mula diajar perbezaan jantina pada tahun tiga. Tambahan pula pembelajaran Bahasa Arab pada tahap satu bergantung kepada sebutan, pengulangan dan teknik hafalan.

Dalam teori tingkah laku, kaedah ini memerlukan pengulangan dan latihan tubi untuk membantu pelajar yang baru mula belajar bahasa. Ia juga boleh membantu menguatkan daya ingatan mereka. Bagi murid yang baru mengenal sesuatu bahasa, mereka akan menghadapi banyak masalah untuk memahami perkataan. Faktor ini boleh menjejaskan pembelajaran dan keupayaan mereka untuk menggunakan bahasa dengan baik dalam kesemua aspek kemahiran bahasa. Di samping itu Ashinida (2012) berpendapat, sekiranya murid tidak menguasai kosa perkataan Arab dengan baik, mereka mungkin berasa kecewa, tidak yakin, takut atau malu. Hal ini akan memberikan kesan yang negatif terhadap motivasi murid seterusnya akan mewujudkan keresahan dalam komunikasi. Struktur ayat juga menjadi isu utama bagi pelajar mengenai penggunaan perkataan atau istilah yang salah. Banyak sumber menyumbang kepada kelemahan kosa kata mereka.

Antara isu yang dihadapi termasuk kekurangan perbendaharaan kata, kegagalan untuk memahami makna perkataan, menyebut perkataan dengan cara yang salah, dan kesilapan dalam pembentukan kata. Kajian Nadwah dan Nadhilah (2014) menyatakan bahawa, penguasaan kosa kata murid yang kritikal serta kurang pengetahuan tentang kepentingannya mengikut konteks ayat dan situasi merupakan antara punca kelemahan Bahasa Arab di Malaysia. Salah memilih pendekatan dan metod yang tepat secara langsung menyebabkan kegagalan pelajar menguasai kosa kata dengan berkesan. Oleh itu, jelas sekali kelemahan menguasai perbendaharaan kata merupakan halangan terbesar kepada murid dalam pembelajaran, dan berkomunikasi dengan fasih dalam Bahasa Arab. Pemerhatian pengkaji juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai penguasaan perbendaharaan kata yang lemah di peringkat sekolah rendah.

Selain itu, salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam penguasaan kosa kata ialah kegagalan atau ketidakupayaan guru untuk memilih strategi dan pendekatan pengajaran kosa kata yang sesuai. Ini selaras dengan Rosni (2009), yang menyatakan bahawa kegagalan guru memilih strategi dan pendekatan yang betul menyebabkan murid gagal memperoleh kosa kata dengan berkesan. Menurut Rosni lagi, penguasaan kosa kata merupakan titik permulaan yang diperlukan untuk membentuk ayat yang baik dalam bahasa Arab. Kajian oleh sarjana dalam bidang Bahasa Arab menunjukkan bahawa murid di Malaysia

masih perlu meningkatkan kemahiran perbendaharaan kata mereka. Kajian Harun dan Zawawi (2014) mendapati, bilangan kosa kata yang dikuasai pelajar masih berada pada tahap yang amat terhad dan mereka lemah dalam menggunakan kosa kata Arab. Hal ini akan memberi kesan kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Arab.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti cabaran dan strategi guru dalam menerapkan kosa kata Bahasa Arab kepada murid sekolah rendah. Objektif kajian ini:

1. Menenalpasti jumlah kosa kata yang diajar kepada pada murid-murid tahun satu.
2. Mengkaji strategi terbaik yang boleh dilaksanakan oleh guru Bahasa Arab untuk menerapkan kosa kata Bahasa Arab semasa PDP.
3. Menelusuri cabaran yang dihadapi oleh para guru Bahasa Arab semasa sesi pengajaran kosa kata

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian iaitu:

1. Berapakah jumlah kosa kata Arab yang diajarkan kepada murid tahun satu?
2. Apakah strategi PdP terbaik yang harus dilaksanakan oleh para guru untuk menerapkan kosa kata bahasa Arab kepada murid mereka?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh guru bahasa Arab untuk meningkatkan tahap pemerolehan kosa Arab dalam kalangan murid tahun satu?

KAJIAN LITERATUR

Proses pembelajaran dan pengajaran kosa kata Arab memerlukan empat kemahiran Bahasa Arab yang menjadi teraju utama untuk membantu murid mempelajari kosa kata. Menurut Nik Mohd Rahimi (2003) *maharat al-istima'* (kemahiran mendengar) adalah satu asas dalam pembelajaran sesuatu bahasa. Individu yang memiliki kemahiran mendengar secara baik, akan mampu menguasai konsep serta mentafsirkan terhadap apa yang telah didengari. Nik Mohd Rahimi (2005) berhujah bahawa, kemahiran mendengar haruslah menjadi asas proses gabung jalin antara kemahiran-kemahiran bahasa yang lain. Walaubagaimanapun menurut pengkaji ini, para guru di Malaysia seringkali mengabaikan teknik pengajaran kemahiran mendengar. Kenneth Beare (2009) berpandangan bahawa, mengajar murid tentang kemahiran mendengar adalah tugas yang paling sukar kepada para guru. Hal yang demikian kerana mendengar merupakan satu kemahiran yang memerlukan latihan yang kerap dilakukan oleh orang yang mempelajarinya.

Kemahiran bahasa yang kedua ialah kemahiran bertutur. Jika dilihat kepada matlamat kurikulum Bahasa Arab Komunikasi Sekolah Rendah ianya adalah bertujuan supaya murid dapat berkomunikasi secara perbualan semasa dalam aktiviti seharian mereka. Murid-murid juga diharapkan boleh mendalami empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis seterusnya memberi perhatian yang lebih kepada kemahiran bertutur. Tambahan pula antara objektif utama subjek Bahasa Arab Komunikasi supaya murid terbiasa dengan proses mendengar perkataan-perkataan Arab di samping mampu membunyikan kata-kata Arab dengan fasih dan lancar seterusnya melontarkan pendapat dalam situasi-situasi tertentu.

Kemahiran bertutur adalah satu kemahiran bahasa yang amat dikehendaki seseorang itu bagi menjalinkan hubungannya dengan orang lain. Pertuturan yang dilakukan biasanya

membawa maksud tertentu. Oleh yang demikian kemampuan seseorang itu melontarkan sejumlah perkataan itu akan dapat melajukan proses penguasaan murid, terutamanya jika berkenaan dengan hubungan interpersonal. Pendekatan yang sesuai diperlukan untuk menerapkan pengajaran kemahiran ini terutamanya semasa menghadapi kumpulan murid yang berbeza, seperti keperluan bagi mempelajari bahasa pertama ataupun bahasa kedua (Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman, 2008).

Membaca adalah satu lagi kemahiran bahasa yang penting. Proses ini menurut To'imah (1989), merupakan satu proses pemahaman, kritikan, pengiktirafan, dan tindak balas yang merupakan aktiviti minda yang memerlukan penglibatan setiap aspek keperibadian seseorang pembaca. Kemahiran ini telah menjadi satu keperluan bagi setiap orang yang mempelajari sesuatu bahasa. Kemahiran membaca adalah salah satu kemahiran berbahasa yang paling penting. Menurut teori To'imah (1989), adalah tidak bermoral untuk belajar banyak bahasa tanpa mempunyai keupayaan untuk membaca dengan tepat.

Selain itu, objektif utama pembelajaran Bahasa Arab sebagai bahasa asing atau bahasa kedua di Malaysia adalah untuk menguasai kemahiran membaca. Kajian menunjukkan bahawa mengajar pendatang Malaysia bertutur dalam bahasa tersebut memerlukan tumpuan yang lebih besar pada kemahiran membaca. Selain itu, kemahiran berbahasa yang paling tinggi ialah kebolehan menulis dengan betul. Pertumbuhan otak dan pengalaman pengguna bahasa berkaitan dengan perkembangan kemahiran ini. Mereka digunakan untuk berkomunikasi dan menyelesaikan pelbagai isu. Salleh Abdul Majid al-Arabi menyatakan bahawa orang yang ingin menulis harus mengambil kira beberapa perkara: memulakan penulisan dalam bahasa Arab dari kanan ke kiri, menggunakan huruf Arab dengan betul, dan menulis perkataan dengan ejaan yang betul.

Menurut kajian Smith dan Harmon, et al., cara paling berkesan untuk meningkatkan produktiviti adalah dengan menguatkuasakan jadual kerja yang jelas dan padat. Proses pembelajaran perbendaharaan kata ini berterusan, sambil terus mengenali perkataan baharu dan penggunaannya. Strategi ialah suatu kelengkapan yang digunakan oleh murid untuk menjadi lebih baik dalam menguasai perbendaharaan kata. Menurut Irma Martiny et al. (2017), ini boleh dilakukan dengan berlatih secara kerap dan dengan memberi tumpuan kepada bidang kosa kata tertentu. Satu faktor penting dalam penguasaan bahasa murid ialah apakah jenis teknik dan strategi yang mereka gunakan. (Irma Martiny, 2017). Murid yang berkemahiran tinggi dalam bahasa lebih cenderung menggunakan pelbagai teknik dan strategi.

Terdapat kajian terdahulu mendapati bahawa penguasaan kosa kata yang rendah adalah punca utama masalah pembelajaran bahasa Arab dan pencapaian rendah murid. Jika pelajar menguasai aspek perbendaharaan kata secara terhad, hal ini akan melemahkan kemahiran bahasa mereka (Ashinida, 2012) seterusnya juga akan mengalami kesukaran dalam menguasai Bahasa Arab, sama ada dalam empat kemahiran bahasa atau dalam prestasi peperiksaan mereka. Pada 2014, ditunjukkan bahawa murid melakukan kesalahan yang paling biasa dalam penulisan karangan dengan membuat kesilapan perbendaharaan kata. Pilihan perkataan yang salah boleh menyebabkan mesej tidak jelas dan mungkin memberi makna yang berbeza.

Selain itu, kajian telah menunjukkan bahawa penggunaan strategi pembelajaran yang menghiburkan, yang menggalakkan kreativiti dan penerokaan minda murid, adalah cara terbaik untuk mengajar perbendaharaan kata. Kajian Muhammad Fauziddin et al. (2020) juga menyokong penemuan ini, yang mendapati bahawa penggunaan pelbagai kaedah untuk menguasai kosa kata baharu lebih mudah memberi kesan kepada murid yang mempunyai kecenderungan berbahasa yang tinggi. Apabila ia datang kepada penguasaan kosa kata, kaedah yang digunakan oleh murid yang mempelajari bahasa asing berbeza dengan kaedah yang digunakan oleh penutur asli. Ringkasnya, untuk murid mempunyai kemahiran perbendaharaan

kata yang baik, mereka perlu menguasai banyak kosa kata. Guru yang kreatif dan kritis akan dapat membantu murid mereka belajar sepenuhnya daripada perbendaharaan kata, seterusnya mencapai keputusan yang hebat.

STRATEGI

Barbara Bakker (2019) dalam kajiannya menunjukkan bahawa, strategi pengajaran yang cemerlang yang dirancang oleh guru akan mampu memberikan peningkatan murid dalam penguasaan kosa kata. Penelitian Nazilah (2017) pula mencadangkan beberapa strategi pengajaran yang boleh dilaksanakan oleh guru iaitu menggunakan teknik pengukuhan dengan melakukan latihan tubi seberapa banyak yang boleh semasa PdP. Memandangkan murid tahun satu ada lagi yang masih belum mampu membaca perkataan Arab maka guru berperanan menyebutnya secara berulang kali sehingga perkataan tersebut melekat dalam ingatan murid seterusnya mereka dapat menyebutnya secara hafalan.

Kaedah ini sesuai untuk digunakan kepada murid-murid yang agak lemah dan juga murid yang buta huruf Arab. Sebagaimana yang tercatat pada buku teks Bahasa Arab murid tahun satu, perkataan yang diajar oleh guru disertakan sekali bersama gambar. Strategi ini dilihat dapat memudahkan murid untuk mengingat sesuatu maksud perkataan yang diajar. Didapati semasa sesi pembelajaran Bahasa Arab bagi tahun satu bahawa, guru lebih suka untuk melaksanakan kaedah latihan tubi menyebut perkataan secara kerap, mengulang sebutan bunyi huruf dan perkataan yang disertakan dengan visual.

Kaedah ini dipercayai dapat menarik minat murid kerana selain mempelajari sesuatu perkataan mereka juga berpeluang melihat gambar-gambar haiwan, tumbuhan dan sebagainya yang menjadi tarikan kepada perhatian mereka. Untuk meningkatkan pemahaman dan kemahiran mengingat, guru mengulangi perbuatan dengan ucapan iringan. Majoriti pelajar tidak mempunyai pemahaman awal tentang Bahasa Arab sama ada di rumah atau di prasekolah.

Hal ini berbeza dengan cara kanak-kanak biasa belajar Bahasa Inggeris dalam pendidikan formal di peringkat prasekolah atau dalam pendidikan tidak formal yang dibuang dari rumah dan persekitaran mereka, seperti televisyen dan Internet. Setelah diberi latihan berulang kali, pelajar juga perlu menghafal dan mengingat nama huruf dan sebutannya. Pada peringkat ini, guru sering menggunakan huruf Arab, gambar, dan sebutan yang diajar untuk membantu murid memahami dan mengingat. Pada ketika ini, murid telah mula memahami huruf Arab yang berbeza dan pelbagai sebutannya daripada penutur asli mereka. Pada ketika ini, murid boleh mula membaca tulisan Arab walaupun mereka tidak memahami maksud perkataan tersebut.

Pada peringkat seterusnya, perbendaharaan kata yang disertakan dengan gambar Bahasa Arab diajar kepada murid-murid yang berada di tahap satu. Kebanyakan perkataan yang digunakan di dalam bilik darjah mudah dilihat dan diakses oleh murid, turut memudahkan guru mengajar menggunakan teknik tunjuk dan panggil. Pada peringkat ini, guru menggunakan kaedah hafalan dengan menyediakan satu hingga lima senarai kosa kata untuk dihafal oleh murid dalam satu sesi pengajaran. Kaedah pengajaran kosa kata secara bergambar penting sekali pada peringkat ini; Selain itu, guru bahasa Arab boleh menggunakan laman *web* pengajaran Bahasa Arab untuk memuat turun gambar dan menggunakannya di dalam kelas. Peneguhan ingatan murid menggunakan gambar, membantu murid memahami makna dan menguatkan ingatan mereka. Hal ini membolehkan guru mengurangkan penggunaan bahasa pertama, kerana melalui gambar murid dapat terus menyebut sesuatu perkataan dalam Bahasa Arab. Cara ini boleh menggalakkan murid yang menguasai bahasa kedua tanpa terlalu banyak merujuk kepada bahasa pertama.

CABARAN

Kajian oleh Nazilah Mohamad et al. (2017) mendapati, empat isu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab iaitu kekurangan penggunaan teknologi, pengajaran permainan yang kurang dipraktikkan, persepsi dan hala tuju ibubapa dan murid terhadap pembelajaran bahasa Arab.

Gabungan teknologi pendidikan dan elektronik boleh membantu guru mempelbagaikan kaedah pengajaran. Selain itu, inisiatif penggunaan teknologi seperti video, audio, grafik dan animasi boleh membantu murid dengan cepat dan berkesan menguasai Bahasa Arab. Seterusnya, program ini menggalakkan pelajar untuk belajar Bahasa Arab. Terdapat banyak tapak *web* yang menawarkan pembelajaran Bahasa Arab secara percuma. Oleh kerana teknologi e-pembelajaran ini sangat mudah untuk digunakan, guru Bahasa Arab harus memanfaatkannya. Namun demikian menurut Rosni Samah (2012), guru sering kali mengajar dengan menggunakan alat tulis dan papan putih sahaja, malah peralatan ICT yang dibekalkan oleh pihak kerajaan dibiarkan begitu tanpa digunakan. Peralatan mengajar seperti TV kaset dan VCD tidak pernah diusik sehingga telah mengalami kerosakan.

Pada hemat pengkaji, laman pembelajaran berasaskan *web* jarang diterokai oleh guru dan murid disebabkan kerana mereka terikat dengan sukatan pelajaran sedia ada. Tambahan pula masa yang ada tidak mencukupi bagi para guru untuk menggunakan laman *web* berkenaan. Satu tinjauan yang dijalankan di laman *web* yang mengajar bahasa Arab mendapati bahawa hanya sebilangan kecil daripada mereka menggunakan Bahasa Melayu sebagai alat pengajaran. Hal ini menyukarkan pelajar untuk belajar sendiri di rumah. Ibubapa yang belum pernah bercakap Arab mendapati sukar untuk mengajar anak-anak mereka di rumah. Hal yang demikian membataskan murid untuk belajar Bahasa Arab secara sendiri, yang boleh menjadi suatu cabaran kepada mereka. Guru-guru juga didapati tidak menggunakan permainan bahasa dengan murid-murid mereka.

Permainan bahasa boleh digunakan untuk membantu murid mengingat kamus dan tatabahasa dengan lebih baik, serta mempunyai sedikit keseronokan semasa belajar. Kanak-kanak suka bermain permainan, jadi kaedah ini membantu mereka belajar dengan cepat dengan melibatkan mereka. Ini membolehkan murid untuk belajar Bahasa Arab dengan cara yang tidak sedar. Keperluan untuk belajar Bahasa Arab merupakan halangan untuk belajar bahasa ini bagi murid dan ibubapa mereka. Sebelum pemansuhan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) walaupun murid diwajibkan mempelajari Bahasa Arab selepas Bahasa Inggeris sebagai bahasa asing, namun begitu mata pelajaran elektif ini tidak dikategorikan sebagai salah satu mata pelajaran wajib yang ada dalam peperiksaan dalam UPSR.

Hal ini sedikit sebanyak akan menurunkan tahap motivasi murid terhadap pembelajaran Bahasa Arab dan menurunkan motivasi para murid sekolah untuk mendalaminya secara tekun dan bersungguh-sungguh. Mata pelajaran ini amat berbeza dengan Bahasa Inggeris, yang menjadi mata pelajaran teras yang dinilai dalam UPSR, bahkan kebanyakan murid dan ibubapa berusaha dengan giat untuk lulus. Kesukaran terakhir ialah tiada hala tuju yang jelas dalam sistem pendidikan negara mengenai pengajaran Bahasa Arab. Hal yang demikian kerana sehingga Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, pengajaran Bahasa Arab telah diajar melalui sistem pondok dan secara tidak formal. Ini disebabkan oleh fakta bahawa tiada rekod yang menunjukkan matlamat khusus untuk pembelajaran bahasa tersebut (Ishaq Mohd Rejab, 1992).

Tambahan pula menurut Mok Soon Sang (2000), objektif pendidikan Bahasa Arab di pondok-pondok pada masa tersebut adalah untuk membolehkan pelajar membaca doa dan teks dalam Bahasa Arab. Namun begitu, pada zaman ini tidak ada bukti atau catatan yang jelas tentang apakah matlamat pengajaran Bahasa Arab yang sepatutnya. Fungsi dan hala tuju Bahasa

Arab yang tidak jelas dalam sistem pendidikan negara menyebabkan bahasa tersebut tidak menjadi pilihan murid untuk mempelajarinya. Ini kerana nilai komersial Bahasa Arab berbeza dengan Bahasa Inggeris yang telah menyebabkan murid kurang berminat untuk mempelajarinya. Akibatnya, Bahasa Arab terus dianggap sebagai bahasa yang hanya digunakan untuk tujuan keagamaan.

PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu, terdapat beberapa saranan dan cadangan kajian yang boleh diambil dan digunakan oleh Guru-guru Bahasa Arab dalam sesi PdP di sekolah. Oleh itu, guru perlu berperanan mengubah strategi pengajaran sedia ada kepada cara yang lebih sistematik dan efisien. Untuk memastikan murid-murid yang mempelajari Bahasa Arab dapat meningkatkan penguasaan kosa kata Arab dalam kalangan murid tahun satu secara berkesan, guru-guru Bahasa Arab perlu memperbaiki dan mengubah strategi dan kaedah pengajaran mereka. Oleh itu, beberapa idea yang baik telah dikemukakan untuk membantu guru menerapkan kosa kata Arab kepada pelajar tahun satu secara lebih efisien:

1. Pelaksanaan permainan dan kuiz
2. Pembelajaran berasaskan *website*
3. Soal Jawab Kosa Kata
4. Kad Perkataan bergambar
5. Penggunaan Audio dan Visual (LCD)
6. Amalan latih tubi menyebut perkataan Baharu
7. Penggunaan *lughat al-fasl* (bahasa kelas)
8. Nyanyian



Ringkasnya, kebanyakan murid yang berada pada tahun satu tidak mempunyai asas Bahasa Arab. Sebahagian daripada mereka masih belum mengenal huruf A B C apatah lagi huruf Arab. Justeru, bagi menjalankan tugas mengajar kosa kata kepada murid-murid ini, guru Bahasa Arab harus berperanan mengajar mereka mengenali huruf-huruf *hijaiyyah* Arab terlebih dahulu sebelum penerapan kosa kata dilakukan secara berfokus. Oleh yang demikian, jika dilihat pada sukatan pelajaran Bahasa Arab tahun satu pelajaran berkenaan mengenal huruf tunggal dan bersambung ditekankan terlebih dahulu sebelum pengenalan tentang perkataan-perkataan yang terbit daripada huruf tunggal tersebut. Hal ini bagi membantu murid untuk mengenali huruf Arab dengan lebih cepat dan cekap.

Strategi penerapan kosa kata Bahasa Arab mempunyai objektif dan matlamat yang tersendiri dalam usaha guru-guru untuk memperkasakan kefahaman dan ingatan murid terhadap kosa kata khususnya kepada murid tahun satu yang tidak ada asas dalam Bahasa Arab. Berdasarkan cadangan daripada kajian-kajian lepas, berbagai-bagai pendekatan dan strategi boleh digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang akan dilaksanakan. Namun demikian, guru perlulah menekankan kepada pelbagai aspek untuk mendatangkan minat murid supaya nanti murid akan berusaha untuk mendalami bidang ini dengan sendiri di rumah atau semasa waktu lapang seterusnya mereka akan sentiasa memberikan tindak balas yang positif ketika sesi pembelajaran berlaku. Suasana tempat pembelajaran yang selesa boleh meningkatkan lagi tahap penguasaan kosa kata tersebut. Tegasnya, gabungan peranan guru, murid dan ibubapa memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha untuk memastikan proses pemerolehan kosa kata Bahasa Arab dalam kalangan murid tahun satu di sekolah rendah berjaya dicapai.

PENGHARGAAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Segala puji bagi Allah, tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar nabi Muhammad s.a.w, keluarga serta sahabat baginda. Artikel ini dihasilkan bagi memenuhi syarat pengurniaan ijazah sarjana, UKM. Sekalung penghargaan dan jutaan terima kasih diberikan kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan dan penerbitan artikel ini khususnya pihak penerbitan Jurnal Teknikal dan Sains Sosial yang telah memberikan laluan kepada artikel ini untuk diterbitkan. Jutaan terima kasih juga diucapkan semua pensyarah Fakulti Pendidikan UKM kerana telah memberikan bimbingan dan didikan sepanjang dua tahun saya berada di Fakulti Pendidikan. Kesyukuran dan penghargaan juga dizahirkan kepada seluruh ahli keluarga kerana sentiasa memberi sokongan motivasi sepanjang sesi pengajian. Akhir kata, tidak dilupakan juga rakan seperjuangan para pelajar Ijazah Sarjana Pendidikan bagi sesi pengajian 2022/2023 atas kata-kata semangat dan bantuan yang telah diberikan.

RUJUKAN

- Ahmad Zakuan Md Khudzari, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff & Hanan Hamzah. (2013). Teknik Pengajaran Kosa Kata Arab melalui Nyanyian: Asas Pengetahuan yang Perlu Ada Pada Guru Bahasa Arab j-QAF. *Artikel Seminar Keb. Penyelidikan j-Qaf 2013*, hlm: 51-81.
- Al-Suwairekh, Saleh. (2001). Vocabulary Learning Strategies Used by AFL (Arabic as a Foreign Language) Learners in Saudi Arabia. Tesis PhD, Universiti of Leeds, United Kingdom.
- Ashinida Aladdin. (2012). Analisis Penggunaan Strategi Komunikasi dalam Komunikasi Lisan Bahasa Arab. *Gema Online Journal of Language Studies*. 12 (2), 645-666.
- Baharudin, Harun. (2014). Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab Murid Sekolah Menengah Agama di Malaysia. <http://studentsrepo.um.edu.my/id/eprint/5770>
- Barbara Bakker. (2019). Teaching and Learning Arabic Vocabulary. *Innovation in Language Learning International Conference*. Dalarna University, Sweden.
- Cameron, L. (2001). *Teaching Languages to Young Learners*. Cambridge, UK: Cambridge University Press. <http://dx.doi.org/10.1017/CBO9780511733109>
- Ghazali Yusri, Nik Mohd Rahimi & Parilah M. Shah. (2010). Sikap Murid terhadap Pembelajaran Kemahiran Lisan Bahasa Arab di Universiti Teknologi MARA (UiTM). *GEMA Online™ Journal of Language Studies*. Volume 10(3) 2010: 15-33
- Haastrup, K., & Henriksen, B. (2000). Vocabulary Acquisition: Acquiring Depth of Knowledge through Network Building. *International Journal of Linguistics*. 10 (2), 221-240.
- Harun Baharudin & Zawawi Ismail. 2014. Vocabulary Learning Strategies and Arabic Vocabulary Size Among Pre-University Students in Malaysia. *International Education Studies*, 7(13). 219-226.
- Irma Martiny, Maimun Aqsha Lubis, Zaid Arafat & Aisyah Sjahrony. (2016). Penggunaan Teknik Pembelajaran Aspek Kosa Kata Bahasa Arab dalam Kalangan Murid. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization(ACER-J)*. Volume 1(1) January 2017, 14-24
- Ismail, Mohd & Abu Bakar, Kaseh & Mustapha, Nik Farhan & Rouyan, Nurazan. (2016). Penggunaan Strategi Pembelajaran Kosa Kata Bahasa Arab pada Kalangan Murid Cemerlang. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 31. 47-68. 10.21315/apjee2016.31.4.
- Intaraprasert, C. (2004). ETS Students and Vocabulary Learning Strategies: A Preliminary Investigation. Unpublished Research, Suranaree University of Technology, Nakhon Ratchasima, Thailand.



- Kamaruddin, Nur & Baharudin, Harun. (2017). Strategi Pembelajaran Kosakata dan Penguasaan Pengetahuan Kosakata Arab dalam Kalangan Murid STAM. Attarbawiy: *Malaysian Online Journal of Education*. 1. 64-73.
- Kamarudin Husin. (1986). Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa. Subang Jaya: Sarjana.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010. Kurikulum Standard Sekolah Rendah-Bahasa Arab. Bahagian Pembangunan Kurikulum
- Kamarul Shukri Mat Teh, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Mohamed Amin Embi & Zamri Mahamod. (2008). Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Berdasarkan Tahap Pencapaian Bahasa Arab Komunikasi. *Proceedings of 3rd International Language Learning Conference*, hlm. 209-222.
- Kenneth Beare. (2009). The Challenge of Teaching Listening Skills. Dicapai pada 13 Mac 2017 daripada <http://esl.about.com/cs/teachlistening/a/a-tlisten.htm>.
- Mohammad Fauziddin & Makhyatul Fikriya. (2020). Mengenal Kosakata Bahasa Arab melalui Permainan Kartu Huruf Hijaiyah yang Dilengkapi Kosakata. *Journal for Early Childhood Education Research*. Volume 1 Issue 1(2020).
- Nadwah Daud & Nadhilah Abdul Pisal. (2014). Permasalahan Pertuturan dalam Bahasa Arab sebagai Bahasa Kedua. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 14(1), 117-133.
- Nazilah Mohamad, Siti Zanariah Yusoff, Nor Hafizah Abdullah & Sharipah Nur Mursalina Syed Azmy. (2017). Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Seminar Kebangsaan Bahasa dan Kesusasteraan Arab 2017* (October): 4-6.
- Oxford, R. L. (1990). Language Learning Strategies and Beyond: A Look at Strategies in the Context of Styles. *Shifting the Instructional Focus to the Learner*, 35-55.
- Rigney, J. W. (1978). Learning Strategies: A Theoretical Perspective. In H. F. O'Neil Jr (Eds.), *Learning Strategies* (pp. 165-205). New York: Academic Press.
- Rosni Samah. (2009). Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab untuk Murid bukan Penutur Jati. Nilai: USIM
- Rosni Samah. (2012). Pembinaan Ayat Bahasa Arab dalam Kalangan Lulusan Sekolah Menengah Agama. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(May), 555- 569.
- Schmitt, N. (1997). Vocabulary Learning Strategies. In N. Schmitt & M. McCarthy (Eds.), *Vocabulary: Description, Acquisition and Pedagogy* (pp. 199-227). Cambridge: Cambridge University Press.
- To'imah, Rushdi Ahmad. (1989). *Ta'lim al-'Arabiyyah li ghairi Natiqiin biha. Rabat: Mansyurat al-Munazzamah al-Islamiyyah li-Tarbiyyah wa al-Ulum wa Thaqafah*- Esesco. Toimah membaca. *Jurnal Teknologi* 42(E), 1-18

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Mohamad Zailani Majid

Pelajar Siswazah
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi Selangor.
nahwiy@gmail.com

Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Prof. Dr.

Pensyarah Universiti
Pusat Kajian Inovasi Pembelajaran & Pengajaran
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi Selangor.
nik@ukm.edu.my

KAEDAH HAFAZAN DAN MOTIVASI PEMANGKIN KECEMERLANGAN HAFAZAN

Muhammad Firdaus Abu Bakar^{1a} & Hafizhah Zulkifli^{2a}
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^a
firdausalbahanji@gmail.com^{1a} & hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Institusi Tahfiz di Malaysia semakin bertambah sama ada persendirian, swasta atau kerajaan. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat telah mempunyai kesedaran menghantar anak-anak ke sekolah beraliran tahfiz untuk melahirkan anak-anak yang professional huffaz (profaz) atau golongan agamawan yang menghafal al-Quran. Kesedaran ini sangat baik apabila kerajaan sendiri menggubal Kurikulum Bersepadu Tahfiz yang diterapkan di sekolah-sekolah kerajaan yang dipilih oleh Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. Walaubagaimanapun, terdapat keciciran pelajar dalam menghafaz al-Quran yang perlu diambil tindakan yang serius oleh pihak berkenaan. Kertas konsep ini ditulis bertujuan untuk meneroka kaedah dan teknik hafazan yang digunakan oleh pusat-pusat tahfiz atau institusi tahfiz yang ada di Malaysia serta kaitan yang ada pada motivasi bagi penghafal al-Quran. Kaedah menganalisis dokumen digunakan dalam kertas konsep ini dan bukan bersifat lapangan. Di akhir kertas konsep ini dapat melihat pelbagai kaedah dan teknik menghafaz al-Quran dan motivasi mempunyai kaitan dengan menghafalan al-Quran.

Kata Kunci: Kaedah dan Teknik Hafazan al-Quran, Motivasi.



ABSTRACT

The number of tahfiz institutions in Malaysia are is positively increasing be it a private or a government-owned institution. this proves that the society is becoming more aware of the needs to send their children to these institutions with the purpose to produce more professional huffaz; people who are able to memorize the Quran by heart. This awareness has caused a lot of beneficial impacts in which the government itself is now introducing a comprehensive curriculum for tahfiz institutions known as the Kurikulum Bersepadu Tahfiz. This curriculum is being used and inculcated in government schools which are selected by the Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia. However, a stern action or approach must be taken to overcome the students who are lacking behind the curriculum in which they cannot memorize the Quran based on the standard set by the curriculum. Therefore, this paper aims to explore the suitable methods and approaches that can be practiced by the tahfiz institutions to accommodate the process and motivate the students better. The technique of analyzation of documents will be applied in instead of field studies. It is hoped that by reviewing these techniques, tahfiz institutions and students will be more motivated as they are relatively and closely related.

Keywords: Method and Technique of Memorizing Quran, Motivation.

PENGENALAN

Al-Quran adalah kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w sebagai panduan dalam menjalankan kehidupan. Al-Quran yang mempunyai 30 juzuk, 114 surah dan

6236 ayat ini merangkumi semua aspek kehidupan manusia (Muhammad Hafizan & Mohamad Marzuqi, 2023). Bukan sahaja menjadi panduan dari aspek kehidupan di dunia tetapi mengkhabarkan gambaran kehidupan di akhirat bagi manusia yang mentaati perintah yang termaktub di dalam al-Quran dan juga sebaliknya.

Wahyu yang disampaikan melalui perantaraan Malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad s.a.w secara berperingkat ini bertujuan memudahkan baginda s.a.w. menghafal wahyu tersebut untuk disampaikan kepada umat Islam pada ketika itu. Malah baginda s.a.w bukan setakat membaca kalam yang suci tersebut kepada umat Islam, tetapi memberikan penerangan dan kefahaman terhadap ayat yang diturunkan berdasarkan kehendak Allah s.w.t. Proses itu tidak terhenti di situ sahaja, para sahabat memulakan langkah dengan diri mereka sendiri iaitu menghafal, memahami dan menghayati ayat-ayat al-Quran tersebut dan diamalkan di dalam kehidupan (Siti Suriyani, 2018). Hal ini memberi impak bahawa al-Quran itu bukan bahan bacaan seperti buku-buku biasa tetapi panduan hidup bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan bermula dari bangun tidur sehingga dalam urusan pentadbiran negara.

Setelah para sahabat melalui proses tersebut, bermulalah penyebaran al-Quran dari mulut ke mulut para sahabat r.a kepada umat Islam. Penyebaran ini berlaku apabila para sahabat menghafaz ayat-ayat yang dibaca oleh Nabi Muhammad s.a.w kepada mereka. Penyebaran ini bukan hanya bersifat satu hala, tetapi berlakunya pengulangan ayat-ayat yang dihafal agar tidak hilang dan terus tersemat dihati dan menjadi sehati dengan jiwa dan naluri mereka. Jelas di sini bahawa penyebaran al-Quran di kalangan umat Islam berlaku melalui penghafalan al-Quran. Langkah pertama pengajaran al-Quran ini bermula dengan penghafalan. Hal ini menunjukkan bahawa al-Quran dipelihara dari zaman berzaman melalui sistem hafalan (Muhammad Fairuz & Amir Sayyaf, 2019). Apabila seseorang itu menghafal al-Quran dengan bacaan yang baik dan bertajwid, maka akan memudahkan seseorang itu memahami, menghayati dan mengamalkan intipati al-Quran di dalam kehidupan mereka.

Oleh yang demikian, pengajaran al-Quran dan bidang ilmu agama bermula dengan langkah pertama iaitu dengan hafalan. Hafalan yang baik bukan sahaja lancar di bibir mulut tetapi tersemat di hati dan dibuktikan dengan penghayatan serta pengamalan seseorang muslim dalam kehidupan mereka.

PERNYATAAN MASALAH

Al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam yang dibaca setiap masa dan keadaan. Malah Pengajaran al-Quran semakin meluas bukan sahaja daripada pelbagai lapisan umur, malah pelbagai medium dalam pengajaran al-Quran pada zaman serba canggih ini. Pengajaran al-Quran bukan sahaja secara bersemuka, malah secara atas talian juga di mana ada pihak menganjurkan kelas pengajian al-Quran secara atas talian dan mendapat sambutan yang begitu baik. Malah jika dilihat dari segi Ma'ahad Tahfiz persendirian atau swasta dan sekolah tahfiz yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan atas inisiatif mereka tumbuh begitu laju, Hal ini menunjukkan masyarakat telah mempunyai kesedaran yang tinggi untuk anak-anak mereka menjadi *hafiz* atau *hafizah* al-Quran.

Walaupun bagaimanapun berlaku keciciran pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran. Keciciran di sini bermaksud pelajar tidak dapat menghabiskan juzuk semasa dengan baik (Muhammad Hafizan & Mohamad Marzuqi, 2023). Hal ini perlu dilihat kaedah hafazan dan kaitannya motivasi dalam menghafaz al-Quran supaya tidak berlaku lagi keciciran pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran.

OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat 2 objektif kajian ini iaitu:

1. Mengkaji kepelbagaian kaedah hafazan.
2. Membincangkan kesan motivasi ke atas pencapaian pelajar dalam hafazan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan iaitu kajian yang tidak melibatkan aktiviti secara lapangan. Pengumpulan bahan-bahan seperti buku, jurnal, artikel, surat khabar atas talian dan sumber rujukan yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Pemilihan bahan rujukan ini juga berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang dapat membantu dalam menjalankan kajian yang telah dipilih. Melalui kaedah kajian ini, kesahan dan kebolehpercayaan data lebih baik kerana bahan-bahan yang dikumpul dan diteliti berdasarkan kepada kajian-kajian lepas yang telah dijalankan dan mempunyai hasil dapatan. Kaedah ini juga membolehkan pengkaji menganalisis dokumen yang telah dikumpulkan (Mohd Nazir Kadir et al., 2023) dan mengeluarkan idea serta pandangan terhadap kajian yang hendak dilakukan berdasarkan bahan-bahan dan maklumat-maklumat yang dikumpulkan (Fatin Nabihah & Sabri, 2019).

Bahan-bahan dan maklumat-maklumat dikumpulkan melalui al-Quran, Hadis, *Google Scholar*, *Research Gate*, artikel-artikel atau jurnal-jurnal daripada universiti-universiti tempatan atau luar negara, buku-buku, dan lain-lain sumber yang berkaitan dengan kajian yang hendak dilaksanakan. Manakala transliterasi bagi perkataan asal daripada Bahasa Arab kepada Bahasa Melayu merujuk kepada panduan yang dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka melalui laman sesawang rasminya.



PERBINCANGAN

Definisi Hafazan

Hafazan daripada perkataan asal hafaz mengikut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka ialah dapat mengungkap balik sesuatu ayat sama ada ayat al-Quran atau lain-lain perkara tanpa melihat buku, kertas atau apa sahaja bahan bacaan dengan ingatan semata-mata (Mod Solleh, 2011). Perkataan hafaz atau tahfiz berasal daripada perkataan Bahasa Arab iaitu perkataan *hafaza* (حفظ) dari segi bahasa membawa maksud menghafal. Manakala dari segi istilah menurut Nur Masitah dan Mohamad Marzuqi (2023) ialah menghafal sesuatu dengan baik. Jika disandarkan menghafal al-Quran membawa maksud seseorang yang menjaga dan memelihara kesucian kalamNya daripada berlaku sebarang perubahan (Mohamad Rasyidi & Aswati, 2022). Mengikut *Mu'jam Al-'Arabi Al-Asasi* perkataan *hafaz* ini membawa maksud menjaga sesuatu daripada hilang (Siti Suriyani, 2018).

Menghafaz ini memerlukan daya ingatan yang kuat bagi mengingat kesemua ayat-ayat al-Quran yang diturunkan Allah s.w.t kepada umat Nabi Muhammad S.A.W. Menurut Zulkifli al-Bakri bahawa dalam Bahasa Arab disebut sebagai *quwwatu al-zakirah* yang bermaksud kuat daya ingatan (Siti Suriyani, 2018). Hal ini kerana menghafaz ini memerlukan tumpuan yang berfokus dalam mengingat sesuatu perkara. Otak manusia yang diciptakan Allah s.w.t ini mempunyai kapasiti simpanan sebanyak 125.5 trilion maklumat jika hendak dibandingkan dengan bahan-bahan simpanan yang lain seperti disket, buku dan lain-lain lagi (Mohd Solleh, 2011). Manusia menggunakan otak dalam menyimpan maklumat secara purata tidak sampai 0.0001% malah kurang dari itu lagi daripada jumlah kapasiti otak yang sebenar (Siti Suriyani,

2011). Kenyataan ini juga disokong oleh Tony Buzan yang mana kemampuan otak manusia untuk menyimpan data maklumat tidak sampai 1% daripada kemampuan asal sebenar otak manusia (Baharom & Iliyas Hashim, 2010).

Hukum menghafaz al-Quran adalah *fardhu kifayah* dan sunat *ain* iaitu sunat ke atas setiap muslim. Walaubagaimanapun, hukum melupakan ayat al-Quran yang telah dihafal disebabkan malas atau leka dengan urusan dunia sehingga tidak ada masa untuk *muraja'ah* (mengulang hafazan) al-Quran dikira berdosa. Adapun jika seseorang penghafal al-Quran atau *hafiz* al-Quran telah berusaha *muraja'ah* al-Quran tetapi disebabkan lemahnya ingatan maka tidak berdosa hukumnya (Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 2018).

Sejarah Ringkas Hafazan Zaman Awal Islam

Kaedah hafazan pada zaman awal Islam ini boleh dilihat pada peristiwa turunnya wahyu pertama surah al-'Alaq ayat 1 sehingga 5. Wahyu diturunkan melalui perantaraan malaikat Jibril a.s disampaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w Pada permulaannya baginda s.a.w tidak dapat mengikut bacaan malaikat Jibril a.s kerana baginda s.a.w seorang *ummi* iaitu tidak pandai membaca dan menulis (Siti Suriyani, 2018). Malaikat Jibril a.s mengulang ayat-ayat tersebut sehingga baginda s.a.w berjaya menghafaz ayat tersebut walaupun dalam keadaan yang menggigil. Setelah diberitahu bahawa baginda utusan Allah s.w.t maka wahyu turun kepada baginda s.a.w lalu terus dihafal depan malaikat Jibril a.s secara *talaqqi* dan *musyafahah* iaitu membaca di hadapan malaikat Jibril a.s serta dibetulkan bacaan tersebut agar betul dan tepat ketika menyampaikan wahyu tersebut kepada umat Islam yang lain.

Nabi Muhammad s.a.w membaca kembali wahyu yang telah disampaikan malaikat Jibril a.s kepada para sahabat dan umat Islam ketika itu. Maka para sahabat pula menghafaz ayat-ayat al-Quran yang telah dibacakan oleh baginda s.a.w. Kemudian para sahabat mengulang ayat-ayat tersebut supaya tersemat di hati dan tidak lupa serta diamalkan dalam kehidupan (Manna' Qattan, 2009, Mohamad Rasyidi & Aswati, 2022). Akhirnya mereka menyebarkan ayat-ayat Allah s.w.t itu kepada masyarakat Islam.

Secara ringkas sejarah ini telah memberikan isyarat bahawa pengajaran al-Quran khususnya hafazan al-Quran bermula dengan menghafaz melalui kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*. Kemudian kaedah *tikrar* iaitu pengulangan ayat-ayat yang telah dihafal supaya sentiasa diingat dan tidak lupa. Tidak terhenti di situ, ayat-ayat yang dihafal dan diulang-ulang itu diamalkan dan dihayati dalam kehidupan.

Kaedah Hafazan Al-Quran

Terdapat beberapa kaedah dalam menghafaz al-Quran. Kaedah-kaedah ini diperlukan dalam menghafaz al-Quran supaya dapat memudahkan seseorang menghafaz al-Quran dengan baik dan betul. Antara kaedah-kaedah hafazan yang diamalkan oleh para huffaz berdasarkan beberapa buku atau artikel yang dikumpulkan dan dikaji kaedah hafazan tersebut iaitu kaedah Turki, kaedah Abu Mazaya, kaedah Deobandy dan kaedah Karantina.

Kaedah Turki dalam menghafaz al-Quran ini dimulakan dengan muka surat akhir bagi juzuk yang hendak dihafaz. Menghafaz bermula daripada juzuk 1 tetapi dimulakan dengan muka surat terakhir bagi juzuk 1 (Abdul Hafiz & Norhanan, 2017). Begitu juga bagi juzuk 2 kaedah sama seperti menghafaz juzuk 1. Hal ini menunjukkan bahawa berlakunya hafazan baru dan *mura>ja'ah* muka surat lama berlaku secara serentak. Hal ini memberi kesan kepada emosi pelajar bahawa pelajar tidak terlalu jemu untuk menghafaz juzuk tersebut sebab berlakunya serentak hafazan baru dan *mura>ja'ah* hafazan lama. Contohnya hari pertama pelajar menghafaz

juzuk 1 muka surat 21. Kemudian hari berikutnya pelajar tersebut menghafaz muka surat 20 dan *mura>ja'ah* muka surat 21. Hal ini sekaligus membuatkan pelajar melakukan hafazan baru dan *mura>ja'ah* secara sekaligus. Malah kaedah ini bukan sahaja memantapkan hafazan pelajar malah menguatkan lagi daya ingatan pelajar bagi hafazan lama.

Kaedah kedua dalam menghafal al-Quran ini ialah kaedah Abu Mazaya. Kaedah ini membahagikan kepada 3 langkah iaitu sebelum, semasa dan selepas (Siti Suryani, 2018). Kaedah ini memulakan dengan persediaan mental dan jiwa yang suci. Jiwa perlu dibersihkan dengan amalan-amalan kerohanian seperti *qiamullail*, berpuasa, berzikir dan lain-lain lagi bagi merasakan kehebatan ayat-ayat Allah s.w.t. Tambahan pula jiwa perlu tabah dalam menghadapi kepayahan dalam menghafaz kalam Allah s.w.t yang mulia itu serta pandai dalam membahagikan masa dalam memberi keutamaan menghafaz al-Quran.

Semasa menghafaz al-Quran perlu memilih waktu yang sesuai dengan menggambarkan ayat-ayat yang dihafaz. Malah pengulangan yang berterusan supaya menjadi kekal dan *dabit* dalam ingatan. Selepas menghafaz al-Quran perlu pengulangan yang berterusan bersama ayat lama dan baru supaya semakin kukuh ayat-ayat al-Quran tersebut dalam ingatan pelajar.

Kaedah seterusnya ialah kaedah Deobandy. Kaedah ini sangat terkenal di dalam pondok-pondok tahfiz di Malaysia dan antara institusi tahfiz yang menggunakan kaedah ini ialah Maahad Tahfiz Negeri Pahang. Kaedah ini mempunyai istilah tersendiri dalam menghafaz al-Quran. Perkataan *Sabak*, *Para Sabak*, *Ammokhtar*, dan *Halaqah Dauri* (Muhammad Fairuz & Amir Sayyaf, 2019). *Sabak* bermaksud hafazan baru iaitu pelajar menghafaz ayat-ayat baru bermula daripada juzuk 30, 29, 28, 27 dan 26. Pelajar dibangunkan pada jam 4.30 pagi untuk melakukan *qiamullail* dan memulakan *sabak* (hafazan baru). Sebelum memperdengarkan bacaan hafazan baru, pelajar perlu memperdengarkan hafazan kepada kawan mereka dengan pemantauan guru. Kelancaran hafazan sangat dititikberatkan oleh guru tahfiz. Jika berlaku kesalahan, guru rotan bagi menunjukkan menghafaz kalam Allah s.w.t yang mulia adalah suatu perkara yang perlu diambil berat.

Para sabak pula bermaksud hafazan mingguan yang mana pelajar perlu *muraja'ah* satu juzuk di belakang hafazan baru. *Muraja'ah* bersama rakan sebelah sebelum *muraja'ah* bersama guru. Sekiranya terdapat kesalahan, rakannya akan maklumkan kepada guru untuk semakan dan merotan pelajar tersebut. *Ammokhtar* pula bermaksud hafalan keseluruhan al-Quran yang mana pelajar perlu *muraja'ah* lebih daripada 1 juzuk di belakang hafalan terkini. Pelaksanaan sama dengan *para sabak* Cuma masa diperuntukkan pada waktu siang sedangkan *para sabak* pada waktu pagi selepas *sabak*.

Kaedah yang terakhir ialah kaedah Karantina. Kaedah ini berasal daripada Bahasa Indonesia yang membawa maksud kuarantin. Kaedah Karantina Tahfiz membawa konsep pengasingan iaitu meninggalkan sementara aktiviti-aktiviti luar atau perkara-perkara dunia yang boleh mengganggu emosi dan fikiran sepanjang program menghafaz al-Quran berlangsung (Aeileen Damiri, 2020). Kaedah Karantina ini digandingkan dengan teknik *Yadayn* yang mana penggunaan tangan kanan dan kiri ketika menggambarkan makna ayat tersebut dalam membantu proses hafazan al-Quran (Nur Masitah & Mohamad Marzuqi, 2023). Tangan kanan menggambarkan perkara yang positif dan membahagiakan manakala tangan kiri menggambarkan perkara yang negatif dan mengancamkan. Ketika menghafaz ayat al-Quran, tangan akan bergerak berdasarkan makna ayat yang digambarkan dalam fikiran. Secara tidak langsung berlakunya *tadabbur* ayat al-Quran semasa menghafaz al-Quran. Elemen tambahan yang diperoleh bukan setakat hafaz dan ingat ayat al-Quran malah kefahaman terhadap ayat tersebut berlaku dan boleh diamalkan dalam kehidupan seharian.

Motivasi

Motivasi didefinisikan sebagai kecenderungan seseorang dari dalam diri untuk melakukan sesuatu sehingga dapat menyesuaikan diri dalam melakukan perkara tersebut (Ayok Ariyanto & Sulistyorini, 2020). Hal ini bermaksud apabila seseorang mempunyai keinginan dan minat yang mendalam dalam melakukan sesuatu perkara, maka pekerjaan yang dibuat itu akan menjadi baik dan hasilnya memuaskan. Jelas menunjukkan bahawa, motivasi ini lahir dari dalam diri seseorang untuk melakukan sesuatu perkara demi mencapai suatu tujuan atau matlamat tertentu. Motivasi ini tidak berdiri dengan sendirinya yang mana terdapat faktor-faktor yang mempengaruhinya sama ada faktor dalaman atau faktor luaran (Widayat Prihartanta, 2015). Perbincangan berkenaan motivasi ini dibahagikan kepada 2 jenis motivasi iaitu motivasi instrinsik dan motivasi ekstrinsik.

Motivasi instrinsik ialah dorongan yang datang dari dalam diri individu tersebut yang merasakan pekerjaan yang dibuat tersebut ada kelebihan dan memberi manfaat yang banyak kepada diri (Ayok Ariyanto & Sulistyorini, 2020). Motivasi instrinsik juga boleh dilihat kepuasan diri seseorang dalam melakukan sesuatu perkara (Hayati et al, 2021). Sifat dalaman seseorang memainkan peranan penting bagi motivasi jenis ini dalam melakukan sesuatu perkara dalam kehidupan. Jika motivasi instrinsik ini ke arah negatif, maka hasil pekerjaan tersebut tidak memberangsangkan.

Motivasi ekstrinsik ialah dorongan luar yang membuatkan seseorang melakukan sesuatu pekerjaan bukan dorongan dari dalam diri. Contohnya seseorang belajar bersungguh-sungguh untuk mendapat markah ujian yang tinggi supaya dapat hadiah daripada keluarga. Di sini dapat dilihat bahawa belajar bersungguh-sungguh bukan disebabkan untuk mendapat ilmu dan kepuasan diri tetapi disebabkan mahu mendapat hadiah daripada keluarga. Hadiah itu merupakan dorongan luar atau motivasi ekstrinsik yang membuatkan seseorang itu belajar bersungguh-sungguh.

Kesan Motivasi ke Atas Pencapaian Pelajar dalam Hafazan.

Berdasarkan perbincangan di atas, terdapat kesan dan kaitan antara kaedah hafazan dengan motivasi sama ada motivasi instrinsik, motivasi ekstrinsik atau kedua-dua sekali ke atas pencapaian pelajar dalam hafazan. Menurut Nor Hashimah dan Khadijah (2020) dalam kajian mereka berkenaan faktor motivasi pelajar dalam pengukuhan hafazan al-Quran di Kota Bharu menunjukkan bahawa motivasi mempengaruhi hafazan al-Quran pelajar. Kajian tersebut menunjukkan bahawa motivasi instrinsik dan motivasi ekstrinsik mempengaruhi hafazan al-Quran pelajar yang mana pelajar cenderung menghafaz al-Quran disebabkan mahu memenuhi kepuasan diri selain disebabkan hasrat ibubapa.

Kekerapan, peratusan dan min bagi item nombor 1 iaitu saya mempunyai minat untuk mengukuhkan hafazan al-Quran di dalam kajian berkenaan menunjukkan bahawa 62.4% bersamaan 156 orang sangat setuju dengan pernyataan tersebut. Bukan itu sahaja, item nombor 2 dan 3 juga menunjukkan peratus yang tinggi iaitu sebanyak 72% dan 70% yang mana item-item ini menunjukkan pelajar mempunyai motivasi instrinsik yang tinggi dalam mengukuhkan hafazan al-Quran. Secara langsung meningkatkan pencapaian hafazan mereka. Begitu juga kajian ini membuktikan pencapaian hafazan pelajar baik dengan motivasi ekstrinsik yang pelajar peroleh seperti guru memberi sokongan dalam pengukuhan hafazan al-Quran yang peratus dapatan sebanyak 63.6% serta suasana kondusif di institusi tahfiz membantu dalam pengukuhan al-Quran yang peratus dapatan sebanyak 60%. Jelas di sini membuktikan pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan memperoleh pencapaian hafazan yang baik.

Kajian Hayati et al. (2021) mengatakan bahawa, motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam menghafaz dan *murajaah* al-Quran. Tema kajian yang diperoleh dalam kajian tersebut ialah keikhlasan, kerelaan, kerinduan dan penghayatan al-Quran merupakan dorongan dalaman responden bagi memantapkan hafazan dan *murajaah* al-Quran. Tema-tema ini dikeluarkan berdasarkan hasil temubual yang dijalankan kepada 21 orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Hal ini menunjukkan bahawa terdapat perkaitan dan kesan motivasi terhadap pengukuhan dan pencapaian hafazan pelajar. Malah, 100% pelajar mengatakan bahawa perasaan ikhlas, redha dan rindu dalam mengulang hafazan membawa kepada penghayatan al-Quran dalam kehidupan mereka. Manakala 90% sehingga 95% pelajar memerlukan bantuan guru dan ibubapa bagi mengukuhkan hafazan dan meningkatkan pencapaian hafazan mereka. Malah kaedah mengukuhkan hafazan mereka seperti kadar ulangan hafazan juga memberi kesan kepada motivasi dan pencapaian hafazan mereka. Kajian yang dilakukan di USIM ini menunjukkan seramai 17 daripada 21 orang melakukan kadar ulangan hafazan yang kerap kerana mempunyai kaedah yang tersendiri bagi mengukuhkan hafazan mereka. Maka jelas dalam kajian ini menunjukkan bahawa kaedah hafazan dan motivasi sama ada intrinsik atau ekstrinsik memberikan kesan kepada pencapaian hafazan pelajar.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Mohd Hasdi dan Rashidi Abbas (2023) menunjukkan bahawa, motivasi memberikan kesan kepada peserta program tahfiz al-Quran terhadap modul *Liqq* yang dijalankan. Sebanyak 95.2% peserta bermotivasi dalam menghafal al-Quran yang menghasilkan modul *Liqq* tersebut berjaya dijalankan dengan baik. Jelas kajian ini membuktikan bahawa motivasi memberi kesan kepada peserta dalam menghafal al-Quran.

Modul *Liqq* juga memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi peserta dalam menghafal al-Quran. Kaedah hafazan yang baik juga dapat meningkatkan motivasi peserta dan membantu dalam menghafal al-Quran dengan baik dan lancar. Begitu juga satu kajian yang dilakukan oleh Sharifah Noorhidayah et al. (2021) menunjukkan bahawa, terdapat perkaitan yang jelas antara motivasi dengan pencapaian hafazan al-Quran pelajar. Kajian yang dilakukan membuktikan bahawa seseorang pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi akan menunjukkan minat yang mendalam menghafal al-Quran dan secara tidak langsung kekuatan hafazan serta pencapaian hafazan pelajar tersebut meningkat dan baik.

Kajian Wan Nurhidayah dan Mohd Isa (2022) menunjukkan bahawa, kaedah hafazan pelajar yang baik dan betul membawa kepada pencapaian hafazan yang baik. Pernyataan B4 iaitu saya dapat menghafaz lebih 5 ayat setiap hari menunjukkan responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini iaitu sebanyak 83%. Malah pernyataan B6 pula saya membuat ulangkaji (*murajaah*) supaya hafazan saya bertambah baik dan kekal juga responden setuju dan sangat setuju dengan pernyataan ini iaitu sebanyak 81.8%. Jelas kajian ini menunjukkan bahawa kaedah hafazan yang betul juga dapat meningkatkan pencapaian hafazan al-Quran pelajar dan sekaligus meningkatkan motivasi pelajar dalam mempertingkatkan pencapaian hafazan al-Quran.

Sekiranya motivasi pelajar tidak diambil kira dalam pencapaian hafazan, maka pelajar tidak akan mampu mencapai tahap hafazan yang memuaskan. Hal ini dibuktikan dalam satu kajian oleh Azman et al. (2019) bahawa, soal selidik yang dilakukan untuk mengkaji tahap hafazan pelajar menunjukkan bahawa elemen seperti kemahuan dan keterujaan dalam menghafal perlu diteliti kerana masih terdapat pelajar yang tidak mempunyai kemahuan yang tinggi dalam menghafal al-Quran berdasarkan purata 4.9833 yang masih rendah. Jelas di sini menunjukkan bahawa motivasi yang baik akan memberi kesan yang positif ke atas pencapaian pelajar dalam hafazan al-Quran.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat pelbagai kaedah hafazan yang telah disusun oleh ramai *huffaz* daripada pelbagai tempat. Kaedah-kaedah ini perlu diterapkan kepada para pelajar supaya memudahkan mereka dalam menghafaz al-Quran. Kepelbagaian kaedah hafazan dapat membantu pelajar untuk memilih kaedah hafazan yang bersesuaian dengan mereka untuk dijadikan sebagai amalan mereka dalam menghafal al-Quran. Selain itu juga, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat kaitan antara menghafaz al-Quran dan motivasi. Motivasi yang tinggi dalam menghafaz al-Quran akan menghasilkan pelajar yang bersungguh-sungguh dalam menghafaz al-Quran.

Terdapat banyak kajian lepas yang dikemukakan dalam kajian ini menunjukkan bahawa motivasi instrinsik dan motivasi ekstrinsik memberikan kesan kepada pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran. Motivasi di dalam diri pelajar perlu diambil berat oleh semua pihak agar pelajar akan konsisten dalam menghafal al-Quran dan seterusnya dapat mengukuhkan hafazan mereka dan memperoleh kecemerlangan dalam bidang Tahfiz al-Quran ini. Sokongan dan bukti kajian lepas yang dikemukakan ini dapat menjadi satu titik tolak kepada semua guru Tahfiz al-Quran untuk membimbing dengan sebaiknya dan memberikan galakan dan motivasi yang secukupnya kepada para pelajar Tahfiz al-Quran supaya mereka tidak jemu dengan al-Quran dan menjadikan al-Quran pendamping sepanjang hayat serta memperoleh kecemerlangan bukan sahaja bidang Tahfiz al-Quran juga bidang akademik atas sebab mendampingi al-Quran.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, Bersyukur kehadiran Allah SWT dengan limpah kurnia dan hidayah-Nya, telah memberi kesempatan kepada saya untuk menyiapkan artikel ini dengan jayanya. Bagi menyiapkan artikel ini, kajian yang dijalankan berkenaan bidang Tahfiz al-Quran ini yang masih lagi perlu diperluaskan kajiannya bagi membantu para guru dan pendidik dalam memantapkan lagi bidang Tahfiz al-Quran di dalam dunia pendidikan. Kajian saya ini dibantu secara langsung oleh penyelia saya, Dr. Hafizah binti Zulkifli yang sentiasa memberi nasihat dan galakan bagi menghasilkan artikel yang baik dan berkualiti dalam masa yang telah ditetapkan. Ucapan penghargaan dan terima kasih saya ucapkan kepada pihak Politeknik Nilai kerana memberi peluang kepada saya untuk menerbitkan artikel saya melalui Jurnal Teknikal dan Sains Sosial edisi 19 terbitan November 2023 dan juga menyemak serta membantu penulisan saya mengikut format yang betul. Tidak dilupakan juga penghargaan ini diberikan kepada isteri saya, Saiyidatus-Sakinah binti Mohd Aizan yang memberi semangat kepada saya dalam penulisan artikel ini. Harapan saya agar kerjasama dan sokongan yang telah diberikan akan membuahkan hasil yang baik dan semoga kita semua memperoleh kejayaan pada masa akan datang. Sekian, terima kasih.

RUJUKAN

Buku:

- Baharom Mohamad & Iliyas Hashim. (2010). *Ingat, Lupa, Sedar dan Gangguan Psikologi*. Selangor: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Qattan, Manna' al-Khalil. (2009). *Cara Mudah Memahami al-Quran*. Batu Caves: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Mohd Solleh Ab. Razak. (2011). *Sehingga al-Quran Terpahat di Hati*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.



Artikel:

- Abdul Hafiz Abdullah & Norhanan Abdul Rahman. (2017). *Kaedah Hafazan al-Quran Sistem Turki: Kajian di Tahfiz al-Quran Darul Tuba*. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Aeileen Damiri. (2020). Kaedah Hafazan Berkesan: Adaptasi Program Karantina di SMKA Sheikh Haji Othman Abdul Wahab Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). *Simposium Kecemerlangan KBD dan KBT Zon Borneo Tahun 2020*. Diperoleh daripada <https://anyflip.com/kgudh/ghhz/basic>.
- Ayok Ariyanto & Sulistyorini. (2020). Konsep Motivasi Dasar dan Aplikasi dalam Lembaga Pendidikan Islam. *Al-Asasiyya: Journal Basic of Education*, Vol. 2, no. 2: 103-114.
- Azman Che Mat, Wan Ainun Sailah Wan Adnan, Azarudin Awang & Wan Noor Hazlina Wan Jusoh. (2019). Tahap Amalan Kaedah Hafazan al-Quran dalam Kalangan Pelajar Program Al-Quran Imtiaz. *UiTM Journal: Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS)*: 45-74.
- Fatin Nabihah Azahari & Sabri Mohamad. (2019). Kaedah dan Teknik Hafazan yang Mempengaruhi Kualiti Hafazan al-Quran Para Mahasiswa.
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad & Muhammad Hafiz Saleh. (2021). Motivasi Instrinsik: Isu dan Cabaran dalam Mengekalkan Hafazan al-Quran dalam Kalangan Pelajar USIM. *Jurnal Qiraat*: Vol 4, bil. 2: 75-83.
- Muhammad Fairuz A. Adi & Amir Sayyaf Shohaimi. (2019). *5th International Seminar on Islamiyyat Studies (IRSYAD 2019)*.
- Mohd Hasdi Mohamed & Rashidi Abbas. (2023). *E-Prosiding Persidangan Huffaz Profesional Peringkat Antarabangsa InFAZ 2023*: 61-69.
- Mohd Nazir Kadir, Siti Nurjannah Mastor Mustafa & Siti Aisyah Johan. (2023). Pendekatan Pengajaran dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz al-Quran di Institut Pengajian Tinggi. *Persidangan Huffaz Profisional Peringkat Antarabangsa InFAZ 2023*: 96-107.
- Mohamad Rasyidi Ghazali & Aswati Hamzah. (2022). Tinjauan terhadap Tiga Model Pembelajaran Hafazan al-Quran dan Sinerginya ke Arah Melahirkan Generasi Hamalatul Quran Garapan Mara. *BITARA*: Vol. 5, Isu 3: 156-172.
- Muhammad Hafizan Abd Hamid & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2023). Faktor Keciciran Pelajar Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Persidangan Huffaz Profisional Peringkat Antarabangsa InFAZ 2023*: 82-95.
- Nor Hashimah Ahmad Shukri & Khadijah Abdul Razak. (2020). Faktor Motivasi Pelajar dalam Pengukuhan Hafazan al-Quran di Kota Bharu. *Jurnal Dunia Pendidikan*: Vol. 2, no. 3: 32-40.
- Nur Masitah Mohamad Shawal & Mohamad Marzuqi Abdul Rahim. (2023). Pecutan Hafazan Melalui Kaedah Karantina: Isu dan Cadangan. *Persidangan Huffaz Profisional Peringkat Antarabangsa InFAZ 2023*: 15-31.
- Sharifah Noorhidayah Syed Aziz, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan, Santibuana Abd Rahman & Ismarulyusda Ishak. (2021). The Interest and Encouragement for Memorizing al-Quran Prior to The Enrolment in Tahfiz Schools and Its Relationship with The Excellent Performance of The Hafazan Students In Tahfiz. *Turkish Online Journal of Qualitative Inquiry (TOJQI)*: Vol 12, Isu 3: 5686-5699.
- Siti Suriyani Sulaiman. (2018). Kaedah Hafazan: Suatu Tinjauan Ringkas. *E-Journal of Islamic Thought and Understanding*: Vol. 2, Isu 1: 44-59.
- Wan Nurhidayah Wan Mahmud & Mohd Isa Hamzah. (2022). Kepentingan Menguasai Maksud Ayat al-Quran dalam Proses Menghafaz: Perspektif Murid Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ). *e-Prosiding Wacana Pendidikan Islam Siri ke-12*: 1-13.
- Widayat Prihartanta. (2015). Teori-teori Motivasi. *Jurnal Adabiya*: Vol. 1, no 83: 1-11.



Laman Web Rasmi:

https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/2840-al-kafi-938-hukum-terlupa-hafazan-al-quranrujukan.dbp.gov.my/index.php/database_stores/store_view/3/?alphabet=P

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Muhammad Firdaus Abu Bakar

Pelajar Sarjana
Fakulti Pendidikan
Universities Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Malaysia
firdausalbahanji@gmail.com

Hafizhah Zulkifli, Dr

Doktor Falsafah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my



PENGGUNAAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT) DALAM PENDIDIKAN KHAS

Krishna Kumari Kaniappan^{1a} & Shahlan Surat^{2b}
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
p118933@siswa.ukm.edu.my^{1a} drshahlan@ukm.edu.my^{2b}

ABSTRAK

Satu kajian tinjauan sistematik telah dijalankan untuk mengkaji penggunaan ICT (Teknologi Maklumat dan Komunikasi) dalam pendidikan khas. Pengkaji menggunakan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) bagi mengukuhkan pencarian artikel, saringan kriteria kemasukan serta penilaian kualiti dalam kajian ini. Sebanyak 19 buah kajian telah dipilih mengikut kesesuaian tajuk dan perbincangan yang merangkumi kajian mengenai kesediaan, sikap guru dan keberkesanaan penggunaan ICT untuk PdPc telah dikaji secara kritis. Pengkaji mengkaji pola kajian-kajian lepas untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan intipati kajian untuk dianalisis dan disintesis bagi mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci. Hasil dapatan kajian merumuskan bahawa penggunaan ICT dalam bilik darjah untuk murid berkeperluan khas (MBK) semakin dititikberatkan dalam bidang pendidikan terutamanya dalam era transformasi sistem pendidikan. Pada dasarnya walaupun ramai guru mahir dalam teknologi, namun masih terdapat sebilangan guru yang masih kurang kemahiran, latihan dan keyakinan dalam menggunakan teknologi. Sikap dingin dan kurang keyakinan ini adalah sebab utama mengapa penggunaan teknologi dalam bilik darjah, terutamanya dalam pendekatan pengajaran MBK, masih tidak begitu meluas. Penggunaan ICT dalam pembelajaran MBK, penting dalam meningkatkan pemahaman, daya tumpuan, serta terbukti meningkatkan hasil pembelajaran. Dengan mengintegrasikan ICT, guru dapat memperluas akses pelajar terhadap sumber-sumber maklumat yang berlimpah dan beraneka ragam, memperkaya bahan pengajaran dengan elemen multimedia seperti gambar, video, dan audio, serta meningkatkan interaksi dan kolaborasi antara pelajar melalui alat komunikasi digital. Sebagai pelaksana hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, GPK perlu terus berkembang dalam menghadapi perubahan sistem pendidikan, memberikan pengajaran efektif, dan mengintegrasikan ICT dalam proses pengajaran. Kemahiran ICT guru amat penting untuk melahirkan generasi yang mahir teknologi dan memahami nilai ICT.

Kata Kunci: Tahap Kesediaan, Sikap Guru, Sistem Pendidikan PAK-21, Murid Berkeperluan Khas, Guru Pendidikan Khas, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT)

ABSTRACT

A systematic review study was conducted to examine the use of Information and Communication Technology (ICT) in special education. The researchers utilized the Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) framework to reinforce the article search, inclusion criteria screening, and quality assessment in this study. A total of 19 studies were selected based on the relevance of their topics, encompassing research on teacher readiness, attitudes towards using ICT, and the effectiveness of ICT use in special education, all critically examined. The researchers analyzed past study patterns to identify commonalities and differences in study content for a detailed and precise synthesis. The study's findings suggest that the emphasis on using ICT in the classroom for students with special needs, especially in the era of educational system transformation, is increasing. While many teachers are proficient in technology, there remain some

who lack the necessary skills, training, and confidence in using technology. This lack of enthusiasm and confidence is a significant reason why the adoption of technology in the classroom, particularly in the context of special education, is not yet widespread. The use of ICT in special education is crucial for enhancing understanding, and focus, and has proven to improve learning outcomes. By integrating ICT, teachers can broaden students' access to diverse and abundant sources of information, enrich teaching materials with multimedia elements such as images, videos, and audio, and enhance interaction and collaboration among students through digital communication tools. As implementers of the Ministry of Education's goals in Malaysia, educational leaders must continually adapt to changes in the education system, deliver effective instruction, and integrate ICT into the teaching process. The ICT skills of teachers are of utmost importance in nurturing a technologically proficient generation that comprehends the value of ICT.

Keywords: *Readiness, Teacher Attitude, PAK-21 Education System, Students with Special Needs, Special Education Teacher, Information and Communication Technology (ICT)*

PENGENALAN

Pendidikan memainkan peranan penting dalam mendorong negara ke arah kemajuan dan transformasi. Dalam era Transformasi Nasional 2050, penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) muncul sebagai kunci kepada kemajuan kita. ICT membuka pintu kepada pelbagai pengetahuan, menggalakkan pembelajaran interaktif, dan membentuk kemahiran digital yang penting. Dalam bidang pendidikan khas, teknologi menjadi lebih penting, terutamanya bagi pelajar berkeperluan khas (MBK). Guru Pendidikan Khas (GPK) perlu memiliki pengetahuan dan kemahiran ICT untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Integrasi teknologi tidak hanya memberi manfaat kepada pelajar, ia juga memperkayakan pengalaman pengajaran bagi pendidik. Dengan teknologi, guru boleh mencipta persekitaran pembelajaran yang menarik dan interaktif yang sesuai dengan MBK. Ini merupakan aset penting dalam persaingan global dalam era digital.

ICT menawarkan pelbagai alat dan aplikasi yang memperkayakan pengalaman pembelajaran MBK. Contohnya, penggunaan perisian pembelajaran interaktif, aplikasi pendidikan khas, dan permainan digital telah terbukti dapat meningkatkan daya tarikan serta efikasi sesi pembelajaran (Norazizah, 2022), selain memperkayakan interaksi dalam proses pembelajaran, mempermudah penyampaian bahan pembelajaran, dan memberikan akses kepada sumber pembelajaran yang meluas (Nalini, 2021). Melalui usaha gigih dan penerapan unsur kreativiti dalam pelaksanaan pengajaran dan pemudahcaraan dengan teknologi (PdPc), GPK memainkan peranan penting dalam membantu MBK mencapai potensi mereka secara menyeluruh, memastikan bahawa setiap MBK menerima pendidikan inklusif yang disesuaikan dengan keperluan dan identiti mereka, sambil merangsang perkembangan kreativiti dalam proses pembelajaran.


Penggunaan ICT oleh GPK dalam proses pengajaran dan pembelajaran memiliki peranan yang sangat penting dalam konteks pendidikan khas. Untuk memanfaatkan ICT secara efektif dalam pengajaran kepada MBK, GPK perlu memiliki pengetahuan dan keterampilan yang sesuai untuk memenuhi keperluan pembelajaran yang disesuaikan dengan keupayaan khusus MBK. Guru perlu mempertimbangkan perkembangan individu, gaya pembelajaran, dan keperluan unik setiap pelajar ketika merancang dan menerapkan ICT dalam proses pembelajaran. Ini termasuk pemilihan alat dan aplikasi yang sesuai, memberikan panduan yang memadai kepada pelajar, dan mencipta lingkungan pembelajaran yang inklusif. Namun, jika GPK kurang berminat atau tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang teknologi dalam konteks

pendidikan khas, ini boleh mencipta kesenjangan dalam pemahaman dan pemanfaatan ICT antara GPK dan MBK dalam proses pembelajaran.

TUJUAN KAJIAN

Kertas kajian sistematik ini membantu pembaca mengenali dan memahami kajian-kajian lepas mengenai tahap pengetahuan, kemahiran, penerimaan dan sikap guru terhadap perubahan sistem pendidikan dalam bidang teknologi. Sejumlah sembilan belas artikel yang diterbitkan dari tahun 2019 hingga 2023 telah dipilih untuk kajian ini. Sejumlah sebelas artikel yang diterbitkan di dalam negara dan juga lapan artikel dari luar negara dipilih untuk analisis kandungannya. Kajian sistematik ini dilaksanakan untuk mengenali pembolehubah yang penting seperti tahap kesediaan, penggunaan, kemahiran, pengetahuan dan sikap guru dalam perubahan sistem pendidikan. Perbincangan ini akan menjelaskan secara mendalam tentang tajuk kajian yang dipilih. Persamaan dan perbezaan antara setiap artikel yang dipilih memberikan informasi dan maklumat yang amat signifikan untuk menjustifikasikan tajuk kajian ini iaitu tahap dan sikap guru terhadap perubahan sistem pendidikan. Kajian ini bertujuan untuk menjawab soalan kajian yang berikut:

1. Apakah cara pengumpulan data yang digunakan oleh kajian-kajian yang dipilih?
2. Apakah cara persampelan yang dipilih dalam kajian-kajian yang dipilih?
3. Apakah fokus atau isu yang dibincangkan dalam kajian-kajian yang dipilih?
4. Apakah persamaan dan perbezaan dapatan kajian yang terdapat dalam sembilan belas artikel yang dipilih?



Rajah 1: Analisa Kajian Mengikut Tujuan Kajian

Berdasarkan Rajah 1, analisis kajian ini bertujuan untuk meneroka penggunaan ICT dalam pendidikan dengan memberi perhatian kepada pelbagai aspek yang penting. Dengan memberi peratusan yang berbeza kepada unsur-unsur seperti latihan, kemudahan prasarana, penerimaan, motivasi, kesediaan, sikap, halangan, kemahiran, tahap pengetahuan, dan penggunaan, kajian ini mencerminkan komitmen untuk memahami secara holistik bagaimana penggunaan ICT boleh diterapkan secara berkesan dalam konteks pendidikan. Data ini memberi pandangan yang jelas tentang penekanan kajian terhadap elemen-elemen yang berbeza dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan teknologi dalam pendidikan.

SOROTAN LITERATUR

Dalam konteks pendidikan khas, penggunaan ICT juga memperkaya pengalaman pembelajaran MBK. Mereka dapat mengakses sumber daya pendidikan dalam talian, video pembelajaran, dan aplikasi pembelajaran yang interaktif. Hal ini membantu meningkatkan pemahaman mereka melalui cara yang lebih menarik dan interaktif. Penggunaan ICT dalam pendidikan memiliki manfaat yang signifikan dalam memperbaiki interaksi guru-pelajar, meningkatkan pengalaman pembelajaran, dan memperluas aksesibiliti pendidikan. Menggunakan alat dan sumber ICT secara terancang dan teratur dalam pendidikan akan memberikan makna yang lebih dalam dan membawa kesan positif dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Rajashree et al., 2019).

Kesediaan yang tinggi dan sikap positif dalam kalangan GPK mengenai penggunaan teknologi pendidikan dalam pengajaran mereka akan meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran (Aliyana, 2012). Pengintegrasian ICT dalam PdPc MBK dapat meningkatkan pemahaman apa yang diajar dengan lebih jelas kerana proses pengajaran dan pembelajaran akan lebih menarik dan berkesan (Rajashree, 2019). Peningkatan sikap terbuka guru terhadap penggunaan ICT adalah kunci untuk meningkatkan kualiti pembelajaran, terutama dalam pendidikan khas. Sikap dan tingkat inovasi guru mempengaruhi keterampilan mereka dalam mendidik MBK, memastikan pendidikan khusus yang efektif dan efisien. Dalam mengembangkan teknologi, penting untuk memperhatikan pandangan guru terhadap bahan pendidikan baru seperti "augmented reality," "virtual reality," dan alat web 2.0

Selain itu, dari segi keperluan teknologi bantuan untuk MBK, analisis kajian menunjukkan guru berpendapat teknologi bantu diperlukan dan sangat penting untuk murid kurang upaya dalam pembelajaran, manakala guru memberikan pendapat yang berlawanan. Dalam kajian oleh Karademir Coşkun dan Alper (2019), menunjukkan bahawa guru ingin menggunakan teknologi dalam pengajaran untuk MBK kerana kepentingan dan fungsi teknologi dalam memudahkan proses pembelajaran. GPK perlu menggunakan teknologi bantuan untuk memberi akses kepada bahan pembelajaran dan komunikasi yang sesuai dengan keperluan MBK. Persediaan awal guru dalam teknologi bantuan dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka, membentuk persekitaran pembelajaran yang positif. Guru harus memahami manfaat ICT, memiliki keyakinan dalam mengurus teknologi, dan menguasai pendekatan pedagogi Pendidikan Abad ke-21 (PAK 21). Kemahiran dan sikap positif guru terhadap ICT mempengaruhi keberkesanan pembelajaran. Penting juga untuk mencipta pengajaran menarik dan berkesan melalui teknologi, demi meningkatkan prestasi murid dan guru. Integrasi ICT memerlukan guru yang bersedia mengubah cara pengajaran mereka dengan menggunakan teknologi secara cekap.

Walaupun bagaimanapun, analisis kajian lepas menunjukkan bahawa majoriti guru tidak memanfaatkan potensi ICT untuk meningkatkan kualiti pembelajaran, walaupun mereka mempunyai sikap yang baik terhadap teknologi tersebut (E. Smeets, 2005 & E. Barolli, 2012). Menurut Norhisham (2021), terdapat golongan guru yang menghadapi kesulitan dalam menggunakan aplikasi komunikasi video seperti *Google Meet*, *Zoom Meeting*, dan *Microsoft Team*. Penggunaan alatan teknologi maklumat seperti komputer riba dan laman sesawang telah terbukti membantu guru-guru mencapai kejayaan dalam proses pengajaran yang berimpak tinggi. Kajian oleh Ainul Basirah (2021), menyatakan GPK tidak menghadapi masalah dalam menggunakan kemahiran komputer untuk urusan maklumat dan kerja, tetapi mereka masih menghadapi kesulitan dalam menggunakannya secara dalam talian untuk pengajaran semasa pandemik. Aplikasi seperti *google form*, *quizziz*, *wordwall*, *google meet*, *zoom meeting*, *microsoft meet*, dan *youtube* berada pada tahap penggunaan yang sederhana. Aplikasi-aplikasi ini merupakan salah satu alat pengajaran yang banyak digunakan di seluruh dunia semasa pandemik COVID 19 sebagai pendekatan PdPc secara dalam talian.

METODOLOGI


Kajian sistematik adalah kaedah penyelidikan yang menyelidik isu-isu dengan teliti menggunakan pendekatan sistematik yang jelas untuk mengenal pasti, memilih, dan menilai kajian-kajian yang berkaitan serta mengumpul dan menganalisis data dari kajian-kajian terpilih (Higgins et al., 2011). Selain itu, kajian tinjauan sistematik ini berfungsi untuk memproses, mengatur, dan menilai semua bukti empirikal yang memenuhi kriteria penerimaan bagi menjawab soalan penyelidikan (Pustaka Universiti Brown, 2020). Dalam perkataan lain, kajian sistematik adalah cara penyelidikan yang terperinci untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan terperinci mengenai isu tertentu. Pemilihan artikel dilakukan berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Penetapan kriteria ini dilakukan untuk mewujudkan proses sistematik dalam pemilihan artikel yang berkualiti bagi tujuan ulasan. Bentuk Kajian adalah kajian sistematik menggunakan pendekatan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA)* yang digunakan oleh Moher et al. (2015) dalam mencari amalan penggunaan ICT dalam pendidikan khas dalam proses pembelajaran dan pengajaran MBK. Pendekatan ini sesuai bagi tujuan pengukuran dan penilaian kajian sistematik kerana menggariskan panduan dalam menilai ketelusan, ketepatan dan kriteria pemilihan artikel (Ester et al., 2020). Selain itu, kajian sistematik ini juga merupakan kaedah penyelidikan yang sesuai untuk menyumbang sintesis ilmiah yang tepat (Van, 2017).

Pemilihan dan Penyaringan Artikel

Jadual 1: Lapan Langkah Garis Panduan Kajian

Bil	Langkah
1	Merumus Masalah
2	Mengembang dan Mengesahkan Protokol Tinjauan
3	Pencarian Artikel
4	Saringan Kriteria Kemasukan
5	Penilaian Kualiti
6	Pengekstrakan Data
7	Analisis dan Sintesis Data
8	Laporan Penemuan

Pengkaji telah menggunakan cadangan daripada Xiao dan Watson (2019) mengenai lapan langkah dalam menjalankan kajian tinjauan sistematik. Jadual 1 menunjukkan lapan langkah yang boleh menjadikan garis panduan kepada pengkaji untuk menjalankan kajian dengan lebih lancar.



Rajah 2: Carta Alir PRISMA dalam Proses Pencarian Sampel Artikel Kajian.

Fasa pertama ialah Pengenalpastian (*Identification*), pencarian artikel telah dijalankan. Dalam tinjauan sistematik ini, *Google Scholar*, *Research Gate* dan *Academia* menjadi pangkalan data dalam pencarian artikel jurnal berkaitan terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam PdPc pendidikan khas. *Google Scholar*, *Research Gate* dan *Academia* dipilih kerana ia merupakan pangkalan data berindeks tinggi untuk pencarian kajian dan mencapai kepada ketetapan institut pengajian tinggi.

Jadual 2: Penetapan Kata Kunci dalam Proses Carian melalui Laman Sesawang

Bahasa Melayu		Bahasa Inggeris
Teknologi Maklumat dan Komunikasi	Atau	Information and Communication Technology
Teknologi Bantuan		Assistive Technology
Pendidikan Khas		Special education
Murid berkeperluan khas		Students with special needs
Multimedia		Multimedia
Pandemik Covid 19		The Covid 19 pandemic
Cabaran Guru Abad Ke-21		Challenges of 21st Century Teachers

Jadual 2, di atas menunjukkan beberapa kata kunci utama yang digunakan dalam pencarian jurnal yang relevan dan tepat dengan tajuk kajian. Beberapa kata kunci digunakan untuk mengenal pasti artikel yang relevan dengan kajian ini. Sebelum pencarian dilakukan beberapa perkara atau syarat perlu dipertimbangkan sebelum membuang atau mengambil kembali artikel. Pencarian yang dilakukan adalah dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris berdasarkan kata kunci yang merujuk kepada penggunaan ICT, GPK, sikap dan cabaran guru semasa pandemik Covid 19 dalam PdPc murid berkeperluan khas (MBK). Hasil pencarian dalam pangkalan data ini secara spesifik adalah sejumlah 83 kajian.

Fasa kedua diteruskan dengan Proses Penapisan (*Screening*) yang mana 10 artikel jurnal dikeluarkan daripada senarai memandangkan berlaku pertindihan dan pengulangan artikel yang sama dalam pangkalan data ini. Saringan diteruskan dengan mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria kemasukan yang ditetapkan oleh pengkaji yang mana 36 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria. Pada tahap ini, tinjauan dilakukan dengan berfokus pada tajuk artikel, abstrak, dan objektif kajian. Teks penuh artikel dicari dan dibaca untuk menilai apakah artikel tersebut memenuhi kriteria yang relevan dengan tajuk dan abstrak. Berdasarkan penilaian ini, ditentukan apakah artikel tersebut akan dimasukkan atau dikecualikan dalam tahap carian akhir.

Jadual 3: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian Jurnal

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Tahun Penerbitan	2019 - 2023	≤ 2018
Jenis Dokumen	Artikel Jurnal	Buku, Bab dalam Buku, Tesis, Surat Khabar
Bahasa	Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu	Selain Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu

Pilihan tahun ini adalah untuk memastikan bahawa penemuan yang diperoleh berasal dari sumber terbaru. Sumber artikel adalah terhad kepada lima tahun terakhir penerbitan dari tahun 2019 hingga 2023. Tujuannya adalah untuk mendapatkan maklumat terkini mengenai amalan dan kesediaan guru pendidikan dalam penggunaan ICT semasa proses pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan khas.

Fasa ketiga ialah Kelayakan (*Elegibility*). 47 artikel penuh telah disaring sekali lagi dengan memfokuskan kepada tajuk serta abstrak kajian bagi melihat gambaran keseluruhan artikel. Daripada proses ini sebanyak 28 artikel telah dikeluarkan memandangkan ia tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. Enam artikel dikenal pasti ditulis selain

daripada Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu dan tujuh lagi artikel tidak berkaitan atau kurang relevan dengan pendidikan khas.

Pada fasa akhir iaitu Termasuk (*Included*) telah mengenal pasti jumlah akhir artikel untuk digunakan dalam perbincangan kajian tinjauan sistematik. Secara keseluruhannya, 19 artikel telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti kesediaan dan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan khas. Dalam perbincangan kajian ini, pengkaji turut mengusulkan beberapa strategi daya tindak seperti latihan, sokongan dari pihak sekolah dan pengenalan perisian berlandaskan teknologi dalam proses pengajaran dan pemudahcaraan dalam mendekati murid berkeperluan khas.

DAPATAN KAJIAN

Pemilihan 19 kajian telah dijalankan berdasarkan panduan carta alir PRISMA. Kajian-kajian yang dipilih adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan merangkumi skop dan objektif kajian yang dibina oleh pengkaji. Data diekstrak daripada 19 artikel kajian yang dipilih berdasarkan protokol tinjauan yang dibina oleh pengkaji dengan kesahan tinjauan pensyarah. Analisis dapatan kajian membincangkan kategori responden, lokasi kajian, tujuan kajian reka bentuk kajian, instrumen pengukuran kajian dan ringkasan dapatan kajian berkaitan dengan peranan teknologi maklumat dan komunikasi dalam pendidikan khas

Kategori Responden

Kajian tinjauan ini memberi tumpuan penggunaan teknologi dalam pendidikan khas. Oleh itu, kajian tentang kesediaan amalan penggunaan dalam kalangan GPK telah dikaji. Daripada 19 kajian, semua responden adalah dalam kalangan GPK, pendidik profesional swasta dalam pendidikan khas.

Tahun Kajian




Rajah 3: Bilangan Kajian yang Dianalisis Mengikut Tahun

Daripada rajah 3, dapat dilihat bahawa lebih banyak analisis kajian diterbitkan pada tahun 2019 iaitu sebanyak 5 artikel dan diikuti 4 artikel dari tahun 2020 dan 2021 masing-masing. Seterusnya 3 artikel dari tahun 2022 dan sebanyak 2 artikel dari tahun 2023. semasa proses pencarian artikel, pengkaji menghadapi kesukaran dalam mendapatkan kajian yang menepati tajuk dan objektif kajian terutamanya dalam tahun kebelangkan ini.

Peratus dan Bilangan Kajian

Daripada Rajah 4, dapat dilihat bahawa kebanyakan artikel yang digunakan dalam kajian ini adalah dari negara Malaysia iaitu sebanyak 11 kajian. Dengan 58% artikel berasal dari Malaysia, kajian ini memberikan penekanan yang kuat pada sumbangan penyelidikan dari penggunaan ICT.



Rajah 4: Bilangan dan Peratus Artikel Mengikut Negara

Fakta menunjukkan bahawa banyak kajian dari Malaysia memahami kepentingan pendidikan yang berasaskan teknologi untuk MBK serta sangat membantu penganalisaan kajian tinjauan ini. Seterusnya 2 artikel dari negara Indonesia dan Turki dengan peratus sebanyak 11%. Sebanyak satu artikel dari negara Sepanyol, Dubai, Arab Saudi dan Nigeria yang turut menekankan kepentingan penggunaan teknologi bagi MBK. Hal ini juga menunjukkan betapa pentingnya melibatkan perspektif dan data dari pelbagai negara dalam penyelidikan, untuk memperluas pemahaman dan mendapatkan wawasan yang lebih kaya dalam topik yang dikaji.

REKA BENTUK KAJIAN

Menurut Creswell (2009), reka bentuk kajian merujuk kepada rancangan atau cadangan untuk melaksanakan kajian yang melibatkan interaksi antara falsafah kajian, strategi penyelidikan, dan metodologi kajian. Beliau menyatakan bahawa reka bentuk kualitatif sesuai digunakan dalam kajian penerokaan manakala reka bentuk kuantitatif sesuai bagi kajian deskriptif.

Jadual 4: Rekabentuk dan Kaedah Kajian

No	Kaedah	Jumlah Kajian
1	Kuantitatif (Keratan Rentas)	13
2	Kuantitatif (Longitudinal)	2
3	Kualitatif	3
4	Kuantitatif dan Kualitatif (Campuran)	1

Merujuk Jadual 4, kebanyakan kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif dan kualitatif telah digunakan dalam penyelidikan tentang permasalahan penggunaan ICT dalam pendidikan khas. Kajian berbentuk kajian tinjauan boleh dibahagikan kepada dua jenis iaitu Kajian Keratan Rentas dan Kajian *Longitudinal*. Secara keseluruhan, 13 bentuk kajian kuantitatif kaedah keratan rentas telah digunakan oleh pengkaji kerana mengambil kira faktor masa dan responden dari kalangan pendidik. Sementara hanya 2 kajian berbentuk kaedah *Longitudinal* digunakan untuk kajian pra dan *post* iaitu pengumpulan data secara dua titik masa. Sebanyak 3 kajian kualitatif dan satu kajian melibatkan rekabentuk kaedah campuran iaitu soal selidik dan temubual.

Jadual Rumusan Artikel

No	Penyelidik, Tahun, Tajuk, Lokasi, Sampel & Tujuan Kajian	Rekabentuk & Instrumen Kajian	Dapatan Kajian
1	<i>Mohammad Ziyad Majani & Mohd Mokhtar Tahar. 2021. Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21.</i> Malaysia 37 orang Guru Pendidikan Khas Sekolah Rendah dari Daerah Pandawan, Sarawak. Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan sikap guru tentang Pembelajaran Abad ke 21	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik (<i>online</i>) Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Owen Tingang Musa Mengandungi 4 bahagian: A: Latar Belakang B: Pengetahuan tentang Pelaksanaan PAK 21 C: Kemahiran Melaksanakan PAK 21 D: Sikap guru dalam Melaksanakan PAK 21	1. Tahap kesediaan dari aspek pengetahuan guru tentang PAK 21 adalah sederhana tinggi dengan skor min 4.19 2. Tahap kemahiran didapati guru masih sederhana mahir dalam penggunaan instrumen dalam PAK -21. 3. Dari segi sikap, ramai guru menunjukkan tahap kesediaan yang tinggi penggunaan PAK-21 untuk PdPc murid berkeperluan khas.
2	<i>Nur Alia Mat Nawi & Norshidah Mohamad Salleh. 2022. Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Guru Pendidikan Khas Integrasi untuk Menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian</i> Malaysia 48 orang Guru Pendidikan Khas Integrasi dari daerah di Teregganu Perisian Komputer dan Aplikasi Peranti dalam Talian	Kaedah: Kuantitatif Instrumen: Soal Selidik (<i>Online/ WhatsApp/ Telegram</i>) Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Maimun et al. Mengandungi 2 bahagian: A: Pengetahuan Teknologi B: Kemahiran Teknologi	1. Tahap pengetahuan teknologi guru PKI menjalankan PdPc atas talian berda pada tahap tinggi (nilai min keseluruhan 3.87). 2. Min Pengetahuan: telefon pintar=4.33 dan aplikasi whatsapp/ telegram=4.0 3. Kesediaan guru PKI dalam aspek kemahiran teknologi berada pada tahap yang sederhana tinggi (nilai min keseluruhan 3.64).
3	<i>Nurul Aina Nazri & Aliza Alias. 2020. Tahap Penggunaan Multimedia Guru Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PDP) Murid Bermasalah Pembelajaran.</i> Malaysia 30 orang Guru PPKI dari Daerah Machang Tahap Penggunaan Multimedia	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan <i>Longitudinal</i> Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Noor Zamrina Jusoh. Mengandungi 3 bahagian: A: Latar Belakang Responden B: Kemahiran Multimedia C: Pengetahuan Multimedia	1. Keseluruhan hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan multimedia dalam kalangan guru PPKI berada pada tahap sederhana (Skor min keseluruhan adalah 3.09). 2. Hubungan antara kemahiran guru dengan tahap penggunaan multimedia menunjukkan pekali korelasi yang sederhana iaitu 0.518
4	<i>Nurhibbah Majid & Rosadah Abdul Majid. 2022. Kesediaan Guru Pendidikan Khas Pembelajaran dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad ke-21 (PAK-21)</i> Malaysia	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan <i>Longitudinal</i> Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Rahmat (2014). Mengandungi 3 bahagian:	1. Secara keseluruhan bagi item konstruk pengetahuan guru dalam pelaksanaan PAK 21 adalah di tahap sederhana dengan skor min keseluruhan 2.92 2. Kesediaan guru daripada aspek kemahiran adalah pada tahap sederhana

	60 orang Guru Pendidikan Khas dalam sebuah daerah di negeri Johor Tahap kesediaan guru khas masalah pembelajaran dari segi hubungan antara pengetahuan, kemahiran dan dalam melaksanakan pembelajaran abad ke-21 (PAK 21)	A. Latar Belakang Responden B. Tahap Kesediaan Pengetahuan C. Tahap Kesediaan Kemahiran	dengan skor min 3.02 3. Pengetahuan dan kemahiran dalam melaksanakan PAK-21 guru-guru pendidikan khas di daerah Johor Bahru adalah $r=0.76$ bermaksud pengetahuan dan kemahiran mempunyai hubungan yang kuat.
5	<i>Rajashree Karunamoorthy, Farah Mukthar & Ranjanie Karunamoorthy Viknesvran Sukumaran. 2019. Persepsi Guru Pendidikan Khas terhadap Penggunaan Teknologi Maklumat dan komunikasi (ICT) dalam Bilik Darjah.</i> Malaysia 95 orang Guru Pendidikan Khas Sekolah Rendah dari Bandar Seremban Persepsi terhadap Penggunaan ICT & Tahap penggunaan ICT dalam bilik Darjah	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan <i>Longitudinal</i> Instrumen: Soal Selidik Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Malakia. J & Cloneria Soal selidik ini mengandungi 3 bahagian utama:- A. Demografi. B. Persepsi tentang keperluan penggunaan ICT C. Kekerapan Penggunaan ICT	1. Tahap persepsi guru yang tinggi terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dengan skor min 3.98. 2. Guru PK daerah Seremban percaya bahawa ICT dapat meningkatkan prestasi murid berkeperluan khas dalam bilik darjah. 3. Percaya bahawa Penggunaan ICT dapat meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah dengan skor min sebanyak 3.90.
6	<i>Norshila Roslin & Norshidah Mohamad Salleh. 2021. Penggunaan M-Learning Sebagai Bahan Bantu Pengajaran dalam Kelas Pendidikan Khas</i> Malaysia 88 orang Guru Pendidikan Khas dalam sebuah daerah di negeri Johor Kemahiran dan Sikap serta penerimaan guru terhadap penggunaan M-Learning dalam pengajaran.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan <i>Longitudinal</i> Instrumen: Soal Selidik Soal selidik ini mengandungi 5 bahagian utama:- A. Demografi B. Sikap guru tentang keperluan M-Learning C. Kemahiran M-Learning D. Kekerapan Penggunaan M-Learning E. Penerimaan M-Learning	1. Hasil analisis menunjukkan min skala bagi semua item yang berkaitan dengan tahap penggunaan M-Learning adalah melebihi 4.0. 2. M-Learning sebagai bahan bantu dalam pengajaran kelas Pendidikan Khas adalah sangat tinggi dengan skor min melebihi 4.0. 3. Guru-guru mampu mencari maklumat menggunakan telefon bimbit atau tablet.
7	<i>Chua See Yuan & Awang Nazrul Ag Masri. 2019. Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi oleh Guru Program Pendidikan Khas Integrasi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan</i> Malaysia 56 orang Guru Pendidikan Khas dari 6 buah sekolah rendah dari daerah Kota Kinabalu	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian Irfan Naufal & Mohamad Tarmizi, Johari & Fazlina serta Baharin & Lim Baharom merangkumi 4 bahagian soal selidik:- A. Demografi B. Kekerapan Penggunaan ICT. C. Kemahiran TMK. D. Kekangan TMK	1. Tahap kekerapan keseluruhan penggunaan TMK oleh guru PPKI adalah tinggi dengan skor min 3.7. 2. Guru PPKI kerap menggunakan aplikasi Internet dalam perancangan dan pelaksanaan pengajaran dengan skor min 4.7 3. Tahap kemahiran TMK guru PPKI daerah Kota Kinabalu berada tahap tinggi pada skor min 4.00. 4. Aplikasi Internet digunakan

	Tahap kekerapan penggunaan Kemahiran dan kekangan semasa menggunakan TMK		untuk menghantar e-mel ialah 4.8; komunikasi 4.78; mencari bahan informasi 4.6 dan memuat naik video atau dokumen ialah 4.55.
8	<p><i>Norhisham Muhamad, Muhammad Zulazizi Mohd Nawi & Norhasniza Daud. 2021. Tahap Kemahiran dan Sikap Guru terhadap Penggunaan Multimedia dalam Pengajaran dan Pembelajaran al-Quran Murid Autisme</i></p> <p>Malaysia 60 orang Guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah Murid Berkeperluan Khas (MBK) dari 40 buah sekolah di sekitar daerah Kinta Utara dan daerah Batang Padang Tahap kemahiran dengan sikap guru menggunakan multimedia dalam PdP al-Quran</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian: Mohd Nawi & Hashim (2021) Merangkumi 3 bahagian soal selidik:- A. Demografi B. Tahap kemahiran. C. Tahap sikap guru-guru Pendidikan Islam.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Keseluruhan tahap kemahiran menggunakan multimedia sebagai kaedah pilihan dalam pengajaran dan pembelajaran adalah sederhana tinggi. 2. Tahap kemahiran guru menggunakan multimedia berada pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.63 3. Kebolehan guru mengendalikan PdPc dengan menggunakan video berada pada tahap sederhana tinggi yang memperoleh skor min 3.90. 4. Sikap guru terhadap penggunaan multimedia dengan nilai min keseluruhan berada pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.80
9	<p><i>Ainul Basirah Mokhtar & Manisah Mohd Ali. 2021. Faktor Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik Covid-19: Tinjauan kepada Guru Pendidikan Khas di Selangor.</i></p> <p>Malaysia 322 orang Guru pendidikan khas dari negeri Selangor Faktor kejayaan PdP guru pendidikan khas semasa pandemik COVID-19. Menenalpasti tahap pengetahuan teknologi maklumat guru pendidikan khas semasa pandemik COVID-19.</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik Adaptasi & Disesuaikan: dari kajian: Mohd Nawi & Hashim (2021) Merangkumi 2 bahagian soal selidik:- A. Demografi B. Maklumat berkaitan pelaksanaan PdP guru pendidikan khas. C. Maklumat berkaitan pengetahuan teknologi maklumat GPK dalam menyampaikan PdP.</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dapatan kajian menunjukkan nilai interpertasi min adalah tinggi dimana guru pendidikan khas telah melaksanakan pengajaran dalam talian semasa pandemik COVID-19 dengan skor min 4.24. 2. Pengetahuan GPK dalam teknologi maklumat yang berkaitan dengan pengajaran dalam talian pada tahap sederhana tinggi dengan skor min 3.26 3. Kemudahan teknologi maklumat di kalangan GPK semasa pandemik COVID-19 adalah sederhana dengan skor min 3.11
10	<p><i>Nor Aqilah Mohamad Suhaimi & Aliza Alias. 2022. Pengetahuan Guru Pendidikan Khas (GPK) terhadap Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik yang sesuai terhadap Murid Berkeperluan Khas</i></p> <p>Malaysia</p>	<p>Kaedah: Kualitatif Jenis: Temu bual & Analisis dokumen. Instrumen: Temu bual semi berstruktur dan Analisis dokumen (Rancangan Pengajaran Harian)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Ketiga-tiga guru telah menyatakan bahawa pengetahuan terhadap BBM adalah sangat penting dan memberikan kesan terhadap pengajaran dan pembelajaran. 2. Visual merupakan pengajaran yang

	<p>3 orang GPK dari Kuala Lumpur Melihat pengetahuan guru pendidikan khas terhadap penggunaan bahan yang berbentuk visual, auditori dan kinestetik (VAK) terhadap MBK dalam menarik minat dalam pengajaran guru.</p>		<p>menggunakan imej seperti penggunaan slaid tayangan, manakala auditori pula yang melibatkan daya pendengaran seperti penggunaan radio dan kinestetik pula adalah melaksanakan aktiviti secara langsung (<i>hands-on</i>).</p>
11	<p><i>Carmen del Pilar Gallardo Montesa, Antonio Rodríguez Fuentes & María Jesús Caurcel Carab. 2023. ICT training for educators of Granada for working with people with autism.</i> Spain 310 orang Guru Khas Autisme dari bandar Granda, Spain Latihan dalam ICT. Kekerapan, kemahiran dan jenis penggunaan ICT untuk murid Autisme</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) lapor diri yang dipanggil: <i>Demands and potentials of ICT and apps for assisting people with autism</i> mengandungi 4 subskala: A. Pendapat, latihan tentang kegunaan ICT B. Latihan dan penggunaan untuk pelatih C. Kegunaan aplikasi khas dan kepentingan untuk autistik.</p>	<p>1. Kekerapan penggunaan ICT menunjukkan bahawa pendidik menggunakannya antara "agak banyak" (42.3%) dan "kadang-kadang" (35.8%), manakala jenis ICT yang paling kerap mereka gunakan ialah komputer (75.5%), diikuti oleh tablet (48.4%) 2. Hubungan antara latihan guru dalam ICT dan kekerapan penggunaannya ialah langsung, besar dan positif ($r=.535$), dan signifikan ($p < .001$).</p>
12	<p><i>Nur Siyam. 2019. Factors Impacting Special Education Teachers' Acceptance and Actual Use of Technology.</i> Dubai 24 orang Guru pendidikan khas di sebuah sekolah swasta di UAE Sikap guru terhadap penggunaan teknologi. Faktor-faktor yang memberi kesan sebenar dalam penggunaan teknologi mengikut TAM.</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) yang mengandungi 3 bahagian utama:- A. Demografi B. Persepsi tentang keperluan penggunaan ICT C. Kekerapan Penggunaan</p>	<p>1. Guru pendidikan khas mempunyai sikap positif terhadap penggunaan teknologi dengan min skor 12.09, dan analisis regresi linear mudah mendedahkan bahawa perkaitan pekerjaan memberi kesan positif terhadap Perceived Usefulness teknologi. 2. Efikasi sendiri dengan skor min 0.775 memberi impak yang ketara kepada persepsi kemudahan penggunaan teknologi pendidikan dalam kalangan GPK.</p>
13	<p><i>Abdullah Alanazi. 2020. Special Education Teachers Knowledge of Using Assitive Technology with Student with Autism Spectrum Disorder.</i> Arab Saudi 312 orang Guru Pendidikan Khas dari Umum Direktorat Pendidikan di Hail, Arab Saudi Mengkaji pengetahuan guru pendidikan khas menggunakan AT dalam persekitaran bilik darjah untuk pelajar dengan</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) yang mengandungi 2 bahagian. Qualtrics Perisian Tinjauan</p>	<p>1. 59% peserta kajian melaporkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang lemah terdiri daripada rendah ke tahap tinggi dengan skor min 2.62 2. Sikap guru aliran perdana dan pendidikan khas terhadap penggunaan teknologi bantuan dalam bilik darjah bergantung kepada faktor yang berbeza termasuk latihan dan</p>

	ASD di Hail, Arab Saudi		pengalaman mengajar. 3. Pengalaman mengajar dan latihan dalam penggunaan teknologi bantuan mempunyai hubungan yang sangat signifikan dengan skor min 4.84.
14	<i>Muhammed Murat Gümüş, Recep Çakır & Özgen Korkmaz Feray Uğur Erdoğan. 2021. Analysis of IT Acceptance Levels, ICT Attitudes, and Individual Innovation Levels of Special Education Teachers and their Opinions</i> Turki 20 orang Guru Pendidikan khas di Turki Tahap penerimaan, sikap dan inovasi guru pendidikan khas	Kajian kaedah campuran kualitatif dan kuantitatif Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>), Borang temu bual separa berstruktur: A. Sikap ICT Guru (TICTAS) B. Penerimaan ICT oleh Baydaş (2015) C. Inovasi Individu oleh Kılıçer dan Odabaşı (2010)	1. Sikap guru terhadap ICT berbeza mengikut jantina dimana didapati purata calon guru perempuan =4.26 adalah lebih tinggi daripada purata calon guru lelaki =4.18. 2. Tahap Inovasi guru berbeza mengikut jantina, purata calon guru lelaki =3.39 adalah lebih tinggi daripada purata calon guru perempuan =3.37
15	<i>Ade Putri Sarwendah, Nur Azizah & Mumpuniarti Mumpuniarti. 2023. The Use of Technology in Hybrid Learning for Student with Special Needs</i> Indonesia 41 orang guru sekolah pendidikan khas dari Bandar Balik papan Persepsi guru terhadap penggunaan teknologi yang menyokong pembelajaran hibrid.	Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan <i>Longitudinal</i> Instrumen: Soal Selidik (<i>Online</i>) mengandungi 3 bahagian utama:- A. Demografi B. Jenis Penggunaan teknologi C. Pemahaman dan Persepsi penggunaan teknologi.	1. Teknologi yang digunakan oleh guru pendidikan khas dalam menyokong proses pembelajaran dengan model hibrid termasuk menggunakan platform digital seperti persidangan video untuk menyediakan video dalam talian dan luar talian serta menggunakan <i>Google</i> serta medium <i>whatsapp</i> . 2. Halangan yang dihadapi adalah berkaitan dengan batasan murid berkeperluan khas dalam mengakses platform teknologi pembelajaran, penggunaan teknologi, dan kesediaan guru menggunakan platform digital untuk pembelajaran.
16	<i>Indah Puspawati & Rohmi Juharoh. 2020. Motivations and Challenges on the Use of ICT for Teaching Special Needs Students</i> Indonesia 3 orang Guru pendidikan khas dari Yogyakarta Kepercayaan, sikap dan motivasi guru dalam menggunakan ICT. Halangan dalam menggunakan ICT dalam pengajaran	Kaedah: Kualitatif Jenis: Temu bual guru yang mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman mengajar pendidikan khas	1. ICT banyak membantu dalam pengajaran kerana lebih mudah untuk menyediakan media atau bahan pengajaran yang membolehkannya meneroka dan mencari media pengajaran. 2. Kesan positif terhadap pencapaian pelajar menggunakan ICT menjadi motivasi peserta untuk menggunakan ICT di dalam bilik darjah.

17	<p><i>Kursat Cagiltay, Hasan Cakir, Omer Faruk Islim & Filiz Cicek. 2019. Use of Educational Technology in Special Education: Perceptions of Teachers.</i> Turki 26 orang Guru dari Ankara, Turki:- 22 guru perempuan dan lima pentadbir lelaki. Memahami tahap kecekapan dan persepsi guru pendidikan khas tentang penggunaan teknologi.</p>	<p>Kaedah: Kualitatif Temu bual separa berstruktur dan dianalisis dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Penggunaan teknologi guru untuk tujuan pengajaran adalah sangat terhad kerana kekurangan infrastruktur dan bahan yang sesuai. 2. Guru menyatakan bahawa mereka biasa dengan penggunaan teknologi moden seperti komputer meja, komputer riba, tablet, Internet, papan pintar, telefon dan projektor.
18	<p><i>Siti Nur Fatimah Harun & Rosadah Abd Majid. 2020. Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Maya dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Daerah Dungun.</i> Malaysia 91 orang Guru pendidikan khas Melihat tahap kesediaan dan tahap penerimaan guru pendidikan khas daerah Dungun terhadap penggunaan aplikasi pembelajaran maya</p>	<p>Kaedah: Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Soal Selidik merangkumi 4 bahagian: A. Demografi B. Tahap Kesediaan Penggunaan Teknologi C. Tahap Penggunaan aplikasi pembelajaran maya D. Sikap guru terhadap pembelajaran maya</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan dan tahap penerimaan dengan sikap penggunaan guru terhadap aplikasi pembelajaran maya. 2. Tahap kesediaan dan tahap penerimaan guru pendidikan khas daerah Dungun dalam penggunaan aplikasi pembelajaran maya kedua-duanya berada pada tahap yang tinggi dengan skor min 3.93.
19	<p><i>Emeka Joshua Chukwuemeka & Dominic Samaila. 2019. Teachers' Perception and Factors Limiting the use of High-Tech Assistive Technology in Special Education Schools in NorthWest Nigeria</i> Nigeria 20 orang guru pendidikan khas dari sekolah pendidikan khas komprehensif di North-West Nigeria. Persepsi guru dan kekerapan penggunaan sumber teknologi bantuan berteknologi tinggi Faktor utama yang menghalang penggunaan teknologi dalam pengajaran pelajar cacat fizikal</p>	<p>Kaedah; Kuantitatif Jenis: Kajian Tinjauan Longitudinal Soal Selidik (Online)</p>	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kebanyakan guru tidak kerap menggunakan peranti dan perisian bantuan berteknologi tinggi dalam mengajar pelajar kurang upaya fizikal di sekolah pendidikan khas. 2. Penggunaan alat bantuan berteknologi tinggi dalam mengajar pelajar yang kurang upaya secara khas skor min 3.0. 3. Halangan kepada pelaksanaan teknologi bantuan di dalam bilik darjah. Dengan skor min 3.4 peranti menghadkan penggunaannya di dalam bilik darjah

DAPATAN KAJIAN

Ulasan sistematik ini bertujuan untuk menyiasat bagaimana pendekatan penggunaan teknologi yang digunakan untuk pelajar dengan keperluan pendidikan khas, meneroka komponen utama model penggunaan teknologi dan mengenal pasti peluang dan cabaran

pendekatan penggunaan teknologi. Kajian sistematik sorotan literatur dari semua artikel yang dianalisis menunjukkan bahawa penggunaan ICT berdasarkan rangkaian dapat meningkatkan prestasi MBK apabila digunakan dalam persekitaran pembelajaran berasaskan teknologi (Nepo2017). MBK memerlukan akses kepada ICT untuk menyokong, mengekalkan, dan memperluaskan keupayaan mereka dalam berinteraksi dengan rakan sebaya (Ratliffe et al., 2012).

Penggunaan ICT membolehkan individu yang mempunyai keperluan pendidikan khas mencapai potensi penuh mereka dengan penggunaan aplikasi dan peralatan khas yang direka untuk PdPc MBK. Perisian pembelajaran interaktif membolehkan guru menjadikan pelajaran lebih visual dan berinteraksi dengan MBK (Rajashree, 2019). Guru juga boleh meningkatkan kemahiran dalam bidang tertentu seperti Bahasa, Matematik, dan Kemahiran Hidup menggunakan aplikasi pendidikan yang dibangunkan khusus untuk MBK. Menurut Indah Puswati et al. (2020), penggunaan ICT dalam pembelajaran memberikan impak positif terhadap minat dan perhatian pelajar terhadap proses pembelajaran. Pelajar menunjukkan kecenderungan yang lebih tinggi untuk belajar ketika menggunakan video dan platform seperti *YouTube*. Mereka merasa bahawa pembelajaran melalui video lebih menarik dan mengasyikkan.

Efikasi sendiri GPK memainkan peranan penting dalam mempengaruhi persepsi mereka terhadap kemudahan penggunaan teknologi pendidikan. Menurut Nur Siyam (2019), GPK yakin dan mampu menggunakan teknologi, mereka cenderung memandang teknologi sebagai alat yang mudah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Akses yang memadai kepada teknologi juga memberikan impak yang signifikan terhadap persepsi kemudahan penggunaan teknologi. Umumnya, GPK memiliki sikap yang positif terhadap penggunaan teknologi di dalam bilik darjah mereka serta menganggap teknologi sebagai alat yang dapat meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bagi pelajar-pelajar mereka. Sikap yang positif ini juga membawa implikasi bahawa guru-guru tersebut akan terus berusaha mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran mereka. Selain itu, kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kesediaan, penerimaan dengan sikap (Siti Nur Fatimah et al., 2019) dan tahap invosi yang mempengaruhi penggunaan ICT oleh guru (Muhammed Murat Gumus et al., 2021).

Secara keseluruhan, daripada analisa 19 kajian ini, GPK telah menunjukkan tahap pengetahuan, kemahiran, dan sikap yang sederhana tinggi dalam pelaksanaan PAK-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan, 2021) dan penggunaan teknologi multimedia dalam PdP. Mereka telah menunjukkan kemahiran dalam menggunakan multimedia untuk membina media pengajaran dan mencari maklumat melalui telefon bimbit, tablet, dan *M-Learning*.

Terdapat hubungan yang signifikan antara persepsi dan penggunaan ICT dalam kalangan GPK. Penggunaan teknologi ini membantu mereka menyediakan media pengajaran yang sesuai untuk pelajar dengan masalah pendengaran, seperti gambar dan video. Guru-guru juga menggunakan komputer dan papan pintar dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Mereka mengakui pentingnya memiliki akses kepada sumber daya yang baik dan kemudahan teknologi ICT yang mencukupi untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Namun, beberapa cabaran yang dihadapi oleh guru PPKI adalah keterhadan sumber kewangan dan kesukaran dalam memperbaiki peralatan TMK yang rosak. Meskipun begitu, GPK telah menunjukkan sikap positif terhadap penggunaan teknologi dalam mengatasi cabaran ini, dengan menggunakan alternatif seperti platform digital dan media sosial seperti *WhatsApp* sebagai medium penyampaian pembelajaran.

Akhir kata, kajian lanjutan perlu melibatkan kerjasama dan sokongan daripada pihak kerajaan serta agensi pendidikan untuk memastikan penyediaan infrastruktur ICT yang mencukupi dalam institusi pendidikan, menyusun dasar dan garis panduan yang berkaitan

dengan penggunaan teknologi dalam kurikulum, serta menyediakan peluang latihan dan sokongan kepada guru dalam usaha untuk meningkatkan kecekapan mereka dalam mengintegrasikan ICT dalam pembelajaran MBK. Kepentingan penggunaan ICT dalam pendidikan masa kini adalah sangat signifikan, kerana ia tidak hanya meningkatkan akses ilmu dan sumber pendidikan, menyediakan pembelajaran yang disesuaikan dan berkesan, serta mempersiapkan pelajar untuk dunia digital, tetapi juga memberi peluang pembangunan profesional kepada guru, mencipta ekosistem pendidikan yang lebih inklusif dan relevan dengan keperluan semasa.

LIMITASI KAJIAN

Dalam usaha menyempurnakan kajian tinjauan sistematik ini, pengkaji menghadapi beberapa limitasi. Limitasi kajian yang pertama ialah sumber rujukan berkaitan dengan isu penggunaan ICT dalam pendidikan khas amat terhad. Oleh sebab itu, pengkaji amat sukar untuk membuat pencarian yang khusus mengenai permasalahan kajian. Pengkaji turut menghadapi masalah untuk menterjemahkan ayat-ayat Bahasa Inggeris dalam kajian-kajian ke dalam Bahasa Melayu. Penyimpangan makna dalam pemilihan kata perumpamaan, struktur frasa dan klausa merupakan masalah terjemahan yang ketara kerana ia menyebabkan struktur tatabahasa berubah. Hal ini demikian kerana pengkaji mempunyai kekurangan dari segi pengalaman dan pemahaman kosa kata dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran maka menterjemahkan secara literal menjadi punca utama masalah dalam proses penterjemahan.

KESIMPULAN

Penggunaan ICT dalam pendidikan khas adalah sangat penting dan membawa pelbagai manfaat. ICT meningkatkan pengalaman pembelajaran MBK serta mencipta persekitaran pembelajaran yang menarik dan interaktif. Dalam era digital, ICT menjadi aspek penting dalam sistem pendidikan, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di kalangan MBK. Integrasi ICT memberikan impak positif dengan memperluas akses kepada sumber-sumber pendidikan, meningkatkan fleksibiliti pembelajaran, dan memotivasi pelajar melalui persekitaran pembelajaran yang kaya. Begitu juga, ketersediaan amalan pendidikan yang baik dan program pendidikan yang lebih luas, yang boleh dikongsi melalui ICT, dapat meningkatkan penyebaran sistem pendidikan terbaik. Namun, untuk memaksimumkan faedah ICT, GPK perlu mempunyai pengetahuan, kemahiran, dan sikap positif terhadap teknologi, serta secara aktif mengintegrasikan ICT dalam pendidikan mereka.

PENGHARGAAN

Dengan penuh rendah diri, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Dr. Shahlan Surat, penyelia yang telah memberikan tunjuk ajar yang amat berharga dalam proses penulisan artikel ini. Sekalung penghargaan kepada semua pensyarah Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), atas ajaran dan bimbingan sepanjang dua tahun pengajian saya. Kesyukuran yang tidak terhingga juga kepada keluarga tercinta saya, iaitu ayah S. Kaniappan, emak S. Uma Devi, suami tercinta S. Mahendran, dan anak-anak dikasihi, M. Darrshiny, M. Kossainy, M. Haarshiny, serta J. Rhuubeney, yang sentiasa memberikan sokongan moral dan motivasi. Tak lupa juga kepada rakan sepengajian Sarjana Psikologi Pendidikan sesi 2022/2024 atas semangat dan bantuan mereka. Saya amat bersyukur kerana sentiasa dikelilingi oleh orang-orang yang penuh kasih sayang. Semua sokongan ini amat dihargai dan telah memberi saya inspirasi untuk mencapai kejayaan dalam pengajian ini. Terima kasih.

RUJUKAN

- Alanazi, A. D. (2020). *Special Education Teachers' Knowledge of Using Assistive Technology with Students with Autism Spectrum Disorder*. 2(7), 54–63. <https://doi.org/10.47577/technium.v2i7.1662>
- Bindu, C. N. (2016). Impact of ICT on Teaching and Learning: a Literature Review. *International Journal of Management and Commerce Innovations*, 4(1), 24-31.
- Carmen, Antonio Rodríguez Fuentes, & Cara. (2023). *ICT Training for Educators of Granada for Working with People with Autism*. 9(3), e13924–e13924. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2023.e13924>
- Chukwuemeka, E. J., & Samaila, D. (2020). *Teachers' Perception and Factors Limiting the Use of High-Tech Assistive Technology in Special Education Schools in Northwest Nigeria, Contemporary Educational Technology*.
- Cagiltay, K., Cakir, H., Karasu, N., Karasu, N., Islim, O. F., & Cicek, F. (2019). *Use of Educational Technology in Special Education: Perceptions of Teachers. Participatory Educational Research*, 6(2), 189–205. <https://eric.ed.gov/?id=EJ1236337>
- E, Smeets. (2005). "Does ICT Contribute to Powerful Learning Environments in Primary Education?" *Computers & Education*, no. 44, pp. 343-355.
- E. Barolli. J. Bushati & M. B Karamani. (2012). "Factors That Influence in the Adoption of ICT in Education", *Paper Presented at the International Conference on Educational Sciences, Challenges and Quality Development in Higher Education*, Beder University, Tirana, Albania.
- Gusti Ayu Puspawati, & Rohmi Juharoh. (2021). *Motivations and Challenges on the Use of ICT for Teaching Special Needs Students*. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.210120.130>.
- Gümüş, M. M., Çakir, R., Korkmaz, Ö., & Ugur Erdogmus, F. (2021). Analysis of IT Acceptance Levels, ICT Attitudes, and Individual Innovation Levels of Special Education Teachers and Their Opinions. *International Journal of Technology in Education*, 4(3), 553-588.
- Karademir Coşkun, T., & Alper, A. (2019). Use of Digital Learning Materials in Special Education. *Ankara University Faculty of Educational Sciences Special Education Journal*, 20 (1), 119-142. https://doi.org/10.21565/private_magazine.
- Majani, Mohammad Ziyad & Tahar, Mohd Mokhtar. (2021). Kesediaan Guru Pendidikan Khas dalam Pelaksanaan Pembelajaran Abad ke-21. *Jurnal Dunia Pendidikan*, [S.l.], v. 3, n. 4, p. 163-173, dec. 2021. ISSN 2682-826X.
- Majid, N. and Abdul Majid, R. (2022). Kesediaan Guru Pendidikan Khas Pembelajaran dalam Pelaksanaan Pengajaran Abad Ke-21 (PAK-21). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), pp. 240 - 250. doi: 10.47405/mjssh.v7i1.1252.
- Marsus, M., Surat, S. & Mohd Khairudin, A. R. (2023) Tahap Kepekaan Pelajar terhadap Sistem Pengajaran dan Pembelajaran (PDP). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), p. e002039. doi: 10.47405/mjssh.v8i5.2039.
- Mat Nawi, N. & Mohamad Salleh, N. (2022). Pengetahuan dan Kemahiran Teknologi Guru Pendidikan Khas Integrasi untuk Menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran dalam Talian. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), p. e001494. doi: 10.47405/mjssh.v7i5.1494.
- Mohamad Suhaimi, N. A. & Alias, A. (2022). Pengetahuan Guru Pendidikan Khas terhadap Bahan Bantu Mengajar Visual, Auditori dan Kinestetik yang sesuai terhadap Murid Berkeperluan Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), p. e001526. doi: 10.47405/mjssh.v7i5.1526.
- Mokhtar, A. B., & Ali, M. M. (2021). Faktor Kejayaan Pengajaran dan Pembelajaran Semasa Pandemik Covid-19: Tinjauan kepada Guru Pendidikan Khas di Selangor [Teaching and Learning Success Factors during Covid-19 Pandemic: an Overview of Special Education Teachers in Selangor]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education*, 1(4), 140-151.

- Nur, S. Harun, F., & Majid, R. (n.d.). *Penggunaan Aplikasi Pembelajaran Maya dalam Kalangan Guru Pendidikan Khas Daerah Dungun*. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke, 5(2020). http://conference.kuis.edu.my/pasak5/images/eprosiding/pasak2020/028_ID125
- Roslin, N. & Mohamad Salleh, N. (2021), Penggunaan M-Learning sebagai Bahan Bantu Pengajaran dalam Kelas Pendidikan Khas. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(5), pp. 53 - 63. doi: 10.47405/mjssh.v6i5.781.
- Samsudin, M. R., Guan, T. T., Yusof, A. M., & Yaacob, M. F. C. (2017). A Review of Mobile Application Characteristics Based on Teaching and Learning Theory for Mute and Deaf Students. *IJTES: International Journal of Technology in Education and Science*, 1(1), 24-28.
- Sarwendah, A, Azizah & N. Mumpuniarti. (2023). The Use of Technology in Hybrid Learning for Student with Special Needs. *Journal of Education and Learning*. <https://doi.org/10.11591//edulearn.v17i2.20810>
- Siyam, N. (2019). Factors Impacting Special Education Teachers' Acceptance and Actual Use of Technology. *Education and Information Technologies*, 24(3), 2035-2057. <https://doi.org/10.1007/s10639-018-09859>
- Y. Zhao, & G. A Cziko. (2001). Teacher Adoption of Technology: a Perceptual Control Theory Perspective. *Journal of Technology and Teacher Education*, vol. 9, no. 1, pp.5-30.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Krishna Kumari Kaniappan

Pelajar Siswazah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
p118933@siswa.ukm.edu.my



Shalan Surat, Dr

Doktor Falsafah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600, Bangi, Malaysia
drshahlan@ukm.edu.my

POLA PENGGUNAAN FACEBOOK DALAM KALANGAN PENGGIAT INDUSTRI FILEM DAN TELEVISYEN MELAYU SEPANJANG PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI MUSIM WABAK COVID-19

Afeez Nawfal Mohd Isa^{1a}, Muhammad Abdul Malek Saedon^{2a}, Azlinda Boheran Nudin^{3b}, Amalina Dalillah^{4a} & Mohamad Yusob Ismail^{5b}
Faculty of Art, Sustainability and Creative Industry, Universiti Pendidikan Sultan Idris^a
Faculty of Communication and Creative Industries, TAR UMT^b
afeez@fskik.upsi.edu.my^{1a}, abdulmalik@fskik.upsi.edu.my^{2a}, azlinda@tarc.edu.my^{3b},
ammalina@ukm.edu.my^{4a} & mohamadyusob@tarc.edu.my^{5b}

ABSTRAK

Pandemik COVID-19 telah menyaksikan peningkatan penggunaan media sosial seperti platform Facebook secara drastik. Facebook tidak hanya digunakan bagi tujuan hiburan dan interaksi malahan menjadi medan perkongsian maklumat bagi kebanyakan kelompok masyarakat. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk meneroka pola penggunaan *Facebook* dalam kalangan penggiat industri filem dan televisyen Melayu di Malaysia. Kajian berbentuk penerokaan ini mengaplikasikan kaedah kualitatif dengan menemu bual 12 informan kajian yang terdiri daripada pengkarya televisyen dan pengkarya filem. Data yang diperoleh telah dianalisis dengan menggunakan analisis bertema melalui aplikasi analisis data kualitatif NVivo. Hasil kajian mendapati bahawa penggiat industri filem dan televisyen di Malaysia menggunakan *Facebook* untuk penggunaan harian dan juga bagi tujuan mengadakan jaringan pemasaran dalam dunia pekerjaan mereka. Selain itu, penggiat industri filem dan televisyen juga berkongsi ilmu secara formal dan tidak formal yang meliputi maklumat berkaitan dengan isu COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) seterusnya maklumat berkaitan dengan industri filem dan televisyen itu sendiri. Informan kajian juga mendedahkan bahawa mereka turut berkongsi aktiviti khidmat masyarakat yang telah dilaksanakan terutamanya bagi penerbit dan pemilik syarikat. Walaubagaimanapun, inisiatif yang sistematik untuk mengetengahkan sebarang hasil kerja yang dilakukan oleh penggiat industri perfileman dan televisyen dilihat masih kurang didedahkan di Facebook.

Kata Kunci: Media Sosial, Pola Penggunaan, Industri Filem dan Televisyen, *Facebook*, Era Pandemik Covid 19

ABSTRACT

The COVID-19 pandemic has witnessed a drastic increase in the use of social media platforms such as Facebook. Facebook is not only used for entertainment and interaction but has also become a platform for information sharing among various communities. This study aims to explore the patterns of Facebook usage among Malay film and television industry practitioners in Malaysia. This exploratory study adopts a qualitative approach, conducting interviews with 12 informants consisting of television and film creators. The data obtained were analysed using thematic analysis through the qualitative data analysis software NVivo. The study found that film and television industry practitioners in Malaysia use Facebook for daily purposes as well as for networking and marketing in their professional fields. Additionally, they also share formal and informal knowledge, including information related to COVID-19, the Movement Control Order (MCO), and information specific to the film and television industry itself. The study's informants also revealed that they share community service activities that they have participated in, especially among producers and

company owners. However, systematic initiatives to showcase the work done by film and television industry practitioners are seen to be lacking on Facebook platform.

Keywords: Social Media, Usage Patterns, Film and Television Industry, Facebook, COVID-19 Pandemic Era

PENDAHULUAN

Pada umumnya penggunaan *Facebook* dan media sosial lainnya, selain dari tujuan menghubungkan komuniti sosial, ia juga berperanan dalam perkara berkaitan pemasaran sosial yang banyak tertumpu kepada produk-produk dan perkhidmatan umum seperti fesyen, makanan, perkhidmatan yang dikaitkan dengan pemasaran komersial. (Noraihan & Mohd Sobhi, 2015). Namun, penggunaan platform ini terhadap penggiat industri kreatif sebelum penularan wabak COVID-19 dilihat hanya difokuskan kepada aktiviti promosi filem atau penerbitan kandungan televisyen. Usaha ini dilihat hanya sekadar sebahagian dari aktiviti promosi karya-karya penerbitan mereka.

Dengan berlakunya pandemik wabak COVID-19, keadaan ini dilihat mengubah landskap gerak kerja penggiat industri kreatif Melayu terutamanya di negara ini. Ini berlaku apabila proses berkarya yang pada kebiasaannya melibatkan kerja-kerja lapangan tidak dapat dijalankan apabila kerajaan mengumumkan langkah kawalan penularan wabak tersebut melalui perintah kawalan pergerakan (PKP). Justeru kajian ini penting untuk dilakukan dalam usaha memahami sejauh mana penggunaan platform ini membantu serta diadaptasikan oleh pengkarya filem dan televisyen Melayu bagi tujuan harian terutamanya dalam kerja-kerja berkaitan dengan bidang penyiaran dan perfileman.

Walaupun terdapat usaha dari pihak kerajaan yang telah menyuntik dana terutamanya ketika wabak COVID-19 bagi tujuan menggiatkan penggunaan platform ini (Shamsul Arrieya, 2020), namun penggunaannya masih dianggap kurang. Oleh itu, kajian secara mendalam harus dilakukan bagi memahami penerimaan platform media sosial diterima pakai sebagai sebahagian proses berkarya dalam suasana norma baharu, selain dari memahami penggunaan *Facebook* sebagai sebahagian dari platform yang dapat menjana pendapatan mereka.

Objektif utama kajian adalah memahami aktiviti penggunaan *Facebook* dalam kalangan penggiat industri kreatif Melayu samada digunakan bagi tujuan pemasaran bahan penerbitan atau sebaliknya. Pendekatan kajian kualitatif diguna pakai dalam kajian ini, memandangkan kajian ini menumpukan kepada pemahaman makna melalui pengalaman sekumpulan penggiat industri filem dan televisyen terhadap penggunaan Facebook sepanjang PKP. Melalui kajian ini juga ianya dapat membantu pihak kerajaan dalam usaha memahami bentuk-bentuk bantuan yang lebih jelas kepada penggiat industri filem dan televisyen berkaitan penggunaan Facebook.

PERNYATAAN MASALAH

Sepertimana yang kita sedia maklum, teknologi jaringan komuniti sosial Facebook yang dikategorikan sebagai sebahagian dari platform media sosial, merupakan satu bentuk medium yang membolehkan seseorang berhubung dan berkolaborasi di antara satu sama lain (Kietzmann et al., 2011). Penggunaan *Facebook* dilihat menjadi platform bagi tujuan jaringan komunikasi yang begitu popular dalam kalangan masyarakat rantau Asia (Tihomir et al., 2019). Ia juga begitu popular terutamanya di rantau Asia Tenggara termasuk Malaysia. Aplikasi yang terdiri dari gabungan video dan visual seperti foto serta dilengkapi dengan sistem rangkaian yang membolehkan pengguna berhubung dan berkongsi setiap kehidupan sosial dalam

masyarakat menjadikan *facebook* sebagai medium yang begitu banyak fungsinya kepada masyarakat moden.

Pada umumnya penggunaan *facebook* selain dari tujuan menghubungkan komuniti sosial, peranannya dalam perkara berkaitan pemasaran sosial banyak tertumpu kepada produk-produk dan perkhidmatan umum seperti fesyen, makanan, perkhidmatan yang dikaitkan dengan pemasaran komersial (Chambhare & Anute, 2022). Pandangan dari (Mawa et al., 2021) menjelaskan bahawa penggunaan media sosial terutamanya platform Facebook ini dilihat amat berpengaruh terutamanya ketika berlakunya pandemik COVID-19 bagi tujuan pemasaran dan perniagaan. Namun, penggunaan platform ini dalam kalangan penggiat industri kreatif sebelum penularan wabak COVID-19 dilihat hanya difokuskan kepada aktiviti promosi filem atau penerbitan kandungan televisyen. Usaha ini dilihat hanya sekadar sebahagian dari aktiviti promosi karya-karya penerbitan mereka. Dengan berlakunya pandemik wabak COVID-19, keadaan ini dilihat mengubah landskap gerak kerja penggiat industri kreatif Melayu terutamanya di negara ini.

Ini berlaku apabila proses berkarya yang pada kebiasaannya melibatkan kerja-kerja lapangan tidak dapat dijalankan apabila kerajaan mengumumkan langkah kawalan virus tersebut melalui perintah kawalan pergerakan (PKP). Diantara aktiviti yang dilihat terjejas teruk termasuklah aktiviti penerbitan filem dan juga sebahagian dari penerbitan televisyen yang majoritinya merupakan penggiat berbangsa Melayu. Justeru kajian ini penting untuk dilakukan dalam usaha memahami sejauh mana penggunaan platform ini membantu serta diadaptasi oleh pengkarya filem dan televisyen Melayu. Walaupun terdapat usaha dari pihak kerajaan yang telah menyuntik dana terutamanya bagi tujuan menggiatkan penggunaan platform ini namun kajian secara mendalam harus dilakukan bagi memahami penerimaan platform media social diterima pakai sebagai sebahagian proses berkarya dalam suasana norma baharu. Ini kerana, masih terdapat sebahagian dari pengusaha dan penggiat industri kreatif dilihat masih lagi bergantung dengan bantuan kerajaan sepanjang musim perintah kawalan pergerakan (PKP).

Selain itu juga terdapat pengusaha dan penerbit industri kreatif meminta badan-badan persatuan supaya melobi pihak kerajaan agar dapat membuka ruang kepada mereka untuk berkarya terutamanya pada fasa PKPB. Justeru melalui keadaan ini, kajian ini turut menerokai samada platform media sosial iaitu Facebook ini benar-benar dimanfaatkan dalam pelbagai aktiviti bagi tujuan pemasaran dan aktiviti lain yang memberi sebarang pulangan dari segi pendapatan atau hanya digunakan bagi tujuan pengisian masa lapang sepanjang berlakunya tempoh perintah kawalan pergerakan. Selain dari memahami penggunaan *Facebook* sebagai sebahagian dari platform yang dapat menjana pendapatan mereka, kajian juga turut cuba mengenal pasti aktiviti yang mungkin dilakukan selain dari pemasaran seperti aktiviti perkongsian ilmu pengetahuan serta tanggungjawab social korporat ke atas masyarakat sepanjang berlakunya tempoh perintah kawalan pergerakan (PKP). Ini dilihat penting memandangkan pembasmian rantaian penularan virus ini dilihat tidak hanya perlu digalas oleh pihak kerajaan dan juga pasukan barisan hadapan seperti institusi perubatan, kepolisian dan badan-badan kebajikan yang lain. Malah, pengkarya Melayu tempatan juga harus menyumbang ke arah membantu dari segi menghasilkan pelbagai cara yang dapat membantu pihak kerajaan menangani gejala virus ini.

Di akhir kajian ini juga, persoalan kebergantungan teknologi terutamanya teknologi berbentuk sosial media difokuskan terutamanya dari segi adaptasi penggunaan terhadap aktiviti yang berkaitan dengan kerja-kerja menerbitkan sesebuah produk dalam industri kreatif perfileman dan juga penyiaran. Keadaan ini harus diberi perhatian memandangkan kurang kajian yang melihat pola kebergantungan teknologi media komuniti ini terhadap penggiat industri kreatif (filem dan televisyen) terhadap sikap mereka kepada teknologi ini. Terdapat

beberapa kajian dan persoalan kajian dibina bagi membantu dalam memberi fokus terhadap fenomena kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti aktiviti penggunaan *Facebook* dikalangan penggiat industri kreatif Melayu samada digunakan bagi tujuan pemasaran bahan penerbitan atau sebaliknya.
2. Menerokai aktiviti perkongsian maklumat yang selalu dikongsikan oleh penggiat industri kreatif Melayu.
3. Mengenal pasti penggunaan *Facebook* dalam kalangan penggiat industri kreatif dalam sebarang aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) atau sebaliknya.

PERSOALAN KAJIAN

1. Bagaimana penggunaan *Facebook* diadaptasi oleh penggiat industri kreatif dalam sebarang aktiviti penerbitan filem dan televisyen?
2. Apakah jenis perkongsian ilmu yang selalu dilakukan oleh penggiat industri yang berkaitan dengan bidang filem dan televisyen?
3. Bagaimana penggunaan *Facebook* membantu sebarang aktiviti berkaitan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di kalangan penggiat industri kreatif Melayu?

TINJAUAN LITERATUR

Aliran Penggunaan Media Sosial

Kajian-kajian awal berkaitan media sosial mendapati bahawa wujudnya perubahan dari segi hubungan komunikasi dalam masyarakat secara umumnya. Sebelum ini, masyarakat dibekalkan dengan penggunaan media yang bersifat massa seperti media konvensional (televisyen, radio dan surat khabar) yang banyak menumpukan kepada proses interaksi satu hala. Berdasarkan pandangan dari Miller et al. (2019), dengan wujudnya platform baharu melalui teknologi yang berasaskan internet maka sosial media dilihat telah mengubah perhatian audien yang asalnya hanya menumpukan penggunaan di media massa konvensional. Selain itu kajian dari Miller et al. (2019) turut menjelaskan bahawa, wujudnya pertambahan dan kepelbagaian audien lantas memberi ruang kepada pengguna media untuk mengubah corak penggunaan media mereka. Penggunaan media sosial pada asasnya membentuk dua kelompok yang terdiri dari kelompok kecil dan kelompok besar penggunaan platform tersebut.

Kajian dari Nurhamizah dan Asbah (2019) mendapati bahawa, dengan munculnya media sosial, keadaan penggunaan media dalam kalangan ahli dalam keluarga akan terpecah kepada dua keadaan iaitu penggunaan yang bersifat komuniti dan juga penggunaan yang bersifat global. Namun demikian kedua-dua keadaan ini dilihat akan mengakibatkan berlakunya interaksi sosial yang hanya berlangsung dalam bentuk maya semata-mata. Justeru ianya telah mewujudkan satu bentuk budaya baharu yang mengubah secara total proses interaksi dan juga berkomunikasi yang turut mengheret persoalan budaya termasuk kepada masyarakat Melayu di negara ini.

Justeru Errika (2011) menjelaskan bahawa, dengan wujudnya jenis komunikasi melalui media sosial terdapat beberapa perkara yang dilihat akan mempengaruhi seseorang manusia atau ahli masyarakat. Ini dapat dilihat mempengaruhi 1; kepercayaan, nilai dan sikap, 2; Pandangan terhadap dunia, 3; Organisasi sosial, 4; tabiat manusia, 5; orientasi kegiatan dan 6;

persepsi diri dan orang persekitaran. Berdasarkan kepada pandangan ini maka kajian ini cuba memahami keadaan pengguna industri yang sudah semestinya terkesan dari pengaruh yang dinyatakan oleh Damarstuti et al. (2010) dengan melihat kepada sejauh mana media sosial diadaptasi oleh penggiat industri kreatif terutamanya mereka yang bergiat dalam lapangan penghasilan karya melalui filem dan juga televisyen.

Media Sosial dan Industri Kreatif

Media sosial telah menjadi sebahagian daripada kehidupan seharian kita, mengubah pelbagai aspek masyarakat, termasuk dunia industri kreatif. Pengkarya seni (filem dan televisyen) dan organisasi industri kreatif kini mempunyai akses kepada alatan berkuasa yang membolehkan mereka mempromosikan karya mereka dan melibatkan diri dengan khalayak pada skala global. Melalui bahagian sorotan karya ini kajian dapat meneroka peranan media sosial dalam mempromosikan karya seni untuk tujuan pemasaran, menonjolkan pengaruhnya terhadap industri kreatif dan membincangkan strategi untuk kempen promosi yang berkesan.

Tidak dinafikan bahawa penggunaan media sosial telah berjaya mempengaruhi masyarakat termasuk masyarakat di Malaysia. Ini juga turut diterima oleh hampir keseluruhan penggiat seni industri kreatif tempatan. Namun demikian agak sukar untuk melihat keberkesanan penggunaan platform ini terutamanya dalam konteks aktiviti penerbitan dan juga pengkomersialan. Namun demikian, pada asasnya kajian yang dilakukan oleh Noraihan dan Mohd Sobhi (2015) telah menjelaskan bahawa, sememangnya wujud usaha menggunakan platform media sosial sebagai salah satu saluran promosi dan pengkomersialan terutamanya pada produk dan perkhidmatan berskala sederhana dan kecil di kalangan usahawan tempatan. Namun peningkatan penggunaan ini dilihat melonjak apabila berlakunya situasi dimana dunia menghadapi wabak pandemik Covid-19. Justeru aktiviti yang menggunakan teknologi media komuniti ini dilihat lebih giat diadaptasi oleh pihak industri kreatif yang memungkinkan berlakunya perubahan dalam menerbitkan karya seni filem dan televisyen ini.

Media Sosial dan Aktiviti Promosi Karya Seni

Kemunculan media sosial telah merevolusikan strategi promosi dalam industri kreatif. Platform seperti *Instagram, Facebook, Twitter* dan *YouTube* menyediakan saluran langsung kepada artis untuk mempamerkan hasil kerja mereka dan berhubung dengan peminat atau bakal pelanggan. Järvekülg dan Wikström (2021) berpendapat bahawa media sosial dari aspek industri muzik telah membolehkan penumpuan profesional muzik tempatan dengan memecahkan halangan geografi dan mewujudkan peluang baharu untuk sebarang kerjasama.

Selain itu, media sosial membolehkan artis atau pengkarya seni industri ini membina kesedaran jenama mereka dengan mewujudkan kehadiran dalam talian yang konsisten. Dengan memilih profil mereka dengan kandungan yang menarik secara visual yang mencerminkan gaya atau nilai artistik mereka, pengkarya boleh mencipta identiti jenama tersendiri yang dapat dipopularkan dengan khalayak sasaran mereka. Lepouras et al. (2020) pula menumpukan kepada kekuatan menekankan kepentingan estetika visual dalam menarik perhatian pada platform media sosial yang mengutamakan kandungan yang menarik perhatian komuniti teknologi media sosial.

Selain itu, melibatkan diri secara langsung dengan pengikut adalah satu lagi kelebihan yang ditawarkan oleh platform media sosial untuk promosi seni. Pengkarya atau pengamal industri kreatif boleh menerima maklum balas segera daripada khalayak mereka melalui ulasan atau mesej langsung, memupuk rasa komuniti di sekeliling kerja mereka. Lepouras et al. (2020)

mencadangkan bahawa, interaksi ini mewujudkan peluang untuk pengkarya memahami pilihan penonton mereka dan menyesuaikan ciptaan masa depan mereka dengan sewajarnya.

Salah satu faedah utama menggunakan media sosial untuk promosi seni ialah keupayaannya untuk menjangkau khalayak yang lebih luas. Tidak seperti bentuk pemasaran tradisional yang sering dihadkan oleh sempadan geografi atau kekangan kewangan, platform media sosial menawarkan cara kos efektif untuk berkongsi ciptaan artistik dengan orang dari seluruh dunia. Duffy dan Pooley (2017) menyerlahkan bagaimana penjenamaan diri melalui media sosial boleh meningkatkan keterlihatan artis dan menarik pengikut atau pelanggan Baharu.

Selain itu pandangan dari Harley (2018) menjelaskan bahawa, di samping wujudnya platform media sosial sebagai saluran yang membantu dari segi kerja-kerja mempromosikan sesuatu produk dan juga perkhidmatan, penggunaan media sosial juga turut membantu dalam membentuk identiti seseorang pengguna. Teknologi ini turut membantu dalam hal berkaitan penghasilan sesebuah karya oleh pengkarya Melayu dalam dunia industri kreatif. Kajian sebelum ini yang dilakukan oleh Sanjeev & Ramaprasad (2014) mendapati bahawa, dalam industri kreatif seperti penerbitan muzik, terdapat keberkesanan yang jelas dalam proses penerbitan dan promosi sesebuah produk muzik yang dihasilkan.

Kajian beliau yang membandingkan di antara penjualan muzik menggunakan konvensional media dan juga media sosial mendapati wujud perbezaan ketara di antara mempromosikan dan menjual produk muzik menggunakan saluran media konvensional dan juga platform media sosial. Kajian beliau mendapati perbezaan yang ketara dalam aspek penggunaan kedua-dua platform tersebut adalah dapat dilihat bahawa media tradisional masih lagi diterima pakai oleh penggiat industri muzik bagi tujuan menghasilkan album. Manakala media sosial hanya digunakan sebagai saluran untuk berkongsi sebahagian lagu yang dihasilkan dalam sebuah album muzik.

Namun, dalam konteks penghasilan dan aktiviti penerbitan filem dan televisyen pula didapati bahawa kebanyakan penggiat industri kreatif Melayu ini amat bergantung dengan kaedah dan cara konvensional dalam menghasilkan kerja-kerja mereka. Menurut Vitkauskaitė (2017), asasnya proses penerbitan kandungan filem dan juga televisyen yang terdiri dari proses pra produksi, produksi dan pasca produksi dilihat telah biasa dijalankan melalui kaedah kerja-kerja yang memerlukan penggiat industri ini berada di lapangan. Keadaan ini terhalang apabila berlakunya perintah kawalan pergerakan (PKP) yang tidak membenarkan sebarang aktiviti yang melibatkan kerja-kerja di lapangan termasuk aktiviti penerbitan filem dan televisyen terutamanya drama. Keadaan ini mengakibatkan wujudnya segelintir pengkarya yang mula meminta kelonggaran untuk mengadakan aktiviti penerbitan bagi menampung kos sara hidup penggiat industri kreatif. Rata-rata penggiat industri yang menyuarakan permasalahan ini terdiri dari penggiat industri Melayu. Ini kerana, wujudnya kebergantungan mereka terhadap kaedah konvensional dalam menerbitkan sebarang kandungan kreatif.

Rentetan dari itu, kajian ini memberi fokus terhadap memahami bagaimana saluran alternatif yang dilihat dapat dijadikan platform untuk menerbitkan karya kreatif seperti Facebook dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Ini memandangkan terdapat beberapa kajian dari luar negara mendapati potensi penerbitan filem melalui saluran media sosial dapat membantu meningkatkan kualiti penerbitan dalam usaha merencanakan pembangunan penerbitan industri kreatif walaupun dalam keadaan berlakunya isu seperti penularan wabak virus Covid-19.

Kajian dari Sultan et al. (2017) mendapati, penerbitan filem melalui saluran media sosial amat berkesan kerana rangkaian platform ini membolehkan setiap penerbitan karya filem tersebut dapat dikongsi oleh kelompok komuniti yang lebih spesifik. Ini membolehkan penerbit filem mudah untuk mengenal pasti kelompok komuniti yang benar-benar meminati karya-karya kreatif seperti filem. Malah, kajian mereka mendapati ianya turut membantu proses pendidikan terutamanya dalam bidang-bidang perfileman apabila pelajar dapat terus berinteraksi dengan pengkarya bagi memahami ilmu berkaitan penerbitan filem dari aspek teori dan juga teknikal.

Melihat dari aspek promosi dan juga pemasaran filem, kajian yang dilakukan oleh Tejada (2015) mendapati, wujudnya *trend* popular pemasaran dan promosi karya filem melalui pelbagai platform media sosial. Ini memandangkan kemudahan aplikasi penggunaan media sosial yang pelbagai fungsi membantu memudahkan promosi tanpa melibatkan pihak tengah. Ini kerana, perkongsian iklan atau trailer sesebuah filem dapat dimuat naik terus ke pelbagai platform seperti *youtube*, *Facebook* dan *Twitter* mengikut kaedah yang bersesuaian dengan pengguna-pengguna platform tersebut. Dengan ini, melalui media yang bersifat integrasi ianya memudahkan promosi berlaku dengan begitu pantas.

Kajian lain yang melihat keberkesanan promosi dan pemasaran melalui media sosial juga turut dapat dilihat melalui kajian Dagsupta (2016) yang mendapati bahawa, proses penerbitan filem di India melalui penggunaan media sosial dapat memudahkan kerja-kerja pengurusan pemasaran dengan mudah dan berkesan. Selain itu, kajian beliau mendapati dengan menggunakan platform ini, ianya dilihat dapat mengurangkan risiko birokrasi dan juga sebarang salah urus pemasaran dan promosi yang sering berlaku melalui cara konvensional. Ini turut memberi kemudahan kepada penggiat industri kreatif menentukan sendiri cara dan kaedah berkesan dalam memasarkan produk mereka dengan bebas dan fleksibel.

Dengan mencipta akaun rasmi pada platform seperti *Facebook*, *Twitter*, *Instagram* dan *YouTube*, penggiat industri filem boleh melibatkan diri dengan penonton dalam masa nyata. Mereka dapat berkongsi *trailer* dan iklan (*teaser*) yang dapat menarik perhatian peminat sebelum membeli tiket wayang. Selain itu, peraduan yang dianjurkan melalui platform media sosial membantu membentuk promosi mengenai filem yang akan ditayangkan di pawagan. Antara contoh produksi yang berjaya menunjukkan betapa berkesannya strategi promosi filem melalui media sosial adalah *Marvel Studios*. Produksi ini menggunakan sosial media dengan efektif dan terlibat secara aktif dengan peminat melalui perbualan secara langsung atau sesi soal jawab di *Twitter* untuk mempromosikan filem adiwira mereka. Pendekatan interaktif ini bukan sahaja membantu menjana pendapatan tetapi secara tidak langsung memupuk komuniti peminat yang kuat di sekitar francais ini.

Menggunakan platform media sosial untuk mempromosikan filem menawarkan beberapa kelebihan. Pertama, ia menyediakan jangkauan yang lebih luas kerana berbilion-bilion orang adalah pengguna aktif merentas platform yang berbeza di seluruh dunia. Kedua, ia membolehkan peningkatan penglibatan penonton melalui ciri seperti komen atau *hashtag* di mana peminat boleh berinteraksi antara satu sama lain dan pembuat filem secara langsung.

Selain itu, berbanding kaedah pemasaran tradisional seperti iklan televisyen atau kempen cetak, media sosial secara amnya lebih menjimatkan kos. Media sosial juga membenarkan maklum balas masa nyata, memudahkan melihat pelarasan yang lebih baik untuk memenuhi pilihan khalayak dengan lebih baik. Akhir sekali, analisis data yang disediakan oleh platform media sosial ini yang boleh digunakan oleh industri filem untuk menyasarkan lebih banyak strategi dalam usaha pemasaran produk mereka. Berdasarkan kajian di atas, maka jelas sekali pihak kerajaan turut memandang serius terhadap pengaplikasian media baharu seperti media sosial untuk dimanfaatkan oleh penggiat industri kreatif. Berdasarkan pandangan

Shamsul Arrieya (2020), kerajaan melalui Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) telah memperuntukkan sebanyak RM225 juta dalam usaha untuk membangunkan semula industri hiburan dan kreatif negara. Beliau juga menyatakan bahawa tumpuan turut diberikan terhadap pembangunan kandungan kreatif yang dapat mengangkat budaya Melayu terutamanya ke peringkat global.

Justeru, ini dilihat sebagai satu usaha yang jelas telah dilakukan oleh kerajaan bagi memastikan penggiat industri kreatif menekankan nilai jati diri Melayu dalam penghasilan sebarang kandungan kreatif serta turut mengambil kira penggunaan media baharu sebagai saluran menerbitkan karya mereka. Ini jelas lagi dari pandangan Shamsul Arrieya (2020) yang menjelaskan bahawa pihak kerajaan melalui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) turut menyediakan dan menggalakkan penggunaan teknologi digital yang memudahkan aktiviti promosi dan jualan kandungan kreatif melalui platform seperti *Facebook* dan juga media sosial. Namun demikian, masih lagi tidak jelas sejauh mana adaptasi ke arah penggunaan media sosial di kalangan penggiat industri Melayu walaupun pada peringkat asas media sosial kini telah mula mengubah landskap kehidupan sosial komuniti Melayu dan ianya telah digunakan begitu meluas dalam aktiviti rangkaian komunikasi sosial. Berdasarkan kajian etnografi oleh Mohd Yuszaidy dan Muammar Ghaddaffi (2015), sistem nilai Melayu dengan kemunculan media baharu termasuk media sosial telah mengalami impak perubahan yang ketara.

Dalam kajian mereka, impak perubahan nilai Melayu yang mementingkan hubungan kekeluargaan dan juga adab sopan santun kini telah berubah dan diterjemahkan dalam bentuk lain yang mana tidak lagi berlaku secara fizikal. Walaupun kajian mereka memperlihatkan wujudnya keadaan negatif ke atas perubahan ini, kajian mereka masih lagi tidak dapat menyangkal bahawa kemunculan platform baharu ini perlu diterima dengan sebaik mungkin memandangkan penggunaan media sosial terutamanya dapat memudahkan dan senang diuruskan bagi tujuan meningkatkan martabat dan sistem nilai adat Melayu ke peringkat global.

Justeru, kajian ini harus meneliti samada wujud atau tidak sebarang usaha dari pihak penggiat industri kreatif Melayu dalam menyahut usaha kerajaan yang telah memberi ruang dan galakkan kepada mereka untuk bukan hanya menerbitkan karya yang mempunyai nilai budaya jati diri Melayu, malah mula mengorak langkah mengubah corak penerbitan filem dan televisyen dengan mengadaptasikan platform media sosial sebagai platform saluran menerbitkan dan juga melakukan aktiviti yang berkaitan dengan penerbitan filem dan televisyen samada dari sudut promosi, pendidikan mahupun aktiviti kerja amal kepada komuniti masyarakat setempat.

Media Sosial dan Perkongsian Ilmu dalam Kalangan Penggiat Industri Kreatif

Salah satu faedah utama media sosial untuk perkongsian maklumat dalam kalangan penggunanya ialah kebolehcapaian dan capaiannya. Platform seperti *Twitter*, *Facebook* dan *Instagram* menyediakan medan permainan yang sama rata di mana wartawan, penulis blog dan pencipta kandungan lain boleh berkongsi hasil kerja mereka dengan khalayak global (Abedin & Babar, 2017). Situasi ini tidak seperti bentuk media tradisional yang memerlukan sokongan institusi atau belanjawan yang besar untuk menyebarkan maklumat secara meluas. Media sosial membenarkan sesiapa sahaja yang mempunyai sambungan internet untuk menyumbang kepada wacana awam.

Tambahan pula, media sosial membolehkan penyebaran maklumat masa nyata pada kelajuan yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Berita boleh menjadi viral dalam beberapa minit atau bahkan beberapa saat selepas dikongsi di platform seperti *Twitter* (Toriumi et al, 2019). Penyebaran pantas ini memastikan peristiwa penting segera dibawa ke perhatian umum dan membolehkan respons segera apabila diperlukan.

Media Sosial: Pengukuhan Aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)

Curley & Noormohamed (2014) menjelaskan bahawa, terdapat banyak andaian tentang platform teknologi media sosial dan potensi kesannya terhadap pemasaran global. Oleh itu, banyak syarikat sedang berusaha mewujudkan kehadiran mereka samada di *Facebook* atau *Twitter* sebagai salah satu kunci yang membawa faedah iaitu membolehkan komunikasi santai dengan pelanggan mengikut syarat mereka lantas menghasilkan perhubungan lebih mesra yang sukar dicapai oleh syarikat dalam media lain dan platform lain seperti *Pinterest*, *Foursquare*, *Tumblr*, *Instagram* dan *Blogs* bagi usaha membina kesedaran jenama dan membentuk kesedaran serta hubungan dengan pelanggan. Pemasaran media sosial menjadi kenderaan yang lebih canggih untuk membolehkan syarikat berinteraksi dengan pelbagai pelanggan, yang semakin melihat diri mereka sebagai "pencipta bersama aktif" program korporat, bukannya sebagai semata-mata "penerima pasif" pemesejan korporat.

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) ialah *trend* dalam dasar korporat yang berfungsi sebagai panduan kawal selia sendiri kepada amalan perniagaan yang bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar. Perluasan prinsip perniagaan yang telah lama dipegang ini etika umumnya tertumpu dalam mengimbangi keperluan keuntungan pemegang saham dengan elemen tanggungjawab sosial. Memandangkan cerapan ramalan masa nyata akan memberikan kelebihan daya saing, eksekutif mesti terlebih dahulu mengumpul data untuk mengenal pasti corak dan bersedia untuk mengurus selia untuk mengubah kuasa beli pelanggan masa kini, dengan mengetahui di mana dan cara membelanjakan wang pemasaran dalam kempen pemerolehan yang diperibadikan (Bateman, 2013).

Media sosial boleh membantu dalam menghubungkan pengguna dan syarikat di sekitar tujuan untuk menekankan berkenaan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR). Alison DaSilva, VP eksekutif di Cone, sebuah firma perhubungan awam dan pemasaran terkemuka dalam Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan pemasaran mengatakan bahawa media sosial memberikan syarikat "multiple touch point" yang melibatkan pengguna. Antara contoh syarikat yang menggunakan media sosial dengan cara yang berkesan dalam melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) adalah syarikat seperti Procter & Gamble di mana syarikat ini telah menjalankan satu kempen di *Facebook* yang dipanggil, "Cabaran Mesra Masa Depan" untuk memberi galakan kepada pengguna supaya menjimatkan tenaga, air dan mengurangkan pembaziran. Selain itu, Procter & Gamble juga melaksanakan Program Air Minuman Selamat untuk Kanak-kanak. Melalui penggunaan strategi kempen di *Facebook*, inisiatif yang dilakukan di dalam talian ini telah memperoleh keterlibatan daripada pengguna sosial media yang tinggi sehinggakan dalam beberapa bulan sahaja, kempen ini telah memperoleh lebih daripada 20,000 pengikut yang terlibat menyahut cabaran serta komited untuk menjimatkan tenaga, air atau mengurangkan pembaziran selama 90 hari.

Walaupun begitu, hasil kajian oleh Pavlíček & Doucek (2015) menunjukkan bahawa, pelopor dalam bidang Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) tidak hanya menggunakan sosial media bagi tujuan CSR semata-mata akan tetapi turut aktif menggunakan sosial media bagi tujuan melakukan promosi. Peratusan komunikasi berkaitan aktiviti CSR adalah berbeza akan tetapi data menunjukkan bahawa CSR merupakan subjek kedua yang paling kerap dibincangkan di media sosial. Meskipun reaksi negatif terhadap siaran dan tweet berkenaan CSR adalah sedikit namun komunikasi tentang CSR hanya menerima sekitar sepertiga tanda "suka" jika dibandingkan dengan topik lain yang dibincangkan menunjukkan bahawa orang ramai tidak cenderung untuk menyampaikan mesej berkaitan CSR.

Kajian Hou & Hung (2017) meneroka hubungan antara Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dan prestasi kewangan industri kreatif dengan menggunakan pendekatan DEA dinamik.

Kajian ini menilai prestasi 53 firma kreatif dalam tempoh masa diantara tahun 2010 hingga tahun 2013. Analisis regresi digunakan bagi menentukan sama ada CSR mempengaruhi prestasi kewangan sesebuah syarikat. Keputusan empirikal menunjukkan bahawa perniagaan berkaitan media kandungan, termasuk filem, penerbitan dan penyiaran, adalah peneraju pertumbuhan prestasi, dan keputusan regresi menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial korporat mempunyai pengaruh positif yang signifikan terhadap prestasi kewangan industri kreatif. Di samping itu, keputusan juga mendedahkan bahawa pengambilan risiko dan ciri-ciri berorientasikan modal wujud dalam industri kreatif.

METODOLOGI

Kajian ini telah menggunakan metodologi kualitatif Creswell (2014) untuk menyoroti cabaran serta masalah yang membawa kepada kajian ini dilaksanakan. Bagi tujuan mendapatkan input kritikal daripada informan, teknik kualitatif yang terdiri daripada temu bual mendalam dan penilaian dokumen dasar telah digunakan (Cohen & Manion, 2007). Selain daripada itu, tumpuan kajian ini diberikan kepada informan yang mempunyai kepakaran yang luas dalam industri kreatif dan berpengalaman menggunakan aplikasi media sosial terutamanya *Facebook* ketika berlakunya suasana perintah kawalan pergerakan (PKP) semasa berlakunya penularan wabak Covid-19.

Persampelan bertujuan digunakan sebagai teknik persampelan yang bersifat pertimbangan, selektif, atau subjektif, di mana penyelidik bergantung kepada pertimbangannya sendiri dalam memilih anggota populasi yang akan terlibat dalam kajian (Campbell et al., 2020). Pensampelan bertujuan ialah kaedah persampelan bukan kebarangkalian dan ia berlaku apabila subjek yang dipilih untuk menjadi sampel adalah dipilih oleh penilaian penyelidik itu sendiri (Magwood et al, 2022). Penyelidik yakin dengan kemampuan mereka untuk mendapatkan sampel yang mewakili populasi dengan menggunakan pertimbangan yang wajar lantas akan menjimatkan masa dan wang.

Oleh kerana penyelidik mempunyai pengalaman dalam industri kreatif televisyen dan filem itu sendiri, maka penyelidik telah memilih persampelan bertujuan sebagai alternatif, ia terbukti berkesan apabila hanya bilangan terhad orang boleh berfungsi sebagai sumber data primer kerana sifat reka bentuk dan matlamat penyelidikan dan objektif khusus diadaptasi untuk penyelidikan. Kekurangan ketepatan data menjejaskan kebolehpercayaan keputusan dan kebenaran maklumat tersebut (Bowen, 2008; Kerr, Nixon, & Wild, 2010; Fusch & Ness, 2015). Kajian ini bertujuan untuk menemubual seramai empat belas pemberi maklumat bagaimanapun, disebabkan oleh halangan semasa pandemik Covid-19, dua belas informan telah bersetuju menyumbangkan data bagi tujuan penyelidikan. Hal ini relevan kerana jumlah ini merupakan bilangan yang dicadangkan untuk dicapai dalam reka bentuk fenomenologi (Wilson & Onwuegbuzie, 2016). Bagi menghasilkan ketepatan, bilangan informan yang ditemu bual adalah seramai dua belas orang.

Jadual 1: Latar Belakang Peserta Kajian

ID Informant	Jawatan	Bidang Lapangan	Pengalaman
Pengkarya Televisyen			
TV 1	Editor	Rumah Produksi	5 tahun
TV 2	Pembantu Penerbit	RTM	3 Tahun
TV 3	Penerbit Eksekutif	Rumah Produksi	10 Tahun
TV 4	Penulis	Freelance	10 Tahun
TV 5	Kru Pembantu	Freelance	6 Tahun
TV 6	Editor	Freelance	5 Tahun

Pengkarya Filem			
FL 1	Produser	Rumah Produksi	10 Tahun
FL 2	Pengarah	Freelance	7 Tahun
FL 3	Pengurus Produksi	TV/Filem	10 Tahun
FL 4	Editor	Freelance	5 Tahun
FL 5	Penulis/Pengarah	Freelance	7 Tahun
FL 6	Penulis	Freelance	5 Tahun

Informen temu bual mendalam kajian ini datang daripada dua organisasi industri penerbitan televisyen dan perfileman. Kajian sedia ada menggunakan triangulasi untuk memastikan ketelitian berdasarkan pemilihan orang yang ditemuduga:

- Jenis pertama adalah pengkarya yang banyak melakukan kerja-kerja penerbitan bagi tujuan penyiaran di stesen televisyen awam mahupun swasta. Mereka ini terdiri dari pekerja yang bekerja bagi rumah produksi, syarikat televisyen atau freelance.
- Kumpulan kedua merupakan pengkarya yang banyak melakukan kerja-kerja penerbitan bagi tujuan penerbitan filem. Mereka ini terdiri dari pekerja yang bekerja di rumah produksi dan freelance.
- Bidang mereka pelbagai dari peringkat Penerbit sehingga ke peringkat kru pembantu bawahan.

Disebabkan wabak Covid-19 yang menggagalkan Malaysia pada Januari 2020, temu bual secara bersemuka dengan pemberi maklumat terpilih terpaksa dijalankan menggunakan Google Meet dan juga Zoom memandangkan sebahagian dari proses pengutipan data berlaku ketika di bawah perintah kawalan pergerakan (PKP) dari Mac 2020 hingga Jun 2020. Temu bual dirakam secara dalam talian melalui *Zoom* dan *Google Meet* bagi memastikan kesahihan dan kualiti data. Pertanyaan terbuka telah dibina bersesuaian dengan maklumat latar belakang dan pengalaman industri. Sesi soal jawab berkisar berkenaan tiga komponen utama iaitu penggunaan Facebook dikalangan penggiat industri televisyen dan filem dari aspek adaptasi penggunaan harian, perkongsian ilmu dan bagi tujuan tanggungjawab sosial.

Semasa sesi temuduga, wakil dari pengkarya yang menghasilkan penerbitan untuk syarikat televisyen dan filem telah dipilih untuk kajian ini. Mereka diberikan taklimat tentang hasil penyelidikan yang dijangka untuk mendapatkan penjelasan yang menyeluruh berdasarkan pengalaman dan maklum balas mereka. Soalan-soalan yang saling berkaitan antara satu sama lain telah disusun bagi memastikan objektif kajian tercapai.

Ringkasnya, penggunaan Facebook di kalangan penggiat industri kreatif (televisyen dan filem) perlu diteliti sejauh mana fungsinya bagi tujuan membantu penyelidik untuk memahami kadar penggunaan dan potensi penggunaannya terhadap kemajuan industri kreatif dalam suasana berlakunya pandemik. Ianya juga dapat menjadi sumber rujukan bagi mengawal selia proses penerbitan karya sekiranya berlakunya pandemic atau sebarang kawalan dari sebarang penularan wabak untuk masa akan datang. Justeru, matlamat temu bual mendalam terutamanya adalah untuk mendapatkan satu pemahaman tentang asas peraturan sendiri melalui pembacaan teks fakta telah diselaraskan merentas semua instrumen (Creswell, 2014).

PENEMUAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Facebook: Penggunaan Harian dan Jaringan Pemasaran Industri.

Pada asasnya berdasarkan analisis yang dilakukan dalam memahami pola penggunaan Facebook dikalangan penggiat industri kreatif televisyen dan filem secara umumnya

menggunakan teknologi media sosial ini dalam dua keadaan iaitu sebagai penggunaan harian dan juga bagi tujuan mengadakan jaringan pemasaran dalam dunia pekerjaan mereka. Terdapat informan yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi media sosial ini dilihat lebih kerap berlaku pada musim pandemik Covid-19.

Aktiviti harian termasuk kerja-kerja yang berkait rapat dengan profession mereka dilihat berubah dengan menjadikan teknologi ini sebagai platform yang membantu kerja-kerja yang berkaitan jaringan industri kreatif penyiaran televisyen dan filem. Dari sudut melakukan pemasaran juga dilihat berlaku namun pada jenis-jenis kerja produksi terutamanya mereka yang berada di bawah agensi pembangunan filem serta penulis-penulis drama televisyen dan juga filem. Pembinaan kod pola penggunaan Facebook iaitu penggunaan harian dan jaringan pemasaran dapat dilihat berdasarkan petikan-petikan data informan-informan seperti dibawah:

(TV1) "Tapi sebelum PKP tu pun rasanya kami memang akan kongsi maklumat tentang aktiviti kerja kami masing-masing. Jadi bila PKP mula saya baru balik dari buat satu projek. Yang kat Kawasan selatan itulah. Jadi masa tu nak balik KL memang dah susah. Jadi saya rasa kami antara orang awal la merasa sekatan-sekatan atas jalan raya masa tu memang agak jem teruk. Sebab kereta banyak macam biasa atas jalan. Jadi haa.. masa tu kami sempat la tgk2 apa berlaku dalam Facebook terutamanya ramai yang dah kongsi masalah yang mula diorang rasa bila PKP ni."

(FL2) "Okay kalau untuk saya kerja sebagai editor ni kurang membantu lah... tapi kalau untuk aktiviti lepas kita bekerja tu lain ceritalah sebab kerja lama depan skrin memang bila kita penat kita akan rehat sambil tengok telefon dan dah tentu sekali-sekala memang kita akan tgk social media macam fb ni... cumanya saya kadang tgk sekadar tgk sajalah jarang involve dalam apa-apa komen."

(FL5) "Di bawah agensi filem jabatan saya adalah jabatan media jadi memang sebahagian dari kerja-kerja kami ni memang akan menggunakan platform media untuk menyalurkan banyak aktiviti berkaitan dengan industri perfileman negara. Selain pada itu macam di FINAS kita ada kita punya bilik berita. Jadi bahagian news ni kita ada platform dalam medsos yang menjadi tempat untuk kita sebarkan segala berita yang berkait rapat dengan agensi Finas."

(TV4) "Itu cara kami cari job dan cuba dapatkan job. So media sosial ni dia bantu untuk memudahkan kerja kita dalam nak jual synopsis kita dan nak kongsi any job yang kita dapat dengan orang lain. So biasanya macam saya dah tentu whatsapp lah yang sentiasa jadi platform untuk dapatkan info. Dan fb pula tempat saya buat publisiti atau nak tanya pandangan orang ramai tentang apa-apa idea baru yang saya cuba nak develop."

Perkongsian Ilmu: Formal dan Tidak Formal

Melalui hasil temu bual juga didapati bahawa pola penggunaan media sosial (*Facebook*) ketika berlakunya kawalan pergerakan (PKP) kebanyakan dari pengamal industri kreatif menggunakan platform tersebut sebagai tempat untuk berkongsi maklumat. Perkongsian maklumat dilihat sebagai satu bentuk ilmu yang dikongsi secara tidak formal. Ini berlaku terutamanya bagi pengamal industri kreatif yang bekerja sebagai tenaga kerja bebas atau *freelancer*. Ini dapat dilihat melalui beberapa pandangan informan yang kebanyakannya beranggapan bahawa maklumat yang dikongsi hanya sekadar satu bentuk perkongsian. Pengolahan maklumat pula terdiri dari maklumat yang telah dikongsi dari pengguna

Facebook lain kepada mereka. Terdapat juga maklumat yang dikongsikan yang diolahkan sendiri turut dihasilkan namun jarang dilakukan oleh penggiat industri kreatif televisyen dan filem.

(FL3) "Kalau nak kata kami kongsi kerja-kerja yang kami buat tu ada, tapi bukan hari-hari... kadang tu kita kongsi saja-saja nak bagitau kawan-kawan lain apa yang kita buat.. banyaknya yang kami kongsi tu masa tu dia lebih pada kongsi apa-apa job yang kita boleh buat atau sapa boleh dapatkan apa-apa projek masa..."

(TV6) "Ada juga kami kongsi maklumat ni tapi pada peringkat awal lah kan... kami ni banyak kongsi tentang masalah Covid tu sendiri sebab virus tu kita pun tak tau macam mana dan lepas tu barulah kita tau yang pergerakan kita terhadap masa (PKP) jadi kita banyak tertanya-tanya macam mana kita nak ke tempat kerja. Jadi masing-masing akan post benda-benda tu jer... jadi kita tak ambil kisah sangat tentang perkongsian bidang kerja kita. Masa tu kita fikir survivor kita...."

Jenis Maklumat

Berdasarkan kepada pernyataan informan di atas juga kajian mendapati bahawa Maklumat yang dikongsikan dalam bentuk informal terdiri dari maklumat yang berkait rapat dengan isu Covid-19 terutamanya berkaitan vaksin serta statistik berkenaan kes kematian akibat dari Covid-19. Selain itu juga informan turut berkongsi maklumat yang berkait rapat dengan petua-petua untuk mengurangkan jangkitan atau menghindarkan jangkitan dari Covid-19. Dari sudut perkongsian maklumat secara tidak formal jarang berkisar tentang kerjaya dalam bidang industri kreatif bagi kedua-dua lapangan. Perkongsian maklumat secara informal hanyalah berlaku bagi tujuan melakukan jaringan sahaja. Ini dijelaskan oleh beberapa informan yang menyatakan bahawa maklumat secara tidak formal dikongsikan berkaitan dengan membantu rakan-rakan lain untuk mencari projek-projek baru di kawasan yang boleh diakses bagi tujuan melakukan aktiviti produksi terutamanya perfileman.

Maklumat formal pula berlaku hanya kepada penggiat industri kreatif yang berada di bawah agensi pembangunan industri kreatif serta agensi berita televisyen. Ini dapat dilihat dari pandangan informan yang dilihat terlibat secara langsung dibawah unit media dalam agensi pembangunan filem seperti FINAS serta bahagian berita dibawah stesen televisyen kerajaan seperti TV Al Hijrah. Melalui pandangan informan-informan ini secara langsung di bawah unit media dan berita ini maka ianya dimanfaatkan oleh mereka untuk berkongsi maklumat secara formal di dalam Facebook. Namun perkongsian ini banyak dimuat naik dalam laman media sosial rasmi agensi dan jarang dikongsikan melalui platform media sosial persendirian. Ini dapat dijelaskan melalui pandangan informan-informan di bawah.

(TV5) "Di bawah agensi berita memang kita menjadi mata dan telinga pada kerajaan pada masa tu untuk sebarkan sebanyak mungkin maklumat berkait rapat tentang sebarang informasi covid termasuk tentang (PKP). Jadi rasanya kat situ maklumat tu memang kita siarkan secara rasmi... Menteri punya statement pun kita akan sentiasa buat liputan samada live atau rakaman dan siaran tu biasanya pada waktu beritalah.. ada juga kita buat siaran tergepar.."

Dari segi senis maklumat formal yang dinyatakan berdasarkan temu bual mendalam Bersama informan terdiri dari maklumat yang berkait rapat dengan isu-isu semasa yang berlaku ketika itu terutamanya tentang wabak Covid-19. Ini terutamanya di kalangan informan-informan yang terlibat di bawah agensi media televisyen. Maklumat-maklumat formal ini juga

didapati dikongsi ke laman *Facebook* rasmi dan jarang dikongsikan ke platform *Facebook* peribadi. Namun demikian terdapat informan yang terlibat dalam aktiviti pembangunan filem menyatakan bahawa perkongsian maklumat secara formal wujud dari dua bentuk maklumat.

(FL1) "Di bawah unit media kalau di FINAS ni kita memang ditugaskan untuk kongsi maklumat yang berkait rapat dengan isu pandemik pada masa tu. Jadi memang kami ni seperti mana unit berita lain memang akan menghantar petugas ke Kawasan-kawasan tertentu untuk dapatkan info tentang perkembangan pandemik. Selain itu kami juga turut akan kongsi sebarang polisi atau keterangan dari agensi terutamanya KKM dalam usaha berdepan dengan wabak tu."

(FL1) "Tapi kita juga tak mengabaikan aktiviti perkongsian berkaitan dengan pembangunan filem. Masa itu di bawah unit saya kami ada buat rancangan dengan kerjasama syarikat TV kerajaan menerbitkan banyak slot-slot bual bicara yang kongsi tentang pengalaman orang-orang hebat dalam filem. Isu dia memang luas meliputi pelbagai perkaralah termasuklah tentang solusi macam mana nak tangani cabaran industri filem termasuk dalam musim wabak ni..."

Pertama, perkongsian maklumat yang berkait rapat dengan hal berkaitan Covid-19 terutamanya berkenaan maklumat yang berkaitan Pendidikan intervensi terhadap wabak serta kempen-kempen pengambilan vaksin kepada penggiat filem di Malaysia. Selain itu, maklumat yang berkait rapat dengan dunia perfileman turut diterbitkan terutamanya melalui aktiviti kelas-kelas online serta rancangan-rancangan secara langsung yang diterbitkan melalui platform *Facebook* rasmi mereka. Sesuai dengan agensi yang bertanggungjawab membangunkan industri perfileman negara maka banyak aktiviti yang berkaitan perkongsian ilmu berkaitan filem telah dikongsikan. Informan dalam bidang perfileman juga turut kongsi hasil maklumat yang diterbitkan dalam platform rasmi dalam *Facebook* peribadinya.

Perkongsian Secara Langsung dan Tidak Langsung dalam Aktiviti Khidmat Masyarakat.

Berdasarkan data informan berkaitan aktiviti khidmat masyarakat melalui platform *Facebook*, kajian mendapati bahawa informan yang terdiri dari penerbit dan memiliki syarikat sendiri dilihat lebih berminat untuk berkongsi maklumat berkaitan aktiviti tersebut. Selain dari itu informan-informan yang bekerja dengan syarikat produksi atau mana-mana agensi industri kreatif filem atau televisyen hanya aktif kongsi aktiviti khidmat masyarakat dari komuniti setempat. Ini menjelaskan bahawa dalam perkongsian aktiviti khidmat masyarakat melalui *Facebook* berlaku dalam keadaan secara langsung dan tidak langsung. Perkongsian secara langsung merujuk kepada penggiat industri kreatif yang memiliki syarikat sendiri yang secara jelas mengadakan aktiviti khidmat masyarakat. Ini berdasarkan beberapa informan yang menyatakan bahawa:

(FL3) "Aktiviti kemasyarakatan tu ada juga yang kami usahakan tapi biasanya wujud dalam bentuk kolaborasi dengan agensi kerajaan macam kita pernah adakan aktiviti bantuan edar keperluan asas pada penggiat industri..."

(FL1) "Kalau musim perayaan tu syarikat saya memang selalu buat... tapi kita buat untuk staff atau kru-kru yang banyak bekerja dengan kita. Biasanya majlis-majlis yang simple jer macam pemberian duit raya pada anak-anak kru dan juga buat jamuan makan-makan..."

(FL1) "Kita memang akan kongsi dalam fb syarikat sebab kita nak pastikan yang agensi-agensi kerajaan dan kita punya client tahu yang kita masih lagi aktif. Penting kena buat benda macam ni sebab kita tak mau orang-orang yang ada potensi dalam sumbang kepada projek kita tak tahu yang kita masih lagi aktif..."

Manakala perkongsian aktiviti khidmat masyarakat secara tidak langsung terdiri dari mereka yang bekerja di bawah syarikat atau agensi industri kreatif dan mereka juga tidak terlibat secara aktif atau secara langsung dalam aktiviti khidmat masyarakat. Namun mereka masih kongsi maklumat-maklumat berkaitan aktiviti khidmat masyarakat yang berlaku sekitar jaringan atau komuniti mereka. Ini dapat dijelaskan berdasarkan pandangan informan di bawah:

(TV2) "Biasanya kalau kami staff bawahan ni tak da lah nak kongsi event-event aktiviti kemasyarakatan ni dalam bentuk yang rasmi tapi kami biasanya akan share atau post aktiviti kami sesama kumpulan rakan-rakan jerr tak lah sampai nak cover semua event..."

(FL4) "Kalau kongsi tu kadang kita tak sempat pun sebab kita sebagai urusetia saja sekadar re post sajalah apa yang kita buat...."

RUMUSAN

Berdasarkan penemuan kajian, secara asasnya kita dapat memahami bahawa penggunaan media sosial ketika berlakunya pandemik Covid-19 adalah penting dikalangan penggiat industri perfileman dan televisyen. Penggiat industri kreatif perfileman dan televisyen dilihat amat bergantung dengan platform ini bagi pelbagai tujuan. Namun penggunaan platform media sosial seperti Facebook ini masih secara purata nya dimanfaatkan sebagai satu platform yang digunakan bagi tujuan harian dan tidak begitu jelas digunakan bagi tujuan mengadakan pemasaran bagi membantu mereka meningkatkan produktiviti kerja dalam bidang industri ini.

Berdasarkan kepada andaian pola penggunaan media sosial (*Facebook*) bagi tujuan pemasaran dilihat berlaku secara tidak langsung, dan tiada sebarang inisiatif yang lebih sistematik dikalangan penggiat industri perfileman dan televisyen untuk mengetengahkan sebarang hasil kerja yang dilakukan. Namun ianya wujud sekadar perkongsian biasa tanpa ada sebarang langkah perancangan pemasaran.

Berdasarkan data yang diperoleh juga didapati bahawa pola penggunaan Facebook ini kebanyakan berkaitan dengan mengadakan jaringan sesama komuniti industri kreatif bagi tujuan memastikan bahawa setiap dari kalangan mereka masih berpeluang untuk melangsungkan hidup dalam keadaan pergerakan terbatas ketika musim perintah kawalan pergerakan (PKP). Ini terutamanya bagi tujuan berhubung maklumat untuk mendapatkan sebarang projek, dana atau kerja yang dapat dilakukan di kawasan yang boleh diakses oleh mereka.

Bagi andaian pola penggunaan media sosial (*Facebook*) sebagai medan perkongsian maklumat berkaitan dengan aktiviti industri kreatif pula wujud dua pola perkongsian iaitu perkongsian maklumat secara formal dan tidak formal. Bagi perkongsian maklumat secara formal ianya dilihat wujud di kalangan penggiat industri yang terlibat secara langsung dengan unit atau bahagian seperti berita atau unit pembangunan perfileman. Berbanding dengan perkongsian maklumat secara tidak formal yang rata-ratanya dikongsi oleh kebanyakan

pengkarya industri kreatif yang tidak berada di bawah mana-mana agensi pemberitaan atau pembangunan industri kreatif.

Bagi perkongsian maklumat ini juga kebanyakan maklumat formal terdiri dari maklumat yang berkaitan dengan isu wabak Covid-19 serta maklumat yang berkaitan pembangunan filem seperti mengadakan siri-siri bual bicara yang mencakupi isu dalam bidang seni perfileman. Berbeza dengan perkongsian secara tidak formal rata-ratanya perkongsian maklumat hanyalah sekadar memindahkan maklumat perkongsian kepada komuniti berkaitan dengan isu pandemik serta masih lagi berkisar tentang kelangsungan hidup melalui jaringan kerjaya mereka.

Andaian yang cuba melihat sejauh mana aktiviti tanggungjawab sosial korporat juga dilihat hanya berlaku dalam keadaan tertentu. Umumnya tidak semua penggiat industri perfileman dan televisyen mengambil peluang untuk meningkatkan strategi pemasaran atau jaringan melalui aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Berdasarkan kajian didapati bahawa aktiviti yang dilakukan hanyalah terbatas di kalangan penggiat industri yang memiliki syarikat produksi sendiri berbanding penggiat industri yang hanya bekerja sebagai pekerja bawahan mana-mana agensi industri kreatif. Bagi mereka yang memiliki syarikat sendiri atau terlibat sebagai urusetia kepada aktiviti khidmat masyarakat ini jelas memahami fungsi aktiviti ini dan akan berkongsi maklumat berkenaan sebarang aktiviti tersebut. Kajian juga mendapati bahawa wujud pemahaman yang rendah terhadap konsep aktiviti Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) di kalangan penggiat industri kreatif. Kebanyakan dari mereka memahami konsep ini sekadar aktiviti kemasyarakatan dan banyak mewujudkan acara yang berkaitan dengan isu pandemik pada ketika itu.

Dengan itu melalui pola penggunaan media sosial (*Facebook*) boleh dirumuskan bahawa rata-ratanya penggiat industri kreatif perfileman dan televisyen masih lagi melihat fungsi media sosial hanya sebagai satu bentuk platform yang bertujuan untuk berkongsi maklumat dan tidak mengambil kesempatan untuk melakukan sebarang usaha dalam meningkatkan produktiviti karya kreatif melalui sebarang penerbitan aktiviti melalui perkongsian ilmu atau pemasaran secara kreatif dan inovatif. Namun jelas kebergantungan mereka terhadap platform ini di kalangan mereka sebagai jaringan maklumat bagi tujuan kelangsungan hidup ketika berlakunya wabak Covid-19 dan perintah kawalan pergerakan (PKP).

PENGHARGAAN

Setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas kepercayaan dan kelulusan dana bagi kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Peradaban dan Warisan Melayu (GPPWM) (2021-0012-106-01). Terima kasih tidak terhingga kepada semua informan kajian dan rakan penyelidik yang telah menyumbang bakti di dalam kajian ini. Akhir sekali, kepada rakan pensyarah yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung, terima kasih atas sokongan dan bantuan dalam menyiapkan kajian ini.

RUJUKAN

- Abedin, B., & Babar, A. (2017). Institutional vs. Non-institutional use of Social Media during Emergency Response: A Case of Twitter in 2014 Australian Bush Fire. *Information Systems Frontiers*, 20(4), 729–740. <https://doi.org/10.1007/s10796-017-9789-4>
- Bateman, M. (2013, July 24). A marketer's guide to customer analytics: People, processes & technology. *Marketing Manager IBM*. Retrieved from <https://event.on24.com/interface/>



- registration/autoreg/index.html?eventid=623043&sessionid=1&key=E8A792A9103A24798D5D8CB71E46B9A6&partnerref=KFPI=1&key=E8A792A9103A24798D5D8CB71E46B9A6&partnerref=KF-PI
- Campbell, S., Greenwood, M., Prior, S., Shearer, T., Walkem, K., Young, S., ... & Walker, K. (2020). Purposive Sampling: Complex or Simple? Research Case Examples. *Journal of research in Nursing, 25*(8), 652-661.
- Chambhare, R., & Anute, N. (2022). *Social Media Marketing Strategies Adopted by Fashion Brands. International Journal of Research Publication and Reviews, 3*(8), 132-138. <https://doi.org/10.55248/gengpi.2022.3.8.6>
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th ed.). London and New York, NY: Routledge Falmer.
- Creswell, J. W. (2014). *A Concise Introduction to Mixed Methods Research*. SAGE Publications.
- Curley, C. B., & Noormohamed, N. A. (2014). Social Media Marketing Effects on Corporate Social Responsibility. *Journal of Business & Economics Research (JBBER), 12*(1), 61-66. <https://doi.org/10.19030/jber.v12i1.8379>
- Dagsupta, D. (2016). Film Industry & Social Media Promotions: a Study on Three Contemporary Bengali Films. *Amity Journal of Media & Communication Studies, 6*(1), 63-74.
- Damarstuti, L. M., Djastuti, I., & Yuniawan, A. (2010). Analisis Variabel Antecedents bagi Keyakinan Diri (Self-Efficacy) yang Berpengaruh pada Motivasi Pra Pelatihan. *Jurnal Bisnis dan Ekonomi, 8*(1), 10-28.
- Duffy, B. E., & Pooley, J. D. (2017). "Facebook for Academics": The Convergence of Self-Branding and Social Media Logic on Academia.edu. *Social Media + Society, 3*(1), 2056305117696523. <https://doi.org/10.1177/2056305117696523>
- Errika, D. S. W. (2011). *Komunikasi dan Media Sosial. The Messenger, 3*(1), 69-75.
- Fusch, P. I., & Ness, L. R. (2015). Are We There Yet? Data Saturation in Qualitative Research. *The Qualitative Report, 20*(9), Article 1, 1408-1416.
- Harley Azzize. (2018). *Penggunaan Facebook dan Jalinan Hubungan dengan Pembentukan Identiti*. (Master Thesis, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah) retrieved from <https://www.researchgate.net/>
- Hou, C. E., Lu, W. M., & Hung, S. W. (2019). Does CSR Matter? Influence of Corporate Social Responsibility on Corporate Performance in the Creative Industry. *Annals of Operations Research, 278*, 255-279. <https://doi.org/10.1007/s10479-017-2626-9>
- Järvekülg, M., & Wikström, P. (2021). The Emergence of Promotional Gatekeeping and Converged Local Music Professionals on Social Media. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies, 28*(5), 1358-1375. <https://doi.org/10.1177/13548565211032376>
- Jensen, K. B. (2015). *What's Social About Social Media? Social Media + Society, 1-2*. DOI: 10.1177/2056305115578874
- Kaplan, A. M. (2015). *Social Media, the Digital Revolution, and the Business of Media. International Journal on Media Management, 17*(4), 197-199. DOI: <https://doi.org/10.1080/14241277.2015.1120014>
- Kara, I. (2020). *Security Risks and Safeguard Measures in Social Media Usage. Avrupa Bilim ve Teknoloji Dergisi, 10-15*. Presented at the International Symposium on Multidisciplinary Studies and Innovative Technologies (ISMSIT) 2020, 22-24 October 2020. DOI: 10.31590/ejosat.818375
- Kietzmann, J. H., Hermkens, K., McCarthy I. P., & Silvestre, B. S. (2011). Social Media? Get Serious! Understanding the Functional Building Blocks of Social Media. *Business Horizon, 54*(1), 241-251.
- Lepouras, G., Lykourentzou, I., & Liapis, A. (2020). Introduction to the Special Issue on "Culture Games." *Journal on Computing and Cultural Heritage, 13*(4), 1-3. <https://doi.org/10.1145/3429085>



- Magwood, O., Riddle, A., Petkovic, J., Lytvyn, L., Khabsa, J., Atwere, P., ... & Tugwell, P. (2022). PROTOCOL: Barriers and Facilitators to Stakeholder Engagement in Health Guideline Development: a Qualitative Evidence Synthesis. *Campbell Systematic Reviews*, 18(2), e1237.
- Mawa, T. T., Hossain, T., Rahman, M. T., Khan, R. T., & Shuva, T. F. (2021). *Facebook Marketing and Its Influence on Consumer Purchase Behaviour in the Context of Bangladesh*. *European Journal of Business and Management*, 13(21), ISSN 2222-1905 (Paper), ISSN 2222-2839 (Online).
- Miller, D., Costa, E., Haynes, N., McDonald, T., Nicolescu, R., Sinanan, J., Spyer, J., Venkatraman, S., & Wang, X. (2016). *How the World Change Social Media*. Volume 1. UCL Press.
- Mohd Yuszaidy, M. Y., & Muammar Ghaddaffi, H. (2015). Impak Media Baharu terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 33-46.
- Noraihan Mohamad & Mohd Sobhi. (2015). Penerimaan Media Sosial dalam Pemasaran Penginapan Bajet di Malaysia. *International Conference on Culture, Communication, and Multimedia*, 14, 1-5.
- Nurhamizah Hashim & Asbah Razali. (2019). Teknologi dan Media Sosial dalam Komunikasi Ibumbapa dan Anak-anak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 337-352.
- Pavliček, A., & Doucek, P. (2015). Corporate Social Responsibility In Social Media Environment. In *Information and Communication Technology: Third IFIP TC 5/8 International Conference, ICT-EurAsia 2015, and 9th IFIP WG 8.9 Working Conference, CONFENIS 2015*, Held as Part of WCC 2015, Daejeon, Korea, October 4-7, 2015, Proceedings 3 (pp. 323-332). Springer International Publishing. <https://doi.org/10.1007/978-3-319-33332>
- Sanjeev, D., & Ramaprasad, J. (2014). Social Media, Traditional Media and Music Sales. *MIS Quarterly*, 38(1), 101-122.
- Shamsul Arrieya Ariffin. (2020). Manfaat PENJANA Kembali Giatkan Industri Seni Kreatif. *Berita Harian*. Retrieved from bharian.com.my/rencana
- Sultan, K., Ambusidi, K., & Waheed, Z. (2017). Social Media Technologies and Their Impact on Filmmaking for Students of Digital Media Specialization in College of Applied Sciences NIZWA. *Gomal University Journal of Research*, 1(1), 8-17.
- Tejada, K. (2015). *Social Media Marketing in The Film Industry*. San Luis Obispo, California. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication>
- Toriumi, F., Yamamoto, H., & Okada, I. (2019). A Belief in Rewards Accelerates Cooperation on Consumer-generated Media. *Journal of Computational Social Science*, 3(1), 19-31. <https://doi.org/10.1007/s42001-019-00049-5>
- Vitkauskaitė, I. (2017). Strategic Management of Independent Film Production Companies. *Chinese Business Review*, 16(6), 259-277. doi: 10.17265/1537-1506/2017.06.001
- Vranešević, T., Perić, N., & Marušić, T. (2019). Perception of social media as a source of relevant information. *Zagreb International Review of Economics & Business*, 22(1), 133-144.
- Wilson, A. and Onwuegbuzie, A. (2016) Using Paired Depth Interviews to Collect Qualitative Data. *The Qualitative Report*, 21, 1549-1573.

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Afeez Nawfal Mohd Isa, Dr

Doktor Falsafah

Pensyarah Kanan

Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan

afeez@fskik.upsi.edu.my



Muhammad Abdul Malik Saedon, Dr

Doktor Falsafah
Pensyarah Kanan
Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak Darul Ridzuan
abdulmalik@fskik.upsi.edu.my

Azlinda Boheran Nudin, Dr


Doktor Falsafah
Pensyarah Kanan
Jabatan Sains Sosial dan Hospitaliti (Komunikasi)
Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman
Cawangan Perak, 31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan
azlinda@tarc.edu.my

Ammalina Dalillah Mohd Isa

Pensyarah
Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia
ammalina@ukm.edu.my

Mohamad Yusob Ismail

Pensyarah
Jabatan Sains Sosial dan Hospitaliti (Komunikasi)
Universiti Pengurusan dan Teknologi Tunku Abdul Rahman
Cawangan Perak, 31900 Kampar, Perak Darul Ridzuan
mohamadyusob@tarc.edu.my



CONTENT VALIDITY: WORKABILITY SKILLS CRITERIA AMONG TECHNICAL FIELD STUDENT IN MALAYSIA

Siti Jariah Sahar^{1a} & Irdayanti Mat Nashir^{2a}

Faculty of Technical dan Vocational Education, Sultan Idris Education University^a
sitijariahshahar@gmail.co^{1a} & irdayanti@ftv.upsi.edu.my^{2a}

ABSTRACT

This research intended to explain the process of determining content validity of workability skills Criteria in Community College among student in Technical and Vocational Education and Training (TVET) system. The design of the study is to obtain the content validity of workability skills criteria in Community College from five (5) appointed experts through purposive sampling technique. The appointed experts consist of three (3) professional experts in academic fields at the technical institution and two (2) people from industry. Content validity involving 20 constructs of workability skills criteria. The finding shows 19 constructs of workability skills criteria agreed by appointed expert panel. Further study suggested using advanced statistical analysis for more detail constructs with more quality items.

Keywords: Content Validity, Workability Skills, Technical

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menerangkan proses menentukan kesahan kandungan kriteria kemahiran kebolehkerjaan di kalangan pelajar Kolej Komuniti dalam sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional (PTV). Reka bentuk kajian adalah mendapatkan kesahan kandungan bagi kriteria kemahiran kebolehkerjaan di kalangan pelajar Kolej Komuniti daripada lima (5) orang pakar yang dilantik melalui teknik persampelan bertujuan. Pakar yang dilantik terdiri daripada tiga (3) orang pakar profesional dalam bidang akademik di Institusi teknikal dan dua (2) orang daripada pakar industri. Kesahan kandungan melibatkan 20 konstruk kriteria kemahiran kebolehkerjaan. Dapatan kajian menunjukkan 19 konstruk kriteria kemahiran kebolehkerjaan yang telah dipersetujui pakar. Kajian lanjutan dicadangkan menggunakan analisis statistik lanjutan yang lebih mendalam untuk memperincikan konstruk-konstruk dengan item yang lebih bermutu.

Kata Kunci: Kesahan Kandungan, Kemahiran Kebolehkerjaan, Teknikal

INTRODUCTION

Validity according to Pallant (2013), is how accurate the instrument is in determine the characteristics of the research being studied. In other words, validity can also determine the accuracy of a research instrument used. According to Doris McGartland Rubio (2005), content validity can be characterized as face validity face or logical validity. Face validity shows that the measure appears to be valid in the study while logical validity goes through a more rigorous process such as using the panel experts to assess the content validity of a measure in the study. However, there is no difference between the types of content validity but the researcher needs to present in a way to assess the validity of content in the study (Nunally and Bernstein, 1994).

Therefore, content validity is actually something subjective and the use of an appointed panel of experts can provide valuable information to researcher to check the accuracy and confirm a construct or criterion in the study (Doris McGartland Rubio, 2005). It is in line by Christensen (2012), stated that content validity through expert evaluation can assess the measurement of the construct, test the content and verify whether the content of the construct can represent a construct. This study aims to measure the content validity for workability skills criteria among Technical Field students in Malaysia.

In the context of development of higher education and career in the 21st century is based on knowledge, skills and abilities graduate in order to meet the industrial needs (Mahmud et al., 2016). Industry perception and job market influenced by factors of economic, social and competition in industry as well as industry revolution 4.0 (Rodzalan & Saat, 2012) . Skill sets required by employers in industry against graduate change parallel according Industry 4.0. However, some skills had no change but improved for complementing the era of Industry 4.0 (Azmi et al., 2018) .

Malaysia is moving towards a developed and high-income country requiring more highly skilled workers in various field to be able to compete in the industrial market in the era of the Industrial Revolution 4.0. This makes it the biggest challenge for TVET institution to produce highly skilled graduates while reducing the country's unemployment rate in line with the country's goal of becoming a developed and high-income country.

Graduates produced from Technical and Vocational Education and Training (TVET) institutions should have a higher marketability value to compete and gain a place in the industry in Malaysia. A study by Ali et al. (2018) states that, the biggest challenge is providing human capital that can place itself in the industrial market and meet the needs and satisfaction of industrial employers. John Antony Xavier (2020) states that, the education model must always be relevant to the industrial market in producing graduates who are competitive in the job market. For this reason, skilled graduates are very important for being placed in the job market in this country (Noraini Ahmad, 2020).

WORKABILITY SKILLS CRITERIA

Graduates who are in demand by employers are graduates who have a set of skills other than their job field that are in demand in the industry in the era of Industrial Revolution 4.0. There is a high demand for technical skills, critical skills and problem-solving skills as well as communication skills among graduates in the era of Industry 4.0.

Now it's the time for the curriculum in the education system to be in line with the demands of the industry in the job market. Human resource training need to focus on learning that can form critical thinking skills problem solving, communication, collaboration, creativity and emotional intelligence (Makhbul, 2020). Emotional intelligence is the complementary element that will balance the needs of human resources in organizations in the era of Industry 4.0 (Makhbul, 2020). Emotional intelligence also enhances students' social skills, enabling them to communicate effectively, resolve conflicts and build stronger relationships thus success in career and personal goals (Segal et al., 2023). These skills contribute to successful collaboration in academic and future careers of students.

Entrepreneurial skills are defined as competency of creating value and competency of enabling contingency, the ability to create good customer relationships, competency to master technology and competency to develop products or services (UNESCO, 2022). A study by

UNESCO in UNESCO Strategy for TVET 2022-20229 stated that skills and entrepreneurial mindset need to be integrated in order to develop of sets of skills needed in TVET system. Thus, entrepreneurial skills are crucial for students in technical fields nowadays to develop a proactive mindset, enhance their problem-solving abilities and prepare them for future success in a rapidly changing world.

Every employee needs to be more sophisticated or have futuristic skills such as digital literacy and computational thinking in using interesting tools and be able to gain trust in an organization (Davies et al., 2011). Entrepreneurial skills and digital skills also help students in placing them self in the industry (John Antony Xavier, 2020). Future skills requirement is the impact from Industry 4.0 and becoming a challenge in today's industrial environment. The employers are eager for graduates who have workability skill sets that exceed their expectations in the era of Industrial Revolution 4.0. Thus, the main focus of this study is to ensure the validity of the content of workability skills criteria in TVET system meet the validity of the content because the research instrument is an important entity and it valid before the questionnaire is distribute to the respondents of the study.

RESEARCH METHODOLOGY

Research design according to Bryman (2008), is the framework used by a study to collect and analyses data. The research design used in this study is to obtain the validity of a checklist to identify workability skills criteria in the technical field for TVET system students. The approach used is a quantitative approach to identify workability skills criteria in the technical field for TVET system students. In the context of this study, the constructs of workability skills criteria obtained from previous studies. Next, a checklist is developed for the content validation process.

The sampling of experts in this study is using a purposive sampling technique. This technique is used when the researcher needs someone to provide knowledge in a certain form of expertise, especially in the technical field to students in TVET system. In the context of this study, the researcher refers to the selection of experts from previous studies that used an expert panel of five expert panels (Hasima et al., 2017; Atika et al., 2022). It is also in line with the view of Gable and Wolf (1993) who suggested five experts who have knowledge about the subject being studied. The expert panel's criteria are based on academic qualifications , having more than ten years' experience in a particular field, still serving and obtain the expert's own consent to be involved in the study (Mohd Matore et al., 2017). The expert panel needs to review the items that are constructed and adapted in the study in line with the objective of the study.

A checklist regarding workability skills criteria in the technical field for the student of the TVET system was obtained from a literature review. The checklist was distributed to five experts consisting of three (3) experts in technical and vocational fields at Community College while two (2) experts from the local industry in Malaysia. Table 1 is a profile of experts appointed by the researcher to assess content validity in this study.

Table 1: Profile of Experts

Description	Expert 1 (E1)	Expert 2 (E2)	Expert 3 (E3)	Expert 4 (E4)	Expert 5 (E5)
Position	Senior Lecturer	Senior Lecturer	Senior Lecturer	Manager Department of Human Resource	Manager

Institution/ Company	Bagan Serai Community College	Sik Community College	Selandar Community College	Boon Siew Honda (M) Sdn. Bhd.	Pak Tam Katering Sdn. Bhd.
Expertise	Entrepreneurship	Culinary	Architecture Landscape	Management & Human Resource	Food & Beverage
Experience	18 years old	17 years old	12 years	11 years	20 years

The evaluation scale for the validity of this content is five (5) scales that is from scale 1 (Strongly Disagree), scale 2 (Disagree), scale 3 (Not Sure), scale 4 (Agree) to scale 5 (Strongly Agree). The content validity achievement score can be determined by the number of expert scores (x) divided by the total maximum scores (y) and multiplied by one hundred (100). The formula for calculating the total item score is as follows;

$$\text{Content Validity Achievement} = \frac{\text{Number of expert scores (x)} \times 100}{\text{Total maximum score (y)}}$$

Sidek and Jamaludin (2019) stated that if the total score is 70 percent (70%) and above, the items in the instrument have high content validity and considered to achieve a high level of achievement.




Figure 1: Implementation Procedures for Content Validity of Workability Skills Criteria in Technical Fields for Student in TVET System.

RESULTS

The findings of the study consist of the content validity of workability skills criteria in the technical field for students in Technical and Vocational Education and Training (TVET) system. The checklist regarding workability skills criteria in the technical field for TVET system students obtained from the literature review has gone through the validation process by appointed experts. The checklist was distributed to five experts consisting of three (3) experts in technical fields while two (2) experts from industry. Table 2 shows the analysis of workability skills criteria through checklist review by experts.

Table 2: Analysis of Workability Skills Criteria

No	Workability Skills Criteria	Expert 1	Expert 2	Expert 3	Expert 4	Expert 5
1	Motor skills	SA	SA	SA	SA	SA
2	Investigative Skills	D	D	D	SA	SD

3	Artistic Skills	SA	A	SA	A	A
4	Conventional Skills	D	A	SA	SA	Q
5	Entrepreneurial Skills	SA	A	SA	A	SA
6	Social Intelligence Skills	SA	A	SA	A	SA
7	Cross-Cultural Competency Skills	SA	A	D	SA	SA
8	Virtual Collaboration Skills	SA	A	D	SA	SA
9	Transdisciplinary Knowledge	SA	D	A	SA	D
10	Team Work Skills	SA	SA	SA	SA	SA
11	Fluency of Ideas	SA	D	D	A	SA
12	Practical Skills	SA	SA	SA	SA	SA
13	Creative and Innovative Mindset	SA	SA	SA	SA	SA
14	Emotional Intelligence	SA	SA	SA	SA	SA
15	Judgement and Decision-Making	SA	D	SA	SA	SA
16	Digital Literacy and Computational Thinking	SA	SA	SA	SA	SA
17	Cognitive Flexibility	SA	SA	SA	SA	SA
18	Critical Thinking	SA	SA	SA	SA	SA
19	Problem Solving	SA	D	SA	SA	SA
20	Adaptability Skills	SA	SA	SA	SA	SA

*SA: Strongly Agree A: Agree NS: Not Sure D: Disagree SD: Strongly Disagree

Table 3 shows the score and expert opinion for workability skills criteria.

Table 3: Scores and Expert Opinion for Workability Skills Criteria

No	Workability Skills Criteria	Expert Score (%)	Expert Opinion
1	Motor skills	100%	Accepted
2	Investigative Skills	48%	Not accepted
3	Artistic Skills	88%	Accepted
4	Conventional Skills	88%	Accepted
5	Entrepreneurial Skills	92%	Accepted
6	Social Intelligence Skills	92%	Accepted
7	Cross-Cultural Competency Skills	84%	Accepted
8	Virtual Collaboration Skills	84%	Accepted
9	Transdisciplinary Knowledge	72%	Accepted
10	Team Work Skills	100%	Accepted
11	Fluency of Ideas	72%	Accepted
12	Practical Skills	100%	Accepted
13	Creative and Innovative Mindset	100%	Accepted
14	Emotional Intelligence	100%	Accepted
15	Judgement and Decision-Making	88%	Accepted
16	Digital Literacy and Computational Thinking	100%	Accepted
17	Cognitive Flexibility	100%	Accepted
18	Critical Thinking	100%	Accepted
19	Problem Solving	88%	Accepted
20	Adapting Skills	100%	Accepted

The following are the workability skills criteria that have been agreed as a result from the validation process.

No	Workability Skills Criteria
1	Motor skills
2	Artistic Skills
3	Conventional Skills
4	Entrepreneurial Skills
5	Social Intelligence

6	Cross-Cultural Competency Skills
7	Virtual Collaboration Skills
8	Transdisciplinary Knowledge
9	Team Work Skills
10	Fluency of Ideas
11	Practical Skills
12	Creative and Innovative Mindset
13	Emotional Intelligence
14	Judgement and Decision-Making
15	Digital Literacy and Computational Thinking
16	Cognitive Flexibility
17	Critical Thinking
18	Problem Solving
19	Adapting Skills

However so be found workability skills criteria that is not approved by experts. Workability skills criteria the said are:

1. Investigative Skills (Expert 1, Expert 2 and Expert 3 Disagree, Expert 4 Strongly Agree while Expert 5 Strongly Disagree)

CONCLUSION

Basically overall, there is one (1) criteria which is investigative skills that has the lowest validity score which is 48%. The researcher found the highest content validity with score of 100% for 9 criteria of workability skills while the second highest score was 92% for the workability skills criteria of entrepreneurial and social skills. Findings of content validity of workability skills criteria that have expert agreement above 70% are high and accepted. This means that the research instrument has an acceptable validity value.

Thus, it can be concluded here that content validity is very important before conducting a study (Hasima et al., 2017) so as to provide a high quality measurement in a study (Polit DF, 2006). This article describes the implementation procedure of conducting a content validity for criteria of workability skills as an important step before questionnaire is developed. Appointed experts will provide an opinion to determine whether a certain criterion is accepted or not. Appointed expert panel confirmed the criteria of workability skills that will be used in the questionnaire that will be developed after this content validity process. This article is expected to be used as a reference for other researchers to determine the validity of content in social science research like this.

ACKNOWLEDGEMENTS

The authors would like to express their gratitude to the panel of experts for their time and effort in answering the checklist and conduct the content validity sincerely. The authors also appreciate the kindness of the Editor and Reviewers for the time and effort to provide insightful comments and valuable recommendations for improving our work.

REFERENCES

- Ali, E., Rus, R. C., Haron, M. A., & Hussain, M. A. M. (2018). Employability of Technical and Vocational Education Graduates: An Analysis. *Sains Humanika*, 10(3), 9–15. www.sainshumanika.utm.my
- Atika, N., Jalil, A., & Moi, S. N. (2022). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Pembelajaran Abad Ke- 21 Guru Matematik Sekolah Menengah menggunakan Model Pengukuran Rasch*



- (Validity and Reliability of 21st Century Learning Instruments for Secondary School Mathematics Teachers using the Rasch Measurement Model). 7(3).
- Azmi, A. N., Kamin, Y., Noordin, M. K., & Ahmad, A. N. (2018). Towards industrial revolution 4.0: Employers' expectations on fresh engineering graduates. *International Journal of Engineering and Technology(UAE)*, 7(4), 267–272. <https://doi.org/10.14419/ijet.v7i4.28.22593>
- Bryman, A. (2008). *Social Research Methods* (3rd Edition). Oxford University Press.
- Christensen, R. B. J. and L. (2012). *Educational Research Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (4th Editio).
- Davies, A., Fidler, D., & Gorbis, M. (2011). Future Work Skills 2020. *University of Phoenix Research Institute*, 19. http://cdn.theatlantic.com/static/front/docs/sponsored/phoenix/future_work_skills_2020.pdf
- Doris McGartland Rubio. (2005). *Encyclopedia os Social Measurement*.
- Gable, R. K., Wolf, M. B. (1993). *Instrument Development in the Effective Domain*. (2nd Ed). Kluwer Academic Publisher.
- Hasima, S., Daud, S., Pendidikan, U., & Idris, S. (2017). *Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Penyelidikan Berkesan*. 50–61.
- John Antony Xavier. (2020). Higher Education Should be Relevant to The Real World. *New Straits Times*.
- Mahmud, Mohd Izwan, Sidek Mohd Noah, Jamaludin Ahmad, W. M. W. A. (2016). Modul Kesediaan Kerjaya Berdasarkan Teori Cognitive Information Processing (CIP). *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 4(3), 59–75. [http://juku.um.edu.my/filebank/published_article/10098/\(59-76\) Modul Kesediaan Kerjaya .pdf](http://juku.um.edu.my/filebank/published_article/10098/(59-76) Modul Kesediaan Kerjaya .pdf)
- Makhbul, Z. K. M. (2020, December 5). Retraining Workers in The Age of Automation. *New Straits Times*.
- Mohd Matore, M. E. E., Idris, H., Abdul Rahman, N., & Khairani, A. Z. (2017). Kesahan Kandungan Pakar Instrumen IKBAR bagi Pengukuran AQ Menggunakan Nisbah Kesahan Kandungan. *Proseeding of International Conference on Global Education V (ICGE V)*, April, 979–997.
- Noraini Ahmad. (2020). Revitalising Graduates via Reskilling and Upskilling. *New Straits Times*.
- Pallant, J. (2013). *SPSS Survival Manual: A Step by Step Guide to Data Analysis using IBM SPSS* (5th Editio). Mc Graw Hill.
- Polit DF, B. C. (2006). The Content Validity Index: are You Sure You Know What's being Reported? Critique and Recommendations. *Res Nurs Health*. 2006 Oct;29(5):489-97. Doi: 10.1002/Nur.20147. PMID: 16977646.
- Rodzalan, S. A., & Saat, M. M. (2012). *The Effects of Industrial Training on Students' Generic Skills Development*. 56(Ictthe), 357–368. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2012.09.664>
- Segal, B. J., Ph, D., Smith, M., & Robinson, L. (n.d.). *Improving Emotional Intelligence (EQ). Transforming Technical and Vocational Education and Training for successful and just transitions UNESCO strategy 2022-2029*. (2022).

KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Siti Jariah Sahar

Pelajar Sarjana Sains (Pendidikan Teknikal & Vokasional)
Fakulti Teknikal & Vokasional,
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia
sitijariahsahar@gmail.com



Irdayanti Mat Nashir

Doktor Falsafah

Fakulti Teknikal & Vokasional,

Universiti Pendidikan Sultan Idris

35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia

irdayanti@ftv.upsi.edu.my



HUBUNGAN KETAGIHAN MEDIA SOSIAL TERHADAP TINGKAH LAKU ANTISOSIAL DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH RENDAH SELEPAS PANDEMIK COVID-19

Sim Yong Jing^{1a} & Shahlan Surat^{2a}

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia^a
p117732@siswa.ukm.edu.my^{1a} & drshahlan@ukm.edu.my^{2a}

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap ketagihan media sosial dengan tingkah laku antisosial dalam kalangan murid sekolah rendah selepas pandemik COVID-19. Kajian juga meninjau dan meneliti jenis-jenis media sosial yang dominan, tahap penggunaan media sosial serta isu tingkah laku agresif dan buli siber yang berlaku dalam kalangan pelajar. Kajian tinjauan sistematik telah dijalankan untuk mengkaji hubungan tahap ketagihan media sosial dengan tingkah laku antisosial impak semasa pandemik COVID-19. Carta alir PRISMA digunakan bagi mengukuhkan pencarian artikel, saringan kriteria kemasukan serta penilaian kualiti dalam kajian ini. 15 artikel telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti masalah ketagihan penggunaan media sosial yang dihadapi dan kesan ketagihan terhadap tingkah laku agresif dan buli siber dalam kalangan pelajar selepas pandemik. Dapatan kajian menunjukkan pandemik COVID-19 membawa impak kepada masalah ketagihan penggunaan media sosial yang mempengaruhi tingkah laku berunsur agresif dan buli siber. Analisis dapatan menunjukkan tahap ketagihan penggunaan media sosial berada dalam tahap kritikal dalam kalangan pelajar. Kajian-kajian yang dijalankan selepas penularan wabak COVID-19 telah menunjukkan isu ketagihan media sosial ini menyumbang kepada tingkah laku agresif dan buli siber berlaku dalam kalangan pelajar. Kajian lebih memfokuskan kepada masalah ketagihan media sosial dan masalah buli siber dalam kalangan pelajar sekolah menengah dan universiti, sedangkan sasaran yang hendak dikaji adalah murid sekolah rendah. Kajian membuktikan kepentingan mengawal tahap penggunaan media sosial untuk menjamin kesihatan psikologi, kerohanian dan tingkah laku kanak-kanak. Semua pihak berkenaan seperti ibubapa, sekolah, guru dan kerajaan perlu bersatu padu dalam memantau dan menghadkan pengaruh ketagihan media sosial kepada kanak-kanak untuk mengelakkan kesan negatif terhadap tingkah laku kanak-kanak pada masa akan datang.

Kata Kunci: Ketagihan, Media Sosial, Agresif, Antisosial, Buli Siber, COVID-19

ABSTRACT

This study aims to identify the relationship between the level of social media addiction and antisocial behavior among primary school students after the COVID-19 pandemic. The study also examines and investigates the dominant types of social media, the level of social media usage, and issues related to aggressive behavior and cyberbullying among students. A systematic review was conducted to assess the relationship between the level of social media addiction and antisocial behavior during the impact of the COVID-19 pandemic. The PRISMA flowchart was used to strengthen the article search, inclusion criteria screening, and quality assessment in this study. 15 articles were selected and used in this study to identify the issues of social media addiction faced by users and the effects of addiction on aggressive behavior and cyberbullying among students after the pandemic. The findings of the study show that the COVID-19 pandemic has an impact on the problem of social media addiction, which affects behavior with aggressive and cyberbullying

elements. The analysis of the findings shows that the level of social media addiction is critical among students. Studies conducted after the spread of the COVID-19 pandemic have demonstrated that this issue of social media addiction contributes to aggressive behavior and cyberbullying among students. The research primarily focuses on the issues of social media addiction and cyberbullying among middle and high school students and university students, while the target to be studied is primary school students. The selected studies mainly focused on the problem of social media addiction and cyberbullying among secondary and university students, while the target group to be studied was primary school students. This study has directly demonstrated the importance of controlling social media usage to ensure the psychological, spiritual, and behavioral well-being of children. All relevant parties, such as parents, schools, teachers, and the government, need to collaborate in monitoring and limiting the influence of social media addiction on children to prevent negative effects on children's behavior in the future.

Keywords: *Addiction, Social Media, Aggressive, Antisocial, Cyberbully, COVID-19*

PENGENALAN

Seiring dengan revolusi industri keempat (4.0) yang juga dikenali sebagai revolusi digital menawarkan tawaran yang menarik kepada dunia pendidikan dalam kebolehcapaian kepelbagaian dan perkongsian maklumat dengan cepat pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja melalui media sosial. Tidak dapat dinafikan bahawa media sosial menjadi platform yang penting dalam pendidikan, khususnya semasa virus COVID-19 yang menular di seluruh dunia. Apabila situasi ini melanda di negara kita, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan kerjasama Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengambil inisiatif untuk menutupkan semua kemudahan pendidikan bagi memutuskan rangkaian COVID-19 terus menular (Subri et al., 2021). Bagi memastikan pembelajaran murid tidak terjejas sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini, pendidik telah diarahkan untuk menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPr). Dalam tempoh masa tersebut, para pendidik di Malaysia telah menjalankan pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara atas talian tanpa bersemuka. Hal ini sejajar dengan pernyataan oleh Windhiyana (2020) yang menyatakan bahawa pembelajaran dalam talian merupakan platform pembelajaran berbentuk maya dalam mewujudkan satu komunikasi antara pendidik dan murid.

Dalam usaha untuk memastikan semua murid dapat mengikuti pembelajaran semasa Pdpr, peranti-peranti teknologi mudah alih seperti komputer riba, telefon pintar, tablet dan lain-lain peranti merupakan suatu keperluan bagi semua murid untuk menjalankan pembelajaran dalam talian. Para murid bebas menggunakan peranti-peranti tersebut bagi tujuan mengikuti sesi pembelajaran dengan melayari media sosial tertentu. Antara contoh platform atau media sosial yang digunakan dalam sesi Pdpr ialah *Google Meet*, *Google Classroom*, *Google Form* dan lain-lain media lagi. Misalnya, platform *Google Meet* mempunyai pelbagai fungsi yang boleh melancarkan proses Pdpr seperti memudahkan guru memaparkan bahan pembelajaran kepada murid serta kelas yang aktif dapat diwujudkan dengan adanya banyak interaksi dan perbincangan antara murid dengan guru.

Sebenarnya, media sosial memberikan manfaat sekiranya pengguna mematuhi peraturan dan etika semasa menggunakan media sosial seperti memperluas hubungan sosial, memperoleh pengetahuan dan mengetahui perkembangan isu semasa melalui alam maya (Azmi et al., 2019). Dalam kajian Dina dan Siti (2019) telah menunjukkan bahawa pelajar menggunakan media sosial dalam aktiviti bersoal jawab dan berbincang dengan guru atau rakan dan hal ini mendatangkan kesan positif kepada pencapaian keputusan akademik pelajar.

Namun begitu, banyak pengguna internet terutamanya golongan muda sering menyalahgunakan penggunaan media sosial. Hal ini kerana apabila PKP dilaksanakan sejak Mac 2020, kanak-kanak meluangkan masa lapang di dalam rumah sahaja dan cenderung meneroka dunia internet seperti melayari Facebook (50.7%) dan Instagram (17.8%), menonton video (45.3%), permainan dalam talian (17.1%) serta Youtube (15.1%) untuk mencari keseronokan dan hiburan (Firdaus & Dewi, 2021). Antara kesan negatif terhadap penggunaan media sosial dalam kalangan murid apabila mereka cenderung untuk melayari kandungan yang bersifat negatif dan perkara ini sukar untuk ditangani (Muhammad & Hadi, 2020). Kecenderungan ini telah menyebabkan berlakunya ketagihan internet dan telah mendatangkan impak negatif kepada kanak-kanak seperti buli siber, *sexting*, pornografi, kesihatan fizikal dan mental (Kalaisilven & Mohamad, 2019). Hal ini secara tidak langsung mempengaruhi kehidupan pengguna internet. Isu ini merupakan cabaran yang perlu ditangani dengan segera supaya impak negatif daripada ketagihan media sosial tidak akan menjadi lebih serius kepada golongan muda.

SOROTAN LITERATUR

Ketagihan Media Sosial

Media sosial seolah-olah menjadi suatu gejala ketagihan kepada masyarakat Malaysia. Hal ini dibuktikan oleh Sualman (2019) yang menyatakan bahawa, penduduk Malaysia dikenali sebagai kumpulan yang berada pada tahap ketagihan media sosial yang agak kritikal. Hal ini menjadi isu yang serius apabila kanak-kanak juga masuk dalam kategori pengguna yang ketagih dalam media sosial. Keadaan ini bertitik tolak daripada fenomena golongan anak kecil ini mempunyai telefon pintar sejak sekolah rendah lagi (Sualman, 2019). Menurut Jaafar dan Md Sham (2022), generasi kini meluangkan masa hampir 24 jam melakukan pelbagai aktiviti di aplikasi media sosial dengan gajet telefon pintar, seperti melayari *Facebook, Twitter, YouTube, Instagram, WhatsApp, TikTok* dan sebagainya. Keinginan pengguna untuk mengambil tahu terhadap sesuatu perkara atau yang inginkan kepuasan telah menjadikan media sosial sebagai platform bagi memenuhi kehendak mereka lalu mencetuskan ketagihan (Azmi et al., 2019). Ketagihan ini turut melibatkan ketagihan melihat pada skrin dari aspek psikologi yang dikenali sebagai seseorang yang tidak mampu mengawal sikap kebergantungan terhadap alat gajet, aplikasi atau media sosial (Remond & Romo, 2018).

Ketagihan media sosial adalah sub-bahagian daripada ketagihan internet di mana seseorang individu mempunyai keinginan yang tidak terkawal untuk menggunakan media sosial (Hou et al., 2019). Menurut Din dan Isam (2019), individu yang ketagihan dalam media sosial mudah mengalami ciri-ciri seperti cenderung dengan kemudahan pencarian maklumat di internet, meluangkan masa yang berlebihan di internet, tahap penggunaan internet semakin meningkat, mengejar keseronokan di alam maya daripada berinteraksi dengan orang lain di dunia sebenar serta sentiasa menanggukahkan urusan kerja harian tidak kira di tempat kerja mahupun di rumah. Menurut Sukri dan Hairudin (2018), terdapat segelintir sikap pengguna menyebarkan sesebuah perkara atau berita yang diterima kepada pengguna lain melalui aplikasi media sosial adalah disebabkan keinginan mereka untuk diterima oleh pengguna-pengguna lain.

Budaya ini turut memberikan kesan kepada sesetengah pengguna sehingga penggunaan media sosial menjadi tidak terkawal. Tambahan pula, individu yang memiliki ciri-ciri ketagihan media sosial atau kepuasan dalam melayari internet adalah mereka yang sangat sensitif dengan setiap mesej yang diterima, perasaan bimbang sekiranya tidak dapat melayari media sosial dan masa berinteraksi dengan keluarga menjadi kurang kerana sibuk dengan aktiviti dalam alam maya serta asyik mengejar populariti yang akhirnya menyebabkan individu lalai menjalankan amanah mereka terhadap diri sendiri, keluarga dan agama (Ayub et al., 2019).

Apabila individu menggunakan masa yang berlebihan untuk melayari internet, mereka akan berasa kurang keyakinan diri dan cenderung membandingkan kehidupan mereka dengan kehidupan rakan di media sosial. Pernyataan tersebut disokong Akhtar (2020) di mana ia memberi kesan penurunan harga diri berpunca daripada perbandingan diri dengan orang lain. Menurut Ayeni (2019), salah satu daripada tanda bahawa kebergantungan media sosial telah mencapai tahap berbahaya dalam kehidupan ialah wujudnya perasaan cemburu.

Sekiranya individu mengakses media sosial secara berlebihan dan menimbulkan perasaan cemburu, maka ketagihan telah mencapai tahap yang serius. Hal ini akan menyebabkan ketagihan berlaku sehingga pelajaran tercicir dan rutin harian mereka terjejas serta kemerosotan gaya hidup sihat sekiranya media sosial digunakan secara berlebihan tanpa kawalan. Daripada dapatan kajian Malak et al., (2021), dapat dibuktikan bahawa ketagihan penggunaan media sosial mendatangkan kesan tidak langsung kepada prestasi akademik, tahap tekanan dan kebimbangan individu.

Tingkah Laku Anti Sosial

Tingkah laku antisosial merupakan corak tingkah laku yang melanggar norma sosial dan hak orang lain. Individu yang mempunyai tingkah laku antisosial cenderung untuk terlibat dalam tindakan pencerobohan fizikal, keganasan, penipuan, manipulasi, pelanggaran undang-undang atau tingkah laku lain yang memudaratkan orang lain atau masyarakat secara amnya. Mereka mungkin mengabaikan norma sosial, tidak mempunyai rasa bersalah atau menyesal atas tindakan mereka, dan sering mengabaikan akibat sosial atau undang-undang tindakan mereka. Menurut Hidayah dan Daulay (2023), individu yang bertingkah laku antisosial adalah individu yang asalnya mampu untuk mengadaptasikan diri atau menyesuaikan diri dengan tuntutan-tuntutan yang ditetapkan dalam masyarakat, namun individu tersebut tidak mengikuti tuntutan tersebut dan sebaliknya memilih untuk melawan atau menentang persekitarannya. Individu yang bertindak sedemikian biasanya menunjukkan sikap atau kata-kata yang bertentangan dengan norma sosial.

Walaupun media sosial dapat menjalinkan hubungan sosial yang bermanfaat untuk orang ramai, namun ia juga boleh menjadi ruang di mana pengguna mengalami tingkah laku antisosial. Hal ini kerana aktiviti di media sosial telah menghadkan komunikasi individu dengan dunia luar. Individu banyak meluahkan perasaan mereka seperti sedih, gembira dan marah dalam aplikasi media sosial. Tren tingkah laku antisosial di media sosial, seperti gangguan dan buli semakin meningkat. Satu kajian baru-baru ini telah mengenal pasti bahawa 41% rakyat Amerika telah mengalami beberapa bentuk gangguan atau penderaan dalam talian iaitu individu yang mengalami tingkah laku antisosial dalam talian menyatakan mereka berpotensi menjadi sasaran kerana pandangan politik, jantina, bangsa, etnik, agama dan orientasi seksual mereka (Vogels, 2021).

Dalam hal ini, peningkatan penggunaan platform media sosial dalam talian telah menyumbang kepada peningkatan tingkah laku antisosial dalam talian. Lebih-lebih lagi, trend ini telah meningkat sejak permulaan pandemik COVID-19 pada tahun 2020, apabila banyak komunikasi sosial beralih ke ruang dalam talian. Pernyataan tersebut disokong oleh Barlett et al. (2021) iaitu peningkatan kebergantungan pada media sosial akibat pandemik COVID-19 juga menyumbang kepada peningkatan tingkah laku antisosial disebabkan orang ramai telah menghabiskan lebih banyak masa di media sosial.

a. Buli Siber

Gejala buli merujuk kepada suatu perbuatan yang melanggar norma masyarakat. Secara umumnya, perbuatan buli merupakan perlakuan agresif terhadap seorang individu atau kumpulan oleh seseorang atau secara kumpulan dengan tujuan untuk menyakitkan atau mencederakan mangsa (Kamaluddin et al, 2019). Namun demikian, perbuatan buli siber yang berlaku di medium tanpa sempadan adalah lebih menakutkan daripada kes buli yang lain (Mokhlis, 2019). Menurut Shaari dan Kamaluddin (2019), perbuatan buli siber ialah satu amalan komunikasi melalui teknologi untuk tujuan mengganggu, membuli, memalukan atau mengancam kehidupan mangsa melalui kata-kata bersifat negatif, perkongsian gambar atau video atau penyebaran maklumat palsu supaya imej seseorang terjejas.

Pusat Penyelidikan Buli Siber Australia (Kaluarachchi et al., 2020) telah mentakrifkan perbuatan buli siber sebagai tingkah laku agresif yang dilakukan dengan sengaja dan berkala melalui penggunaan gajet seperti komputer, telefon dan lain-lain alat elektronik. Menurut Thai et al. (2022) pula, buli siber telah mengalami perkembangan di mana pelbagai bentuk buli seperti hasutan maya (*trolling*), budaya batal (*cancel culture*), penyebaran berita berbentuk provokasi (*flaming*), *cyberstalking*, penyamaran dan lain-lain bentuk lagi. Secara ringkasnya, perbuatan buli yang dilakukan di alam maya dikatakan sebagai buli siber.

Menurut statistik *United Nations Children's Fund* (2019) yang berkaitan dengan kekerasan yang dilakukan dalam kalangan kanak-kanak di tiga puluh buah negara, statistik telah melaporkan bahawa tingkah laku buli siber ini telah mendatangkan kesan negatif di mana satu daripada lima remaja dilaporkan tidak hadir ke kelas. Berdasarkan pengkaji terdahulu, Persatuan Psikiatri Malaysia telah menjalankan satu kajian dan data menunjukkan bahawa kadar bunuh diri mengalami peningkatan sehingga mencecah 60% sejak tahun 1960-an (Dudley, 2018). Hasil kajian Vidal et al. (2020) turut menunjukkan, individu yang kerap melayari media sosial seperti *Facebook*, *Myspace* dan rangkaian sosial lain cenderung untuk mencederakan diri sendiri akibat daripada kes buli di alam maya.

b. Perlakuan Agresif

Tingkah laku agresif didefinisikan sebagai suatu tindakan yang dipengaruhi dengan rangsangan persekitaran semasa dan pengalaman individu sehingga menyebabkannya untuk bertingkah laku agresif. Biasanya, perbuatan agresif ini merupakan tingkah laku antisosial yang tidak seiring dengan norma budaya dan agama dalam masyarakat. Menurut Salakhova et al. (2019), tingkah laku agresif boleh digambarkan sebagai tingkah laku bermusuhan, memudaratkan atau merosakkan yang digunakan untuk menguasai sesuatu situasi, dan boleh memudaratkan kesihatan fizikal atau psikologi kepada orang lain. Buss dan Perry (1992) telah mengkategorikan tingkah laku agresif sebagai tindakan yang disengajakan atau tidak, yang bertujuan untuk menyakiti orang lain baik secara fizik, verbal (lisan), kemarahan, atau melalui permusuhan.

Bukan itu sahaja, tindakan agresif juga akan berlaku melalui peniruan dan pengamatan terhadap perilaku individu di sekitarnya. Dengan erti kata lain, jika seseorang secara langsung menonton atau mengamati tindakan agresif yang dipaparkan dalam media, hal ini akan mempengaruhi tingkah laku mereka untuk menunjukkan sikap agresif dalam kehidupan nyata. Menurut Hardoni et al., (2019), tingkah laku agresif akan menyebabkan pelbagai kesan negatif terhadap diri seseorang seperti pencapaian akademik yang rendah, interaksi sosial dengan rakan sebaya yang tidak baik, kebimbangan, kemurungan, emosi, panik, masalah undang-undang, mempunyai risiko tingkah laku membunuh diri, dan punca utama kematian remaja di dunia disebabkan oleh tingkah laku yang agresif.

Teori Pembelajaran Sosial Bandura

Albert Bandura yang memperkenalkan Teori Pembelajaran Sosial telah memberi fokus dalam cara tingkah laku (*behaviour*) individu dipengaruhi oleh persekitaran melalui peneguhan (*reinforcement*) dan pembelajaran melalui pemerhatian (*observational learning*), cara memerhati dan pemikiran yang dimiliki oleh individu tentang sesuatu perkara. Selain itu, teori ini turut menggambarkan bagaimana tindakan individu mempengaruhi persekitaran dan mewujudkan peneguhan (*reinforcement*) dan peluang untuk diamati oleh orang lain (*observational opportunity*). Menurut Bandura (1997), Teori Pembelajaran Sosial ditakrifkan sebagai proses pembelajaran yang berlaku melalui pengamatan orang lain melakukan sesuatu atau melihat seseorang sebagai model tingkah laku.

Hal ini bererti bahawa pentingnya peranan persekitaran dan individu yang mempengaruhi tingkah laku seseorang individu. Bandura (1997) menjelaskan bahawa seseorang individu akan menyimpan maklumat yang diperhatikan secara kognitif dan kemudian bertindak dengan apa yang diperhatikan, khususnya orang yang dianggap penting baginya. Individu yang bertingkah laku agresif adalah disebabkan mereka terpengaruh dengan persekitaran sosial seperti keluarga, rakan sebaya, media sosial dan konsep sendiri individu (Mohamed, 2001).

Beliau telah menjalankan eksperimen yang menggunakan patung Bobo (*Bobo doll experiment*). Hasil dapatan kajian ini telah mendapati bahawa cara kanak-kanak meniru tingkah laku yang bersifat agresif daripada orang dewasa di sekeliling mereka yang juga dikenali sebagai Teori Pemodelan. Melalui eksperimen ini, hasil dapatan telah menunjukkan kebenaran di mana kebanyakan golongan kanak-kanak berkelakuan agresif adalah disebabkan mereka meniru contoh atau model yang ditonton juga bertindak sedemikian. Dengan ini, beliau telah merumuskan bahawa kepentingan pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain akan menyebabkan pembentukan pelbagai jenis tingkah laku sosial seperti keagresifan, persaingan dan sebagainya.

Dalam kajian Eron (1982) yang berkaitan dengan unsur kekerasan dalam media dan implikasinya terhadap perlakuan agresif pelajar telah mendapati bahawa pelajar-pelajar yang bersikap agresif adalah lebih mudah dipengaruhi melalui adegan-adegan ganas dalam media berbanding pelajar-pelajar yang normal. Hal ini berlaku disebabkan ciri-ciri keagresifan sebenarnya sudah tertanam dalam diri pelajar, apabila mereka menonton adegan ganas dalam media, maka mudah untuk mencetuskan tingkah laku agresif secara fizikal, verbal dan nonverbal. Eron (1982) dalam hasil dapatan kajiannya juga mendapati bahawa pelajar-pelajar agresif yang sentiasa menonton media yang berbentuk ganas mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk bertingkah laku agresif melalui pengaruh model-model yang bersifat ganas dan agresif yang ditonton.

Secara keseluruhannya, Teori Pemodelan yang berasal dari Teori Pembelajaran Sosial merumuskan bahawa kajian pertama ini menjelaskan proses peniruan (*imitation*) atau pemodelan (*modelling*) akan mempengaruhi perlakuan kanak-kanak melalui pemerhatian mereka. Menurut Bandura (1986) lagi, individu akan memproses maklumat dengan lebih cepat apabila memerhati atau mengamati model persekitara. Hal ini menyebabkan mereka akan mudah terpengaruh dan cenderung mencuba perkara baharu berdasarkan apa yang diperhatikan. Dalam konteks media pemodelan, grafik atau media yang ditonton oleh individu akan mewujudkan teori kognitif sosial diterapkan dalam diri mereka. Perubahan sikap, emosi dan tingkah laku pelajar berkelakuan agresif juga akan dipengaruhi oleh ciri-ciri pemodelan dalam media, sedangkan pengaruh itu dilakukan oleh orang lain (Friedrich & Stein, 1972).

STRATEGI CARIAN JURNAL

Kajian literatur yang komprehensif telah dijalankan bagi mengenalpasti artikel yang berkaitan hubungan ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial dalam kalangan murid sekolah rendah. Carian ini terhad kepada kajian yang menggunakan reka bentuk tinjauan jurnal dalam Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Indonesia antara tahun 2018 sehingga 2023. Antara istilah carian yang digunakan dalam kajian ini termasuk ketagihan media sosial dan tingkah laku antisosial. 15 artikel telah dipilih untuk dimasukkan ke dalam kajian ini untuk mengkaji hubungan ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial dalam kalangan murid sekolah rendah. Kesemua jurnal artikel yang dipilih tidak terhad kepada satu negara atau tempat sahaja, bahkan ia meliputi beberapa buah negara yang lain, bagi menunjukkan variasi tahap stress akademik yang dialami oleh pelajar dan strategi daya tindak yang dilakukan oleh pelajar itu sendiri bagi menangani masalah tersebut. Kajian yang digunakan menggunakan reka bentuk kuantitatif.

METODOLOGI

Menurut Booth et al. (2016), kajian tinjauan literatur sistematik dijalankan bertujuan mengenal pasti pengetahuan yang lengkap akan sesuatu kajian yang ingin dikaji secara sistematik dan ia dapat mengurangkan kemungkinan berlakunya berat sebelah. Pemilihan artikel dilakukan berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Dalam proses pemilihan artikel, beberapa kriteria telah ditetapkan supaya dapat mewujudkan proses sistematik dalam pemilihan artikel yang berkualiti bagi tujuan ulasan. Pengkaji telah menjalankan tinjauan literatur sistematik ini dengan lapan langkah yang dicadangkan oleh Xiao dan Watson (2019) berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1: Lapan Langkah Saranan Xiao dan Watson (2019)

Bilangan	Langkah
1	Merumus Masalah
2	Mengembang dan Mengesahkan Protokol Tinjauan
3	Pencarian Artikel
4	Saringan Kriteria Kemasukan
5	Penilaian Kualiti
6	Pengekstrakan Data
7	Analisis dan Sintesis Data
8	Laporan Penemuan

PRISMA (*Preferred Reporting Items for Systematic reviews and Meta-Analysis*) turut digunakan oleh pengkaji untuk mengukuhkan proses ketiga hingga kelima literatur sistematik iaitu pencarian artikel, saringan kriteria kemasukan serta penilaian kualiti. Carta alir yang dikemukakan oleh Page et al., (2021) ini mengandungi 4 peringkat utama iaitu (1) pengenalpastian (*identification*), (2) penapisan (*screening*), (3) kelayakan (*eligibility*) dan (4) termasuk (*included*).

a. Peringkat Pengenalpastian

Dalam peringkat pengenalpastian, pengkaji mencari dan mendapatkan sumber rujukan dari empat pangkalan data iaitu *EBSCOhost*, *Google Scholar* dan *Scopus*. Pencarian sumber tersebut dilakukan berdasarkan kata kunci yang merujuk kepada persoalan kajian seperti 'ketagihan', 'media sosial', 'antisosial', 'agresif' dan 'buli siber'. Penggunaan kata kunci yang sedemikian memudahkan pencarian literatur yang berkait rapat serta relevan dengan tajuk kajian yang

dikaji. Melalui hasil daripada pencarian sumber data, sebanyak 78 artikel dan dirumuskan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2: Jumlah Artikel bagi Setiap Pangkalan Data

Pangkalan Data	Jumlah Artikel
<i>EBSCOhost</i>	24
<i>Google Scholar</i>	43
<i>Scopus</i>	11

b. Peringkat Penapisan

Bagi peringkat penapisan, pengkaji menyenaraikan beberapa kriteria pemilihan literatur iaitu jenis dokumen, tahun penerbitan dan bahasa. Kriteria yang ditentukan secara tidak langsung membantu pengkaji untuk melakukan penapisan artikel dengan lebih berkesan dan tertumpu ke arah objektif kajian. Proses ini dijalankan untuk mengeluarkan artikel yang tidak menepati kriteria pemilihan yang ditetapkan oleh pengkaji di mana sebanyak 34 artikel telah dikeluarkan. Jadual 3 menunjukkan kriteria kemasukan dan pengecualian yang diambil kira dalam proses pemilihan artikel.

Jadual 3: Kriteria Kemasukan dan Pengecualian


Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Tahun Penerbitan	2019-2023	Kurang daripada 2019
Jenis Dokumen	Artikel Jurnal	Buku, bab dalam buku, tesis, disertasi
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Selain Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

c. Peringkat Kelayakan

Setelah diteliti, 44 artikel penuh telah disaring sekali lagi dengan memfokuskan kepada tajuk serta abstrak kajian bagi melihat gambaran keseluruhan artikel. Melalui proses ini, sebanyak 29 artikel telah dikeluarkan memandangkan ia tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pengkaji. 18 artikel dikenal pasti ditulis selain daripada bahasa Melayu dan Inggeris, manakala 11 artikel mengulas pada topik tertentu dan tidak seiring dengan persoalan kajian.

d. Peringkat Termasuk

Pada peringkat akhir iaitu termasuk (*Included*) telah mengenal pasti jumlah akhir artikel untuk digunakan sebagai sampel kajian tinjauan sistematik. Secara keseluruhannya, 15 artikel telah dipilih dan digunakan dalam kajian ini untuk mengenal pasti tahap ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial dalam kalangan murid sekolah rendah selepas pandemik COVID-19. Dalam perbincangan kajian ini, pengkaji turut mengusulkan beberapa strategi penyelesaian untuk menangani masalah ketagihan media sosial dalam kalangan anak murid. Penganalisan dan perbincangan terhadap aspek strategi penyelesaian ini diharapkan dapat membantu pihak-pihak tertentu dalam menangani masalah tingkah laku antisosial murid seperti tingkah laku agresif dan buli siber. Rajah 1 menunjukkan carta alir PRISMA dalam proses pencarian sampel artikel kajian.



Rajah 1: Carta Alir PRISMA bagi Proses Pencarian Artikel Kajian.
Sumber: Diadaptasi daripada Nor Amalina dan Roslinda 2021

DAPATAN KAJIAN

Pemilihan 15 kajian telah dijalankan berdasarkan panduan carta alir PRISMA. Kajian-kajian yang dipilih adalah berdasarkan kriteria yang ditetapkan dan merangkumi skop dan objektif kajian yang dibina oleh pengkaji. Data diekstrak daripada 15 artikel kajian yang dipilih berdasarkan protokol tinjauan yang dibina oleh pengkaji dengan kesahan tinjauan pensyarah. Analisis dapatan kajian membincangkan kategori responden, julat umur, lokasi kajian, reka bentuk kajian, jenis media sosial, instrumen pengukuran kajian dan rumusan artikel berkaitan tahap ketagihan media sosial dan tingkah laku antisosial pelajar.

Kategori Responden dan Julat Umur

Jadual 4 menunjukkan majoriti responden berada dalam kalangan murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Kebanyakan responden masih belajar di sekolah rendah dan menengah yang berumur 10 hingga 18 tahun. Didapati segelintir responden yang berada di peringkat pertengahan dewasa yang melanjutkan pelajaran mereka di universiti. Antara responden yang dipilih dalam kajian ini adalah di antara umur 1-18 tahun (N=8498), 18-28 tahun (N=240), lebih 30 tahun (N=200), tidak dinyatakan (N=12).

Jadual 4: Kategori Responden dan Julat Umur

Kategori Responden	Julat Umur	Jumlah Responden (N)	Jumlah Kajian
▪ Kanak-kanak	1-18	8498	11
▪ Remaja			
▪ Remaja	Tidak Dinyatakan	12	1
▪ Pelajar Universiti	18-28	240	2
▪ Guru Sekolah Rendah	30-60	200	1

Lokasi Kajian

Jadual 5 menunjukkan lokasi kajian yang meliputi 15 buah negara di seluruh dunia yang telah menjalankan kajian mengenai isu ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial yang berbentuk agresif dan buli siber dalam kalangan pelajar sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Antara negara termasuk Austria, Hong Kong, Nigeria, Slovakia, Romania, Bhutan dan Malaysia. Dapatan kajian menunjukkan 9 kajian dari Malaysia. 6 buah negara yang lain pula mempunyai satu kajian.

Jadual 5: Lokasi Kajian

No	Negara	Jumlah Kajian
1	Malaysia	9
2	Austria	1
3	Hong Kong	1
4	Nigeria	1
5	Slovakia	1
6	Romania	1
7	Bhutan	1

Reka Bentuk Kajian

Kajian tinjauan merupakan penyelidikan saintifik untuk mengumpul dan menganalisis pengetahuan sedia ada melalui jurnal artikel, tesis, buku ilmiah dan sumber lain yang relevan supaya dapat memberikan pemahaman yang menyeluruh tentang sesuatu topik atau isu yang sedang dikaji. Kajian gabungan pula merujuk kepada penyelidikan yang menggabungkan kedua-dua jenis penyelidikan kuantitatif dan penyelidikan kualitatif secara serentak bagi memantapkan laporan kajian. Merujuk Jadual 6, semua kajian adalah menggunakan kaedah kuantitatif dan berbentuk kajian tinjauan. Terdapat satu kajian berbentuk gabungan iaitu menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif.

Jadual 6: Reka Bentuk Kajian

No	Bentuk	Kaedah	Jumlah Kajian
1	Kajian Tinjauan	Kuantitatif	12
		Kualitatif	2
2	Kajian Gabungan	Kuantitatif & Kualitatif	1

Jenis Media Sosial

Perkembangan media sosial yang semakin pesat dengan pelbagai fungsi seperti mengirim mesej, memuatnaik gambar, permainan dalam talian, mendengar muzik dan menonton video menyebabkan responden sentiasa menghabiskan masa dalam media sosial. Dalam 15 kajian ini, antara aplikasi media sosial yang sering digunakan oleh responden termasuk *Facebook*, *Instagram*, *TikTok*, *YouTube*, *Twitter*, *WhatsApp*, *Telegram* dan aplikasi permainan video dalam talian yang lain. Jadual 7 menunjukkan majoriti responden cenderung untuk melibatkan diri dalam laman media sosial tertentu.

Jadual 7: Jenis Media Sosial

No	Jenis Media Sosial	Jumlah Kajian
1	<i>Facebook</i>	7
2	<i>Instagram</i>	9
3	<i>TikTok</i>	2
4	<i>Telegram</i>	2
5	<i>Twitter</i>	3

6	WeChat	3
7	WhatsApp	6
8	YouTube	3
9	Aplikasi Permainan dalam Talian	2
10	Lain-lain Aplikasi	2

Instrumen Pengukuran Kajian

Instrumen yang digunakan bagi aspek pengukuran tahap ketagihan dalam penggunaan internet dan media sosial, penyelidik menggunakan pelbagai jenis instrumen pengukuran seperti Ujian Ketagihan Internet, *Social Media Disorder Scale*, *Social Media and Social Behaviour Questionnaire (SMSBQ)*, *Internet Addiction Test (IAT) Scale*, *Social Media Engagement Questionnaire (SMEQ) scale* dan *Internet Gaming Disorder Scale (IGD)*. Dari segi ciri-ciri tingkah laku antisosial, penyelidik mengkaji tingkah laku yang bersifat agresif dan perbuatan buli seiber dengan menggunakan instrumen pengukuran seperti *The Aggression Questionnaire*, *Cyber Aggression Typology Questionnaire (CATQ)*, *Evaluation of Forms of Violence in an Educational Context – EFAVICE-42* dan *Cyberbullying Scale*. Data merekodkan penyelidik menggunakan *4-point General Health Questionnaire (GHQ-12)* dan *Patient Health Questionnaire (PHQ-9)* sebagai instrumen pengukuran dalam mengkaji aspek emosi dan mental responden.

Dalam 15 kajian ini, didapati satu kajian menggunakan instrumen pengukuran yang dibina sendiri. Pengkaji berkenaan membina Skala Psikometrik untuk menilai isu buli siber dan pengaruh pandemik COVID-19 dan penggunaan media sosial. Selain itu, didapati tiga kajian menggunakan instrumen pengukuran yang tidak menyatakan instrumen pengukuran. Jadual 8 menunjukkan jenis instrument yang lain yang telah digunakan oleh para penyelidik dalam kajian mereka.

Jadual 8: Instrumen Pengukuran Kajian Aspek Emosi dan Mental

No	Jenis Instrumen	Jumlah Kajian
1	Ujian Ketagihan Internet	1
2	<i>Social Media Disorder Scale</i>	1
3	<i>The Aggression Questionnaire</i>	1
4	<i>Cyberbullying and Online Aggression Survey Instrument</i>	1
5	Soal selidik perubahan tingkah laku	1
6	<i>European Cyberbullying Intervention Project Questionnaire (ECIPQ)</i>	1
7	<i>Cyber Aggression Typology Questionnaire (CATQ)</i>	1
8	<i>4-point General Health Questionnaire (GHQ-12)</i>	1
9	<i>Internet Gaming Disorder Scale (IGD)</i>	1
10	<i>Social Media and Social Behaviour Questionnaire (SMSBQ)</i>	1
11	<i>Internet Addiction Test (IAT) scale</i>	1
12	<i>Social Media Engagement Questionnaire (SMEQ) scale</i>	1
13	<i>Evaluation of forms of violence in an educational context – EFAVICE- 42</i>	1
14	<i>Cyberbullying Scale</i>	1
15	<i>Patient Health Questionnaire-9 (PHQ-9)</i>	1
16	<i>COVID-19 Pandemic’s Influence and Social Media Questionnaire</i>	1
17	<i>Psychometric Analyses</i>	1
18	<i>Close-ended Questions</i>	1
19	<i>Open-ended Questions</i>	1
20	Tidak Dinyatakan	3

PERBINCANGAN

Tahap Ketagihan Penggunaan Media Sosial

Ketagihan media sosial bukan sahaja melanda dalam kalangan remaja sahaja, tetapi juga menjadi gejala kepada kanak-kanak pada masa kini. Dalam hal ini, ketagihan media sosial mempengaruhi semua pengguna dalam rangkaian sosial, tanpa mengira jantina atau usia. Menurut al-Samarraie et al. (2021), golongan muda khususnya pelajar, mereka menghabiskan banyak masa di rangkaian sosial dan hal ini menimbulkan ketagihan dalam media sosial. Kajian ini mendapati bahawa pelajar memperuntukkan masa penggunaan media sosial selama 5 hingga 6 jam sehari. Perkara ini menjadi serius apabila berlaku peningkatan yang ketara dalam tempoh masa penggunaan media sosial terutamanya semasa pandemik Covid-19 (Kee et al, 2022). Media sosial dijadikan sebagai medium hiburan bagi mereka untuk berhibur lebih-lebih lagi sejak penularan wabak COVID-19 yang memerlukan pelajar kekal di rumah sehingga menjadikan media sosial sebagai salah satu platform yang sangat digemari ramai. Pertambahan pengguna media sosial semakin bertambah dari semasa ke semasa apabila kuarantin di rumah pada masa pandemik. Menurut kajian Nortajuddin (2020) berlaku peningkatan bilangan pengguna media sosial melebihi 8 peratus sejak April 2019 kepada 3.81 billion pada April 2020.

Tempoh masa penggunaan media sosial yang melebihi 5 jam dikategorikan sebagai ketagihan media sosial. Dalam kajian Ahmad et al., (2022) didapati bahawa, 48.91% responden menghabiskan masa 3-5 jam melayari permainan dalam talian, manakala 28.95% responden menggunakan lebih daripada 5 jam dalam aplikasi permainan dalam talian. Berdasarkan kepada World Health Organization (2018), seseorang individu dikategorikan mengalami *gaming disorder* dan ketagihan sekiranya menghabiskan masa bermain permainan video selama 4 jam dan ke atas sehari. Kajian Ng et al., (2023), responden kajian mengakses internet untuk tujuan hiburan seperti bermain permainan dalam talian dan menonton video, sebaliknya kurang untuk tujuan menimba ilmu. Dapatan kajian ini telah menunjukkan 34.3% responden menggunakan internet dalam tempoh yang agak panjang iaitu dari 2 jam hingga 6 jam, manakala 34.1% responden melayari internet dari 6 hingga 10 jam. Dalam hal ini, jelaslah bahawa murid sekolah rendah pada masa kini cenderung meneroka dunia internet untuk tujuan berhibur berbanding dengan tujuan pembelajaran.

Hasil dapatan daripada kajian-kajian yang dianalisis menunjukkan bahawa aplikasi media sosial yang kerap digunakan oleh pelajar ialah *Instagram* (60%), *Facebook* (46.7%) dan diikuti dengan *WhatsApp* (40%). Kebanyakan kajian yang menunjukkan ketagihan media sosial memberi tumpuan kepada *Facebook*, kerana ia merupakan rangkaian sosial dalam talian yang paling popular (Busalim et al., 2019). Namun begitu, terdapat juga kajian yang dijalankan tentang ketagihan individu dalam aplikasi *Twitter*, *Instagram* dan *WeChat* sepertimana yang ditunjukkan dalam hasil dapatan kajian ini (Ardiana & Tumanggor, 2020). Pengaruh aplikasi Instagram terhadap gaya hidup golongan muda dapat dilihat daripada gambar dan video yang mengikuti tren kini dimuatnaikkan di media sosial ini. Mereka cenderung meniru dan memiliki sikap ingin tahu yang tinggi terhadap kandungan media sosial yang dianggap menarik (Agianto et al., 2020).

Seterusnya, aplikasi Facebook turut merupakan saluran media sosial yang mendapat sambutan baik dalam kalangan masyarakat. Ke kerapannya dalam melayari Facebook juga membawa kepada ketagihan Facebook yang boleh diertikan sebagai salah satu aspek ketagihan media sosial. Kajian terdahulu mendapati bahawa wabak COVID-19 telah mengekang kehidupan seharian orang ramai dan meningkatkan kekerapan penggunaan media sosial mereka dan kira-kira empat puluh peratus wanita melaporkan penggunaan media sosial yang berlebihan (Sediri et al., 2020). Kajian Ripon et al., (2022) juga mendapati bahawa pelajar yang menggunakan

Facebook adalah untuk menghilangkan tekanan dan hal ini mengakibatkan mereka menjadi ketagihan dalam Facebook.

Anak-anak pada masa kini semakin terdedah kepada teknologi dan akses ke peranti digital yang membolehkan mereka mengakses media sosial. Hal ini kerana mereka merupakan generasi milenium yang dilahirkan dan dibesarkan pada zaman media digital, mereka mempunyai perbezaan yang ketara berbanding dengan generasi *non-milenium* (Hidaya et al., 2019). Mereka menggunakan media sosial untuk berinteraksi dengan rakan sebaya, menarik perhatian atau pengiktirafan dan terlibat dalam permainan dalam talian. Namun, ketagihan media sosial dalam kalangan kanak-kanak mendatangkan kesan negatif terhadap perkembangan mereka dari segi tingkah laku seperti yang difokuskan dalam kajian ini. Individu yang cenderung hidup di alam maya biasanya mengalami kesukaran untuk bersosial di dunia nyata. Sikap antisosial ini menyebabkan mereka tidak mempunyai keinginan bergaul dengan ahli keluarga dan rakan-rakan adalah ciri-ciri yang ditunjukkan oleh remaja yang ketagih dalam media sosial seperti permainan dalam talian (Sandy & Hidayat, 2019).

Kesan Ketagihan Media Sosial terhadap Tingkah Laku Antisosial

a. Tingkah Laku Agresif

Ketagihan golongan muda masa kini terhadap media sosial dilihat sebagai pendorong kepada pembentukan tingkah laku yang agresif tidak boleh dipandang ringan. Hal ini bertitik tolak daripada kandungan yang bersifat keganasan dalam media sosial telah menarik perhatian pelajar-pelajar cenderung menontonnya. Pendedahan kepada kandungan berunsur kekerasan telah menimbulkan masalah peningkatan kecenderungan melakukan tindakan agresif dalam kalangan remaja (Baron & Bryne, 1991). Kandungan tersebut tidak sekaligus mempengaruhi tingkah laku individu, tetapi disebabkan oleh perbuatan menyaksikannya berulang kali dan diperhatikan dalam jangka masa yang lama. Hal ini secara tidak langsung membawa kepada perubahan tingkah laku individu menjadi agresif.

Remaja akan meniru tingkah laku agresif yang mereka lihat dalam kandungan media sosial. Perbuatan meniru ini adalah berkaitan dengan Teori Pembelajaran Sosial yang dipelopori oleh Albert Bandura. Menurut Bandura (1986), individu yang memerhati atau mengamati model persekitaran mereka, mereka akan mendapat maklumat dengan lebih cepat. Oleh sebab itu, mereka mudah terikut dan akan mencuba perkara baharu berdasarkan apa yang diperhatikan. Dalam konteks media pemodelan, media atau gambaran yang diperhatikan oleh individu akan mewujudkan penerapan teori kognitif sosial mereka. Kewujudan kesan pemodelan yang kuat dalam media juga boleh mempengaruhi sikap, emosi dan tingkah laku pelajar agresif untuk bertingkah laku agresif, walaupun pengaruh itu berlaku melalui pendedahan terhadap tindakan-tindakan orang lain (Friedrich & Stein, 1972).

Dapatan kajian Loh (2019) telah menunjukkan terdapat perbezaan signifikan antara tingkah laku agresif dalam kalangan responden di kawasan bandar dan luar bandar. Selain itu, dalam kajian Afriany et al. (2019), kelima-lima responden dalam kajian mengaku bahawa mereka sering menggunakan akaun media sosial mereka digunakan untuk tingkah laku agresif seperti mencaci atau menghina sesuka hati. Mereka menggunakan akaun yang palsu untuk mengeluarkan kata-kata menghina yang melampau. Faktor utama mereka berkelakuan agresif di media sosial ialah kerana perasaan dengki dan benci terhadap individu lain. Menurut Zapal (2020), tindakan ini merupakan "penyamaran" di mana seseorang mencipta profil palsu di media sosial dengan menggunakan gambar lain untuk tujuan mengusik, memanggil nama panggilan mereka atau menyakiti orang lain dengan menghantar teks atau rahsia mereka yang mengganggu mereka.

Di samping itu, remaja yang cenderung bermain permainan dalam talian yang berunsur agresif seperti PUBG. Permainan PUBG akan menyebabkan pemain berkelakuan agresif. Tingkah laku agresif pada diri berlaku disebabkan oleh beberapa faktor, salah satunya ialah pengaruh rakan sebaya. Hal ini demikian kerana remaja akan meniru tingkah laku rakan sekumpulan mereka supaya diterima dalam kalangan rakan. Jika rakan sekumpulan berkelakuan agresif maka remaja itu akan meniru dan juga berkelakuan agresif dengan mengeluarkan kata-kata kesat semasa bermain permainan dalam talian. Dalam kajian Praswanda et al. (2021), responden cenderung untuk berkelakuan agresif sekiranya responden bermain permainan PUBG dalam tempoh masa yang panjang, maka mereka akan memerhati dan mencontohi sifat keganasan dalam permainan tersebut. Hal ini disebabkan keinginan mereka untuk mencapai kedudukan tertinggi dalam permainan dalam talian sehingga meningkatkan kekerapan dalam permainan dalam talian.

b. Buli Siber

Perbuatan buli bukannya sekadar buli secara fizikal, murid-murid sekolah di peringkat rendah dan menengah turut mengalami isu buli siber di alam siber, sedangkan ramai golongan muda kini mempunyai akaun media sosial. Menurut Shaari dan Kamaluddin (2019), perbuatan buli siber merujuk kepada satu amalan komunikasi melalui teknologi yang bertujuan untuk mengecam, mengganggu, memalukan atau mengugut mangsa melalui perkataan yang negatif, penyebaran maklumat palsu, perkongsian gambar atau video yang boleh menjatuhkan imej mangsa. Dalam konteks alam siber, pembuli cenderung menghantar kandungan mesej yang menyakitkan hati untuk menjatuhkan harga diri mangsa. Individu tersebut bebas untuk mengatakan apa-apa sahaja yang bercanggah dengan norma sosial dalam interaksi interpersonal (Awang & Alavi, 2020).

Buli siber secara tidak langsung adalah satu situasi yang berlaku apabila seseorang itu menggunakan seseorang untuk membuli orang lain di alam maya. Buktinya, pada masa ini terlalu banyak orang yang mencipta dan menggunakan akaun palsu yang direka khas oleh mereka dengan menggunakan nama-nama yang aneh dan gambar profil orang lain untuk mengecam pengguna-pengguna lain di media sosial. Menurut Meerangani et al. (2021), gejala buli siber ini boleh dilakukan oleh sesiapa saja tanpa kawalan kerana melibatkan medium siber. Identiti pembuli juga ada kalanya sukar dikenal pasti kerana internet menyediakan tetapan 'ketanpanamaan' yang juga dikenali sebagai *anonymity*. Pernyataan ini telah disokong dalam dapatan kajian Tan dan Balaraman (2023) yang menunjukkan pembuli telah menggunakan *anonymity* dengan membuka akaun palsu dalam media sosial Instagram untuk tujuan buli siber. Hal ini memberikan kebebasan kepada mereka untuk melakukan perbuatan buli tanpa rasa takut ditangkap atau dikenal pasti oleh orang lain disebabkan identitinya disembunyikan.

Buli secara langsung pula dapat didefinisikan sebagai situasi yang berlaku apabila seseorang menghantar pesanan mesej terus kepada mangsa. Buli siber ditakrifkan sebagai penggunaan komunikasi berasaskan teknologi termasuk telefon bimbit, emel, mesej segera dan rangkaian sosial yang bertujuan untuk menggangg individu melalui mesej secara dalam talian (Hasniza et al., 2018). Sebagai contoh, terdapat individu yang tidak berpuas hati atau berdendam dengan individu lain di media sosial seperti Instagram terus menggunakan "Direct Message" atau lebih dikenali sebagai DM, pembuli ini akan DM si mangsanya dan menghantar pesanan yang berbunyi seperti hinaan dan kecaman.

Menurut Kamaluddin et al. (2019), perbuatan ini boleh dikenali sebagai "*Flaming*" yang merujuk kepada hantaran mesej yang kurang sopan, berunsur lucah atau kemarahan tentang seseorang individu dalam sesuatu kumpulan dalam talian melalui e-mel atau mesej teks. Jun (2020) dalam kajiannya turut mendapati, penderaan secara lisan menjadi ciri utama buli siber

dalam kalangan remaja dan ia berlaku kebanyakannya melalui mesej terus. Hasil kajian Mohd Fadhlil et. al., (2022) juga menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa medium yang paling kerap digunakan oleh mangsa buli siber dan pelaku dalam kajian adalah secara hantaran mesej.

Selain itu, pembuli dalam alam siber turut melakukan perbuatan buli berbentuk penghinaan terhadap rupa fizikal dan gaya pemakaian setelah memuatnaik gambar dalam media sosial sehingga memberi kesan kepada keyakinan diri mangsa. Kajian Meerangani et al., (2021) telah menunjukkan, 34.1 % responden mengalami gangguan buli siber dengan menerima komen memalukan dan berunsur penghinaan. Perbuatan memberikan komen-komen lucah, kata-kata kasar, *body shaming* dan sebagainya dianggap sesuatu gurauan kepada mangsa buli (Tan & Balaraman, 2023). Kajian lepas mendapati semakin lama masa yang diluangkan menggunakan media sosial akan menyebabkan lebih tinggi risiko seseorang itu terlibat dengan buli siber (Hasniza et al 2018). Dalam kajian Kee et al. (2022), responden percaya bahawa pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah meningkatkan tahap penggunaan media sosial sehingga menimbulkan isu buli siber disebabkan individu menghabiskan lebih banyak masa di media sosial.

Dalam kajian Ahmad dan Said (2022), kebanyakan responden menggunakan 5-8 jam sehari untuk menggunakan media sosial iaitu 14 orang (46.7%) dan diikuti dengan 1-4 jam sehari iaitu 9 orang (30.0%). Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ismail dan Kutty (2020) yang mendapati seramai 68.5% responden mereka menggunakan internet melebihi 5 jam sehari. Kajian Ng et al. (2023) juga menunjukkan hasil dapatan yang sama di mana tempoh penggunaan internet dalam kalangan murid agak panjang, dari tempoh 2 hingga 6 jam (34.3%) dan tempoh dari 6 hingga 10 jam (34.1%). Hal ini telah menunjukkan tahap ketagihan penggunaan internet dan media sosial adalah pada tahap yang kritikal.

Perbuatan buli siber boleh mendatangkan kesan negatif terhadap mangsa seperti dengan buli tradisional (Mokhlis, 2019). Walaupun tiada kecederaan fizikal yang ditinggalkan melalui buli siber, namun buli siber boleh memberikan impak yang lebih serius berbanding fizikal. Sebagai contoh, penggunaan bahasa yang tidak sopan seperti menggunakan kata-kata kesat, berunsur lucah, ugutan dan penyebaran maklumat yang tidak sahih boleh mempengaruhi emosi dan tingkah laku mangsa buli. Karsodikromo et al. (2020) mendapati, bahawa buli siber telah menyebabkan mangsa mengalami gangguan dari segi emosi, mental, tingkah laku dan sosial. Hal ini menyebabkan sebahagian mangsa buli menghadapi tekanan dan dalam sesetengah kes menimbulkan keinginan mangsa untuk membunuh diri (Mohd Fadhlil et al., 2022). Dapatan kajian menunjukkan 17.1% remaja melaporkan tingkah laku bunuh diri, 11.9% remaja mempunyai pemikiran untuk membunuh diri, 10.2% remaja mempunyai rancangan bunuh diri, manakala 8.4% remaja yang telah cuba membunuh diri. Antara implikasi negatif yang lain terhadap mangsa seperti kemurungan, rendah harga diri, putus asa, kebimbangan sosial, hilang tumpuan dan rasa terasing daripada kumpulan rakan. Kajian Tan dan Balaraman (2023) telah menyokong pernyataan tersebut dengan hasil dapatan responden yang akan mengelakkan diri dari dunia dan aktiviti sosial, berdiam diri, mengalami kemurungan, kebimbangan dan pemikiran bunuh diri.

LIMITASI KAJIAN

Dalam proses menyempurnakan kajian tinjauan sistematik ini, pengkaji menghadapi beberapa limitasi. Limitasi kajian yang pertama ialah sumber rujukan berkaitan dengan masalah ketagihan media sosial dan masalah buli siber dalam kalangan murid sekolah rendah agak terhad di Malaysia. Kebanyakan kajian mengenai isu yang dikaji adalah menumpukan kepada pelajar sekolah menengah dan universiti. Pelajar sekolah menengah dan universiti ini berbeza dengan murid di sekolah rendah. Murid sekolah rendah dijangkakan mempunyai pemikiran kurang matang dalam penggunaan media sosial. Oleh itu, sewajarnya kajian untuk isu ini ke

atas murid sekolah rendah lebih ditekankan dan dikaji dengan lebih menyeluruh meliputi semua peringkat usia kanak-kanak supaya boleh dijadikan sebagai panduan dan iktibar kepada pihak yang berkaitan.

Pengkaji turut menghadapi masalah untuk menterjemahkan ayat-ayat Bahasa Inggeris dalam kajian-kajian ke dalam Bahasa Melayu disebabkan kekurangan dari segi pengalaman dan pemahaman kosa kata dalam bahasa sumber Inggeris. Apabila menterjemah frasa atau ayat kompleks daripada bahasa Inggeris ke bahasa Melayu, struktur tatabahasa sering berubah. Hal ini boleh menyebabkan ketidaktepatan makna dan penyimpangan yang dimaksudkan dalam teks asal. Bagi mengatasi kekangan ini, pengkaji perlu meningkatkan ilmu pengetahuan dari segi perbendaharaan kata dan memahami perbezaan dalam struktur tatabahasa boleh membantu pengkaji menghasilkan terjemahan yang lebih tepat.

KEPENTINGAN IMPLIKASI

Kajian tinjauan sistematik ini memiliki implikasi penting untuk meningkatkan kesedaran tentang pengaruh ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial dalam kalangan kanak-kanak Malaysia, merangka perancangan intervensi yang lebih efektif, memberikan dasar bagi Kementerian Pendidikan Malaysia untuk menggubal panduan dan program pendidikan yang relevan dan melindungi kanak-kanak daripada pengaruh negatif media sosial. Warga pendidik juga dapat menggunakan hasil kajian ini untuk merancang tindakan susulan terhadap tingkah laku antisosial yang bertitik tolak daripada penyalahgunaan media sosial. Mereka juga dapat mendidik murid-murid tentang penggunaan media sosial secara bijak untuk tujuan pembelajaran. Ibubapa turut mempunyai kesedaran tentang pengaruh ketagihan media sosial terhadap tingkah laku antisosial anak-anak mereka dan mengambil tindakan yang sesuai, termasuk menetapkan batasan waktu penggunaan media sosial dan meningkatkan kesedaran anak-anak tentang risiko penggunaan media sosial yang berlebihan. Penerapan kesedaran tentang penggunaan media sosial yang betul mampu melahirkan generasi muda yang berwawasan, berkompeteren secara digital, dan mampu berfikir kritis dalam era digital yang berkembang.

CADANGAN

Kajian ini menyoroti pentingnya kesedaran mengenai ketagihan media sosial dan masalah ketagihan dalam kalangan kanak-kanak. Cadangan-cadangan yang diberikan melibatkan inisiatif pelbagai pihak berkepentingan. Pertama, ibubapa disarankan untuk mengawal penggunaan gajet anak-anak, dengan membatasi masa penggunaan dan memberikan bimbingan mengenai penggunaan media sosial secara berhemah. Hal ini dapat menjamin kesihatan jasmani pada diri mereka daripada mengalami kesan kesihatan akibat penggunaan teknologi secara berlebihan (Agustina et al., 2019). Selain itu, pihak sekolah perlu melaksanakan kempen untuk meningkatkan kesedaran murid tentang keselamatan siber dan adab-adab murni dalam penggunaan media sosial. Bengkel dan seminar secara berkala untuk guru dan kakitangan sekolah rendah mengenai penggunaan media sosial dan pengaruhnya terhadap tingkah laku sosial murid perlu dilaksanakan supaya mereka dapat memantau tingkah laku murid dengan berkesan.

Di samping itu, guru juga harus memainkan peranan dalam membimbing murid tentang penggunaan bijak media sosial dan mengatasi tingkah laku agresif yang mungkin berpunca daripada permainan dalam talian. Guru Kaunselor boleh memainkan peranan mendidik murid tentang ciri-ciri media sosial yang berguna untuk memudahkan mereka menggunakan media sosial dengan betul dan mengembangkan potensi dalam diri mereka.

Peranan Guru Kaunselor ini boleh mencegah murid daripada menyalahgunakan media sosial dan meningkatkan harga diri mereka dengan memupuk sikap empati terhadap orang lain untuk meningkatkan tingkah laku sosial yang positif (Adegboyega, 2020). Bukan itu sahaja, pihak kerajaan, melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), perlu mengawal serta menguatkuasakan undang-undang untuk mengatasi penyalahgunaan media sosial (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2021). Kempen tentang pemahaman kebebasan bersuara juga harus dijalankan secara berterusan agar masyarakat terutamanya pengguna media sosial dapat memahami dengan lebih mendalam tentang konsep kebebasan bersuara terutamanya ketika menyuarakan pendapat di media sosial (Manoharan & Pitchan, 2020). Dengan kerjasama daripada semua pihak, masalah ketagihan media sosial dalam kalangan kanak-kanak dapat diatasi dengan lebih efektif.

KESIMPULAN

Dapat dirumuskan bahawa dapatan kajian yang dianalisis telah membuktikan kewujudan fenomena isu ketagihan media sosial dan pengaruhnya terhadap berlakunya masalah tingkah laku antisosial yang melibatkan tindakan agresif dan buli siber dalam setiap peringkat individu. Selari dengan perkembangan teknologi yang pesat, masyarakat bermula dengan peringkat kanak-kanak sudah terdedah dengan kemudahan media sosial sama ada untuk tujuan pembelajaran atau hiburan. Walau bagaimanapun, jika penggunaan media sosial tidak dikawal, maka akan menyebabkan ketagihan berlaku dan seterusnya mendatangkan pelbagai kesan negatif bukan sahaja kepada diri sendiri, malah melibatkan orang lain. Terdapat beberapa faktor yang mendorong ketagihan berlaku. Antaranya adalah penggunaan internet, penggunaan alatan gadget, rangkaian sosial yang meluas, kebergantungan sumber maklumat, penggunaan permainan video dalam talian dan kebergantungan komunikasi melalui media sosial. Dalam hal ini, kematangan berfikir penting bagi setiap individu yang menggunakan media sosial untuk menjustifikasi kebaikan dan keburukan setiap aktiviti di alam maya. Oleh itu, adalah pentingnya menjadi tanggungjawab setiap pengguna untuk menggunakan media sosial secara berhemah dan tidak menyalahgunakan kemudahan teknologi yang sedia ada. Oleh yang demikian, semua pihak berkenaan perlu bekerjasama dalam memantau dan menghadkan pengaruh ketagihan media sosial kepada kanak-kanak untuk mengelakkan kesan negatif terhadap kesihatan, psikologi, kerohanian dan tingkah laku kanak-kanak pada masa akan datang.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Shahlan Surat atas bimbingan, nasihat, dan sokongan yang berharga sepanjang proses penyelidikan ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan teknikal, sumber maklumat, dan persekitaran penyelidikan yang membolehkan saya menjalankan kajian ini dengan lancar. Akhir sekali, saya bersyukur kerana mempunyai keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberikan sokongan moral dan motivasi kepada saya sepanjang perjalanan ini.

RUJUKAN

Adegboyega, L. O. (2020). Influence of Social Media on the Social Behavior of Students as Viewed by Primary School Teachers in Kwara State, Nigeria. *In Elementary School Forum (Mimbar Sekolah Dasar)*, 7(1): 43-53



- Afriany, F., Alfarisi, I., Sofa, A., Handayani, A., Sari, E., Lucvaldo, M., & Rudy, R. (2020). Agresif Verbal di Media Sosial Instagram. *Jurnal Administrasi Sosial dan Humaniora*, 3(2): 153-160.
- Agianto, R., Setiawati, A., & Firmansyah, R. (2020). Pengaruh Media Sosial Instagram terhadap Gaya Hidup dan Etika Remaja. *TEMATIK*, 7(2): 130-139.
- Agustina, M., Aini, I., Zaina, L., & Anwar, S. (2019). Pembentukan Pertahanan Diri Anak dalam Penggunaan Gadget: Strategi Ibu di Era Digital untuk Membentuk Anak yang Handal. *Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 5(2): 66-72.
- Ahmad, W. M. I. F. W., Mohd, S. M., Wahab, A. N. A., Jan, N. M., Kamarudin, S., & Kaco, H. (2022). Permainan dalam Talian: Trend Terkini di Kalangan Murid Sekolah Menengah di Malaysia. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7(45): 492-500.
- Akhtar, H. (2020). Perilaku Oversharing di Media Sosial: Ancaman atau Peluang? *PSIKOLOGIKA: Jurnal Pemikiran dan Penelitian Psikologi*, 25(2): 260.
- Al-Samarraie, H., Bello, K. A., Alzahrani, A. I., Smith, A. P., & Emele, C. 2022. Young Users' Social Media Addiction: Causes, Consequences, And Preventions. *Information Technology & People*, 35(7), 2314-2343.
- Ardiana, R. T., & Tumanggor, R. O. (2020). Social Media Instagram Addiction and Self-Esteem in High School Students. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research. Proceedings of the 2nd Tarumanagara International Conference on the Applications of Social Sciences and Humanities (TICASH 2020)*, 478: 290-294.
- Awang, S. C. & Alavi, K. (2020). Buli Siber: Impak Emosi dalam Kalangan Pelajar UKM. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(5): 1-9.
- Ayeni, P. T. (2019). Social Media Addiction: Symptoms and Way Forward. *The American Journal Of Interdisciplinary Innovations And Research*. 1(4): 19-42.
- Ayub, M. S., Rozali, A. A., Marni, N. (2019). Media Sosial dan Kecanduan Penggunaan Menurut Islam. *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusiaan*, 13, 1.
- Azmi, M., Rafiuddin, M., Kamalanathan, S., & Safar, J. (2019). Media Sosial dan Generasi Muda Menurut Islam. *Jurnal Channel*, 3(2), 1-16.
- Bandura, A. (1986). *Asas Pemikiran dan Tindakan Sosial: Teori Kognitif Sosial*. Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Self-efficacy: The Exercise of Control*. W H Freeman/Time Books/Henry Holt & Co.
- Barlett CP, Simmers MM, Roth B, Gentile D. (2021). Comparing Cyberbullying Prevalence and Process Before and During the COVID-19 Pandemic. *J Soc Psychol*, 161(4):408-418.
- Baron, R. A., Bryne, D., & Suls, J. (1991). Aggression and Heat: Mediating Effects of Prior Provocation and Exposure to An Aggressive Model. *Journal of Personality and Social Psychology*, 31, 825 - 832.
- Booth, A., Sutton, A., & Papaioannou, D. (2016). *Systematic Approaches to a Successful Literature Review*, Sage.
- Busalim A. H., Masrom, M., Binti, W. N., & Zakaria, W. (2019). The Impact of Facebook Addiction and Self-esteem on Students' Academic Performance: A Multi-group Analysis. *Computers & Education*, 142: 103651.
- Buss, A. H., & Perry, M. (1992). The Aggression Questionnaire. *Journal of Personality and Social Psychology*, 63(3): 452-459
- Din, N. F. N. & Isam, H. (2019). Penyerlahan Identiti Remaja Kesan Ketagihan Skrin di Media Sosial (Teenagers' Identity Exposure From Screen Addiction In Social Media). *Jurnal Psikologi Malaysia*, 33(1).
- Dina, D. S., & Siti, W. (2019). Pemanfaatan Media Sosial dalam Proses Pembelajaran di SMPN 1 Mojo Kediri. *Indonesian Journal of Islamic Education Studies*, 2(1), 50-60.
- Firdaus, R. A., & Dewi, D. S. A. (2021). Efikasi Diri dengan Kecenderungan Kecanduan Internet pada Remaja di Masa Pandemi Covid-19. *Jurnal Penelitian Psikologi (PSIMPHONI)*, 1(2), 67-74.



- Friedrich, L. K., & Stein, A. H. (1972). *Television Content and Young Children's Behavior*. In J. F. Murray, E. A. Rubinstein, & G. A. Comstock (Eds.). *Television and Social Behavior*. Vol. 2. Television and Social Learning. Washington: Government Printing Office.
- Hardoni, Y., Neherta, M., & Sarfika, R. (2019). Karakteristik Perilaku Agresif Remaja pada Sekolah Menengah Kejuruan. *Jurnal Keperawatan Jiwa*, 7(3): 257 -266.
- Hasniza, C., Mohd, I., & Fatimah, Y. (2018). *Meneroka Ciri dan Faktor Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia*.
- Hidaya, N., Qalby, N., Alaydrus, S. S., Darmayanti, A., & Salsabila, A. P. (2019). *Pengaruh Media Sosial terhadap Penyebaran Hoax oleh Digital Native*. Makassar: Universitas Muslim Indonesia.
- Hidayah, N., & Daulay, A. A. (2023). Analisis Tingkat Kepercayaan Diri Mahasiswa yang Curhat di Media Sosial. *JBKI (Jurnal Bimbingan Konseling Indonesia)*, 8(1): 33-38.
- Hou, Y., Xiong, D., Jiang, T., Song, L., & Wang, Q. (2019). Social Media Addiction: Its Impact, Mediation, and Intervention. *Cyberpsychology*, 13(1).
- Ismail, S. Z., & Kutty, F. M. (2020). the Relationship Between Internet Addiction and Cyberbullying Toward Psychological Well-Being Among Teenagers. *International Journal of Social Science Research*, 2(3).
- Jaafar, N. A., & Md Sham, F. (2022). Language Politeness and Etiquette on Social Media from the Islamic Perspective: an Observation: Kesantunan Bahasa dan Adab di Media Sosial Menurut Perspektif Islam: Satu Tinjauan Kajian Lepas. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 27(2), 108-115.
- Jun, W. (2020). A Study on the Cause Analysis of Cyberbullying in Korean Adolescents. *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 17(13): 4648
- Kalaisilven, S., & Mohd Fauzi Sukimi. (2019). Kawalan Ibubapa terhadap Anak-anak dalam Penggunaan Media. *Akademika*, 111-124.
- Kaluarachchi, C., Warren, M., & Jiang, F. (2020). Responsible Use of Technology to Combat Cyberbullying among Adolescents. *Australasian Journal of Information Systems*, 24: 1-17.
- Kamaluddin, M. A, Shaari, A. H, Wahab, S & Sabramani, V. (2019). *Buli siber: Suatu bencana sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Karsodikromo, Y., Husin, M. R., Razali, A. R., & Hamzah, H. (2020). Buli siber dalam Kalangan Murid Sekolah Menengah di Daerah Samarahan, Sarawak. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 13(2): 38-47.
- Kee, D. M. H., Al-Anesi, M. A. L., & Al-Anesi, S. A. L. (2022). Cyberbullying on Social Media under the Influence of COVID - 19. *Global Business and Organizational Excellence*, 41(6): 11-22.
- Loh, K. X. (2019). Hubungan antara Media Sosial dengan Tingkah Laku Agresif dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Swasta. Tanjong Malim.
- Malak, M. Z., Shuhaiber, A. H., Al-amer, R. M., Abuadas, M. H., & Aburoomi, R. J. (2021). Correlation between Psychological Factors, Academic Performance and Social Media Addiction: Model-based Testing. *Behaviour and Information Technology*, 0(0): 1-13.
- Manoharan, P., & Pitchan, M. A. (2020). Kebebasan Bersuara dan Komentar Netizen terhadap isu Muhammad Adib di Berita Harian Online. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3): 1-9.
- Meerangani, K. A., Hamid, M. F. A., Ibrahim, A. F., & Johar, M. H. M. (2021). Keterdedahan Wanita Terhadap Risiko Buli Siber dalam Media Digital Semasa Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *Jurnal 'Ulwan*, 6(2): 10-21.
- Mohamed, M. N. (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Fadhli, S. A., Liew Suet Yan, J., Ab Halim, A. S., Ab Razak, A., & Ab Rahman, A. (2022). Finding the Link between Cyberbullying and Suicidal Behaviour among Adolescents in Peninsular Malaysia. *In Healthcare MDPI*, 10(5):856.
- Mokhlis, S. (2019). Buli Siber dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah: Satu Penerokaan Awal. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 1(2): 7-18.



- Muhammad, F., & Hadi, M. (2020). Penggunaan Media Sosial di Kalangan Siswa Sekolah Dasar. *Jurnal Pendidikan Dasar*, 4(1): 81-91.
- Ng, H. Y., Surat, S., & Rahman, S. (2023). Pengaruh Ketagihan Internet: Perubahan Tingkah Laku Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5).
- Nortajuddin, A. (2020). Social Media Habits during the Pandemic. <https://theaseanpost.com/article/social-media-habits-during-pandemic>. Diakses pada 26 Jun 2023.
- Praswanda, Y. B., Santosa, H. P., & Pradekso, T. (2021). Hubungan Intensitas Bermain Game Online PUBG Mobile dan Konformitas Teman Sebaya dengan Perilaku Agresif pada Remaja. *Interaksi Online*, 9(4): 148-159.
- Rémond, J. J., & Romo, L. (2018). Analysis of Gambling in the Media Related to Screens: Immersion as a Predictor of Excessive Use? *International Journal of Environmental Research and Public Health*, 15(1): 58.
- Salakhova, V. B., Sokolovskaya, I. E., Ulyanova, I. V., Karina, O. V., & Terekhova, A. I. (2019). Deviant Behavior Formation Factors Among Students: Aggressive Behavior and Internet Risks. *Práxis Educational*, 15(34): 683-694.
- Sandy, T. A., & Hidayat, W. N. (2019). *Game mobile learning*. Ahlimedia Book.
- Sediri, S., Zgurb, Y., Quanes, S., Ouali, U., Bourgou, S., & Jomli, R. (2020). Women's Mental Health: Acute Impact of COVID-19 Pandemic on Domestic Violence. *Archives of Women's Mental Health*, 23: 749-756.
- Shaari, A. H., & Kamaluddin, M. R. (2019). Buli Siber: Ketidaksantunan Bahasa dan Etika Media Sosial dalam Kalangan Remaja Malaysia. *e-Bangi Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6): 1-16.
- Sualman, I. (2019). Sinar Harian: 3 November 2019. Ketagihan Media Sosial Sudah Serius. <https://www.sinarharian.com.my/article/55317/KOLUMNIS/Ketagihan-media-sosial-sudah-serius>. Diakses pada 25 Jun 2023.
- Subri, M. R., Yaakub, R., & Nudin, A. B. (2021). Pelaksanaan Pengajaran Guru Cemerlang dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu ketika Pandemik COVID-19: Satu Kajian Kes. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12: 21-32.
- Sukri, N. B. M., & Hairudin, H. B. (2018). Pengaruh Kecanggihan Teknologi dan Kelalaian Ibubapa terhadap Ketagihan Gajet di Kalangan Kanak-kanak. in *Proceeding UICW6023 SEMINAR*, 42.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2021). *Kadar Penggunaan Internet di Malaysia*. Portal Rasmi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia.
- Tan, J. Y., & Balaraman, R. A. (2023). Aplikasi Instagram dan Buli Siber dalam Kalangan Remaja di Malaysia. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 25(1): 35-47.
- Thai, T. T., Duong, M. H. T., Vo, D. K., Dang, N. T. T., Huynh, Q. N. H., & Tran, H. G. N. (2022). Cyber-victimization and its Association with Depression among Vietnamese Adolescents. *PeerJ*, 10.
- Vidal, C., Lhaksampa, T., Miller, L., & Platt, R. (2020). Social Media Use and Depression in Adolescents: A Scoping Review, *International Review of Psychiatry*, 32: 235-253.
- Vogels EA. (2021). The State of Online Harassment. *Pew Research Center*, 53.
- Windhiyana, E. (2020). Dampak COVID-19 terhadap Kegiatan Pembelajaran Online di Perguruan Tinggi Kristen di Indonesia. *Persepektif Ilmu Pendidikan*, 34(1): 1-8.
- World Health Organization. (2018). *Addictive Behaviours: Gaming disorder*. WHO. <https://www.who.int/news-room/q-a-detail/addictive-behaviours-gamingdisorder>. Diakses pada 26 Jun 2023.
- Xiao, Y., & Watson, M. (2019). Guidance on Conducting a Systematic Literature Review. *Journal of Planning Education and Research*, 39(1), 93-112.
- Zapal, H. (2020). *5 Common Types of Cyberbullying to Watch Out for: Cyberbullying, Parenting Tips*. <https://www.bark.us/blog/5-types-of-cyberbullying/>. Diakses pada 26 Jun 2023.



KETERANGAN BERKENAAN PENULIS

Sim Yong Jing

Pelajar Siswazah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia
p117732@siswa.ukm.edu.my

Shahlan Surat, Dr

Doktor Falsafah
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Malaysia
drshahlan@ukm.edu.my





REKOD PENERBITAN JTSS

1. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 1/ Jun 2014
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Banting Selangor
2. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 2/ Disember 2014
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
3. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 3/ Jun 2015
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Azlan Shah
4. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 4/ Disember 2015
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Banting Selangor
5. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 5/ Jun 2016
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Azlan Shah
6. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 6/ Disember 2016
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Nilai Negeri Sembilan
7. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 7/ Jun 2017
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Sultan Idris Shah
8. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 8/ Disember 2017
Terbitan Jabatan Pendidikan Politeknik & Politeknik Metro Kuala Lumpur
9. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 9/ Mac 2020
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
10. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 10/ Julai 2020
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
11. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 11/ November 2020
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
12. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 12/ Mac 2021
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
13. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 2, Edisi 12/ Mac 2021
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
14. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 13/ Julai 2021
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
15. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 14/ November 2021
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
16. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 2, Edisi 14/ November 2021
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
17. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 15/ Mac 2022
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
18. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 16/ Julai 2022
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
19. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 17/ November 2022
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
20. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 1, Edisi 18/ Jun 2023
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
21. Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Jilid 2, Edisi 18/ Jun 2023
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik
22. **Jurnal Teknikal dan Sains Sosial Edisi 19/ November 2023**
Terbitan Politeknik Nilai Negeri Sembilan, Jabatan Pendidikan Politeknik

SENARAI PENYUMBANG ARTIKEL JTSS 1-19 (196 ARTIKEL)

1.	Universiti Kebangsaan Malaysia	51 Artikel
2.	Politeknik Nilai Negeri Sembilan	23 Artikel
3.	Universiti Pendidikan Sultan Idris	14 Artikel
4.	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah	9 Artikel
5.	Politeknik Sultan Idris Shah	8 Artikel
6.	Universiti Teknologi Malaysia	8 Artikel
7.	Universiti Islam Selangor	7 Artikel
8.	Politeknik Banting Selangor	6 Artikel
9.	Universiti Sains Islam Malaysia	5 Artikel
10.	Politeknik Ungku Omar	4 Artikel
11.	Universiti Putra Malaysia	4 Artikel
12.	IPGM Kampus Pendidikan Islam Bangi	4 Artikel
13.	Politeknik Sandakan Sabah	4 Artikel
14.	IPGM Kampus Sultan Abdul Halim	3 Artikel
15.	Politeknik Negeri Medan Indonesia	3 Artikel
16.	Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Pahang	2 Artikel
17.	Politeknik METrO Johor Bahru	2 Artikel
18.	Universiti Malaysia Kelantan	2 Artikel
19.	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia	2 Artikel
20.	Kolej Komuniti Sabak Bernam	2 Artikel
21.	Kolej Komuniti Cawangan Hulu Terengganu	2 Artikel
22.	Politeknik Mersing Johor	2 Artikel
23.	Politeknik Ibrahim Sultan	2 Artikel
24.	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	1 Artikel
25.	Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin	1 Artikel
26.	Politeknik Kota Kinabalu	1 Artikel
27.	Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin	1 Artikel
28.	Politeknik Metro Kuala Lumpur	1 Artikel
29.	Politeknik Merlimau Melaka	1 Artikel
30.	Politeknik Pasir Gudang	1 Artikel
31.	Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah	1 Artikel
32.	Kolej Komuniti Cawangan Maran	1 Artikel
33.	Kolej Komuniti Cawangan Melaka	1 Artikel
34.	Kolej Komuniti Cawangan Jasin	1 Artikel
35.	Kolej Komuniti Cawangan Pasir Gudang	1 Artikel
36.	Kolej Komuniti Cawangan Kota Tinggi	1 Artikel
37.	Kolej Komuniti Cawangan Arau	1 Artikel
38.	Kolej Komuniti Cawangan Kluang	1 Artikel
39.	Universiti Teknikal Malaysia Melaka	1 Artikel
40.	Universiti Teknologi MARA Shah Alam	1 Artikel
41.	Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang	1 Artikel
42.	Ministry of International Trade & Industry (MITI)	1 Artikel
43.	Hospital Kuala Lumpur	1 Artikel
44.	SK Semenggok, Kuching, Sarawak	1 Artikel
45.	IPG Kampus Ilmu Khas	1 Artikel
46.	KUPU Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam	1 Artikel





SENARAI PEWASIT (SEMASA)

1. Almarhum Dr. Mohd Zuhir A. Rahman PNS (Pend. Islam/ B. Arab)
2. Dr. Hjh. Nor Hayati Fatmi Talib PNS (Pend. Islam/ Penilaian & Pengukuran)
3. Dr. Narizan Abdullah PNS (Perdagangan)
4. Dr. Isdawati Ismail PNS (Psikologi/ TESL)
5. Dr. Halimah Che Hassan (Bersara) PNS (Kejuruteraan Mekanikal)
6. LAr. Dr. Fara Diba Badrul Hisham PNS (Agroteknologi)
7. Dr. Nor Rahimy Khalid PNS (Perdagangan)
8. Prof. Dr. Azmil Hashim UPSI (Pend. Islam/ Tahfiz)
9. PM. Dr. Norhisham Muhamad UPSI (Sains Sosial/ Pend. Islam)
10. PM. Dr. Mazdi Marzuki UPSI (Geografi/ Alam Sekitar)
11. Dr. Abu Zarrin Selamat UPSI (Pend. Islam/ TITAS)
12. PM. Dr. Ridzwan Che Rus UPSI (TVET)
13. PM Dr. Charanjit Kaur Swaran Singh UPSI (TESL)
14. Dr. Harleny Abd. Arif UPSI (Seni)
15. PM. Dr. Hamidah Yamat UKM (TESL)
16. Dr. Azizi Umar UKM (Pend. Islam/ TITAS)
17. Dr. Nasruddin Yunos UKM (Pend. Islam/ TITAS)
18. PM. Dr. Ahmad Munawar Ismail UKM (Peng. Islam)
19. Dr. Hamdi Ishak UKM (Peng. Islam/ B. Arab)
20. PM. Dr. Latifah Abdul Majid UKM (Peng. Islam/ Falsafah)
21. Dr. Halim Razali UKM (Kejuruteraan Tenaga Solar/TVET)
22. Pof. Dr. Asmawati Suhid UPM (Pend. Islam/ Pendidikan)
23. PM. Dr. Ahmad Tarmizi Talib UPM (Sosiologi)
24. PM. Dr. Roselina Karim UPM (Teknologi Makanan)
25. PM. Dr. Kamaruzzaman Abd Ghani UMK (Pend. Islam/ B. Arab)
26. Ts. Dr. Md. Ashlyzan Razik UMK (Pengurusan Perniagaan/ TVET)
27. Dr. Noor Hisham Md Nawi UMK (Pend. Islam/ B. Arab)
28. PM. Dr. Noornajihan Jaafar USIM (Pend. Islam/ Al-Quran)
29. Dr. Nurul Asiah Fasehah Muhamad USIM (Pend. Islam/ Falsafah)
30. Prof. Dr. Mohd Aderi Che Noh USIM (Pend. Islam)
31. LAr Dr. Noor Hayati Ismail USIM (Agroteknologi)
32. Dr. Rezki Perdani Sawai USIM (Psikologi)
33. Dr. Kamaru Salam Yusof UNISSA (Hadith)
34. Pof. Dr. Jimaain Safar UTM Skudai (Pend. Islam/ Penilaian)
35. PM. Ts. Dr. Mohd Ahadlin Mohd Daud UTeM (Kejuruteraan Aero)
36. Ts. Dr. Md. Baharuddin Abdul Rahman USM (TVET/ Mekanikal Pembuatan)
37. Dr. Hasanuldin Mohd UniSZA (Peng. Islam)
38. Dr. Mariah Awang UTHM (TVET)
39. Dr. Mohd Aliff Mohd Nawi UUM (Sains Sosial/ Pendidikan)
40. PM. Dr. Hairol Mak Din KUIS (Pend. Islam/ TITAS)
41. Dr. Zetty Nurzuliana Rashed KUIS (Pend. Islam/ Pendidikan)
42. PM. Dr. Norsaleha Mohd Salleh KUIS (Pend. Islam/ Falsafah)
43. Dr. Ahmad Yunus Kasim KUPUSB (Pend. Islam/ TITAS)
44. Dr. Nurul Ajleaa Abdul Rahman UiTM Dungun (TESL)
45. Dr. Kamariah Yusof UiTM Shah Alam (TITAS)
46. Dr. Norhapizah Mohd Burhan UiTM Jengka (Pend. Islam/ IT)
47. Dr. Azhar Ahmad BPG KPM (Pend. Islam)
48. Dr. Nur Hanani Hussin BPI, KPM (Pend. Islam)
49. Dr. Norhannan Ramli IPGM, KPM (Pend. Islam)
50. Dr. Hj. Bani Hidayat Mohd Shafie IPG KPI (Pend. Islam)



- | | |
|--------------------------------------|---|
| 51. Dr. Abdul Aziz Mahayudin | IPG KPI (Pend. Islam) |
| 52. Dr. Farah Ilyani Zakaria | IPG KPI (Pend. Islam) |
| 53. Dr. Ishak Abd, Manaf | IPG KSAH (Pend. Islam) |
| 54. Dr. Hj. Emran Yunus | IPG KSAH (IT) |
| 55. Dr. Noraini Omar | IPG KTAR (Pend. Islam) |
| 56. Dr. Hj. Muhammad Nordin | SMK Pasir Panjang (Pend. Islam/ Penilaian Pengukuran) |
| 57. Dr. Rashidah Md Hasan | IPG KTB (Pend. Islam) |
| 58. Dr. Nor Zanariah Talib | IAB (Peng. Islam) |
| 59. Dr. Alias Mat Saat | PPD (Pend. Islam) |
| 60. Dr. Yusni Mohamad Yusak | PPD (Pend. Islam/ Tahfiz) |
| 61. Eng. Dr. Hj. Zunuwanas Mohamad | PSA (Kejuruteraan Mekanikal/ TVET) |
| 62. Dr. Seri Bunian Mokhtar | PUO (Kejuruteraan Awam) |
| 63. Dr. Hasnim Harun | PUO (IT) |
| 64. Dr. Mazlina Jamaludin | PSIS (Pelancongan & Hospitaliti) |
| 65. Dr. Siti Nor Fartihah Zakaria | PJK (Akuakultur/ Perikanan) |
| 66. Dr. Salwa Amirah Awang | PSAS (Pend. Islam/ TESL) |
| 67. Dr. Tamil Moli Loganathan | PBS (Kejiriteraan Mekanikal/ TVET) |
| 68. Dr. Mohd. Sabri Mamat | MRSM Tun Dr Ismail (Pend. Islam) |
| 69. Mejar Dr. Hj. M. Hamdan Abdullah | KK RTC Gopeng (Pend. Islam) |
| 70. Dr. Rokimah Mohamad | PKTM (Perdagangan) |

BPG KPM	Bahagian Profesionalisme Guru, KPM
BPI, KPM	Bahagian Pendidikan Islam, KPM
IAB Enstek	Institut Aminuddin Baki Enstek
IPG KPI	Institut Pend Guru Kampus Pendidikan Islam
IPG KT	IPG Kampus Teknik Enstek
IPG KTAR	IPG Kampus Tun Abdul Razak
IPG KSAH	Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Abdul Halim
IPG KTB	Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun
IPGM, KPM	Institut Pendidikan Guru Malaysia, KPM
KUIS	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor
KUPUSB	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan
PJK	Politeknik Jeli Kelantan
PKTM	Persatuan Kedoktoran Teknikal Malaysia
PNS	Politeknik Nilai Negeri Sembilan
PPD	Politeknik Port Dickson
PSA	Politeknik Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah
PSAS	Politeknik Sultan Azlan Shah
PSIS	Politeknik Sultan Idris Shah
PUO	Politeknik Ungku Omar
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UiTM Dungun	Universiti Teknologi Mara Dungun
UiTM Jengka	Universiti Teknologi Mara Jengka
UiTM Shah Alam	Universiti Teknologi Mara Shah Alam
UMK	Universiti Malaysia Kelantan
UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali Brunei
UniSZA	Universiti Sultan Mizan Zainal Abidin
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris
USIM	Universiti Sains Islam Malaysia



USM	Universiti Sains Malaysia
UTeM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM Skudai	Universiti Teknologi Malaysia Skudai
UUM	Universiti Utara Malaysia

